



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

**SOALAN BERTULIS DAN
JAWAPAN**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	3 - 22
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	22 - 27
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad)	27 - 37
Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)	37 - 42
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi)	42 - 44
Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad)	44 - 63
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	63 - 81
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	82 - 90
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	90 - 103
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	104 - 125
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	125 - 134
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man)	134 - 153
Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)	154 - 170
Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin)	170 - 187
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	188 - 209

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN BERTULIS DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

XII. Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Senaraikan kedudukan semua rumah pam dan pintu air di seluruh kawasan Parlimen Jelutong.
- (b) Berapakah jumlah kos penyelenggaraan untuk rumah pam dan pintu air?
- (c) Apakah masalah yang dihadapi dan apakah kaedah untuk menanganinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kedudukan rumah pam dan pintu air di dalam kawasan Parlimen Jelutong adalah seperti berikut :-
 - (i) Rumah pam Kampung Masjid
 - (ii) Rumah pam Kampung Madrasah
 - (iii) *Flap gate* di Titi Lengkung, Sg.Pinang – 1 unit
 - (iv) *Flap gate* di Kampung Makam, Sg.Pinang – 4 unit
 - (v) *Flap gate* di Flat Taman Abidin , Sg.Pinang – 4 unit
- (b) JPS Daerah Timur Laut telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas semua pam-pam yang melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak RM 6,000.00 setiap tahun.
- (c) Masalah yang sering dihadapi oleh JPS adalah kerosakan pam yang disebabkan terlalu banyak sampah-sarap yang sangkut pada pam tersebut. Untuk itu, JPS akan melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan sampah dengan kadar segera di samping pemantauan keadaan pam-pam bagi memastikan ianya berada dalam keadaan baik dan dapat berfungsi, khususnya ketika hujan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Air hujan yang berlebihan mengakibatkan banjir kilat pada bulan September 2017. Bencana banjir ini juga terdedahnya kelemahan dalam SOP pengurusan bencana.
 - (a) Senaraikan kekurangan/cabaran pada pengurusan waktu bencana?
 - (b) Apakah tindakan proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah timbul? Misalnya, saluran untuk orang awam mendapat maklumat bantuan kecemasan dari Jabatan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Antara kekurangan dan cabaran yang telah dihadapi semasa kejadian banjir pada 15 September 2017 adalah seperti berikut :
 - (i) Jalan negeri yang sempit di sesetengah kawasan dan mengakibatkan kesesakan kenderaan awam ketika berlaku bencana dan kecemasan yang menyukarkan kenderaan penyelamat untuk tiba ke lokasi yang diperlukan;
 - (ii) Kurangnya penglibatan dan kerjasama daripada orang awam kepada agensi penyelamat ketika di lokasi kejadian dan juga di pusat pemindahan;
 - (iii) Kurang pemahaman terhadap aspek mekanisme pengurusan bencana di kalangan komuniti yang terlibat;
 - (iv) Kekurangan aset seperti bot penyelamat ringan yang boleh diaturgerak secara maksima di semua lokasi;
 - (v) Tahap kesedaran dan kesiapsagaan awam ketika menghadapi bencana masih ditahap sederhana dan tidak mengambil berat; dan
 - (vi) Maklumat yang tidak tepat/kurang jelas kerap ditularkan melalui media sosial.

- (b) Salah satu tindakan proaktif dan inisiatif Kerajaan Negeri adalah dengan penyediaan portal "Penang Alert" di mana ia berfungsi sebagai satu saluran untuk menyalurkan maklumat terkini berkenaan bencana kepada orang awam. Agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) boleh secara terus memaklumkan sebarang info terkini melalui web portal ini untuk makluman orang awam.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Adakah Kerajaan Pulau Pinang berhasrat menarik lebih ramai warga cendekiawan dari luar negara untuk berkhidmat di Negeri Pulau Pinang? b) Sila senaraikan program yang dijalankan untuk menarik para profesional dalam tahun 2013-2017. c) Senaraikan bidang dan bilangan profesional luar negara yang sedang berkhidmat di Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2013-2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat menarik lebih ramai warga cendekiawan dari luar negara untuk berkhidmat di Negeri Pulau Pinang. Bagi perkhidmatan awam negeri, semua calon bagi pelantikan ke dalam perkhidmatan awam mestilah Warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pelantikan bukan warganegara secara kontrak bagi kepentingan negeri boleh diguna pakai. Bagi pengambilan dalam sektor swasta, permintaan bagi pengambilan cendekiawan adalah mengikut permintaan dan perancangan Organisasi masing-masing. InvestPenang membantu mempromosikan peluang-peluang kerjaya melalui laman web *Penang Career Assistance and Talent Centre* (Pusat CAT) sekiranya perlu.
- (b) Program-program yang dijalankan untuk menarik para profesional sejak tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti berikut:
- (i) Bekerjasama dengan *stakeholder* untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar yang paling sesuai didiami di Malaysia (*most liveable city*). Menurut ECA International, George Town menduduki tangga ke-26 sebagai bandar paling sesuai didiami di Malaysia;
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti TalentCorp untuk menarik diaspora Malaysia, dan golongan wanita yang ingin kembali untuk bekerja.; dan
 - (iii) Pelancaran *Priority Affordable Housing Scheme* oleh Pusat CAT Selection dengan kerjasama Selection Process Enhancement Committee (SPEC) khususnya untuk *Talent & Skilled Group*. Graduan yang memenuhi syarat-syarat tertentu akan diberi keutamaan untuk memiliki perumahan mampu milik di Pulau Pinang. Ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik dan mengekalkan bakat di Pulau Pinang.
 - (iv) Menganjurkan program *Talent Outreach (GBS Forum & Talent Networking Session)* yang mensasarkan kepada pekerja profesional yang mempunyai lebih dari tiga tahun pengalaman bekerja dalam bidang Teknologi Maklumat, Perakaunan dan Kewangan seperti yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat GBS di Pulau Pinang.
- (c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data berkenaan bidang dan bilangan profesional luar negara yang sedang berkhidmat di Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2017.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Huraikan dengan terperinci keperluan tenaga kerja untuk perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam setiap sektor perindustrian di semua Zon Perniagaan Bebas Negeri Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan semua jawatan sedia ada, samada diisi atau belum diisi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data terperinci berkenaan keperluan tenaga kerja untuk perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam setiap sektor perindustrian di semua Zon Perniagaan Bebas Negeri Pulau Pinang buat masa ini. Namun, Kerajaan Negeri menerusi Penang Institute sedang menyiapkan satu laporan berkenaan keperluan tenaga kerja mahir di Negeri Pulau Pinang. Kajian ini menganalisa permintaan dan penawaran tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri perkhidmatan dan pembuatan di Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat terperinci jawatan sedia ada, sam ada diisi atau belum diisi di semua Zon Perniagaan Bebas Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan daripada Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Penang CAT Centre), sehingga bulan Ogos 2017, dari permintaan jawatan yang diterima oleh Penang CAT Centre, lima jawatan kosong yang paling banyak diperlukan oleh majikan dalam tempoh masa enam bulan (Mac hingga Ogos 2017) adalah operator pengeluaran, jurutera, eksekutif perkhidmatan pelanggan & jualan, jurum mesin dan juruteknik.

Kerajaan Negeri melalui investPenang sentiasa berkerjasama dengan para pelabur untuk memastikan keperluan sumber tenaga kerja dapat dipenuhi. Untuk menjalankan peranan ini, investPenang mengelolakan dialog *focus group* dengan syarikat-syarikat terbesar di Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan sumber manusia mereka dan membantu perancangan strategi melalui biasiswa Penang Future Foundation dan Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (CAT Centre Penang). Pada masa sekarang, dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, industri dan syarikat-syarikat biasanya tidak memberi ramalan permintaan sumber manusia melebihi tempoh satu tahun.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Isu kewarganegaraan masih wujud dan menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat terutamanya golongan wargatua yang telah kian lama menetap di negara kita.
- (a) Sila senaraikan secara terperinci, jumlah permohonan dari wargatua yang belum dapat kewarganegaraan Malaysia?
- (b) Apakah tindakan sewajar oleh Kerajaan Pusat untuk menangani isu masalah kewarganegaraan Malaysia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada individu berumur 60 tahun ke atas yang sedang dalam pertimbangan Kerajaan Persekutuan dari tahun 2000 sehingga 30 September 2017 adalah sebanyak 6,072 permohonan.
- (b) Prosedur permohonan kewarganegaraan adalah sangat birokratik dan perlahan di Jabatan Pendaftaran Negara dan di Putrajaya. Kebanyakan pemohon-pemohon tidak mempunyai pendidikan yang tinggi dan tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Dengan keadaan sedemikian, pemohon-pemohon ini tidak berupaya untuk mengemukakan permohonan yang lengkap. Dengan demikian, Jabatan Pendaftaran Negara haruslah melantik kakitangan-kakitangan yang mampu berkomunikasi dengan pemohon-pemohon dalam bahasa ibunda mereka sehingga dapat membantu mereka untuk mengemukakan permohonan yang lengkap.

Kerajaan Malaysia haruslah mengecualikan ujian penulisan Bahasa Malaysia bagi pemohon-pemohon MyKad dari status pemastautin tetap yang berusia lebih 50 tahun dan lahir di Malaysia. Kerajaan Malaysia juga harus mempertimbangkan untuk memberi taraf kewarganegaraan secara automatik kepada pemohon-pemohon MyKad yang berusia lebih 50 tahun dan mempunyai anak-anak yang memiliki taraf warganegara.

Kelulusan permohonan kewarganegaraan adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Apabila sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah ditolak, kementerian ini tidak akan menyatakan alasan bagi kegagalan permohonan tersebut. Rayuan adalah dibenarkan tetapi pemohon yang gagal tidak tahu apakah alasannya dan hal ini menghalangnya dari membuat rayuan. Dengan ini, Kementerian Dalam Negeri haruslah menyatakan alasan kepada pemohon-pemohon yang telah gagal dalam permohonan mereka.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila senaraikan dengan terperinci jumlah bilangan projek tebatan banjir dan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di seluruh kawasan Parlimen Jelutong dari tahun 2008 hingga tahun 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dari tahun 2008 sehingga 2017, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM2,793,115.16 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan 17 projek tebatan banjir di Parlimen Jelutong. Manakala bagi tempoh yang sama Kerajaan Negeri pula telah memperuntukkan sejumlah RM14,453,752.35 kepada agensi pelaksana iaitu JPS, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut bagi pelaksanaan 43 projek tebatan banjir di kawasan Parlimen Jelutong.

Senarai terperinci jumlah peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BLSK NO. 6.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kes demam denggi tidak dapat dihapuskan sama sekali malah bilangan kes masih amat tinggi. Demam denggi juga mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat jelata.
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri dalam menangani masalah demam denggi yang berlaku sekian lama ini?
 - (b) Adakah kaedah menghapuskan vektor demam denggi perlu dikaji semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Dalam usaha menangani masalah demam denggi di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil pendekatan menangani penularan ini dengan langkah-langkah berikut :
 - (i) Meningkatkan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan Aedes atau *search and destroy*;
 - (ii) Penubuhan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri yang bermesyuarat secara berkala bagi membincangkan isu-isu berbangkit dan kawasan-kawasan berisiko tinggi denggi dalam memastikan tindakan pencegahan dan kawalan dijalankan dengan berkesan;
 - (iii) Menjalankan aktiviti *larviciding* menggunakan *Bacillus Thuringiensis Israelensis* (BTI) atau temephos (pembunuh jentik-jentik) dan semburan kabus *Ultra Low Volume* (ULV) secara pencegahan di lokaliti-lokaliti sensitif bagi mengurangkan densiti nyamuk;
 - (iv) Aktiviti penguatkuasaan terutamanya di lokaliti tapak-tapak binaan yang kerap dijumpai pembiakan Aedes;
 - (v) Mempergiatkan aktiviti gotong-royong dengan kerjasama masyarakat setempat. Sehingga bulan September 2017, sebanyak 202 gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang;
 - (vi) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan untuk pembasmian tempat pembiakan Aedes kepada masyarakat;

- (vii) Penggunaan aplikasi *Artificial Intelligence in Medical Epidemiology* (AIME) yang dapat membuat ramalan mengenai lokasi kejadian wabak denggi yang akan berlaku dengan menggunakan data-data kejadian yang lepas dan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar;
 - (viii) Memperkasakan *Communication for Behavior Impact* (COMBI) dalam kalangan komuniti Karnival Kesedaran Denggi dan Konvensyen COMBI peringkat negeri telah dilaksanakan bagi membolehkan pasukan COMBI berkongsi pengalaman dan aktiviti yang telah dijalankan serta meningkatkan persaingan sihat antara pasukan-pasukan COMBI tersebut; dan
 - (ix) Menyediakan kenyataan akhbar setiap minggu untuk makluman Kerajaan Negeri dan edaran kepada media dengan tujuan untuk memberi maklumat terkini denggi terkini kepada orang ramai
- (b) Sehingga kini tiada ubat yang dapat membunuh virus denggi dalam badan manusia dan tiada vaksin yang boleh memberi perlindungan yang baik daripada jangkitan penyakit denggi. Oleh yang demikian, kaedah kawalan vektor seperti pemusnahan tempat pembiakan, semburan ruang thermal dan *larviciding* perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya memberi kesan jangka pendek tanpa sokongan dan kerjasama komuniti. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kaedah yang paling berkesan untuk kawalan denggi jangka panjang adalah 'pengurangan tempat pembiakan melalui mobilisasi komuniti'. Setiap individu di dalam masyarakat perlu memainkan peranan dalam memastikan kawasan persekitaran dan kediaman bebas daripada pembiakan Aedes. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri bersama-sama agensi-agensi Kerajaan akan mempertingkatkan usaha dalam memerangi nyamuk Aedes.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berapakah jumlah bilangan golongan OKU berdaftar di negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu kebajikan warga OKU terutamanya golongan buta dan pekak?
- (c) Sila senaraikan program-program yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Mulai 1 Ogos 2011, pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) telah dilakukan melalui Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU). SMOKU dibangunkan untuk memudahkan proses pendaftaran dan pengurusan OKU dan sebagai sistem penyimpanan maklumat OKU bagi kegunaan pendaftaran OKU. Pada 20hb Oktober 2017, jumlah seramai 26,869 OKU telah didaftar.
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU adalah seperti berikut:-

BANTUAN KEWANGAN

- (i) Bantuan kewangan RM100.00 setahun melalui Program Bantuan OKU dan Sumbangan Pengurusan Jenazah, RM1,000.00;
- (ii) Melaksanakan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membantu OKU yang mempunyai pendapatan perkapita di bawah RM220.00 melalui bantuan kewangan bulanan secara *top up*;
- (iii) Elaun Pekerja Cacat (EPC) bagi OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM1,200.00 sebulan;
- (iv) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar /Pesakit Terlantar (BPT) sebanyak RM300.00 kepada OKU yang terlantar dan diuruskan oleh ahli keluarga/penjaga 24 jam sehari; dan
- (v) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM200.00 kepada OKU berusia 59 tahun ke bawah yang tidak berupaya bekerja dan mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi dari RM720.00 sebulan;

BANTUAN PERALATAN, KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN EKONOMI

- (i) Mengenalpasti OKU yang layak untuk diserap masuk ke dalam perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di Bengkel Terlindung dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian OKU serta Program Penempatan Pekerjaan (Job Coach) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia di dalam pelbagai bidang termasuk pengendalian makanan, pembuatan alat prostetik dan orthotik, elektrik dan elektronik, kraftangan, mencanting batik dan lain-lain;
 - (ii) Memberikan bimbingan kerjaya kepada OKU melalui *Penang Career Assistance and Talent Centre* (PenangCAT) untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian;
 - (iii) Menyediakan peruntukan bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Bantuan peralatan bagi perniagaan sedia ada bertujuan bagi meningkatkan kapasiti/output perniagaan.
 - (iv) Mengadakan Karnival Pekerjaan OKU, seperti contoh pelaksanaan "*OKU Career Fair*" yang akan diadakan di Sunway Carnival Convention Center tidak lama lagi bagi memastikan golongan OKU lebih berdikari dan berdaya maju dalam arus pembangunan masa kini.
- (c) Selain daripada program-program atau bantuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, program-program lain untuk membantu golongan OKU adalah seperti berikut:-
- (i) Menganjurkan Kempen pendaftaran OKU di Pameran kerajaan digital Pulau Pinang yang bertujuan untuk:
 - Memberi pendedahan kategori baru OKU kepada masyarakat setempat setiap daerah;
 - Menambahkan bilangan pendaftaran OKU melalui SMOKU; dan
 - Meningkatkan jaringan kerjasama dengan komuniti masyarakat berhubung dengan pendaftaran OKU.
 - (ii) Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan tempat letak khas parkir kenderaan untuk OKU terutamanya di kawasan Bank.
 - (iii) Penganjuran *Penang Morning Walk With OKU* anjuran Pejabat Daerah Timur Laut bagi menggalakkan golongan ini untuk menjaga kesihatan tubuh badan dan kekal aktif.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Banyak perniagaan tradisional di negeri hampir pupus, misalnya kedai runcit, kedai ubat tradisional, kedai jahit baju, makanan tradisional dan lain-lain.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga tradisional ini memandangkan terdapat persaingan hebat dari pasaraya antarabangsa?
 - (b) Senaraikan insentif disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai menceburi dalam perniagaan tradisional.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Antara perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga tradisional menghadapi saingan dan terus beroperasi adalah dengan menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit yang dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. PTSR merupakan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga kecil termasuk peniaga tradisional. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun.

- (b) Selain PTSR, antara insentif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai peniaga menceburi perniagaan tradisional adalah melalui penganjuran kursus untuk peniaga oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Sehingga Ogos 2017, sebanyak 96 kursus yang melibatkan seramai 3,868 usahawan kecil di Pulau Pinang telah terlibat dalam kursus tersebut yang secara tidak langsung dapat membantu peniaga kecil menceburi perniagaan tradisional.
- (c) Bagi membantu usahawan tradisional ini, Kerajaan Negeri bersama dengan PERDASAMA telah menganjurkan Festival Kebudayaan dan Seni 3 tahun berturut di 3 Daerah SPS, SPU dan DTL.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Ramai wargatua tidak ada sumber kewangan selepas bersara.
 - (a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang tidak layak untuk bantuan kebajikan masyarakat?
 - (b) Adakah perlu kerajaan membantu mereka menyara kos kehidupan dan menangani isu penuaan dengan menyediakan peluang pekerjaan seperti mewujudkan stor perniagaan di taman perumahan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan warga emas yang tidak layak menerima bantuan JKM adalah seperti berikut:-
 - (i) Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan dan miskin seperti berikut:-
 - Bantuan kewangan secara bulanan melalui Program AES sekiranya warga emas mempunyai pendapatan per kapita kurang daripada RM220.00
 - (b) Kerajaan Negeri turut memperkenalkan beberapa program untuk membantu warga emas yang ingin meningkatkan pendapatan mereka seperti berikut:-
 - (i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan warga emas yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 1 tahun dan berpendapatan perniagaan kurang dari RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan bertujuan bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada serta menjana *output* yang lebih tinggi.
 - (ii) Kerajaan Negeri turut melaksanakan kursus-kursus berbentuk kemahiran termasuk *softskills* sebagai nilai tambah kepada usahawan, peniaga-peniaga kecil termasuk warga emas yang berminat menyertai kursus-kursus tersebut. Penganjuran kursus ini adalah merupakan Pejabat Daerah dan Tanah bersama pihak agensi kerajaan dan swasta yang terpilih.

Namun demikian, cadangan untuk mewujudkan stor perniagaan di taman perumahan mereka perlu diteliti terutamanya dari segi manfaat kepada penerima serta implikasi kewangan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Senaraikan jumlah bilangan unit rumah dan lokasinya di sekitar Pulau Pinang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tempat tinggal semasa bencana alam berlaku.
- (b) Nyatakan bilangan mangsa bencana dan unit perumahan sementara yang disediakan dari tahun 2013 hingga 2017.
- (c) Apakah cabaran yang dihadapi dalam penyediaan tempat tinggal sementara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sejak tahun 2016, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 10 unit rumah untuk menempatkan mangsa-mangsa bencana secara sementara iaitu empat (4) unit di Pangsapuri Pelangi, Daerah Timur Laut, empat (4) unit di Rumah Pangsa Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah dan dua (2) unit di Rumah Pangsa Jawi III, Seberang Perai Selatan. Unit-unit ini dilengkapi dengan perabot asas, bekalan air dan elektrik. Mangsa-mangsa bencana yang dirujuk kepada Bahagian Perumahan akan diberi kebenaran untuk tinggal di unit-unit ini untuk tempoh maksimum tiga (3) bulan secara percuma.
- (b) Sebelum tahun 2015, pendaftaran penempatan mangsa bencana di skim-skim perumahan awam Kerajaan Negeri dibuat secara *ad-hoc* dan kurang sempurna. Sehubungan itu, Bahagian Perumahan telah menambah baik kaedah pendaftaran mangsa bencana bagi memantau status pendudukan unit selain bertujuan mengelakkan unit-unit kediaman tersebut disewakecil atau ditinggalkan tanpa sebarang maklumat kepada pihak pentadbiran. Dalam proses ini, Bahagian Perumahan juga turut memberi pertimbangan kepada mangsa-mangsa bencana untuk mendaftarkan permohonan sebelum terus menduduki atau berpindah ke unit yang lain, tertakluk kepada keperluan dan kelayakan pemohon serta kekosongan unit. Bilangan unit kediaman milik Kerajaan Negeri yang menempatkan mangsa-mangsa bencana pada tahun 2015 hingga September 2017 adalah seperti di jadual berikut:-

Bil.	Skim Perumahan	2015	2016	2017
1.	PPR Taman Manggis, Daerah Timur Laut	2	3	0
2.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Daerah Timur Laut	4	2	0
3.	Pangsapuri Pelangi, Daerah Timur Laut	0	3	5
4.	PPR Taman Bagan Jaya, Seberang Perai Utara	1	0	0
5.	Rumah Pangsa Ampang Jajar, Seberang Perai Utara	0	2	1
6.	Rumah Pangsa Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah	0	6	2
	JUMLAH	7	16	8

- (c) Antara cabaran yang dihadapi adalah keperluan untuk menyediakan lebih banyak unit bagi membantu mangsa-mangsa bencana namun bilangan PPR dan rumah sewa adalah sangat terhad terutama di Daerah Timur Laut. Pada masa yang sama, penghuni-penghuni unit bencana yang diperuntukkan juga seringkali enggan memberi kerjasama mengosongkan kediaman walaupun tempoh menduduki yang dibenarkan telah pun tamat. Dalam menangani isu ini, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan perikemanusiaan dengan memberi pertimbangan mengikut kes dan dalam masa sama berusaha mengenalpasti unit-unit PPR dan rumah sewa yang kosong di lain-lain skim perumahan untuk menempatkan mereka.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Untuk mengekang warga asing daripada terlibat dalam sektor penaja kecil, apakah yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan warga tempatan tidak terpinggir dalam sektor ini? Sila huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bagi memastikan warga tempatan tidak terpinggir dalam sektor penaja kecil, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:
- (i) mengekang warga asing daripada menjalankan perniagaan di premis milik PBT seperti di kompleks makanan, pasar, tapak penaja, pasar malam dan pasar pagi,

- (ii) mengadakan sesi temuduga terbuka dengan lebih kerap bagi memberi peluang kepada penaja kecil warga tempatan untuk mendapat ruang niaga yang dimiliki oleh PBT,
- (iii) membatalkan lesen kepada warga tempatan yang membuat sewaan kecil kepada warga asing. Tujuan tindakan ini diambil adalah untuk memastikan lesen penaja yang dikeluarkan tidak disalah guna oleh warga tempatan dengan mengambil untung secara sewaan kepada warga asing. Ini juga untuk memastikan bahawa hanya warga tempatan yang sah menjalankan perniagaan di premis PBT,
- (iv) membina kompleks pasar dan makanan yang baru bagi memberi peluang kepada penaja kecil warga tempatan untuk menjalankan perniagaan dengan lebih selesa,
- (v) mewujudkan Dasar Penglibatan Pekerja Warganegara Asing/Pemastautin Tetap (PR) sebagai pembantu di gerai perniagaan milik majlis, premis perniagaan dan penaja dengan menghadkan penggunaan pembantu warganegara asing/pemastautin tetap (PR) oleh para penyewa gerai milik PBT. Dasar ini juga menghalang penaja jalanan warga tempatan untuk mengambil pembantu warga asing/pemastautin tetap (PR),
- (vi) mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan untuk memudahkan kelulusan lesen kepada penaja warga tempatan,
- (vii) mengambil tindakan penguatkuasaan (rampasan barang niaga) terhadap warga asing yang menjalankan aktiviti penjajaan,
- (viii) membuka kekosongan ruang niaga pada setiap bulan dan menggalakkan penaja warga tempatan tanpa lesen untuk mengisi kekosongan ruang niaga PBT, dan
- (ix) memberikan pengurangan ke atas kadar bayaran lesen penaja sebanyak 50 peratus daripada kadar asal kepada penaja warga tempatan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani permasalahan unit Rumah Mampu Milik A (LC) dan Rumah Mampu Milik B (LMC) yang disewakan kepada warga asing ? Apakah tindakan diambil setakat ini, sila huraikan

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri sememangnya sedar isu penyewaan unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) 'A' (kos rendah) dan Rumah Mampu Milik (RMM) 'B' (kos sederhana rendah) kepada warga asing seringkali dibangkitkan oleh penduduk-penduduk tempatan di skim perumahan kategori tersebut. Namun begitu, pada masa ini tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit RMM A dan B perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan tidak boleh diambil ke atas pemilik yang menyewakan unit kediaman mereka kepada pihak ketiga sama ada dari kalangan warga asing atau tempatan.

Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengemukakan usul bertarikh 22 Februari 2017 yang ditandatangani bersama oleh Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri untuk menggesa Kerajaan Persekutuan supaya perundangan sedia ada berkaitan penyewaan unit-unit RMM A dan B diteliti dan disemak semula. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan berhubung usul bersama yang telah dikemukakan.

Dalam pada itu, orang awam boleh mengemukakan laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya berlaku sebarang kejadian kacau ganggu daripada unit-unit RMM A dan B yang disewakan kepada warga asing. Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh PBT selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dengan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan kepada tuan punya premis yang bertanggungjawab.

Selanjutnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bersidang pada 21 Disember 2016 juga telah bersetuju supaya pertimbangan yang lebih fleksibel diberikan kepada permohonan pemaju yang ingin membangunkan Asrama Pekerja (Warga Asing dan Tempatan). Garis panduan semasa menetapkan bahawa saiz sesuatu tapak yang dicadangkan untuk pemajuan asrama berkapasiti 5,000 katil tidak boleh kurang daripada 2 ekar. Atas dasar 'case by case', kebenaran boleh diberi kepada pemajuan di atas tapak yang tidak memenuhi syarat keluasan yang

ditetapkan. Tujuan Kerajaan Negeri menggalakkan lebih banyak pembinaan asrama pekerja adalah supaya bangunan tersebut menjadi penempatan alternatif yang secara langsung akan mengurangkan bilangan unit-unit RMM A dan B yang disewakan kepada pekerja dari kalangan warga asing. Setakat ini 5 projek asrama pekerja (Warga Asing dan Tempatan) telah diluluskan yang mana berupaya menempatkan 26,280 katil untuk pekerja-pekerja termasuk pekerja warga asing.

Setakat ini 5 projek asrama pekerja (Warga Asing dan Tempatan) telah diluluskan yang mana berupaya menempatkan 26,280 katil untuk pekerja-pekerja termasuk pekerja warga asing seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Bil. Katil
1	Permatang Damar Laut, Batu Maung, DBD	5,000
2	Juru, SPT	6,102
3	Bukit Minyak, SPS	6,642
4	Permatang Tinggi, SPT	4,896
5	Kawasan Perindustrian Valdor, SPS	3,640
JUMLAH KATIL		26,280

Daripada ini, satu telah pun mula pembinaan iaitu projek di Bukit Minyak, SPS yang adalah di peringkat 40% pembinaan.

Selain daripada 5 permohonan yang dikemukakan seperti di atas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mengenal pasti dua (2) bidang tanah di kawasan Seberang Perai iaitu di Batu Kawan dan di Utara Bukit Minyak untuk tujuan pembangunan asrama pekerja.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah jumlah pengecualian GST yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 & 2017? Sila senaraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah pengecualian GST yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM928,548.58 dan 2017 (sehingga 20 Oktober 2017) adalah sebanyak RM993,664.37 berdasarkan Sijil Pengecualian GST (CoGSTR) yang dikeluarkan. Senarai perincian adalah seperti di jadual berikut :

Bil.	Perihal	Tahun 2016 (RM)	Tahun 2017 (RM)
i	Bahan makanan dan minuman	21,741.36	16,421.02
ii	Bekalan bahan mentah	138,948.45	122,764.32
iii	Bekalan dan bahan-bahan lain	362,268.72	278,772.17
iv	Kenderaan dan jentera	158,114.47	258,980.60
v	Harta modal yang lain	235,405.15	300,304.43
vi	Binatang, pokok dan benih	12,070.43	16,421.83
Jumlah		928,548.58	993,664.37

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senaraikan statistik terkini penduduk Pulau Pinang mengikut pecahan.
 - (a) Daerah
 - (b) Bangsa
 - (c) Jantina

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga tahun 2016, pecahan penduduk Pulau Pinang mengikut daerah dan bangsa adalah seperti di **Lampiran A**. Pecahan penduduk Pulau Pinang mengikut jantina bagi tahun 2016 berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 adalah seperti di **Lampiran B**. Walau bagaimanapun, tiada data penduduk mengikut jantina dan bangsa mengikut daerah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BLSK NO. 15.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan, negeri dan bandaran dalam tahun 2016 dan 2017 ? Senaraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sejumlah **RM137,754,064.46** telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Jalan Bandaran pada tahun 2016 dan 2017 dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan Untuk Penyelenggaraan Jalan (RM)		
	Jalan Bandaran	Jalan Negeri	Jalan Persekutuan
2016	28,938,504.87	41,891,405.12	10,070,812.01
2017 (Sehingga 30 September 2017)	14,919,930.39	36,221,328.85	5,712,083.22
Jumlah Perbelanjaan (RM)	43,858,453.26	78,112,733.97	15,782,895.23

Senarai terperinci perbelanjaan untuk penyelenggaraan Jalan Negeri dan Jalan Bandaran bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala Senarai terperinci perbelanjaan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B**.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BLSK NO. 16.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan bilangan penaja tanpa lesen yang telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengikut daerah dan kaum dari tahun 2013 hingga 2017. Apakah tindakan oleh MBPP untuk menangani permasalahan ini ? Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bilangan penaja tanpa lesen yang telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah 1775.

Tindakan yang diambil oleh MBPP dalam menangani permasalahan ini adalah seperti berikut:-

- Mengadakan sesi penerangan kepada penaja terlibat mengenai kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan dan tindakan yang akan diambil sekiranya gagal mematuhi notis yang telah dikeluarkan.
- Mengadakan bincang dalam talian semasa sesi penyediaan bajet tahunan bagi mendapatkan input berhubung dengan keperluan masyarakat berkaitan dengan kemudahan pasar dan kompleks makanan.
- Mewujudkan peluang-peluang baru kepada peniaga kecil melalui pengeluaran lesen di tempat perniagaan yang baru.
- Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi membantu peniaga-peniaga kecil ini menjalankan perniagaan secara sah.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah pencapaian tahap kualiti air di Sungai Pinang dengan menggunakan teknologi IQPR selama 3 tahun ini (2014-2017)? Adakah kerajaan berhasrat menegatatkan penguatkuasaan ke atas pihak yang mencemarkan sungai? Sila senaraikan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sejak tahun 2014.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Secara keseluruhan, kualiti air di Sungai Pinang bertambah baik berbanding tiga (3) tahun yang dahulu. Setelah menggunakan teknologi IQPR kualiti air Sungai Pinang khususnya di Lorong Kulit telah meningkat dari kelas III dan IV ke kelas II dengan Indeks Kualiti Air pada 84.9. Manakala di Jeti Nelayan walaupun kualiti airnya tidak mencapai sasaran kelas II secara konsisten, namun kualiti air telah bertambah.

Kerajaan Negeri memandang serius isu pencemaran sungai di Negeri Pulau Pinang. Untuk itu, satu *Task Force* yang dipengerusikan YB. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir telah ditubuhkan pada 28 Mei 2014 bagi memantau pencemaran sungai di Pulau Pinang. Tindakan yang tegas akan diambil terhadap pihak yang mencemarkan sungai. JPS akan memantau dan melaporkan pencemaran sungai kepada *Task Force* tersebut untuk diambil tindakan. Tindakan akan diambil berdasarkan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga Pejabat Daerah dan Tanah dengan mengeluarkan notis/kompaun bagi pihak yang melakukan pencemaran terutamanya pencemaran sungai.

Sehingga kini, sebanyak 624 notis/kompaun telah dikeluarkan oleh MBPP.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Difahamkan bilangan permohonan kemasukan kanak-kanak dibawah umur (dilahirkan sebelum 15hb Januari) ke Tahun 1, sekolah rendah semakin kurang. Apakah sebabnya? Apakah peratusan pemohon (kanak-kanak) dibawah umur ke tahun 1 yang berjaya melepasi sesi saringan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri? Berdasarkan apa kriteria kanak-kanak bawah umur dipilih masuk ke tahun 1? Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, permohonan kemasukan kanak-kanak di bawah umur ke Tahun 1 yang diberi pertimbangan ialah bagi kanak-kanak yang lahir pada 2 hingga 15 Januari yang telah membuat pendaftaran kemasukan Tahun 1 sesi persekolahan. Permohonan tidak diwajibkan dan tiada sebarang paksaan kerana permohonan merupakan kelonggaran syarat kemasukan kanak-kanak di bawah umur ke Tahun 1. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah membuat pemakluman ke semua sekolah tentang perkara berkenaan agar dimaklumkan kepada ibu bapa yang ingin membuat pendaftaran kemasukan ke Tahun 1 bagi kanak-kanak di bawah umur. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang juga membuat hebahan tentang perkara berkenaan di Radio Pulau Pinang. Jumlah permohonan akan berbeza setiap tahun dan akan terdapat peningkatan atau penurunan dari segi jumlah permohonan. Permohonan yang diterima pada tahun ini (2017) adalah seramai 47 orang calon dan 5 orang calon tidak hadir sesi saringan.
- (b) Peratusan yang berjaya melepasi sesi saringan permohonan kelonggaran syarat kemasukan kanak-kanak di bawah umur ke Tahun 1 bukan ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri tetapi diputuskan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa di peringkat Kementerian Pendidikan bersama semua wakil Jabatan Pendidikan Negeri. Bagi permohonan untuk sesi persekolahan 2018 yang membuat permohonan pada tahun ini (2017) keputusan masih belum diterima kerana saringan baru sahaja dilaksanakan pada 14 Oktober 2017 dan keputusan akan diperolehi pada pertengahan bulan November setelah Mesyuarat Ahli Jawatankuasa dilaksanakan.
- (c) Kriteria permohonan kelonggaran syarat kemasukan kanak-kanak-di bawah umur ke Tahun 1 adalah berdasarkan pucak kuasa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan iaitu Surat Siaran KP (BS/PSR)8502/03/005/Jld.22(10) bertarikh 22 Mac 2001 dan SPI Bil.14/2001 bertarikh 27 November 2002 seperti berikut :

- (i) Kanak-kanak warganegara yang dilahirkan pada tarikh 02 hingga 15 Januari;
- (ii) Ibu, bapa atau penjaga yang sah adalah warganegara;
- (iii) Kanak-kanak sedang atau telah mengikuti tadika;
- (iv) Kanak-kanak mencapai tahap yang munasabah dari segi '*mental and reading age*';
- (v) Menghadiri sesi saringan dan temubual yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia dan dikendalikan oleh pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan kesahihan perkara iii dan iv;
- (vi) Terdapat kekosongan tempat di sekolah yang dimohon dan pertimbangan permohonan adalah berdasarkan merit *case by case*;
- (vii) Permohonan hendaklah dikemukakan oleh ibu, bapa atau penjaga melalui sekolah dan dipanjangkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dengan menyertakan bersama sijil lahir, surat pengesahan persekolahan tadika dan laporan kemajuan murid yang telah disahkan;
- (viii) Jabatan Pendidikan Negeri memanjangkan permohonan kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tindakan selanjutnya; dan
- (ix) Keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad dan tiada rayuan. Menteri Pendidikan adalah pemutus muktamad untuk meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Tapak RIBI yang tidak mencukupi adalah satu masalah dihadapi penganut-penganut dan kerajaan terutamanya di kawasan Jelutong dimana mempunyai permintaan tinggi terhadapnya. Apakah Kerajaan Negeri akan mengenalpasti tapak RIBI yang mencukupi untuk menempatkan semula rumah ibadat supaya lebih teratur dan tersusun? Huraikan. Nyatakan bilangan RIBI yang berdaftar/tidak berdaftar mengikut daerah dan lokasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi memastikan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) mencukupi dan tersusun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mensyaratkan semua pemaju menyerahkan tapak RIBI kepada PBT semasa proses Pelan Kebenaran Merancang (PKM) mengikut piawaian yang ditetapkan. Dalam hal ini, sekiranya terdapat persatuan/ pertubuhan memerlukan tapak RIBI, ia perlu memohon dengan pihak PBT bagi mendapatkan tapak tersebut dan kelulusan tapak adalah bergantung kepada pertimbangan pihak PBT. Perancangan pembinaan RIBI adalah berdasarkan kepada keperluan kawasan/ daerah yang dikenal pasti dalam Rancangan Tempatan PBT.

Berdasarkan rekod Kerajaan Negeri jumlah RIBI yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang pada masa ini adalah sebanyak **654** yang meliputi **374** di Daerah Timur Laut, **22** di Daerah Barat Daya, **86** di Daerah Seberang Perai Utara, **125** di Daerah Seberang Perai Tengah dan **47** di Daerah Seberang Perai Selatan. Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod RIBI yang berdaftar dan tidak berdaftar dan untuk itu mulai tahun 2018, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Kajian Korelasi Taburan Tapak RIBI secara berperingkat semua daerah untuk mengemaskini data dan taburan RIBI di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Masalah kenderaan usang terbiar telah mendatangkan permasalahan bertahun-tahun dan masih tidak dapat ditangani oleh PBT. a) Nyatakan statistik kenderaan usang yang telah ditarik dan belum ditarik oleh PBT b) Apakah usaha 'proaktif' PBT untuk pengurusan kenderaan usang selain daripada biarkan kenderaan usang ini dengan alasan tiada tempat penyimpanan kenderaan usang? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Bagi tempoh Januari hingga September 2017, jumlah kenderaan usang dan terbiar yang telah ditarik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah berjumlah 112 buah manakala yang belum ditarik adalah 289 buah. Di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula jumlah kenderaan usang yang ditarik adalah 34 buah dan jumlah yang belum di tarik adalah 201 buah kereta.
- (b) Antara usaha dan tindakan proaktif yang diambil oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan notis untuk mengalihkan kenderaan;
 - (ii) Mempercepatkan proses pelupusan kereta usang ini daripada satu (1) tahun untuk dilupuskan kepada enam (6) bulan; dan
 - (iii) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam perancangan menambah stor sitaan kenderaan di Taman Keruing, Seberang Perai Selatan pada tahun 2018.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sila senaraikan projek-projek yang akan dijalankan di KADUN Sungai Pinang dalam bajet MBPP 2018.
- (b) Adakah apa-apa penaiktarafan akan dijalankan di Kompleks Taman Sri Pinang supaya ia lebih menarik dan *sustainable*.
- (c) Bilakah usaha penempatan semula gerai-gerai tanpa lesen di tepi jalan dan sekitar luar kompleks makanan akan dilaksanakan? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jumlah projek-projek yang akan dijalankan di KADUN Sungai Pinang dalam bajet MBPP Tahun 2018 adalah sebanyak 9 projek. Senarai projek-projek yang akan dijalankan di KADUN Sungai Pinang dalam bajet MBPP Tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Pada masa ini, MBPP sedang mengkaji keperluan untuk menaik taraf Kompleks Taman Sri Pinang bagi meningkatkan daya tarikan dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.
- (c) MBPP telah mengeluarkan notis kepada penjaja-penjaja tanpa lesen di sekitar Jalan Sungai dan Jalan Veterinari untuk menghentikan aktiviti di bahu jalan. Tindakan penempatan semula peniaga-peniaga ini akan diuruskan secara berperingkat bermula pada bulan November 2017 dan dijangka diselesaikan sepenuhnya pada penghujung bulan tahun 2017.

RUJ. LAMPIRAN A BLSK NO. 22.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Tempoh pendidikan implementasi dasar pengasingan sisa di punca sejak bulan Jun 2016 telah tamat.
- (a) Apakah peratusan pelaksanaan yang telah dicapai dan berapakah kos penjimatan PBT?
 - (b) Bilakah sasaran sifar sisa dijangka akan dicapai?
 - (c) Apakah tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pihak yang masih tidak melaksanakan program ini? Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Prestasi pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca sejak 1 Jun 2016 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah 61.48% bagi kediaman bertanah dan 62.85% bagi kediaman bertingkat. Kos penjimatan yang telah dicapai oleh MBPP adalah sebanyak RM18,435.00.

Manakala prestasi pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula ialah 77.51% bagi kediaman bertanah dan 71.38% bagi kediaman bertingkat. Kos penjimatan yang telah dicapai oleh MPSP pula adalah sebanyak RM37,368.00.

- (b) Implementasi Dasar Pengasingan Sisa di Punca tidak menyasarkan sifar sisa. Walau bagaimanapun, melalui dasar ini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjangka jumlah sampah yang dibawa ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dapat dikurangkan sekaligus menjimatkan kos pelupusan dan juga dapat melanjutkan jangka hayat Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.
- (c) Bermula dari 1 September 2017, tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pihak yang masih tidak melaksanakan program ini dengan memberi notis dan kompaun terhadap *Joint Management Body (JMB) / Management Corporation (MC)*. Bagi kediaman bertanah pula, tindakan pemberian notis diambil kepada premis yang didapati gagal mengasingkan sisa di punca.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Nyatakan:

- (a) Berapakah jumlah terkini permohonan penyewaan PPR dibawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan mengikut pecahan kaum, status dan daerah.
- (b) Jumlah keseluruhan unit kosong dan unit yang telah disewakan.
- (c) Jumlah bilangan yang masih dalam senarai menunggu dan apakah langkah-langkah atau usaha kerajaan untuk membantu golongan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Kerajaan Negeri dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menguruskan pengisian enam (6) skim Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang terdiri dari 3,153 unit kediaman bagi rakyat berpendapatan rendah. Sehingga kini, terdapat sejumlah 1,662 permohonan untuk mendiami unit PPR telah diproses dan direkodkan di dalam Sistem Maklumat Perumahan. Agihan jumlah permohonan mengikut daerah, kaum dan status pemohon adalah seperti di jadual berikut:-

Bil.	Daerah	Bil. Pemohon	Kaum			Status	
			Melayu	Cina	India	Berkahwin	Bujang
1.	Timur Laut	1,129	377	494	258	842	287
2.	Seberang Perai Utara	345	247	32	66	330	15
3.	Seberang Perai Tengah	177	121	27	29	166	11
4.	Seberang Perai Selatan	11	6	0	5	11	0
	JUMLAH	1,662	751	553	358	1,349	313

- (b) Pada masa ini sebanyak 2,683 daripada jumlah keseluruhan 3,153 unit PPR telah dibuat pengisian dan disewakan. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sedang menguruskan proses temuduga dan tawaran bagi baki 470 unit yang masih kosong. Statistik pengisian PPR adalah seperti di jadual berikut:-

No.	PPR	Jumlah Unit Disediakan	Jumlah Unit Diisi/Disewa	Unit Kosong
a) Seliaan Kerajaan Negeri				
1.	Taman Manggis	320	318	2
2.	Taman Bagan Jaya	382	357	25
3.	Ampang Jajar	760	640	120
4.	Desa Wawasan	912	595	317

No.	PPR	Jumlah Unit Disediakan	Jumlah Unit Diisi/Disewa	Unit Kosong
b) Seliaan Pihak Berkuasa Tempatan				
5.	Jalan Sungai	529	526	3
6.	Ampangan	250	247	3
	JUMLAH KESELURUHAN	3,153	2,683	470

- (c) Secara keseluruhannya, masih terdapat seramai 1,662 pemohon yang diletakkan di dalam senarai menunggu bagi mendapatkan tawaran penyewaan PPR. Daripada jumlah ini, seramai 1,129 pemohon atau 68 peratus adalah bagi permohonan unit-unit PPR di Daerah Timur Laut.

Kerajaan Negeri sememangnya sedar terdapat permintaan yang tinggi daripada kalangan rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan unit PPR. Sehubungan itu, YAB Ketua Menteri melalui surat bertarikh 20 April 2017 kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengemukakan cadangan pembangunan PPR di atas sebidang tanah seluas 14.674 hektar di Kota Giam. YB Menteri dalam maklum balasnya kepada Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 8 Ogos 2017 telah menyatakan kesediaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mempertimbangkan cadangan pembangunan PPR tersebut dan komitmen Kementerian untuk mengadakan lawatan teknikal bagi menilai kesesuaian tapak. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa ini sedang berhubung dengan pihak KPKT bagi menyusul hala tuju pembangunan PPR seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kejadian kes-kes buli di kalangan sekolah semakin berleluasa dan membimbangkan. Nyatakan statistik kes buli di kalangan sekolah.
- (a) Apakah kerajaan atau jabatan tertentu melihat serius terhadap isu berkenaan buli di kalangan sekolah dan mengambil tindakan untuk menanganinya.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri atau jabatan berkenaan membantu mangsa buli? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Statistik kes buli di kalangan pelajar sekolah bagi tahun 2017 adalah berjumlah 11 kes. Perincian kes adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan jabatan lain yang berkaitan mengambil perhatian serius ke atas kes-kes melibatkan buli pelajar. Tindakan-tindakan yang diambil oleh jabatan yang berkaitan bagi menangani kes buli adalah seperti berikut:
- (i) Menyiasat dari sudut jenayah semua laporan yang diterima;
- (ii) Menjadikan Pegawai Polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah sama ada rendah atau menengah. Fungsi PPS adalah untuk memberikan kesedaran pendidikan jenayah kepada pelajar sekolah dan sebagai pegawai penghubung antara polis, guru-guru serta ibubapa (PIBG) sekiranya berlaku masalah jenayah dan disiplin di kalangan pelajar. Mesyuarat diadakan antara guru-guru dengan PPS pada setiap bulan; dan
- (iii) Melaksanakan pelbagai program seperti menubuhkan Kadet Polis dan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah-sekolah dan menganjurkan Program Remaja Berwawasan (PRB) serta program lawatan kaunseling dan motivasi di sekolah-sekolah.
- (b) Antara usaha yang dilaksanakan oleh jabatan yang berkaitan bagi membantu mangsa buli adalah menyediakan khidmat kaunseling kepada mangsa dan keluarga mangsa untuk menangani trauma agar dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

RUJ. LAMPIRAN A BLSK NO. 25.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Dimaklumkan PPW bahawa kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak di Pulau Pinang adalah dalam keadaan yang amat membimbangkan. Nyatakan statistik kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak dalam lingkungan tahun 2013-2017. Apakah sistem sokongan daripada Kerajaan Pusat atau Negeri untuk mangsa dan apakah cadangan penyelesaian untuk jangka masa panjang untuk menangani isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Jumlah kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak dari tahun 2013 hingga September 2017 adalah sebanyak 629 kes. Perincian kes mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Kesalahan/Tahun	2013	2014	2015	2016	2017
Rogol	115	100	76	65	46
Cabul	46	45	37	33	18
Liwat	9	12	15	7	5
Jumlah	170	157	128	105	69

Sistem sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk mangsa-mangsa adalah seperti berikut:

- (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menjalankan siasatan serta merta tidak melebihi 10 jam selepas menerima aduan. Bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, kanak-kanak tersebut akan diselamatkan dan pengambilan kanak-kanak akan dimaklumkan kepada ibu atau bapa atau penjaga. Kanak-kanak tersebut akan dibawa ke hospital dengan segera untuk mendapatkan rawatan dan pengesahan penderaan dari pegawai perubatan. Sekiranya penempatan semula kanak-kanak bersama keluarga tidak sesuai atau selamat maka kanak-kanak akan ditempatkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai atau di rumah kanak-kanak dan sepanjang proses perlindungan dan pemeliharaan, kanak-kanak dan ahli keluarga akan diberi khidmat kaunseling.
- (b) Pihak PDRM pula menyediakan perkhidmatan Kaunseling dan Runding Cara kepada mangsa dan ahli keluarga yang terlibat dalam kes jenayah rogol. Pegawai Khidmat Sokongan Mangsa, yang terdiri daripada Kaunselor berdaftar yang pakar dalam bidang kaunseling telah ditempatkan di setiap kontinjen di seluruh Malaysia bagi menggalas tugas dan tanggungjawab ini dalam membantu menangani isu ini.
- (c) Kerajaan Negeri juga telah menjalin usaha bersama dengan Women's Centre for Change (WCC) iaitu satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) di Seberang Perai. PPW terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada mangsa rogol, mangsa keganasan rumahtangga dan mangsa penderaan. Bantuan yang diberikan kepada mangsa yang terlibat adalah seperti berikut:
- (i) Khidmat kaunseling kepada mangsa dan keluarga;
 - (ii) Sokongan moral kepada mangsa di *One Stop Crisis Centre* dan
 - (iii) Membantu mangsa di dalam proses mahkamah.

Cadangan penyelesaian jangka masa panjang untuk menangani isu ini adalah seperti berikut:-

- (a) Menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran berkenaan isu penderaan seksual kanak-kanak melalui program 'outreach' yang tertumpu kepada golongan dewasa, remaja dan juga kanak-kanak. Program khusus untuk golongan remaja lelaki serta kanak-kanak lelaki juga diadakan;
- (b) Menganjurkan kempen 'Penang Goes Orange' (PGO) sejak tahun 2015. Kempen PGO merupakan kempen awam yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan pelbagai isu keganasan berasaskan *Gender Based Violence* (GBV) dan usaha menghentikan keganasan ini. Isu penderaan seksual kanak-kanak merupakan antara isu di bawah GBV; dan

- (c) Menubuhkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak di setiap daerah. Melalui program ini pelbagai aktiviti pencegahan diterapkan di kalangan kanak-kanak, keluarga dan komuniti seperti Program Safe and Protect, Sahabat Bijak Di Sekolah, Kempen Hak Kanak-kanak dan Kempen Sentuhan Selamat Dan Tidak Selamat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Peranan suri rumahtangga sepenuh masa dalam menyumbang pembinaan keluarga adalah amat penting. Penghargaan dan pengiktirafan atas jasa mereka perlu dititikberatkan. Apakah inisiatif Kerajaan Pusat atau Negeri dalam pemberian nilai dan manfaat ekonomi kepada kerja-kerja rumahtangga yang tidak bergaji yang dilaksanakan oleh kebanyakan wanita, agar dinilai di dalam KDNK. Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Setakat ini Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri masih belum mempunyai sebarang inisiatif untuk mengiktiraf nilai sumbangan ekonomi suri rumahtangga dalam KDNK.

Namun begitu, Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kepada golongan wanita yang tidak bergaji melalui Program Ibu Emas dan Ibu Tunggal. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengadakan Sambutan Hari Wanita setiap tahun untuk menghargai sumbangan wanita terhadap kemajuan negeri dan negara dalam pelbagai bidang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Masalah penyalahgunaan dadah semakin serius dan sangat membimbangkan terutamanya di kalangan remaja/ pelajar sekolah. a) Nyatakan statistik bilangan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang. b) Nyatakan tindakan penguatkuasaan dan usaha kerajaan dan Kementerian Pendidikan dalam membantu pelajar-pelajar ini supaya dapat kembali ke pangkuan sekolah. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Berdasarkan perangkaan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), statistik bilangan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang adalah seperti berikut :-

UMUR/ PERINGKAT PEMBELAJARAN	SEK. RENDAH	SEK. MENENGAH	INSTITUT KEMAHIRAN	IPTA/IPTS	JUMLAH
13 Tahun	2	-	-	-	2
14-18 Tahun	-	33	2	4	39
19-24 Tahun	-	-	-	7	7
JUMLAH	2	33	2	11	48

Antara usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Kementerian Pendidikan dalam membantu pelajar-pelajar ini supaya dapat kembali ke pangkuan sekolah adalah seperti berikut:-

- (i) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Pencegahan Dadah Pulau Pinang (PDPI) yang terdiri daripada pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pencegahan dadah seperti ahli akademik daripada Universiti Sains Malaysia, pegawai-pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh PDPI adalah:-

- Mewujudkan *One Stop Centre* yang dikenali sebagai Mutiara Harapan, di mana berfungsi sebagai sebuah pusat membekalkan khidmat kaunseling kepada pengguna dadah atau ahli keluarga yang terlibat dengan dadah untuk mendapatkan maklumat mengenai dadah dan bagaimana cara untuk mencegah penggunaan dadah;

- Membangunkan laman web rasmi iaitu www.pdpi.my, laman web interaktif yang akan membekalkan maklumat mengenai dadah seperti jenis dadah dan bahaya dadah kepada tubuh badan, langkah-langkah pencegahan dadah, bagaimana mengatasi masalah penggunaan dadah, persoalan lazim (FAQ) dan senarai-senarai institusi yang menyediakan kepakaran, ubat-ubatan yang boleh membantu memulihkan pengguna dadah; dan
 - Menghasilkan empat video mengenai bahaya dadah kepada kehidupan untuk dihebahkan di dalam media sosial, laman sesawang dan media massa.
- (ii) Pihak AADK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan telah melaksanakan pendidikan pencegahan dan program intervensi kepada pelajar yang terlibat dan yang berisiko untuk terlibat dengan permasalahan dadah. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 6 program berbentuk kem iaitu Program PINTAR 2.0 (Program Intelek Asuhan Rohani) telah diadakan melibatkan hampir seramai 300 orang pelajar sekolah rendah di seluruh Pulau Pinang. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi intervensi awalan kepada murid-murid sekolah yang berisiko untuk terlibat dengan permasalahan dadah. Bagi murid yang positif saringan awal ujian air kencing, mereka yang terlibat perlu menghadiri kem intervensi program SHEILDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) dan juga sesi pertemuan bersama ibubapa / penjaga dengan guru kaunselor di sekolah. Sebanyak 10 kem SHEILDS telah diadakan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2017 di Pulau Pinang melibatkan hampir seramai 400 orang murid. Selain itu, aktiviti ceramah kesedaran awam turut diadakan di sekolah-sekolah; dan
- (iii) Pihak PDRM turut mengambil inisiatif mengadakan pameran dan ceramah berkaitan penyalahgunaan dadah serta kesan pengambilan dadah. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 22 pameran dan 12 siri ceramah telah dianjurkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pusat jagaan kanak-kanak dan taska banyak membantu golongan kaum ibu kerjaya dan juga membantu pendidikan peringkat awal pembangunan anak-anak. Apakah Kerajaan Pusat atau Negeri berinisiatif memberi peruntukan sebagai usaha menyokong unit keluarga pada peringkat awal pembangunan anak-anak? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA kepada keluarga yang berpendapatan rendah. Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak TASKA bermula dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0). Lanjutan daripada itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian subsidi ini semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menampung kos yuran pengasuhan anak serta meningkatkan enrolmen kanak-kanak di TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, dengan pemberian subsidi ini, peluang untuk kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal di TASKA adalah lebih baik dan sekaligus dapat membangunkan modal insan yang berkualiti, sihat dan seimbang.

Kadar subsidi yuran pengasuhan adalah sebanyak RM250 sebulan bagi seorang kanak-kanak. Subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang dibayar oleh ibu bapa/penjaga bagi seorang kanak-kanak di TASKA, tetapi tidak melebihi nilai maksimum yang ditetapkan. Jika nilai subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak kurang daripada kadar yuran sebenar yang dikenakan, maka lebihan perbezaan yuran tersebut adalah di bawah tanggungan ibu bapa/penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Tiada sebarang insentif diberikan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada pengusaha Pusat Jagaan Kanak-Kanak setakat ini.

Di bawah inisiatif Kerajaan Negeri, PWDC sedang memperhalusi cadangan skim subsidi untuk Taska, Tadika, dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK). Skim tersebut perlu diteliti dengan lebih lanjut dari segi kelayakan pemohon dan mekanisme pembayaran sebelum dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah status dan perkembangan terkini premis Hospital Bersalin Pulau Pinang? Bilakah Hospital Bersalin Pulau Pinang ini akan dibuka semula memandangkan kesesakan telah menyusahkan ibu-ibu yang bersalin di Hospital Besar Pulau Pinang? Sila nyatakan dengan terperinci. Sila huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Projek pembinaan bangunan baru bagi menggantikan premis Hospital Bersalin yang telah disahkan tidak selamat telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke-10. Projek ini akan turut dilengkapi dengan Blok Wanita & Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang dengan kapasiti 329 buah katil pesakit. Antara perkhidmatan yang bakal disediakan oleh blok baru ini termasuk perkhidmatan Obstetrik, Ginekologi, Pediatrik, Pergigian Pediatrik dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan lain yang berkaitan.

Pelawaan tender terhad bagi Projek Blok Wanita & Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang telah dibuat kepada 5 syarikat pada 26/9/2016. Pelawaan tender tersebut ialah secara Reka & Bina. Lembaga Perolehan JKR Malaysia telah bersidang dan memperaku terima petender terendah pada 13/4/2017 dan diangkat untuk kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.

Walau bagaimanapun, pada 7/8/2017, Kementerian Kewangan Malaysia tidak meluluskan Perakuan Lembaga Perolehan JKR untuk memperaku terima petender terendah dan mengarahkan projek ini untuk ditender semula secara terbuka dengan pra kelayakan. Pada 13/9/2017, Kementerian Kewangan Malaysia mengeluarkan surat arahan terbaru untuk mempela tender terhad secara reka & bina di kalangan 5 syarikat.

Status terkini bagi projek ini adalah seperti berikut:

- (i) Dokumen Kehendak Kerajaan (*Need Statement*) sedang dikemaskini.
- (ii) Semakan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) sedang dilaksanakan bagi mengenalpasti jika terdapat sebarang kenaikan kos untuk diangkat bagi kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU).
- (iii) Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR Malaysia menjangkakan pelawaan tender semula adalah pada Januari 2018 dan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada Jun 2018. Projek pembinaan ini dijangka akan mengambil tempoh masa 42 bulan.

XIII. Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sila nyatakan status pelaksanaan terkini kerja-kerja meluruskan selekoh tajam di Jalan Nangka.
- (b) Sepanjang kerja-kerja penaiktarafan, berapakah insiden kemalangan jalanraya berlaku di tapak kerja-kerja penaiktarafan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Pelaksanaan kerja-kerja meluruskan selekoh tajam di Jalan Nangka kini berada dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan di tapak 70%. Projek ini dijadualkan siap pada 22 November 2017.
- (b) Berdasarkan laporan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), tiada sebarang insiden kemalangan jalanraya berlaku di sepanjang jalan yang terlibat dengan kerja-kerja menaiktaraf jalan tersebut.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah proses penyediaan Rancangan Tempatan yang baru untuk keseluruhan kawasan Seberang Perai yang menggantikan tiga draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) telah dimulakan? Sekiranya ya, sila nyatakan butir-butir perunding yang dilantik bagi tujuan tersebut. Sekiranya tidak, apakah sebab proses penyediaan masih belum dimulakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Penyediaan Rancangan Tempatan Seberang Perai yang baharu telah bermula pada 4 September 2017.

Perunding yang telah dilantik adalah Perunding Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn. Bhd. (AJM) yang beralamat di 8, Suria Block A, 33 Jalan PJU 1/42, 47301, Petaling Jaya, Selangor. (Co. No : 90310-U)

Di antara pengalaman-pengalaman perunding ini adalah seperti berikut:-

- (i) Comprehensive Development Plan Iskandar Malaysia, 2006-2025
- (ii) Kuala Lumpur City Plan (Draf), 2020
- (iii) Putrajaya Structure Plan (Draf), 2020
- (iv) Penang Botanical Garden Special Area Plan (Draf) 2011-2020
- (v) Penang Hill Special Area Plan (Plan), 2011-2020
- (vi) Kazan Smart City, Kazan, Tatarstan, Rusia
- (vii) Shenfang Commercial District, Lang Fang Region, Hebei Province, China
- (viii) Guan New City Master Plan, China

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah status terkini kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Draf Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (DRSNPP 2030) telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU pada 11 Oktober 2017 yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini adalah susulan daripada maklum balas yang diperolehi daripada Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Laporan Tinjauan RSNPP 2030 yang telah diadakan dari 1 Disember 2016 sehingga 31 Januari 2017 dan juga Bengkel RSNPP 2030 yang telah diadakan pada Julai, 2017.

DRSNPP 2030 dijadualkan untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Khas pada pertengahan November 2017 bagi mendapat perakuan. Susulan daripada itu, satu Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Kajian Semula RSNPP 2030 dijangka dapat diadakan pada Disember, 2017 sebelum diwartakan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan perkembangan terbaru dan bilakah projek tebatan banjir (high impact) berikut dijangka dapat dilaksanakan di tapak:-

- (a) Parit 4, Seberang Perai Tengah.
- (b) Parit 5, Seberang Perai Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kedua-dua projek tebatan banjir (*High Impact*) di Parit 4 dan Parit 5, Seberang Perai Tengah kini dalam proses pelantikan kontraktor dan dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Disember 2017.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah perkembangan terbaru berkenaan cadangan pindaan peraturan tetap Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi mewujudkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (public enquiry) secara terbuka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Cadangan pindaan Peraturan Tetap Mesyuarat Dewan Undangan Negeri masih dalam peringkat pengumpulan maklumat dan perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan perkara berikut berkenaan dengan Penang Youth Development Corporation:- 3
- (a) Butir-butir peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2015, 2016 dan 2017?
 - (b) Program / Projek yang dilaksanakan serta butir-butir kos setiap program / projek bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Youth Development Corporation (PYDC) bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah sebanyak RM520,000.00 setiap tahun.
- (b) Kos perbelanjaan tahunan untuk setiap program adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BOCW NO. 6.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan perkara berikut berkenaan dengan Penang Women Development Corporation:- a) Butir-butir peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri untuk tahun 2015, 2016 dan 2017? b) Program / Projek yang dilaksanakan serta butir-butir kos setiap program / projek bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Women's Development Corporation (PWDC) bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah sebanyak RM1.5 juta setiap tahun.
- (b) PWDC mempunyai tiga program teras untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Kos perbelanjaan tahunan untuk setiap program dan kos operasi adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BOCW NO. 7.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Apakah status terkini pelaksanaan Projek Penaiktarafan Jalan Tok Kangar Fasa 1?
- (b) Mengapakah pengambilan tanah tidak diselesaikan sebelum mula melaksanakan Projek Penaiktarafan Jalan Tok Kangar Fasa 1?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Status pelaksanaan projek penaiktarafan Jalan Tok Kangar Fasa 1 yang melibatkan pembinaan jambatan dan kerja-kerja berkaitan telah mencapai 90% kemajuan berbanding 88% yang dijadualkan berdasarkan lanjutan masa yang diluluskan dan jadual pelaksanaan yang telah dikemaskini. Baki kerja akan disiapkan selepas isu pengambilan tanah selesai sepenuhnya.
- (b) Proses pengambilan tanah bagi projek ini dilaksanakan secara berperingkat di mana Pihak Berkuasa Negeri pada 14 Mac 2017 telah memutuskan supaya melaksanakan Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas lima (5) lot terlebih dahulu iaitu Lot 799, Mukim 11, Lot 18, 4705, 7092 dan 7093, Mukim 13 Daerah Seberang Perai Tengah. Pengambilan balik lot-lot ini diberikan keutamaan kerana ianya penting untuk menyelesaikan isu kesesakan trafik di kawasan berkenaan. Manakala, baki sebanyak 24 lot lagi akan diwartakan di bawah Seksyen 4, Akta yang sama dan proses pengambilan balik akan diteruskan secara berperingkat kelak. Proses pengambilan tanah dijangka selesai sepenuhnya pada penghujung tahun ini, bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan disiapkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Westlite Dormitory (Penang Juru) Sdn Bhd telah bayar keseluruhan harga belian Lot 14750, MK 13, Juru, SPT kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mendirikan kuarters pekerja asing? Sekiranya ya, sila nyatakan tarikh serta jumlah setiap kali bayaran. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab kelewatan bayaran secara penuh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Harga penjualan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 6.6 ekar di atas Lot 14750, MK 13, Seberang Perai Tengah (SPT) kepada Syarikat Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM13,089,945.00. Sehingga kini, pihak Syarikat telah pun membayar sejumlah RM4,160,000.00 merangkumi bayaran pertama sejumlah RM500,000.00 yang dibayar pada 18 Mac 2015 dan bayaran kedua sejumlah RM3,660,000.00 yang dibayar pada 1 April 2015. Keseluruhan baki bayaran harga tanah sebanyak RM8,929,945.00 akan dijelaskan :-

- (i) dalam tempoh 30 hari daripada tamat tempoh rayuan ditarik balik atau diselesaikan oleh Lembaga Rayuan (Appeal Boards); atau
- (ii) tamatnya tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan Kebenaran Merancang, sekiranya Syarikat Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn. Bhd. memilih untuk meneruskan projek ini walaupun terdapat bantahan penduduk melalui Lembaga Rayuan tersebut masih tidak dapat diselesaikan dalam tempoh enam bulan tersebut.

Status terkini projek adalah di peringkat Lembaga Rayuan kerana terdapat bantahan oleh penduduk setempat.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM900,000 digunakan bagi menanggung kos keseluruhan acara "Berhibur Bersama Despicable Me 3 di Pulau Pinang" yang dianjurkan oleh JWL Events.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Acara "Berhibur Bersama Despicable Me 3 di Pulau Pinang" telah dianjurkan oleh JWL Event dengan sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Penang Global Tourism dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Sejumlah RM811,814.47 telah dibelanjakan bagi acara tersebut seperti perincian berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Kos kepada JWL Event i) Sewaan, penyediaan serta pemasangan bagi dome, gerbang, penghawa dingin, gen-set, sistem suara, lampu, panel LED, filem Despicable Me, kerja elektrik serta pelbagai perhiasan lain. ii) Bayaran lesen kepada Universal Studios Inc. iii) Krew tenaga kerja serta pengurusan acara.	750,000.00
2	Pemasangan lampu hiasan Hari Raya di sekitar padang	20,460.00
3	Kos pencetakan dan pemasangan banting-banting dan bahan promosi	13,121.65
4	Risalah promosi	307.40
5	Kos pengiklanan dan reka bentuk di papan iklan LED	6,500.00
6	Kos pengurusan majlis pelancaran	530.00
7	Katering untuk majlis pelancaran	3,392.00
8	Air mineral dan gimik majlis pelancaran	29.10
9	Sistem PA untuk majlis pelancaran	700.00
10	Emcee untuk majlis pelancaran	560.00
11	Tikar berkelah	79.00
12	Kos penterjemahan kenyataan akhbar	150.00
13	Barangan untuk sesi penggambaran	76.32

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
14	Aerial cinematography	1,000.00
15	Promosi di media sosial	3,021.00
16	Promosi di radio	11,888.00
JUMLAH KESELURUHAN		811,814.47

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM30,000 digunakan bagi menganjurkan Pesta Tanglung di Perkampungan Juru pada 29.9.2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan sebanyak RM30,000.00 kepada JKKK Perkampungan Juru bagi penganjuran Majlis Sambutan Pesta Tanglung Perkampungan Juru 2017 yang diadakan pada 29 September 2017. Perincian perbelanjaan bagi majlis ini adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Makanan dan minuman (2,000 orang x RM3.00)	6,000.00
2	Makanan dan minuman untuk tetamu khas (70 orang x RM15.00)	1,050.00
3	Sistem PA, pentas LED backdrop, kanopi, susuncara pentas, meja dan kerusi	10,000.00
4	Jurukamera dan gambar	300.00
5	Runcit dan lain-lain	400.00
6	Banner, kad jemputan dan flyer	1,500.00
7	Chingay, pasukan pancaragam, pengacara majlis, persembahan Wushu dan akrobatik	5,000.00
8	Baju t-shirt Pesta Tanglung	1,400.00
9	Tanglung dan lilin	1,000.00
10	Persembahan lagu dan tarian	2,500.00
11	Cabutan bertuah	850.00
JUMLAH KESELURUHAN		30,000.00

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah perkembangan terbaru kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut yang dibuat oleh BCG Zenith sepatutnya siap? Apakah punca kelewatan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kajian Kebolehlaksanaan bagi Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) kini telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Pada masa ini pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZCSB) menumpukan segala sumber yang ada untuk melaksanakan Projek Jalan-Jalan Utama iaitu Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) dan Jalan Pintasan (Bypass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Pakej 2). Kedua-dua projek ini sedang menunggu kelulusan EIA (Jadual Kedua) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Setelah dua projek jalan tersebut dimulakan, pihak CZCSB akan menumpukan perhatian untuk menyiapkan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut memandangkan fasa pembinaan projek ini hanya dijadualkan bermula pada tahun 2023, tertakluk kepada semua kelulusan yang diperlukan. Kedudukan perkara ini telah diperjelaskan oleh pihak CZCSB menerusi satu sesi kenyataan media pada 11 Oktober 2017.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah perkembangan terbaru tentang laporan DEIA bagi cadangan tambakan laut tiga pulau buatan di bahagian selatan Pulau Pinang yang telah diserahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk kelulusan? Apakah maklumbalas Kementerian sehingga hari ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (jadual kedua) untuk Projek Penang South Reclamation (PSR) telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 28 April 2017.

Maklumbalas terakhir yang dipohon oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan maklumbalas orang awam semasa Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) ini dipamerkan dari 24 Mei 2017 hingga 23 Jun 2017 telah dikemukakan kepada pihak JAS pada 15 Ogos 2017. Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan penilaian EIA daripada pihak JAS.

XIV. Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan telah menghantar cadangan tuntutan ganti rugi bagi nelayan-nelayan kawasan yang lautnya telah ditebusguna; seperti di kawasan Tanjung Bunga, Pantai Bersih, Padang Kota serta kawasan pantai Seagate. Apakah pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan cadangan tersebut? Jika bersetuju, bilakah dijangkakan bayaran saguhati itu akan dibayar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Projek Southern Reclamation Scheme (SRS) di bahagian selatan Pulau Pinang masih dalam proses mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Persekutuan terutamanya laporan EIA Kerajaan Negeri sememangnya ada menerima tuntutan ganti rugi dan nelayan-nelayan yang terlibat dengan cadangan SRS berkenaan. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih lagi meneliti kadar bayaran ex-gratia kepada nelayan yang terlibat dalam projek tebusguna ini. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk membayar pampasan kepada nelayan tertakluk kepada kelayakan dengan kadar ex-gratia yang tidak kurang daripada bayaran-bayaran yang pernah dibayar sebelum ini bagi di projek tebus guna oleh IJM untuk The Light, Jambatan Kedua Pulau Pinang serta projek Butterworth Outer Ring Road (BORR).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Difahamkan bahawa pihak SRS telah membuat keputusan akan memulakan kerja-kerja penambakan laut di kawasan Pulau Pinang Selatan, pada awal tahun 2018. Jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil, untuk membantu nasib nelayan-nelayan pantai yang akan terjejas mata pencariannya? Apakah bentuk pampasan yang akan diberikan dan berapakah jumlahnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dakwaan bahawa kerja-kerja penambakan untuk Penang South Reclamation (PSR) akan bermula pada awal tahun 2018 adalah tidak benar. Sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerja-kerja penambakan untuk PSR hanya akan bermula selepas semua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan diperolehi, termasuk :
 - (i) Kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan
 - (ii) Setelah Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) memberi ulasan dan nasihat mengenai segala laporan yang dikemukakan seperti :
 - (a) *Environmental Impact Assessment (EIA)*
 - (b) *Social Impact Assessment (SIA)*
 - (c) *Hydraulic Study*
 - (d) *Fisheries Impact Assessment (FIA)*
 - (e) *Traffic Impact Assessment (TIA)*

(f) *Marine Traffic Risk Assessment (MTRA)*

Kerajaan Negeri sebagai Penggerak Projek bagi projek PSR, telah berjanji untuk mematuhi semua langkah mitigasi yang disyorkan oleh pihak perunding dalam laporan EIA, yang termasuk langkah-langkah untuk memastikan kebajikan komuniti nelayan dijaga.

Mengenai penentuan pampasan atau ex-gratia kepada nelayan-nelayan yang terlibat, perkara ini akan ditetapkan berdasarkan tahap impak projek kepada nelayan tersebut. Secara amnya, nilai ex-gratia yang akan diberikan tidak akan kurang daripada nilai ex-gratia yang diterima oleh nelayan-nelayan yang terlibat dengan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang atau North Butterworth Container Terminal (NBCT) atau Jelutong Expressway. Kriteria ini akan dikaji dengan lebih lanjut oleh pihak Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah laporan kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut dan tambakan laut kawasan Pulau Pinang Selatan telah dihantar kepada JKR? Apakah keputusan Kerajaan Negeri jika laporan ini ditolak oleh JKR dan adakah projek ini akan dibatalkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut dan Penang South Reclamation (PSR) tidak perlu dikemukakan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Ini kerana Pengarah JKR Negeri merupakan Ahli Tetap Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan dan juga Ahli Jawatankuasa Teknikal Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, input-input daripada pihak JKR telah diambil kira dalam laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) sebelum dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Di Pulau Pinang, banyak tempat letak kereta milik persendirian telah tumbuh. Apakah langkah-langkah yang akan diambil, bagi mengatasi masalah ini? Berapakah jumlah kutipan hasil parkir dari tahun 2008 hingga 2016? Berapakah jumlah dibayar oleh pihak swasta kepada MBPP bagi setiap tempat letak kereta? Sila berikan jumlah mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tempat letak kereta persendirian adalah seperti berikut :-
 - (i) Mengeluarkan tawaran kompaun dan notis terhadap operator tempat letak kereta yang menjalankan aktiviti parkir tanpa lesen.
 - (ii) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.
 - (iii) Merujuk kes kepada Pejabat Daerah dan Tanah (Jika melibatkan tanah Kerajaan Negeri) untuk tindakan di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah & Tanah.

Jumlah kutipan hasil parkir dari tahun 2008 hingga 2016 di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM 70,888,412.43. Perincian kutipan hasil parkir adalah seperti di **Lampiran A**.

Jumlah dibayar oleh pihak swasta kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi setiap tempat letak kereta dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah sebanyak RM 4,643,525.00. Perincian pendapatan adalah seperti di **Lampiran B**.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BNA NO. 4.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Didapati banyak kawasan tanah tinggi telah didirikan rumah ibadat (tokong). Walaupun kawasan tersebut tiada penduduknya, lama-kelamaan rumah ibadat ini menjadi besar dan kawasannya menjadi luas. Adakah tanah ini dibeli atau diberikan hak milik oleh Kerajaan Negeri dan adakah segala bentuk pembangunannya tidak perlu kelulusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sebahagian rumah ibadat (tokong) kawasan tanah tinggi yang didirikan terletak di atas tanah milik persendirian manakala sebahagian lagi terletak di atas Tanah Kerajaan. Semua jenis pemajuan/pembangunan hendaklah mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 70 dan Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Bagi tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dimiliki oleh MBPP, ianya adalah tapak yang diserahkan oleh pemaju melalui Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh MBPP. Pihak MBPP akan memberi pajakan tapak-tapak RIBI ini kepada Pertubuhan atau Persatuan Keagamaan yang layak sahaja dan segala bentuk pembangunan perlu mendapat kelulusan MBPP.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada warga negara asing untuk membuka kedai-kedai runcit atau restoran di kawasan bandar? Kenapakah perkara ini berlaku dengan berleluasa? Mengapa MBPP membiarkan perkara ini sedangkan banyak gerai-gerai yang dikenakan tindakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri melalui MBPP tidak pernah mengeluarkan lesen kepada warga asing untuk membuka kedai dan restoran di kawasan bandar.

Berdasar semakan MBPP, aktiviti perniagaan oleh warga asing ini berlaku disebabkan perkara berikut:-

- (i) Warga asing menggunakan nama warga tempatan semasa mengemukakan permohonan lesen perniagaan.
- (ii) Warga tempatan membenarkan lesen perniagaan mereka digunakan oleh warga asing

MBPP sedang mengambil tindakan ke atas aktiviti perniagaan oleh warga asing di beberapa tempat di kawasan George Town. Tindakan ini adalah dilakukan secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan PDRM dalam usaha membendung aktiviti warga asing.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa kalikah Jawatankuasa Bencana mengadakan mesyuarat dalam setahun? Bilakah kali terakhir mesyuarat tersebut dijalankan? Apakah keputusan Jawatankuasa Bencana Alam Negeri berhubung bencana banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang? Sila nyatakan agensi-agensi negeri dan pusat yang terlibat dalam jawatankuasa ini. Siapakah pengerusinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri akan bersidang minimum dua (2) kali setahun.
- (ii) Pada tahun ini, mesyuarat terakhir ini telah diadakan pada 13 September 2017.
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah memutuskan supaya Standard of Procedur (SOP) yang sedia ada difahami dengan lebih jelas oleh semua agensi yang berkaitan supaya setiap agensi tersebut dapat mengkoordinasikan tugas serta peranan masing-masing sekiranya bencana awam berlaku di negeri Pulau Pinang.
- (iv) Perincian senarai agensi/Jabatan yang terlibat di dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.
- (v) Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri ialah YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

RUJ. LAMPIRAN A BNA NO. 7.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah bayaran saguhati banjir dibayar melalui parti politik bukan melalui agensi Kerajaan Negeri? Jika Ya, kenapakah berbuat demikian dan berapakah jumlah yang telah dibayar? Sila berikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan one-off sebanyak RM400.00 kepada mangsa-mangsa kejadian banjir pada 15/9/2017 akibat daripada Taufan Doksuri bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Borang permohonan telah diedarkan kepada ADUN Kawasan semasa mesyuarat khas yang telah diadakan pada 23/9/2017. Setiap permohonan perlu mendapat pengesahan daripada JKKK Kawasan dan diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah selewat-lewatnya pada 20/10/2017.

Pembayaran masih belum dilaksanakan memandangkan tarikh akhir untuk penyerahan borang adalah pada 20 Oktober 2017. Pembayaran telah ditetapkan akan dibuat melalui Pejabat Daerah dan Tanah melalui 2 kaedah berikut:

- (i) Bayaran kepada orang ramai akan diuruskan oleh wakil rakyat, Ahli Majlis MBPP & MPSP dan JKKK Kerajaan Negeri; dan
- (ii) Bayaran kepada Agensi Kerajaan Negeri akan diselaraskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan satu peruntukan khas untuk mangsa bencana seperti banjir? Jika ada, berapakah jumlahnya? Sila berikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan one-off sebanyak RM400.00 kepada mangsa-mangsa kejadian banjir pada 15/9/2017 akibat daripada Taufan Doksuri bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Bayaran dibuat hanya sekali sahaja iaitu untuk rumah kediaman, premis perniagaan berlesen atau kereta yang mempunyai cukai jalan yang sah. Kriteria yang layak untuk menerima bantuan ini adalah pemilik rumah kediaman atau peniaga mengalami kerosakan pada struktur binaan rumah/premis, peralatan, kelengkapan dan perabot disebabkan telah dimasuki air/lumpur dan kenderaan yang terperangkap ketika banjir.

Borang permohonan telah diedarkan kepada ADUN Kawasan semasa mesyuarat khas yang telah diadakan pada 23/9/2017. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri. Setiap permohonan perlu mendapat pengesahan daripada JKKK Kawasan dan diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah selewat-lewatnya pada 20/10/2017. Borang permohonan akan dikumpul dan satu jawatankuasa khas peringkat daerah akan membuat perakuan ke atas permohonan-permohonan berkenaan. Permohonan yang telah diperaku akan diangkat kepada MMK Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

Pembayaran belum dibuat memandangkan tarikh akhir untuk penyerahan borang adalah pada 20 Oktober 2017.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah segera yang akan diambil bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang? Bilakah langkah-langkah ini akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Antara langkah-langkah segera yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri termasuk:
- (i) Melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan *hotspot* banjir di seluruh Negeri di bahagian pulau dan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan agar sistem saliran sedia ada berada dalam keadaan baik;
 - (ii) Menganjurkan kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan kempen supaya jangan membuang sampah ke dalam sungai, akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Negeri bagi memaklumkan orang ramai tentang kesan membuang sampah ke dalam sungai;

- (iii) Mengalihkan semua pembinaan utiliti yang dibina di kawasan sungai dan saliran yang mengalami bottle neck; dan
- (iv) Memastikan pembangunan hartanah di Negeri Pulau Pinang mengikut garis panduan Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Intergrated Shoreline Management 2010 dan Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pambangunan di Kawasan Pantai.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan 9 projek *high impact*.

Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kawasan perairan Pulau Pinang merupakan kawasan yang mempunyai potensi besar untuk industri ikan negeri dan negara maka tidak hairanlah jika ramai nelayan dari Perak dan Kedah sanggup melanggar peraturan datang dan menangkap ikan di perairan Pulau Pinang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kepupusan ikan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menjaga sumber perikanan bagi mengatasi masalah kepupusan ikan di negeri ini.

Antaranya langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kepupusan ikan adalah seperti berikut:-

(a) PROGRAM TUKUN

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah melabuhkan sejumlah 154 buah tukun di kawasan Pulau Kendi sejak tahun 2008 hingga kini untuk dijadikan kawasan pembiakan ikan. Tukun merupakan antara usaha untuk mengayakan hidupan marin dalam satu-satu kawasan perairan laut di mana tukun akan bertindak sebagai kawasan perlindungan kepada anak-anak ikan dan persinggahan bagi ikan-ikan demersal. Selepas suatu tempoh, tukun tiruan akan berubah menjadi habitat yang sesuai untuk perlindungan, pembiakan dan tempat untuk hidupan marin mencari makanan. Selain itu, tukun ini akan menjadi tarikan utama kepada sebahagian besar spesies ikan dan habitat pelbagai jenis tumbuhan karang dan hidupan marin lainnya. Perincian program tukun adalah seperti berikut:-

BIL	TARIKH LABUH TUKUN	LOKASI	JENIS TUKUN	BILANGAN TUKUN DILABUHKAN
1	13-11-2008	Pulau Kendi	Rekreasi 1 (0.3 Tm)	60
2	12-08-2009	Pulau Kendi	Dasar Lembut 2 (19 Tm)	14
3	12-08-2009	Pulau Kendi	Dasar Lembut 3 (23 Tm)	14
4	24-11-2010	Pulau Kendi	Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (32 Tm)	24
5	5-12-2016	Pulau Kendi	Tukun Tiruan jenis Tukun Inovasi Interlock dan Stack On (ISFAD), Tukun Inovasi Triangle (TRIFAD) dan Tukun Inovasi Tertrahedral (TETRAFAD)	42
JUMLAH :				154

(b) PROGRAM PELEPASAN BENIH IKAN DAN UDANG MARIN

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang bersama pihak swasta telah melaksanakan beberapa siri program pelepasan benih ikan dan udang marin di kawasan perairan Tanjung Asam, Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya pada 30 April 2017 dan Kuala Sungai Prai, Daerah Seberang Perai Tengah pada 5 Oktober 2017. Melalui program ini, 65,000 anak benih daripada tiga (3) spesis hidupan iaitu siakap putih, siakap merah dan udang harimau telah dilepaskan melibatkan kos sebanyak RM40,000.00. Perincian program adalah seperti di **Lampiran A**.

(c) PENGUATKUASAAN

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan untuk menghalang pencerobohan nelayan daripada luar Pulau Pinang. Setakat ini, sebanyak 117 tangkapan tempatan telah dibuat di seluruh kawasan perairan Pulau Pinang sejak tahun 2011 hingga tahun 2016.

Perincian Kes Tangkapan Tempatan Terkumpul oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang Mengikut Peralatan Dari Tahun 2011 Hingga 2016 adalah seperti di **Lampiran B**.

RUJ. LAMPIRAN B BNA NO. 11.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kawasan bukit-bukau Pulau Pinang telah terkenal dengan tanaman durian terutamanya di Balik Pulau dan Teluk Bahang. Pada masa sama, terdapat juga tanaman halia yang mula terkenal di kalangan petani di kawasan bukit. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membendung hakisan tanah bukit disebabkan aktiviti-aktiviti pertanian yang tidak terancang? Siapakah yang dipertanggungjawabkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sememangnya diakui bahawa aktiviti pertanian di lereng-lereng bukit dan cerun-cerun bukit boleh menyebabkan berlakunya hakisan tanah. Justeru, terdapat beberapa langkah pencegahan yang diambil oleh beberapa Jabatan yang bertanggungjawab dalam mengelak berlakunya hakisan. Jabatan-jabatan berkaitan memainkan peranan dan tanggungjawab dalam menentukan segala aktiviti pertanian termasuk kemajuan pembangunan dilaksanakan mengikut undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan. Antara langkah-langkah dan tindakan diambil bagi mengatasi perkara ini adalah seperti berikut:
- (i) Pemantauan dan rondaan secara berkala oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di kawasan bukit bagi melihat sendiri aktiviti di kawasan tersebut. Sekiranya terdapat pencerobohan melibatkan tanah kerajaan, notis pencerobohan akan dikeluarkan serta merta kepada pihak berkenaan dan akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya gagal dipatuhi. Sekiranya terdapat kerja-kerja tanah atau pembinaan struktur di atas tanah milik persendirian ianya akan dilaporkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk tindakan selanjutnya;
 - (ii) Pemantauan oleh pihak MBPP dengan menggunakan teknologi 'drone' di kawasan berbukit manakala bagi kawasan hutan simpan ianya dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri;
 - (iii) Tindakan pendakwaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui mahkamah telah diambil ke atas beberapa pemilik tanah yang menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran dan telah dijatuhi hukuman denda serta perlu menjalankan kerja-kerja mitigasi untuk memulihkan tanah tersebut. Antara permasalahan yang dihadapi di kawasan berbukit ialah penentuan sempadan lot-lot tanah;
 - (iv) Penubuhan Jawatankuasa Kerja Tanah Bukit pada April 2016 yang bertujuan untuk melihat aktiviti penerokaan tanah tinggi termasuk tanah bukit samada secara sah atau tidak sah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah PTG dan dianggotai oleh jabatan teknikal berkaitan;
 - (v) Satu garis panduan berkaitan aktiviti pertanian lereng bukit sedang dalam rangka persediaan yang diselaraskan oleh PTG. Unit Perunding Geoteknikal (GCU), MBPP turut membantu menyediakan input teknikal bagi penyediaan garis panduan pertanian tersebut; dan
 - (vi) PTG telah melantik jururunding bagi membuat kajian dan menyediakan pelan pembangunan ke atas aktiviti pertanian di lereng-lereng bukit bagi mengelak masalah-masalah seperti berlakunya banjir dan juga tanah runtuh. Jururunding yang dilantik telah menjalankan pemeriksaan tapak secara visual untuk menentukan keseriusan isu hakisan tanah dan pemendapan serta mengumpulkan semua maklumat yang relevan seperti topografi, data hidrologi, jenis tanah dan juga siasatan tanah. Jururunding yang dilantik juga dikehendaki menyediakan analisa dan penilaian terhadap kehilangan tanah dan kesan pemendapan di laluan air serta menyediakan satu cadangan menyeluruh untuk

menangani dan mengurangkan semua kesan buruk yang mungkin disebabkan oleh proses hakisan dan pemendapan tersebut.

Dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan didapati terdapat beberapa kekangan seperti keadaan geografi yang berbukit, bercerun dan terpencil, risiko ancaman keselamatan, tiada akses yang sempurna / jalan yang sempit dan berbahaya, faktor seperti cuaca yang menghadkan pergerakan dan kawasan yang agak luas.

Agensi-agensi terlibat seperti PTG, PDT DTL, PDT DBD, MBPP, Jabatan Perhutanan dan JUPEM diberi tanggungjawab dengan memainkan peranan penting bagi memastikan kegiatan hakisan tanah bukit disebabkan aktiviti-aktiviti pertanian yang tidak terancang ini dari terus berlaku.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Masa kini, lambakan pendatang asing semakin ketara di Pulau Pinang. Ramai di kalangan mereka bermula sebagai buruh binaan dan kini menjadi pengusaha-pengusaha kedai runcit dan restoran. Apakah Kerajaan Negeri sedar akan perkara ini? Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung perkara ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri sedar akan lambakan pendatang asing yang semakin ketara di Negeri Pulau Pinang yang bermula sebagai buruh binaan dan kini menjadi pengusaha-pengusaha kedai runcit dan restoran melalui perkahwinan dengan warga tempatan bagi membolehkan perniagaan dijalankan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan operasi bersepadu bersama dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri di kawasan-kawasan tumpuan.
- (ii) Menetapkan syarat bahawa pemegang lesen warga tempatan sentiasa berada di premis perniagaan semasa perniagaan dijalankan.
- (iii) Mengadakan siasatan dan membatalkan lesen yang telah melanggar syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Contohnya, sekiranya didapati warga tempatan (pemegang lesen) membuat sewaan kecil lesen kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan.
- (iv) Menjalankan tindakan penguatkuasaan (rampasan barang niaga) untuk dijadikan sebagai ekshibit bagi tindakan pendakwaan di mahkamah.
- (v) Mewujudkan Dasar Penglibatan Pekerja Warganegara Asing / Pemastautin Tetap (PR) sebagai Pembantu di Gerai Perniagaan Milik PBT, Premis Perniagaan dan Penjaja yang menghadkan penglibatan Warganegara Asing / Pemastautin tetap (PR) dalam aktiviti perniagaan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kenapakah promosi pelancongan hanya berlegar di kawasan bandar sahaja dan tiada di kawasan luar bandar? Apakah tindakan yang telah dilakukan bagi mempromosi pelancongan di kawasan luar bandar kepada pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri mempromosikan sesuatu tempat berdasarkan kepada tarikan atau produk pelancongan yang terdapat di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri tidak menghadkan promosi pelancongan di kawasan bandar sahaja, malah kawasan luar bandar juga turut dipromosikan sekiranya mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Antara usaha-usaha promosi pelancongan di kawasan luar bandar kepada pelancong adalah seperti berikut:

- (i) Penerbitan risalah *Penang Tourism Map* yang memaparkan tempat-tempat tarikan di Pulau Pinang termasuk di kawasan luar bandar seperti di Batu Feringghi, Tanjong Bunga, Teluk Bahang dan Balik Pulau. Selain itu, penerbitan risalah *Penang Food Trail* dan *Seberang Perai Street Food* yang merupakan senarai makanan tempatan yang lazat dan terkemuka di Pulau Pinang turut menyenaraikan lokasi di luar bandar seperti di Kubang

Semang, Jawi, Teluk Kumbar dan Balik Pulau. Penerbitan-penerbitan lain yang dikhususkan untuk mempromosi tempat tarikan pelancong di Seberang Perai adalah Seberang Perai Heritage Map dan Seberang Perai Tourism Map;

- (ii) Menggalakkan aktiviti *bird watching* yang banyaknya diadakan di kawasan semula jadi luar bandar seperti Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam di Seberang Perai, Byram Pulau Burung di Nibong Tebal, Sungai Burung di Balik Pulau dan Taman Botani Pulau Pinang. Risalah *Bird watching* in Penang juga telah diterbitkan bagi meningkatkan minat kepada aktiviti *bird watching*;
- (iii) Salah satu lagi tarikan utama pelancong ke Pulau Pinang adalah buah durian. Dusun-dusun durian terletak di kawasan luar bandar dan pelancong tertarik untuk melawat dusun tersebut sambil menikmati buah durian. Tarikan buah durian ini telah menambahkan kehadiran pelancong ke kawasan luar bandar seperti di Balik Pulau, Teluk Kumbar dan Kubang Semang. Risalah *Penang Durian Is The Best* telah diterbitkan berikutan permintaan yang tinggi daripada pelancong;
- (iv) Promosi pelancongan melalui pameran pelancongan dan *trade shows* di luar negara turut mempamerkan aktiviti pelancongan di luar bandar. Kesemua risalah yang diterbitkan juga akan digunakan dalam pameran pelancongan; dan
- (v) Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) dalam mempromosikan homestay di Pulau Pinang yang masing-masing terletak di kawasan luar bandar. Pulau Pinang mempunyai 11 *homestay* berdaftar di beberapa kawasan termasuk di Pulau Betong, Kota Aur, Mengkuang Titi, Sungai Duri dan Pulau Aman. Program *homestay* ini membolehkan pelancong mendalami dan merasai pengalaman kehidupan warga tempatan. Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk mengadakan aktiviti dan program bagi menggalakkan kehadiran pelancong ke *homestay* seperti Karnival *Homestay* dan pertandingan karaoke.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Sektor Pelancongan Negeri Pulau Pinang telah semakin menurun. Apakah sebabnya keadaan ini berlaku? Apakah langkah-langkah yang diambil bagi merencanakan sektor pelancongan terutamanya di kawasan Batu Feringghi dan Teluk Bahang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Untuk makluman Yang Berhormat, sektor pelancongan Pulau Pinang adalah semakin meningkat sejak beberapa tahun ini.

Statistik daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menunjukkan bahawa jumlah pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mulai tahun 2010 meningkat setiap tahun.

Malah pada tahun 2016, jumlah pergerakan penumpang seramai 6.68 juta orang telah melebihi kapasiti lapangan terbang yang ditetapkan pada 6.5 juta orang.

Pada tahun 2017 pula, jumlah pergerakan penumpang dari Januari hingga Ogos 2017 adalah seramai 4.75 juta orang berbanding jumlah 4.36 juta orang bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 9.07%.

Dari perspektif pengusaha hotel pula, Persatuan Hotel Malaysia Cawangan Pulau Pinang melaporkan bahawa bilangan bilik hotel yang dijual turut meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017, sebanyak 1.54 juta bilik telah dijual berbanding dengan jumlah 1.41 juta bilik bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 9.5%.

Selain itu, bilangan laluan penerbangan langsung dan kekerapan penerbangan juga telah meningkat. Berdasarkan kepada data-data tersebut, boleh dirumuskan bahawa sektor pelancongan Pulau Pinang berada dalam landasan pembangunan yang mampan.

Kawasan Batu Feringghi dan Teluk Bahang adalah sinonim dengan pelancongan serta merupakan antara kawasan yang mempunyai tempat tarikan pelancong yang tertinggi. Tarikan seperti Escape, Penang Butterfly Farm (Entopia), Toy Museum, Hard Rock Cafe, Dragon Boat Festival, pelbagai sukan air serta industri perhotelan yang pesat telah menarik ramai pelancong dari luar dan dalam negara. Selain itu, tarikan akan datang adalah aktiviti *glamping* yang membolehkan para pelancong mengalami pengalaman beraa di alam semula jadi sambil menikmati penginapan yang selesa dan moden. *Gamping* akan dibina di sekitar hutan Telok Bahang yang dikenali sebagai *Boulder valley* tanpa merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi di sana. Keseluruhan projek itu akan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah yang telah berlaku kepada Taman Teratai Gergasi di Taman Bunga Pulau Pinang? Apakah ianya masih berjalan atau sudah berkubur? Jika ianya telah dibaik pulih, berapakah kosnya? Jika tidak, berapakah kerugiannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Dataran Teratai masih berfungsi sebagai dataran yang ditanam dengan Pokok Victoria Amazonica dan masih menjadi tumpuan pelancong sejak ianya diwujudkan sehingga kini. Namun Jabatan Taman Botani Pulau Pinang selaku agensi bertanggungjawab menghadapi masalah dengan pengunjung yang melepaskan kura-kura dan ikan tanpa kebenaran di mana haiwan akuatik ini menjadi perosak kepada pokok teratai gergasi ini. Pihak Jabatan Taman Botani sentiasa membuat pemantauan dan akan mengambil tindakan tegas bagi mana-mana pengunjung yang melepaskan haiwan akuatik tanpa kebenaran ke dalam kolam tersebut.

Jabatan Taman Botani telah menjalankan kerja-kerja mengindahkan lanskap di Dataran Teratai pada tahun 2013 dan sebanyak RM80,000.00 telah dibelanjakan. Mulai tahun 2014, hanya kerja-kerja penyelenggaraan kecil sahaja yang dijalankan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat banyak bangunan-bangunan lama yang terletak di kawasan warisan, masih lagi diduduki oleh agensi-agensi kerajaan. Bangunan-bangunan ini semakin usang terutamanya di sebelah dalamnya. Apakah langkah-langkah yang di ambil bagi mempertahankan bangunan ini? Bagaimana pula kedudukan agensi-agensi yang terlibat? Adakah terdapat bangunan gantian atau dibiarkan mereka tinggal di kawasan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Tapak Warisan Dunia George Town menghimpunkan 3849 buah bangunan warisan yang berkualiti yang mana 82 daripadanya adalah bangunan atau objek warisan Kategori I manakala 3767 buah lagi adalah merupakan bangunan atau objek warisan Kategori II. Kesemua bangunan warisan ini merupakan penyumbang utama George Town disenaraikan sebagai Warisan Dunia yang menjadi contoh cemerlang untuk sesuatu jenis bangunan, seni bina, teknologi atau landskap yang menggambarkan peringkat-peringkat penting dalam sejarah perkembangan hidup manusia.

Terdapat banyak bangunan warisan dalam Tapak Warisan Dunia George Town yang diduduki oleh jabatan atau agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pos Besar Pulau Pinang, bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan banyak lagi. Bangunan-bangunan ini sangat berpotensi dalam pemeliharaan bangunan warisan. Ini boleh menjadi contoh terbaik kepada pemilik bangunan persendirian dalam usaha memelihara bangunan warisan sekaligus melindungi nilai-nilai keunggulan sejagat Tapak Warisan Dunia George Town.

Kebanyakan jabatan atau agensi ini adalah di bawah pengurusan Kerajaan Persekutuan. Maka amat mustahak untuk Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting dalam memelihara bangunan-bangunan warisan ini dan memastikan setiap jabatan atau agensi menduduki bangunan yang selamat, tidak usang dan terpelihara. Setiap jabatan atau agensi kerajaan boleh memohon peruntukan untuk membaikpulih bangunan yang diduduki mengikut kementerian masing-masing. Jabatan atau agensi kerajaan yang terlibat perlu memaklumkan kepada agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan George Town World Heritage Incorporated sekiranya terdapat isu seperti kerosakan bangunan terutamanya yang melibatkan struktur dan rekabentuk bangunan.

George Town World Heritage Incorporated yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus, memantau dan mempromosi Tapak Warisan Dunia George Town bersedia bekerjasama untuk memelihara dan mempertahankan bangunan warisan ini. George Town World Heritage Incorporated juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk memulihara bangunan warisan. Sebagai contoh, ketika ini George Town World Heritage Incorporated sedang bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk memulihara enam (6) unit bangunan rumah kedai milikan MBPP di Lebuhraya Kimberley. George Town World Heritage Incorporated juga sedang bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk memulihara bangunan Makam Dato' Koyah di Jalan Transfer.

Agensi-agensi yang terlibat boleh berpindah buat sementara waktu sehingga kerja-kerja pemuliharaan selesai. Sebagai contoh semasa bangunan pejabat George Town World Heritage Incorporated dibaik pulih pada tahun 2010, pejabat George Town World Heritage Incorporated dipindahkan sementara ke bangunan Dewan Bandaran.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Bangunan Tuanku Syed Putra terletak dalam kawasan segitiga emas. Apakah terdapat cadangan bangunan dan tanahnya dibangunkan dengan bangunan komersial atau dijual kepada syarikat yang berminat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Bangunan Tunku Syed Putra, Lebuhraya Downing merupakan bangunan Kerajaan Persekutuan dan dimiliki oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Bangunan tersebut diselenggarakan oleh syarikat pengurusan fasiliti yang dilantik oleh BPH iaitu Gemilang Maintenance Services Sdn Bhd. Setakat ini, tiada cadangan bagi menukar kegunaan bangunan tersebut sebagai bangunan komersial. Malah bangunan ini perlu dikekalkan sebagai jabatan kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kawasan perniagaan di sekitar KOMTAR semakin merosot dan banyak kedai-kedainya ditutup. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengembalikan kemeriahan perniagaan dan keceriaan seperti di tahun 80'an dan 90'an.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sebagai suatu langkah untuk mengembalikan kemeriahan perniagaan dan keceriaan KOMTAR, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik Syarikat Magnificent Empire Sdn Bhd (MESB), iaitu anak Syarikat Only World Group bagi melaksanakan projek pemulihan KOMTAR yang dikenali sebagai 'The TOP' yang dilaksanakan mulai 2016. Sejumlah RM200 juta telah dibelanjakan bagi projek The TOP ini yang merangkumi komponen seperti berikut:
 - (i) Pembangunan semula Kompleks Makanan di Aras 5 (Rooftop);
 - (ii) Blok Podium sebagai Dewan Bankuet;
 - (iii) Pengubahsuaian premis restoran di Aras 59 & 60, Blok Menara sebagai restoran sky dining yang dikenali sebagai Restoran 59Sixty;
 - (iv) Pembangunan restoran dan Rainbow Skywalk di Aras 68 ;
 - (v) Membangunkan kawasan di luar Dewan Tunku (Geodesic DOME) di Aras 5, KOMTAR sebagai Planetarium dan 7D Theatre; dan
 - (vi) Sebahagian lagi ruang terbuka di Aras 5, Rooftop bagi tujuan Dinosaur Park dan Zodiac Park.

Selain projek The TOP, PDC melalui Penang Tech Centre Berhad juga telah membangunkan semula Dewan Tunku (DOME) sebagai pusat pameran sains dan teknologi yang dikenali sebagai Penang Tech DOME yang kini telahpun dibuka kepada orang ramai.

Di samping itu, selari dengan perancangan untuk menaiktaraf dan mengembalikan imej KOMTAR, PDC juga telah menawarkan cadangan pembelian balik unit-unit di blok Podium, di mana 63 unit telah dipersetujui oleh pemilik-pemilik untuk menjual balik kepada PDC. Sehingga

13 Oktober 2017, sebanyak 58 unit telah berjaya dibeli balik oleh PDC.

Dengan usaha-usaha penaiktarafan ini, Kerajaan Negeri yakin kegemilangan KOMTAR akan dapat dikembalikan sebagai satu mercu tanda yang dapat dibanggakan oleh rakyat Pulau Pinang dan mampu menarik pengunjung dari dalam dan luar Negara.

XV. Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bolehkah saya menjemput pihak MPSP hadir dalam perbincangan untuk menyelesaikan masalah rakyat setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sebagai ADUN Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat boleh menghantarkan jemputan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tertakluk kepada keperluan MPSP daripada masa ke semasa.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Untuk kelulusan sebarang permohonan lesen hiburan, pihak PBT perlu atau tidak mendapat pandangan dari jabatan lain seperti Pejabat Daerah, PDRM dan lain lain jabatan berkaitan ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Standard Operation Procedur (SOP) lesen hiburan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan ulasan dari jabatan lain perlu diperolehi. Selain dari jabatan dalaman PBT, ulasan luaran seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, Pejabat Duti Hiburan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Jabatan Kewangan Negeri akan diminta sebelum pertimbangan dibuat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. SPC merupakan satu Jawatankuasa Tertinggi yang ada kuasa untuk meluluskan permohonan perlinkungan semula. Tidakkah SPC ini mengambil kira pandangan Jabatan Teknikal yang tidak menyokong permohonan tersebut.?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Semua pandangan atau ulasan Jabatan Teknikal akan diteliti serta akan dibincangkan secara kolektif di peringkat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri sebelum diperakukan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk keputusan.

Proses yang sama juga dilaksanakan di peringkat mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dengan kehadiran Ketua Jabatan berkenaan sebelum keputusan dibuat. Dalam hal ini, ulasan penuh daripada Jabatan Teknikal akan dicatatkan dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapa buah rumah kampung yang telah dibaiki oleh Kerajaan Negeri dalam Kadun Sungai Aceh mengikut Tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sebanyak 93 buah rumah telah dibaiki di KADUN Sungai Aceh di bawah Projek Khas Ekonomi Kerajaan Negeri - Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin.

Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BILANGAN RUMAH YANG DIBAIKI
1	2013	12
2	2014	20
3	2015	18
4	2016	25
5	2017 (Sehingga 19 Oktober 2017)	18
JUMLAH		93

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah peruntukan yang digunakan di bawah Marris untuk penyelenggaraan jalan dalam KADUN Sungai Aceh mengikut Tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.
 - (a) Senaraikan nama jalan dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan.
 - (b) Agensi mana yang melaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sejumlah RM13,805,639.36 di bawah peruntukan MARRIS telah digunakan untuk penyelenggaraan jalan dalam KADUN Sungai Aceh oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dari tahun 2013 sehingga 2017 dengan pecahan perbelanjaan mengikut tahun seperti berikut:

Tahun	Bilangan Jalan / Projek	Perbelanjaan peruntukan MARRIS bagi KADUN Sungai Aceh (RM)
2013	10	1,376,070.35
2014	21	2,563,763.80
2015	52	6,070,751.76
2016	19	1,698,720.11
2017	22	2,096,333.34
Jumlah	124	13,805,693.36

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Surau Sungai Udang dalam KADUN Sungai Aceh

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Banjir yang berlaku di Kampung Surau Sungai Udang adalah disebabkan oleh hujan lebat melebihi taburan biasa dan juga limpahan dari parit tanah berdekatan. Faktor lain yang menyebabkan banjir di kawasan tersebut adalah sampah yang terkumpul di perangkap sampah pintu air Sungai Udang menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar. Tindakan awal untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Surau Sungai Udang dalam KADUN Sungai Aceh, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kerja-kerja pengorekan parit sisir di Kampung Surau Sungai Udang sepanjang 1700 meter bagi mendalamkan parit tersebut. Di samping itu, JPS juga akan memastikan tiada sampah yang terkumpul di perangkap sampah pintu air Sungai Udang agar air sungai tersebut dapat mengalir dengan lancar.

Untuk langkah masa panjang pula, JPS akan mengkaji reka bentuk sistem saliran dan perparitan dalam kawasan kampung tersebut bagi memastikan masalah banjir tidak berlaku.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa banyak permohonan Perlinkungan semula yang telah di luluskan oleh kerajaan Negeri dalam Kadun Sungai Aceh mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017

(a) Senaraikan nama pemohon dan lokasi mengikut lot.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Hanya satu (1) permohonan perlingkungan semula yang telah diluluskan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 dan disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri bagi KADUN Sungai Aceh.

Butiran pemohon berkenaan adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Pemohon	Butir-butir Permohonan	Tarikh Kelulusan SPC
1	Primawangi Sdn Bhd	Permohonan perlingkungan semula dari kawasan Jelapang Padi kepada Kawasan Pembangunan (Perniagaan dan Perumahan) di atas lot 1508 Mukim 10, Daerah Seberang Perai Selatan	30 April 2014

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bilakah Jambatan Tanjung Berembang di jangka siap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pembinaan jambatan yang menghubungkan Tanjung Berembang ke Taman Victoria di Daerah Seberang Perai Selatan telah dimulakan pada 18 Januari 2016 dan dijadualkan siap pada 17 Januari 2018. Walau bagaimanapun, projek ini telah mengalami kelewatan yang disebabkan oleh :-

- (i) Proses pengambilan tanah yang terlibat di Jalan Victoria dan Tanjung Berembang yang belum selesai; dan
- (ii) Operasi tindakan penguatkuasaan dan perobohan ke atas struktur bangunan-bangunan sedia ada yang terlibat di Tanjung Berembang.
- (iii) Terdapat beberapa utiliti yang telah di kenalpasti iaitu kabel elektrik TNB, kabel Telekom dan sistem paip air PBA. Pihak utiliti masih belum mengalihkan utiliti berkenaan.

Atas kelewatan seperti di atas, projek ini dijangkakan siap pada 17 Januari 2019.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapa orangkah yang mendapat faedah dengan pembinaan Jambatan Tanjung Berembang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pembinaan Jambatan Tanjung Berembang yang menghubungkan Tanjung Berembang dengan Taman Victoria di Daerah Seberang Perai Selatan dapat menghubungkan penduduk di kawasan Sungai Aceh terus ke Pekan Nibong Tebal. Ia adalah satu jalan alternatif selain Jalan Persekutuan FT001. Selain itu, ianya juga akan dapat mengurangkan aliran trafik di Jalan Persekutuan FT001. Dianggarkan seramai 148,575 orang akan mendapat faedah daripada pembinaan Jambatan Tanjung Berembang ini. Malah jambatan ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pembangunan baru di kawasan ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah perancangan untuk menghubungkan Jambatan tersebut ke Kampung Sungai Undang melalui Jalan Ban Tepi Sungai Kerian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Setakat ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk menghubungkan Jambatan Tanjung Berembang ke Kampung Sungai Undang melalui ban Tepi Sungai Kerian.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apa rasionalnya Kerajaan Negeri mensyaratkan pembinaan pembahagian jalan di atas Jalan Negeri di hadapan Taman Seri Putera, Permatang Tok Mahat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pembinaan pembahagi jalan di atas Jalan Negeri di hadapan Taman Seri Putera, Permatang Tok Mahat disyaratkan kepada pihak pemaju yang akan menaiktaraf Jalan Permatang Tok Mahat daripada 2 lorong kepada 4 lorong beserta lorong perlambatan dan lorong percepatan sebagaimana yang dinyatakan pada perkara 4.8.1 Buku Manual Fasilitas Keselamatan Jalan (JKR 21300 – 0051 – 13) Cetakan 2014. Pembinaan pembahagi jalan di atas Jalan Negeri di hadapan Taman Seri Putera, Permatang Tok Mahat disyaratkan atas justifikasi keselamatan dan kawalan lalu lintas dengan tujuan seperti berikut:
 - (a) Untuk menjadi pemisah bagi menghalang kenderaan memasuki lorong bertentangan secara sengaja serta mengawal kenderaan untuk tidak membuat belokan secara haram yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain;
 - (b) Untuk mengawal serta menyelaraskan aliran trafik lalu-laluan keluar/masuk pembangunan sedia ada dengan lalu-laluan keluar/masuk pembangunan baru;
 - (c) Untuk bertindak sebagai kawalan akses dan mengurangkan konflik;
 - (d) Menyediakan tempat perlindungan pejalan kaki sewaktu melintas; dan
 - (e) Melancarkan pergerakan trafik melalui kawasan tertentu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Air kotor dari tapak pelupusan Pulau Burung mengalir ke laut, menyebabkan banyak ikan mati termasuklah ikan yang di pelihara dalam sangkar.
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini.
 - (b) Tidak adakah satu kaedah teknikal untuk mengelakkan air kotor ini mengalir ke laut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Antara jabatan teknikal yang memantau kawasan Tapak Pelupusan Pulau Burung seperti seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perikanan melaporkan tidak ada bukti konklusif bahawa kematian ikan sangkar berpunca dari air kotor (leachate) tapak pelupusan tersebut. Perairan di sekitar sangkar ikan juga mendapat kesan efluen daripada lepasan ke dalam Sungai Kerian dan Sungai Tengah yang mengalir masuk ke laut berdekatan Tapak Pelupusan Pulau Burung.
 - (a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk menyelesaikan masalah air leachate dan tapak pelupusan Pulau Burung mengalir ke laut ini adalah seperti berikut:
 - (i) mengukuhkan ban/parit perimeter di sekeliling tapak pelupusan menggunakan cerucuk bakau serta penambakan tanah merah yang dilapisi liner geo sedang dibuat bagi mengurangkan isu ban pecah sehingga air kotor (leachate) mengalir ke laut.

- (ii) mewajibkan pihak operator mengemukakan laporan bulanan kualiti air, udara dan bunyi bagi Tapak Pelupusan Pulau Burung kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Antara komponen bagi pelaporan ini adalah laporan makmal kualiti air dan tujuh (7) lokasi yang ditetapkan JAS iaitu kolam leachate, parit perimeter Fasa 1, parit perimeter Fasa 2, Wetland, saluran JPS, Sungai Tengah dan laut (kurang 500 m dari tapak).
- (iii) mewajibkan pihak kontraktor untuk menyediakan laporan makmal bagi sampel air di tiga (3) lokasi iaitu di tali air JPS yang berhampiran dengan Tapak Pelupusan Pulau Burung, sampel air Sungai Tengah dan sampel air laut dalam lingkungan 500m dari Tapak Pelupusan dari Jun 2016 hingga Jun 2017. Laporan makmal daripada ketiga-tiga lokasi menunjukkan kualiti air tersebut di tali air JPS dan Sungai Tengah adalah pada kelas III iaitu sederhana (kelas 1 adalah sangat bersih dan kelas V adalah sangat tercemar). Kualiti air laut bulan April-Jun 2017 menunjukkan sampel berada pada kelas baik.
- (b) Bagi mengelakkan air kotor mengalir ke dalam laut, sebuah tapak pelupusan Fasa 3 sedang dibangunkan. Bagi tapak pelupusan Fasa 3, setiap sel pelupusan dan kolam tangkungan leachate akan dipasang liner dari jenis High-Density Polyethylene (HDPE) Geo Membrane bagi mengelakkan air leachate meresap masuk ke sumber air berdekatan.

Selain itu, sebuah Leachate Treatment Plant (LTP) dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 2,000 meter padu sehari akan turut dibangunkan. Apabila beroperasi kelak, air leachate sedia ada di kolam takungan serta parit perimeter bagi Fasa 1 dan 2 akan dipam masuk ke dalam kolam takungan leachate yang baharu di Fasa 3. LTP yang dibina akan memproses semua air leachate yang ada dan bakal terhasil kepada air bersih seperti yang disyaratkan oleh JAS dan mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 dan di bawah Peraturan 7, peraturan yang sama yang mengkehendaki pengendali memastikan reka bentuk dan pengendalian mana-mana kambus tanah mengandungi langkah-langkah untuk mencegah dan mengawal pencemaran terhadap air bawah tanah dan mempunyai program pemantauan air bawah tanah untuk memantau kebocoran atau pergerakan larut resapan daripada kambus tanah itu sebelum dilepaskan ke saluran air berdekatan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. Sila nyatakan jumlah peruntukan tabung banjir yang telah dikutip oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 sehingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan secara khusus untuk tabung bencana banjir. Bantuan melalui Tabung T.Y.T. diberikan kepada semua jenis bencana seperti kemarau, banjir, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami dan kebakaran.

Peruntukan yang diterima melalui sumbangan kepada Tabung T.Y.T. dari tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	SUMBANGAN (RM)
2008 - 2011	- tiada
2012	502,000.00
2013	1,635,629.77
2014	105,000.00
2015	30,000.00
2016	35,000.00

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila huraikan terperinci kos penyelenggaraan kereta rasmi dari Ketua Menteri dan semua EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari 2013 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Data kos penyelenggaraan yang direkodkan dalam tempoh tahun 2013 hingga 2016 bagi kenderaan Y.A.B Ketua Menteri dan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah sebanyak RM354,900.42.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila huraikan terperinci elaun perumahan yang dibayar kepada Ketua Menteri dan semua EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari 2013 hingga 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Elaun perumahan yang dibayar kepada Y.A.B. Ketua Menteri adalah berjumlah RM4,000.00 sebulan manakala bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berjumlah sebanyak RM2,000.00 sebulan mulai tahun 2013 hingga 2015 sebelum dinaikkan kepada RM3,000.00 sebulan sehingga kini.

Kenaikan ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.4/2015 pada 6 Februari 2015 dan disahkan pada 16 Februari 2015.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan terperinci gaji dan pelbagai elaun bulanan yang perlu dibayar kepada Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Speaker, Timbalan Speaker dan semua ahli Dewan Mesyuarat negeri dari 2008 sehingga 2016

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Penetapan gaji dan elaun Y.A.B Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Yang Di-Pertua Dewan, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan, Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah berdasarkan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Bilangan 2 Tahun 1980.

Kali terakhir gaji dan elaun Y.A.B Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan disemak adalah pada tahun 2005 dan gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO), Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah disemak pada tahun 2016. Gaji Y.A.B Ketua Menteri adalah yang terendah di Malaysia. Sekiranya perlu, gaji dan elaun tersebut boleh disemak semula tertakluk kepada keadaan semasa.

XVI. Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan pusat dan negeri memberikan insentif konsesi cukai dan tanah kepada pelabur asing. Apakah bantuan atau insentif diberikan oleh kerajaan negeri kepada usahawan tempatan dalam sektor perindustrian dan perusahawanan untuk membantu mereka menghadapi cabaran kemerosotan ekonomi, kelemahan mata wang serta kekurangan tenaga kerja akibat dasar kerajaan pusat yang kerap berubah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan tempatan bagi menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu. Antara bantuan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan tempatan adalah seperti berikut:-
 - (i) Kemudahan pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebaskan usahawan. Melalui

modal tambahan ini, usahawan dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga 10 Oktober 2017, sebanyak RM12.83 juta telah diagihkan kepada 2,711 orang usahawan dan sebanyak RM8.98 juta telah berjaya dikutip balik untuk dijadikan pinjaman kepada tabung ini;

- (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang pula dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak sebagai ejen Kerajaan Negeri sebagai pemberi, pengutip dan pentadbir pinjaman ini. Program ini diwujudkan sebagai pendorong kepada golongan belia untuk menceburi dan seterusnya menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga 2017, sebanyak RM750,000 peruntukan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk tujuan pengagihan pinjaman mikro kredit. Pinjaman sebanyak RM5,000 seorang telah diberikan kepada peminjam pertama dengan tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah. Bagi pinjaman seterusnya, faedah 8% setahun akan dikenakan kepada peminjam selama 2 tahun. Sehingga 10 Oktober 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang peminjam usahawan tani;
- (iii) Peruntukan pembangunan sebanyak RM250,000.00 bagi tahun 2017 di bawah Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin / Pembangunan Industri Desa untuk bantuan peralatan yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Program ini bertujuan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada dan permohonan ini boleh dikemukakan melalui pejabat – pejabat daerah untuk perakuan di peringkat daerah;
- (iv) Peruntukan pembangunan di bawah program modal insan juga turut menjalankan beberapa siri kursus bagi meningkatkan modal insan di kalangan rakyat. Walaupun kursus - kursus tersebut tertumpu kepada penerima AES yang terdiri daripada ibu tunggal, peniaga – peniaga kecil yang berpendapatan bawah RM3,000.00, usahawan tempatan mungkin juga sebahagian daripada golongan ini. Sepanjang tahun 2017 sejumlah RM133,432.50 telah diluluskan kepada pejabat - pejabat daerah untuk melaksanakan kursus – kursus seperti asas pengiklanan dalam talian, kemahiran jahitan, asas hasilan tepung, makanan barat, hasilan ais krim, asas hasilan apom balik. Kursus – kursus yang diluluskan tersebut adalah berdasarkan permohonan di peringkat daerah dengan mengambilkira potensi setempat; dan
- (v) Pelbagai kursus telah dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kepada usahawan tempatan di Pulau Pinang. Sejak tahun 2008 hingga Ogos 2017 sebanyak 96 kursus dianjurkan oleh PDC melibatkan penyertaan seramai 3,868 orang usahawan tempatan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Apakah dasar kerajaan negeri untuk membantu pemuda-pemudi berpendapatan rendah membeli rumah mampu milik khususnya rumah berharga RM200 ribu ke bawah?
 - (a) Adakah kerajaan negeri sudah atau akan membina rumah kos rendah/serendah/rendah/mampu milik di Bukit Mertajam?
 - (b) Senaraikan projek perumahan mampu milik yang akan atau telah dilaksanakan di Bukit Mertajam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Kerajaan Negeri buat masa ini tidak menetapkan sebarang dasar yang khusus untuk membantu golongan muda memperolehi unit Rumah Mampu Milik (RMM) memandangkan dasar sedia ada adalah untuk memastikan unit-unit kediaman dengan harga berpatutan ini dibekalkan kepada rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah dan sederhana tanpa mengira peringkat usia.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada masa ini sedang membuat perancangan untuk melaksanakan satu projek perumahan yang akan menyediakan 408 unit RMM B dengan harga maksima RM72,500 dan 408 unit RMM C dengan harga maksima RM250,000 di atas Lot 13, 14, 22, 23, 24, 30, 31 dan 40, Seksyen 2, Bukit Mertajam. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang merancang pelaksanaan dua (2) lagi projek iaitu di Juru (800 unit RMM B dan 800 unit RMM C) dan Permatang Tok Suboh (39 unit RMM B). Secara keseluruhan, sejumlah 2,455 unit RMM akan dibekalkan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Bukit Mertajam.
- (b) Sejak tahun 2008 hingga kini, sebanyak 16 projek yang menyediakan 2,703 unit RMM A telah siap dibina di kawasan Bukit Mertajam. Pada masa ini terdapat lima (5) lagi projek melibatkan penyediaan 276 unit RMM A dan 467 unit RMM C sedang dalam peringkat pembinaan. Selain itu, berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), sebanyak sembilan (9) projek akan dilaksanakan di Bukit Mertajam yang mana bakal menyediakan sejumlah 4,090 unit kediaman RMM. Senarai projek RMM yang telah siap dalam pembinaan dan dalam perancangan adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BOKF NO. 2.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Selain daripada menaik taraf Jalan Song Ban Kheng untuk pembangunan Bukit Mertajam, apakah lagi pembangunan infrastruktur yang akan dilaksana oleh kerajaan negeri seperti penambahan perpustakaan baru, tempat rekreasi, membina jalan alternatif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas, pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik untuk rakyat Bukit Mertajam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pelbagai projek pembangunan telah dirancang oleh Kerajaan Negeri di Bukit Mertajam merangkumi pembangunan infrastruktur, kemudahan asas, pembinaan jalan, perumahan dan lain-lain. Perincian projek adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BOKF NO. 3

XVII. Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan jumlah pelajar-pelajar Melayu dan India yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan nyatakan jumlah murid mengikut nama sekolah yang terlibat di seluruh negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah pelajar Melayu yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah seramai 1,725 orang berbanding jumlah pelajar India seramai 1,057 orang. Jumlah murid mengikut nama sekolah di Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDMZA NO. 1.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan semua Ahli Jawatankuasa Keselamatan Komuniti (JKKK) di Parlimen Jelutong, Bayan Baru dan Bukit Gelugor dengan memberi butiran pekerjaan, umur, kelulusan akademik, alamat dan nombor telefon bagi pengerusi dan setiausaha setiap jawatankuasa. Bagaimana ahli JKKK dipilih dan tugas kerjanya serta apakah peranan ADUN berhubung dengan JKKK di dalam KADUNnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Di kawasan Parlimen Jelutong terdapat sebanyak 18 JKKK, 17 JKKK di Parlimen Bukit Gelugor manakala di Parlimen Bayan Baru sebanyak 5 JKKK.

Pengerusi, Setiausaha dan semua ahli JKKK adalah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) berasaskan perakuan Jawatankuasa Pemilihan JKKK Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri 1. Perakuan pencalonan ahli JKKK perlu mendapat

persetujuan daripada wakil parti berkenaan.

Pelantikan Pengerusi JKKK perlulah memenuhi syarat- syarat pelantikan seperti berikut :

- (i) Bermastautin dalam kawasan berkenaan;
- (ii) Tempoh perkhidmatan adalah maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Pemilihan;
- (iii) Mempunyai kebolehan mengurus dan mentadbir;
- (iv) Orang yang dihormati dan disegani oleh penduduk kampung terdiri daripada pemimpin masyarakat dari kalangan persatuan penduduk; rukun tetangga dan jawatankuasa masjid.
- (v) Tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah;
- (vi) Bebas daripada pengisytiharaan muflis; dan
- (vii) Pengundi di Negeri Pulau Pinang.

Manakala pelantikan ahli-ahli JKKK adalah seperti berikut :

- (i) Terdiri daripada orang yang dianggap mewakili pelbagai lapisan masyarakat atau "cross-section" penduduk yang tinggal di kawasan itu. Mereka ini hendaklah juga merangkumi wanita, belia dan masyarakat berbilang kaum penduduk setempat;
- (ii) Tempoh perkhidmatan ialah maksimum selama 2 tahun. Tempoh perkhidmatan ini boleh dilanjutkan dengan perakuan daripada Jawatankuasa Pemilihan JKKK peringkat Daerah;
- (iii) Ahli JKKK mesti bermastautin di dalam kawasan berkenaan; dan
- (iv) Perkhidmatan ahli JKKK adalah secara sukarela.

Fungsi utama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan tugas kerjanya adalah :

- (i) Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pembangunan di kelompok komuniti atau kawasan-kawasan perumahan ke arah mewujudkan persekitaran komuniti perumahan yang maju, menari dan menguntungkan semua lapisan masyarakat.
- (ii) Menguruskan kemajuan dan keselamatan di kelompok komuniti masing-masing bagi membentuk masyarakat yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.
- (iii) Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu melalui penyertaan aktif penduduk dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ke arah melahirkan masyarakat yang progresif dan mengamalkan nilai- nilai murni serta mendukung dasar-dasar dan harapan kerajaan.
- (iv) Berperanan sebagai pembimbing dan pemudah cara kepada mana -mana institusi/pertubuhan dalam kelompok masing-masing selaras dengan hala tuju dasar semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Peranan ADUN berhubung dengan JawatankuasaKemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) adalah amat penting bagi membantu Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembangunan negeri dan sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan komuniti setempat secara lebih dekat. Pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi adalah merupakan satu komponen yang penting dalam membantu penyelesaian pertikaian dan masalah rakyat di kawasan masing-masing. Kerjasama dan persefahaman antara ADUN dengan akar umbi memudahkan tugas wakil rakyat untuk menyelesaikan segala bentuk permasalahan penduduk. ADUN juga turut memantau perjalanan dan pentadbiran JKKK dalam kawasan DUN masing-masing agar dibuat dengan sistematik dan teratur dan kesejahteraan dan kebajikan komuniti setempat dengan memastikan pematuhan terhadap konsep *Good Governance* melalui penyaluran dan penyampaian yang efektif idea-idea konstruktif di peringkat akar umbi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dalam memperkasakan Agama Islam di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dalam bajet bermula 2009 sehingga 2017 lebih kurang RM50 juta setahun. Nyatakan dengan terperinci jumlah dan sumber peruntukan sama ada dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Pusat Zakat Pulau Pinang dan bagaimana ianya dibelanjakan setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan Hal Ehwal Agama Islam dan telah memperuntukkan jumlah dana yang besar bagi memperkasakan agama Islam di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2017.

Sebahagian besar dana yang diperuntukkan digunakan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan institusi agama Islam yang terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Mufti dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Perbelanjaan mengurus digunakan untuk membiayai pengurusan kakitangan jabatan termasuk emolumen, latihan, perolehan aset dan inventori jabatan dan lain-lain yang berkaitan. Manakala perbelanjaan pembangunan pula digunakan untuk membiayai kerja-kerja seperti membina baru, menaik taraf dan pembaikan kecil infrastruktur institusi keagamaan termasuk masjid, surau dan sekolah agama. Peruntukan di bawah Majlis Rasmi Keagamaan Peringkat Negeri dan Jawatankuasa MMK Agama pula digunakan melalui pelaksanaan program-program keagamaan termasuk program-program menyambut hari kebesaran Islam. Selain itu, sejumlah dana juga diperuntukkan bagi bantuan pendidikan seperti sumbangan ex-gratia dan bonus guru-guru KAFA dan guru-guru agama, para huffaz, pegawai masjid dan sumbangan kepada masjid bagi program bulan Ramadhan.

Perincian peruntukan Kerajaan Negeri bagi hal ehwal agama Islam bagi tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran 1**.

Zakat Pulau Pinang (ZPP) pula membuat agihan zakat menggunakan wang kutipan zakat kepada 6 kumpulan asnaf iaitu Fakir, Miskin, Muallaf, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah. Sumber daripada ZPP yang diagihkan dari tahun 2009 hingga 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Agihan Peruntukan Pusat Zakat (RM)
2009	44,337,035.17
2010	50,565,545.38
2011	49,208,467.01
2012	59,468,337.49
2013	64,207,970.51
2014	72,486,143.08
2015	85,173,112.38
2016	88,155,207.77
2017	63,790,185.59 (sehingga bulan September)
JUMLAH	577,392,004.38

Sumber peruntukan kerajaan pusat termasuk bagi hal ehwal agama Islam disalurkan terus kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Pejabat Pembangunan Persekutuan. Rujuk **Lampiran 2 dan 3**.

RUJ. LAMPIRAN 1, 2, DAN 3 BDMZA NO. 3.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan jumlah keseluruhan sekolah KAFA dalam Pulau Pinang dan berapakah jumlah sekolah KAFA yang dibina oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 sehingga 2017? Jika ada, sila senaraikan nama dan lokasi sekolah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sehingga tahun 2017 terdapat sejumlah 209 buah sekolah agama KAFA di Negeri Pulau Pinang. Dalam tempoh di antara tahun 2008 hingga 2017, Kerajaan Negeri telah membina lima (5) buah sekolah agama iaitu :
 - (i) Madrasah Tarbiah Islamiah di Guar Jering SPT (2016) kos RM1.3 juta.
 - (ii) Sekolah Agama Rakyat Pulau Betong DBD (2014) kos RM1.3 juta.
 - (iii) Sekolah Agama Rakyat Batu Maung DBD (2011) kos RM800,000.00.
 - (iv) Sekolah Agama Permatang Sintok SPU (2009) kos RM790,000.00.
 - (v) Sekolah Agama Rakyat Masjid Daerah Seberang Perai Selatan dengan kos berjumlah RM3.7 juta (masih dalam pembinaan).

Sebelum tahun 2008, telah ada satu persefahaman dalam melaksanakan projek pembinaan sekolah agama di mana kos pembinaannya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, manakala Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah sebagai tapak sekolah. Walau bagaimanapun, pembinaan lima (5) buah sekolah agama yang tersebut di atas dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri apabila permohonan mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak diluluskan sedangkan tapak telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Nyatakan dengan terperinci jumlah peruntukkan setiap tahun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan baru, baik pulih serta penambah baikkan sekolah KAFA? Nyatakan juga nama sekolah KAFA, jumlah murid dan guru, serta jumlah peruntukkan tahunan termasuk baik pulih kepada setiap sekolah KAFA dalam KADUN Penaga sejak 2008 sehingga 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus di bawah Program Bantuan Pendidikan untuk sekolah-sekolah bantuan modal atau bantuan kerajaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah berjumlah RM10.25 juta setahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Untuk sekolah agama adalah sebanyak RM55.4 juta tanpa kira pemberian tanah bernilai puluhan juta ringgit sejak tahun 2008.

Tahun	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)	2017 (RM juta)
Jenis Sekolah					
Sekolah Cina / Persendirian / Mubaligh	8.50	8.50	8.50	8.5	8.50
Sekolah Tamil	1.75	1.75	1.75	1.75	1.75
Jumlah	10.25	10.25	10.25	10.25	10.25

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P13 Butiran 04 Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan membiayai kos membaiki, menaik taraf dan membina sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang. Jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2017 bagi Sekolah Agama Rakyat adalah berjumlah RM22,008,860.00.

Di samping Program Bantuan Pendidikan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memberikan sumbangan tambahan ex-gratia sebanyak RM50.00 sebulan kepada guru-guru KAFA. Pada tahun 2016 sebanyak RM930,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembayaran pemberian ex-gratia kepada seramai

1,550 orang guru KAFA. Kerajaan Negeri juga mulai tahun 2010 telah memperuntukkan dalam bajet tahunan pemberian bantuan khas kewangan / bonus kepada guru-guru KAFA dan mulai tahun 2012 telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian sagu hati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan TADIS.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM62.69 juta dari tahun 2008 sehingga kini untuk tujuan pengambilan tanah bagi projek-projek keagamaan Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan sekolah-sekolah agama di Negeri Pulau Pinang (tanpa mengambil kira kos pengambilan tanah) dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah berjumlah RM55,380,360.00. Dengan pengambilan tanah ataupun pemberian tanah Kerajaan, kosnya akan menambah perbelanjaan untuk Sekolah Agama sekurang-kurangnya hampir RM10 juta lagi.

Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Program Bantuan Pendidikan (RM)	Sumbangan ex gratia guru-guru KAFA (RM)	Bantuan Khas Kewangan/Bonus kepada Guru KAFA (RM)	Pembangunan P13 (04) – Sekolah Agama (RM)	Jumlah (RM)
2008	88,250	659,250	-	2,500,030	3,247,530
2009	1,500,000	879,000	-	3,668,800	6,047,800
2010	1,750,000	913,200	487,500	2,560,000	5,710,700
2011	1,750,000	900,000	984,500	1,700,000	5,334,500
2012	1,750,000	912,000	1,078,900	1,100,020	4,840,920
2013	1,750,000	886,800	1,526,500	1,850,000	6,013,300
2014	1,750,000	885,600	1,147,800	2,850,000	6,633,400
2015	1,750,000	895,800	1,209,900	1,600,010	5,455,710
2016	1,750,000	930,000	1,256,500	2,030,000	5,966,500
2017	1,750,000	930,000	1,300,000	2,150,000	6,130,000
Jumlah	15,588,250	8,791,650	8,991,600	22,008,860	55,380,360

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senaraikan dengan terperinci nama/jumlah pelajar sekolah agama termasuk sekolah tahfiz yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan Kerajaan Negeri sehingga 2017. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sekolah agama/tahfiz yang belum berdaftar mendaftarkan dengan Kerajaan Negeri. Berapakah jumlah sekolah tersebut yang belum berdaftar di Kadun Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jumlah sekolah agama (KAFA) di Pulau Pinang adalah sebanyak 209 buah dan kesemunya berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Manakala jumlah guru adalah seramai 1,528 orang serta 36,500 orang pelajar.

Manakala sekolah agama tahfiz pula berjumlah 59 buah, 44 buah berdaftar, bakinya 15 buah dikenal pasti tidak berdaftar dengan JHEAIPP. Senarai sekolah agama (KAFA) dan sekolah agama tahfiz adalah seperti di **Lampiran A**.

Di dalam DUN Penaga, terdapat dua (2) buah sekolah agama tahfiz yang dikenal pasti tidak berdaftar, iaitu :-

- (i) Maahad Tahfiz Darul Irfan, Permatang Bendahari, Penaga, Kepala Batas ; dan
- (ii) Maahad Tahfiz An-Nur, Kampung Tok Otek, Penaga, Kepala Batas.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh JHEAIPP bagi memastikan sekolah-sekolah agama ini mendaftar ;

- (i) JHEAIPP telah dari semasa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan sekolah agama berkenaan bagi memberikan penjelasan serta nasihat dan menyerahkan borang pendaftaran.
- (ii) Menubuhkan Majlis Pengetua Tahfiz yang dipengerusikan oleh Exco Hal Ehwal Agama sebagai wadah penghubung antara pengurusan Tahfiz dengan kerajaan negeri.
- (iii) Mewujudkan sistem audit keselamatan di kalangan Maahad Tahfiz, bagi mengenal pasti keperluan untuk kerajaan negeri membantu meningkatkan aspek keselamatan khususnya kepada Maahad tahfiz yang berdaftar.
- (iv) Kerajaan negeri akan mengkaji dan menyokong cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), di mana terdapat keperluan bagi menambah baik akta tersebut dari aspek pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas institusi pendidikan Islam termasuk maahad tahfiz.

RUJ. LAMPIRAN A BDMZA NO. 6.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Dalam Bajet 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan wang sebanyak RM220 juta untuk pencegahan banjir kilat di seluruh Pulau Pinang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukkan tersebut? Mengapakah banjir kilat masih berlaku di seluruh negeri Pulau Pinang baru-baru ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Daripada RM220 juta yang diperuntukkan untuk pencegahan banjir kilat di seluruh Negeri Pulau Pinang yang diluluskan dalam bajet 2017, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan sembilan (9) projek-projek high impact. Status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Kerja-kerja perlaksanaan fizikal di tapak dijangka akan bermula pada Disember 2017 sehingga Disember 2019. Selepas pembinaan fizikal siap pada penghujung tahun 2019, ianya akan memberikan manfaat kepada penduduk sekitar dan mengurangkan kejadian banjir.

Banjir kilat yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh jumlah taburan hujan yang tinggi dalam sehari yang mana ia menyamai taburan hujan sebulan yang diterima oleh seluruh Negeri Pulau Pinang dan juga pengaruh air pasang tinggi pada hari tersebut. Selain itu, sebahagian dari sungai-sungai dan sistem saliran di taman-taman dan kampung-kampung sedia ada tidak dapat menampung jumlah air aliran permukaan berikutan hujan lebat tersebut.

RUJ. LAMPIRAN A BDMZA NO. 7.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Dalam ucapan Bajet 2017 dilaporkan bahawa produktiviti penternakan ikan di laut meningkat dari 2007 kepada 2015 iaitu 2,714.60 tan metrik kepada 28,964.95 tan metrik. Adakah jumlah ini termasuk tangkapan ikan di laut oleh para nelayan? Jika tidak, nyatakan jumlah tangkapan ikan di laut mengikut tahun sejak 2007 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Merujuk kepada kenyataan dalam Bajet 2017 iaitu berkenaan produktiviti penternakan ikan di laut meningkat berbanding tahun 2007 dengan 2015 iaitu 2,714.60 tan metrik kepada 28,964.95 tan metrik, jumlah ini tidak termasuk tangkapan ikan di laut oleh nelayan. Data terkini bagi tangkapan ikan di laut oleh nelayan adalah sehingga tahun 2016 sahaja kerana data bagi 2017 masih belum diterbitkan. Jumlah tangkapan ikan di laut dari tahun 2007 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	NILAI PENDARATAN (TAN METRIK)
2007	37,774
2008	43,627
2009	42,790
2010	45,182
2011	63,972
2012	52,593
2013	58,201
2014	45,880
2015	49,783
2016	57,013

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Nyatakan jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Urus Zakat (PUZ) Negeri Pulau Pinang bagi penduduk dalam Kadun Penaga. Nyatakan kategori penerima sama ada OKU, ibu tunggal, fakir miskin, anak yatim, dan lain-lain. Apakah syarat kelayakan untuk menerima bantuan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) bagi KADUN Penaga adalah seramai 640 orang. Perincian kategori penerima dari segi Orang Kurang Upaya (OKU), Ibu Tunggal dan Fakir Miskin adalah seperti berikut:

(a) JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

DUN	KATEGORI			JUMLAH
	OKU	Ibu Tunggal	Keluarga Miskin	
Penaga	303	41	116	460

- (i) Pemohon mestilah memenuhi syarat- syarat berikut untuk mendapatkan bantuan daripada JKM:-

BANTUAN AM NEGERI

- (i) Kadar bantuan adalah sebanyak RM 220 hingga RM 770 sebulan mengikut syarat berikut :
- (ii) Warganegara Malaysia dan tinggal di Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Pendapatan perkapita isi rumah tidak melebihi RM 220 untuk sebulan;
- (iv) Golongan tidak berkemampuan dan berkeperluan yang tidak memenuhi syarat-syarat skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang lain;
- (v) Faktor-faktor lain yang diambil kira – bilangan anak/ tanggungan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga, keadaan rumah kediaman, kecacatan, keuzuran disebabkan oleh penyakit dan;
- (vi) Faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/ keluarga di bawah pendapatan perkapita RM220 sebulan.

BANTUAN PERSEKUTUAN

- (i) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia dan jika penduduk tetap (PR) hendaklah bermastautin di Malaysia sebelum tahun 1957;
- (ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 sebulan bagi Sarawak dan RM960 sebulan bagi Sabah; dan
- (iii) Golongan yang tidak bekemampuan dan berkeperluan dengan mengambilkira lain-lain faktor seperti bilangan anak/ tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/ keluarga.

(b) ZAKAT PULAU PINANG

Jenis Bantuan	Kategori Asnaf	Bil. Penerima (Orang)
Bantuan Kewangan Bulanan	Fakir / Miskin	138
Bantuan Makanan Bulanan	Fakir / Miskin	42
JUMLAH BESAR		180

- (i) Pemohon mestilah memenuhi syarat- syarat umum Bantuan Zakat iaitu:
 - (a) Beragama Islam;
 - (b) Warganegara Malaysia;
 - (c) Bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya 3 tahun;
 - (d) Pendapatan keluarga tidak mencukupi Had Al Kifayah;
 - (e) Tidak menerima bantuan dari mana-mana pihak atau telah menerima bantuan tetapi masih belum mencukupi; dan
 - (f) Tiada pendapatan atau berpendapatan tetapi tidak mencukupi had keperluan asas.
- (ii) Keutamaan akan diberikan kepada kategori penerima berikut:
 - (a) Warga Emas/Uzur;
 - (b) Berpenyakit kronik;
 - (c) Ibu tunggal / tinggal;
 - (d) Mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar atau tiada keupayaan untuk bekerja;
 - (e) Cacat fizikal / mental; dan
 - (f) Belum atau telah menerima bantuan daripada agensi lain tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi.
- (iii) Permohonan mestilah mendapat pengesahan/sokongan daripada Pengerusi tempat pemohon bermastautin;
 - (i) Permohonan mestilah atas nama ketua keluarga (termasuk yang berpoligami) kecuali ibu tunggal; dan
 - (ii) Permohonan boleh dibuat atas nama isteri sekiranya :
 - (iii) Suami disahkan tidak melaksanakan tanggungjawab;

- (iv) Dokumen pengenalan suami disahkan sukar untuk diperolehi; dan
- (v) Suami dipenjara atau pusat serenti.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU, ibu tunggal serta anak-anak yatim bagi menambah pendapatan mereka supaya mereka boleh berdikari?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU, ibu tunggal serta anak-anak yatim bagi menambah pendapatan mereka supaya mereka boleh berdikari adalah seperti berikut:-

BANTUAN KEWANGAN

- (a) Bantuan kewangan RM100.00 setahun melalui Program Penghargaan Bantuan OKU dan Program Ibu Tunggal;
- (b) Menyediakan bantuan kanak-kanak bagi membantu kanak-kanak miskin termasuk anak yatim;
- (c) Melaksanakan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membantu OKU, ibu tunggal serta anak yatim melalui bantuan kewangan bulanan secara top up;
- (d) Elaun Pekerja Cacat (EPC) bagi OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM1,200.00 sebulan;
- (e) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM200.00 kepada OKU berusia 59 tahun ke bawah yang tidak berupaya bekerja dan mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi dari RM720.00 sebulan; dan
- (f) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar /Pesakit Terlantar (BPT) sebanyak RM300.00 kepada OKU yang terlantar dan diuruskan oleh ahli keluarga/penjaga 24 jam sehari.

BANTUAN PERALATAN, KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN EKONOMI

- (a) Golongan ibu tunggal boleh mengikuti kursus-kursus kemahiran yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Penang Skills Development Center (PSDC) di mana terdapat yuran kursus yang ditaja oleh Pusat Urus Zakat (PUZ), kursus dan bimbingan keusahawanan oleh Unit Usahawan Penang Development Corporation (PDC) dan kursus-kursus ekonomi lain seperti pemasaran produk, pembungkusan, pertanian serta bidang masakan;
- (b) Melalui dasar dan pelan tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah menjalankan latihan bersubsidi bagi Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak di rumah kepada lebih daripada 200 orang peserta. Keutamaan penyertaan program ini diberikan kepada golongan ibu tunggal yang tiada punca pendapatan tetap;
- (c) Kerajaan Negeri melalui PWDC telah memperkenalkan program 'Projek Kita'. Projek penyertaan rakyat ini sedang dijalankan dengan sokongan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di bawah program "Gender Responsive and Participatory Budgeting" (GRPB). 'Projek Kita' terbuka kepada semua ahli komuniti di PPR Ampangan dan PPR Jalan Sungai. Dua daripada sembilan kumpulan yang berjaya mendapat dana Kerajaan Negeri adalah milik bersama ibu tunggal yang mengusahakan Projek Butik Café (perniagaan makanan dan pakaian) dan Rumpun Hijau (tanaman sayuran). Projek-projek tersebut kini dalam proses perlaksanaan. Satu laporan hasil analisis projek tersebut akan disediakan untuk mengetahui sejauh mana pendekatan 'Projek Kita' memberi manfaat kepada komuniti terutamanya ibu tunggal yang terlibat;

- (d) Kerajaan Negeri melalui PWDC telah menubuhkan program WEE, iaitu Women's Economic Empowerment Programme atau Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita pada suku tahun kedua 2017 yang bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan ekonomi. Pada bulan September dan Oktober 2017, PWDC telah menjemput Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC) untuk menganjurkan bengkel eRezeki di Bayan Lepas dan Seberang Perai. Program eRezeki membantu peserta mempelajari kemahiran baru dan membolehkan mereka menjana pendapatan menerusi kaedah digital atau dalam talian. Program ini membolehkan peserta termasuk ibu tunggal menjana pendapatan walaupun di rumah dan pada masa yang sama membolehkan ibu-ibu menjaga anak-anak mereka;
- (e) Mengenal pasti OKU yang layak untuk diserap masuk ke dalam perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di Bengkel Terlindung dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian OKU serta Program Penempatan Pekerjaan (Job Coach) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia di dalam pelbagai bidang termasuk pengendalian makanan, pembuatan alat prostetik dan orthotik, elektrik dan elektronik, kraftangan, mencanting batik dan lain-lain;
- (f) Mengadakan Karnival Pekerjaan OKU, seperti contoh pelaksanaan "*OKU Career Fair*" yang akan diadakan di Sunway Carnival Convention Center tidak lama lagi bagi memastikan golongan OKU lebih berdikari dan berdaya maju dalam arus pembangunan masa kini;
- (g) Menyediakan peruntukan bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU dan ibu tunggal yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Bantuan peralatan bagi perniagaan sedia ada bertujuan bagi meningkatkan kapasiti/output perniagaan; dan
- (h) Memberikan bimbingan kerjaya kepada ibu tunggal dan OKU melalui *Penang Career Assistance and Talent Centre (Penang CAT)* untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Punca kebakaran melibatkan Pusat Pengajian Tahfiz di Malaysia diantaranya disebabkan oleh masalah pendawaian elektrik yang terlalu usang dan tidak selamat digunakan, Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dan juga kes yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Kebanyakan maahad tahfiz dikenal pasti tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan bangunan dan kelengkapan mencukupi berkaitan sistem keselamatan kebakaran.

Kerajaan Negeri mengambil ketetapan untuk membantu maahad tahfiz, khususnya dalam aspek keselamatan. Namun, tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang sengaja mengabaikan aspek keselamatan maahad tahfiz sehingga boleh mencetuskan tragedi meragut nyawa para pelajar dan guru-guru.

la selaras dengan keputusan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Kerajaan Negeri akan menyokong cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Terdapat keperluan bagi menambah baik akta tersebut dari aspek pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas institusi pendidikan Islam termasuk maahad tahfiz.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebagai pihak yang bertanggungjawab menyelia sekolah agama tahfiz sentiasa memberi perhatian terhadap aspek keselamatan bangunan termasuk dari segi sistem pendawaian elektrik.

Oleh itu, bagi memastikan keselamatan sekolah-sekolah agama tahfiz khususnya mengelak dari berlakunya insiden kebakaran, JHEAIPP dari semasa ke semasa melakukan pemantauan dan pembaikan terhadap sistem pendawaian elektrik dengan mendapat kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Kemahiran Belia Negeri dan Pejabat MARA Negeri.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menyediakan aspek keselamatan bangunan dan menyenggara sistem pendawaian elektrik adalah terletak di bawah pengurusan sekolah itu sendiri. Sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan bangunan termasuk membaiki sistem pendawaian elektrik, pihak sekolah boleh kemukakan permohonan pembaikan/naik taraf kepada JHEAIPP.

Justeru, mesyuarat Majlis Pengetua Maahad Tahfiz, telah bersetuju untuk mewujudkan sistem audit keselamatan bagi mengenal pasti keperluan meningkatkan aspek keselamatan maahad tahfiz.

Manakala di pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pula, tindakan berikut diambil bagi memberi kesedaran dan sebagai langkah-langkah keselamatan dalam menghadapi dan mencegah berlakunya kebakaran :-

- (i) Mewujudkan Pasukan Task Force bagi mengenal pasti keadaan, membuat pemeriksaan dan lawatan tapak ke sekolah-sekolah tersebut. Sehingga 11 Oktober 2017, sebanyak 60 pemeriksaan telah dijalankan;
- (ii) Memberi khidmat nasihat kebombaan seperti mengadakan latihan kebakaran (fire drill), ceramah keselamatan kebakaran, demonstrasi memadam kebakaran dan latihan pengungsian bangunan;
- (iii) Mengesyorkan supaya pihak sekolah yang dilawati supaya mewujudkan Skuad Bomba. Skuad bomba ini dianggotai oleh guru dan pelajar sekolah bertujuan untuk menjadi mata dan telinga dalam membuat tindakan awal sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Skuad ini akan dilatih dengan latihan asas kebombaan dan juga penyelamatan diri. Sehingga kini, sebanyak 20 Skuad Bomba telah berjaya ditubuhkan sejak ia dilancarkan pada bulan Mei 2017 yang lalu; dan
- (iv) Mengadakan latihan kebakaran secara berkala. Latihan ini berupaya memahirkan pihak sekolah jika berlaku situasi sebenar dan juga sebagai kesiapsiagaan sekiranya berlaku sebarang insiden kecemasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Terdapat pokok-pokok usang atau dahan pokok yang menghalau jalan raya dalam Kadun Penaga jika patah dan tumbang ke arah jalan raya boleh menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa ke atas pengguna jalan raya. Apakah tindakan MPSP dalam memastikan keselamatan kepada pengguna jalan raya di kawasan Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan Penaga dari mendapat kecederaan dan kehilangan nyawa akibat pokok patah dan tumbang, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil tindakan seperti berikut:-
 - (i) Melaksanakan tindakan penyelenggaraan berkala dari semasa ke semasa mengikut jadual yang telah ditetapkan.
 - (ii) Mewujudkan unit skuad khas di bawah Jabatan Landskap bagi menghadapi bencana pokok tumbang semasa berlakunya angin ribut.
 - (iii) Membuat cantasan atau menebang pokok mengikut keperluan di lokasi aduan dalam tempoh 24 jam mengikut prosedur operasi kerja seperti yang telah ditetapkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Jelaskan status terkini Projek ZIA Penaga dalam KADUN Penaga. Adakah laporan Details Enviromental Impact Assessment (DEIA) telah disiapkan dan dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan jika telah siap dan dihantar kepada JAS, apakah keputusannya? Berapakah jumlah kos untuk kajian laporan DEIA dan pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menjelaskannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam meningkatkan pengeluaran industri akuakultur di Pulau Pinang.

Pada 22 Januari 2016, Terma Rujukan (TOR) bagi penyediaan laporan Details Enviromental Impact Assessment (DEIA) telah dibentangkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) oleh perunding yang dilantik oleh Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang (PENKUA) iaitu Green Earth Sdn. Bhd. JAS telah meminta supaya penambahbaikan ke atas TOR tersebut dan dikemukakan semula kepada JAS untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, pihak perunding gagal menyediakan dan mengemukakan TOR sepertimana yang ditetapkan oleh JAS.

Berikutan itu, perunding baharu yang berpengalaman dalam penyediaan laporan DEIA yang kini dikenali sebagai Laporan EIA – Jadual 2 dan juga pakar dalam sektor marin perlu dilantik. Kertas MMK bagi pelantikan juruperunding baharu telah diluluskan pada 27 September 2017 dan disahkan pada 4 Oktober 2017 dengan kos penyediaan laporan berjumlah RM848,000.00 (termasuk 6% gst) yang akan dibiayai bersama oleh kesemua 19 peserta yang telah ditawarkan tapak tanah Projek ZIA Penaga yang berkeluasan 479.1133 ekar.

Kerajaan Negeri akan memantau kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh juruperunding baharu dan mengarahkan supaya TOR dapat disiapkan dan dikemukakan kepada JAS dalam masa 10 bulan dari tarikh surat tawaran diterima.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila jelaskan Standard Operating Procedure PBAPP Sdn Bhd dalam kes pemotongan bekalan air? Adakah tindakan pemotongan hanya dibuat selepas Tarikh Akhir Pembayaran seperti tercatat dalam bil atau selepas 14hari dari tarikh penerimaan Notis Pemotongan Bekalan Air (berwarna merah)Senaraikan cara pembayaran bil air?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tindakan pemotongan bekalan air oleh PBAPP adalah dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang terkandung di dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA).

Seksyen 88 AIPA memperuntukkan bahawa jumlah wang yang berkenaan dengan bekalan air hendaklah dibayar dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penyerahan bil.

Sekiranya tiada pembayaran diterima daripada pengguna selepas tempoh tersebut, notis pemotongan bekalan air seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 89(3) AIPA akan dikeluarkan di mana pengguna dikehendaki untuk membayar tunggakan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis.

Sekiranya pengguna masih gagal menjelaskan tunggakan selepas tempoh tersebut, PBAPP akan memotong bekalan air tanpa sebarang notis lanjut seperti termaktub di bawah Seksyen 89(1)(a) AIPA.

Berikut adalah cara pembayaran bil PBAPP:-

- (i) Pembayaran secara tunai atau cek di semua sembilan (9) Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP di seluruh Pulau Pinang.
- (ii) Pembayaran secara *online* melalui 9 bank utama iaitu Ambank, CIMB, Public Bank, Bank Rakyat, Maybank, HSBC Bank, Bank Simpanan Nasional (BSN), Standard Chartered Bank dan UOB Bank.
- (iii) Pembayaran melalui Aplikasi Mudah Alih (myPBA) – Pembayaran dibuat melalui ipay88 yang melibatkan 14 Bank Utama iaitu Ambank, Bank Islam, Affin Bank, Bank Muamalat, Bank Rakyat, CIMB, Hong Leong Bank, Maybank, OCBC Bank, Public Bank, RHB Bank, Standard Chartered Bank, UOB Bank dan Alliance Bank.
- (iv) Pembayaran bill secara Tunai atau Cek melalui agensi kutipan bersama (Joint Collection Agencies) yang berdaftar dengan PBAPP iaitu MBPP, MPSP, PDC, Telekom, TNB, Pejabat Pos dan Bank Pertanian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berhubung dengan penyambungan semula bekalan air yang telah dipotong ,jika pembayaran sepenuhnya telah dibuat adakah wajib bagi pengguna untuk memaklumkan kepada Kaunter Penyambungan Semula di Pejabat PBAPP untuk memohon supaya bekalan air disambung semula? Mengikut SOP PBAPP berapa hari Penyambungan semula akan dibuat setelah PBAPP menerima bayaran tunggakan sepenuhnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pengguna wajib memaklumkan semula kepada PBAPP samada melalui Kaunter Khidmat Pelanggan atau melalui email di customer@pba.com.my atau melalui Pusat Panggilan 24 jam PBAPP di 04-2558255 untuk membuat penyambungan semula bekalan air selepas pembayaran sepenuhnya dibuat. Penyambungan semula hanya dibuat berdasarkan permohonan daripada pengguna. Terdapat juga kes-kes di mana pengguna tidak memerlukan penyambungan semula bekalan air walaupun selepas penyelesaian semua tunggakan bil.

Berdasarkan kepada SOP dan Piagam Pelanggan PBAPP, penyambungan semula akan dibuat di dalam tempoh 48 jam selepas pembayaran penuh di buat di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP.

Namun demikian, bagi Pengguna yang tidak mampu untuk menjelaskan keseluruhan tunggakan boleh memohon untuk membuat pembayaran secara ansuran di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP tertakluk kepada kelulusan lanjut pihak PBAPP.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jika tindakan pemotongan bekalan air dilakukan oleh PBAPP disebabkan Notis tidaksah PBAPP atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran seperti tercatat dalam bil atau kurang daripada 14hari dari tarikh penerimaan Notis Pemotongan Bekalan Air. Adakah pengguna perlu membayar caj Notis Pemotongan Air RM3.18, Caj Penyambungan Semula RM 37.10,Caj Pemotongan Meter RM37.10

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Caj pemotongan atau penyambungan semula bekalan air dilaksanakan mulai 1 April 2016 di seluruh Negara di bawah peruntukkan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014. Kadar caj pemotongan dan penyambungan semula bekalan air yang disyorkan oleh SPAN (sila rujuk di **Jadual A**).

Caj Notis Pemotongan sebanyak RM 3.18 (Termasuk GST) akan dikenakan setelah notis pemotongan dikeluarkan kepada pengguna selepas tiada bayaran diterima selepas 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan, tidak tertakluk sama ada pemotongan bekalan air telah dijalankan atau tidak. Caj Notis Pemotongan akan dibilkan kepada pengguna di dalam bil yang seterusnya.

Sekiranya tiada bayaran diterima selepas 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan, pemotongan bekalan air akan dilakukan oleh PBAPP dan Caj pemotongan sebanyak RM 37.10 (termasuk GST) akan dikenakan. Setelah pembayaran penuh dibuat dan pengguna memohon untuk membuat penyambungan semula bekalan air, Caj Penyambungan semula sebanyak RM 37.10 (Termasuk GST) akan dikenakan. Caj Pemotongan dan Penyambungan Semula akan dibilkan kepada pengguna di dalam bil yang seterusnya (Next bill).

Caj pemotongan dan Caj Penyambungan Semula juga dikenakan bagi kes pemotongan dan penyambungan semula atas permintaan pengguna.

Sekiranya pemotongan bekalan air disebabkan oleh kesilapan pihak PBAPP, semua caj-caj yang berkaitan dengan pemotongan tersebut tidak akan dikenakan kepada pengguna. Namun demikian, pengguna perlu membuat aduan di mana-mana pusat Khidmat Pelanggan PBAPP atau melalui Pusat Panggilan 24-Jam PBAPP agar siasatan lanjut dapat dijalankan bagi menentukan kesahihan aduan tersebut.

Bagi mengelakkan caj dikenakan, pengguna dinasihatkan untuk membayar bil air sebelum tarikh akhir bayaran. Bagi memudahkan pembayaran bil, PBAPP menyediakan perkhidmatan bayaran secara "online", pembayaran secara "Prepaid" dan pembayaran melalui aplikasi mudah alih myPBA selain dari pembayaran melalui Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP dan/atau melalui agen kutipan lain yang sah.

RUJ. JADUAL A BDMZA NO. 16.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mengenai PBAPP a) apakah tugas/peranan Call Center? b) Apakah perbezaan kiraan serta pembayaran bil air rumah yang udah siap beralamat penuh dan rumah yang sudah siap dan diduduki tetapi masih menggunakan nombor Lot tanah semasa pembinaan? c) Adakah sistem PBAPP di sambungkan(link) dari kaunter bayaran dengan kaunter penyambungan semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Pusat Panggilan 24 Jam Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) (04-2558255) berperanan untuk menerima aduan (complaint) pengguna, pertanyaan (enquiry) berkenaan dengan bil atau perkara-perkara lain yang berkaitan dan sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna-pengguna di Pulau Pinang. Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP diurus tadbir oleh pegawai-pegawai yang terlatih dan diurus secara professional di bawah VADS Berhad (Anak Syarikat Telekom Malaysia Berhad).

Selain daripada itu aduan, pertanyaan dan perkongsian maklumat kepada pengguna di Pulau Pinang juga dibuat melalui laman sosial (i.e. Facebook dan Twitter) di mana pengguna-pengguna boleh membuat aduan dan pertanyaan serta mendapatkan maklumat terkini berkenaan PBAPP.

- (b) Perbezaan pengiraan bil adalah disebabkan oleh tarif yang berbeza dikenakan terhadap premis-premis kediaman tersebut. Bagi premis kediaman yang memiliki Sijil kelulusan dari Majlis Perbandaran dan/atau Sijil Layak menduduki (OC), pengiraan bil adalah berdasarkan kepada tarif 1 (Domestik). Bagi premis kediaman yang tidak/belum memperolehi kelulusan dari Majlis Perbandaran atau belum memiliki Sijil Layak Menduduki (OC), pengiraan bil adalah berdasarkan Tarif 3 (Perniagaan khas). Perbandingan pengiraan bil berdasarkan tarif adalah seperti di lampiran **Jadual 1**.
- (c) Semua sistem dalaman yang digunakan oleh PBAPP adalah diintegrasikan dengan sistem-sistem lain yang berkaitan. Bagi kes-kes yang melibatkan pemotongan bekalan air, pengguna perlu membuat permohonan penyambungan semula di kaunter perkhidmatan kerana keputusan untuk menyambung semula bekalan air perlu dengan persetujuan pengguna. Terdapat kes-kes dimana, pengguna tidak memerlukan sambungan semula bekalan air walaupun semua jumlah tunggakan diselesaikan. Amalan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 89(7) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dimana pemilik atau penghuni perlu memberi akses kepada pemegang lesen pengagihan air untuk menjalankan kerja-kerja penyambungan semula. Persetujuan ini perlu agar pengguna mengambil maklum bahawa Caj penyambungan semula akan dikenakan bagi tujuan tersebut.

JADUAL 1 BDMZA NO. 17.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. MPSP dan MBPP mengenakan perbagai jenis cukai kepada orang ramai. Senaraikan jenis-jenis cukai tersebut dan jumlah kutipan bagi tahun 2013,2014,2015 dan 2016

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jenis cukai yang dikenakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada orang ramai adalah Cukai Taksiran Bangunan dan Cukai Taksiran Tanah. Jumlah keseluruhan cukai yang telah dikutip bagi tahun 2013 hingga 2016 bagi MBPP adalah sebanyak RM714,422,473.22 manakala bagi MPSP pula adalah sebanyak RM593,693,644.00. Maklumat terperinci kutipan cukai adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Tahun	MBPP	MPSP
2013	RM149,445,536.84	RM131,160,556.00
2014	RM180,337,008.46	RM135,546,689.00
2015	RM191,754,223.18	RM161,858,508.00
2016	RM192,885,704.74	RM165,127,891.00
Jumlah	RM714,422,473.22	RM593,693,644.00

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah purata pengguna Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Jambatan Pulau Pinang Pertama?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Purata harian pengguna Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah adalah seramai 22,000 pengguna sehari. Manakala purata harian pengguna Jambatan Pertama Pulau Pinang pula adalah seramai 83,500 pengguna sehari.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Senaraikan Jenis Elaun dan jumlah keseluruhannya yang diberikan kepada setiap Ahli Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Berapakah jumlah yang dibayar kepada setiap AMMMKN dan Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penetapan gaji dan elaun YAB. Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Yang Di-Pertua Dewan, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan, Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah berdasarkan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Bilangan 2 Tahun 1980.

Kali terakhir gaji dan elaun YAB. Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan disemak adalah pada tahun 2005 dan gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO), Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah disemak pada tahun 2016. Gaji YAB. Ketua Menteri adalah yang terendah di Malaysia.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapakah jumlah penduduk Pulau Pinang yang distiharkan bankrap setakat 2017 dan senaraikan mengikut umur, bangsa dan sebab diistiharkan bankrap. Berapa ramai orang bankrap di Pulau Pinang yang dijangka akan dilepaskan dari kebankrapan setelah Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 dikuatkuasakan mulai 6 oktober 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Maklum balas yang diterima daripada Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Pulau Pinang (JIMCPP) melaporkan bahawa seramai 981 orang diisytiharkan bankrap dari tahun 2012 hingga 2017 di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, seramai 650 adalah Melayu, 244 orang Cina dan 83 orang India dan lain-lain kaum seramai 4 orang.

JIMCPP turut memaklumkan bahawa daripada jumlah 981 orang yang diisytiharkan bankrap di Negeri Pulau Pinang, golongan yang berusia 31 hingga 40 tahun berada dalam kedudukan yang tertinggi dengan seramai 425 orang diikuti golongan yang berusia 41 hingga 50 tahun seramai 422 orang.

Punca kebangkrutan adalah disebabkan pinjaman perumahan, pinjaman perniagaan, pinjaman sewa beli kenderaan, penjamin sosial, pinjaman peribadi dan kad kredit. Golongan yang bankrap akibat pinjaman perniagaan berada di kedudukan tertinggi kebangkrutan dengan seramai 52 kes diikuti pinjaman perumahan seramai 38 kes. Untuk makluman, data bagi punca kebangkrutan adalah berdasarkan statistik bilangan bankrap yang hadir ke JIMCPP. Bilangan bankrap yang boleh dilepaskan dengan Pindaan Akta Kebankrapan 1967 adalah seramai 79 orang.

Perincian statistik bankrap bagi negeri Pulau Pinang dari 2012 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDMZA NO. 21.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan no lot-lot tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian, Jabatan, PERDA, LKIM, RTB dan lain-lain dalam Kadun Penaga mengikut no lot, lokasi, keluasan lot, kosong ataupun telah dibangunkan seperti sekolah dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senarai tanah kepunyaan hakmilik Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di dalam KADUN Penaga berserta perinciannya adalah seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai aktiviti status pembangunan bagi kesemua tanah tersebut.

RUJ. LAMPIRAN A BDMZA NO. 22.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Mengenai Tabung TYT, sila maklumkan perkara-perkara berikut:
- (a) Nyatakan sejak bila Tabung TYT ditubuhkan, tujuannya, sumber kewangan dari mana, jumlah dana yang ada setakat 2017 dan kelayakan penerima serta cara memohon;
 - (b) Senaraikan jenis bantuan dan jumlah kewangan yang telah diberikan kepada rakyat Pulau Pinang mengikut Kadun-Kadun dari 2016-2017 khususnya Kadun Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Tabung TYT ditubuhkan pada 22 Mei 2007. Tujuan Tabung TYT ditubuhkan adalah untuk memperakaukan terimaan sumbangan daripada kerajaan, individu, syarikat atau pertubuhan/badan swasta yang ingin menderma bagi tujuan memberikan bantuan kepada mangsa kejadian bencana alam di setiap daerah dalam Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa. Selain itu, akaun ini juga bertujuan untuk memberikan bantuan dan bayaran saguhati kepada mangsa mana-mana kejadian bencana dalam Negeri Pulau Pinang bagi meringankan penderitaan yang dihadapi oleh mangsa.

Sumber kewangan adalah diperolehi daripada kerajaan, individu, syarikat atau pertubuhan swasta. Jumlah dana yang terkumpul sehingga September 2017 adalah sebanyak RM84,114.62. Mangsa yang terlibat dalam kejadian ribut atau kebakaran di mana-mana KADUN/Daerah layak memohon bantuan dari tabung ini dengan melaporkan kepada Penghulu Kawasan atau terus ke Pejabat Daerah di kawasan kejadian. Penghulu Kawasan akan menjalankan siasatan dan mengumpul dokumen lengkap seperti salinan laporan Polis, salinan kad pengenalan mangsa, gambar kejadian dan salinan akaun bank sebelum dibentangkan dalam Jawatankuasa Kecil Tabung TYT Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Kadar bantuan awal serta merta kepada mangsa-mangsa adalah tidak melebihi RM1,000.00 bagi satu keluarga atau pada kadar 10% daripada anggaran nilai kerugian atau kerosakan setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil TYT Daerah. Pembayaran awal ini akan diserahkan secara tunai dalam tempoh 3 hari dari tarikh kejadian berlaku. Nilai had maksima bantuan adalah pada kadar RM5,000.00 dengan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tabung TYT Negeri Pulau Pinang dan dibuat melalui pembayaran terus ke dalam akaun mangsa.

- (b) Jenis bantuan yang disalurkan melalui tabung ini adalah saguhati berupa wang tunai. Pada tahun 2016, sebanyak RM6,700.00 bantuan kewangan telah disalurkan kepada penduduk di KADUN Penaga melibatkan 5 kes bencana ribut. Manakala sehingga Oktober 2017, jumlah bantuan yang telah disalurkan adalah berjumlah RM148,600.00 melibatkan 136 kes bencana ribut dan 1 kes kebakaran yang berlaku di KADUN Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri dilaporkan memperuntukkan dalam bajet bermula 2009-2017 lebih kurang 50juta setahun. Nyatakan dengan terperinci jumlah agihan peruntukan tersebut:
- (a) Pembinaan/Baikpulih Masjid, Surau, Sekolah Agama Rakyat dan lain-lain.
 - (b) Elaun kepada Imam Masjid dan Pegawai-pegawai Masjid.
 - (c) Perbelanjaan Pentadbiran dan Gaji serta Elaun kakitangan Majlis Agama Islam, Pejabat Agama Islam dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Jumlah keseluruhan agihan peruntukan bagi pembinaan/baikpulih masjid, surau, sekolah agama rakyat dan lain-lain dari tahun 2009 hingga 2017 adalah sebanyak RM76,763,180.00. Perinciannya adalah seperti jadual di **Lampiran A**.
- (b) Jumlah agihan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada pegawai masjid daerah dan masjid kariah (Imam, Bilal dan Siak) bagi tempoh 2009 hingga 2017 adalah sebanyak **RM28,324,848.00**. Daripada jumlah ini, Kerajaan Negeri menyumbang sebanyak RM19,827,393.60 (70%) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyumbang sebanyak RM8,497,454.00 (30%). Perincian agihan bayaran elaun pegawai masjid daerah dan kariah bagi tempoh 2009 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran B**.
- (c) Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus MAINPP yang merangkumi perbelanjaan am pentadbiran, gaji dan elaun kakitangan MAINPP bagi tahun 2009 hingga 2017 adalah berjumlah **RM25,113,171.68** (sehingga Oktober 2017). Peruntukan kepada MAINPP dibiayai sepenuhnya daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP). Manakala peruntukan bagi perbelanjaan mengurus Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi tempoh 2009 hingga 2017 berjumlah **RM143,714,954.00**. Peruntukan kepada JHEAIPP dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Perincian peruntukan perbelanjaan mengurus JHEAIPP dan MAINPP bagi tahun 2009 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut :-

Tahun	Jumlah Peruntukan Mengurus JHEAIPP (RM)	Jumlah Peruntukan Mengurus MAINPP (RM)
2009	9,932,660.00	2,264,594.69
2010	13,379,520.00	2,381,077.68
2011	13,382,380.00	2,574,929.44
2012	14,494,750.00	2,799,783.67
2013	15,745,450.00	2,811,298.25
2014	16,605,984.00	3,011,228.55
2015	18,884,940.00	3,061,230.47
2016	19,819,990.00	3,386,262.84
2017	21,469,280.00	2,822,766.09 (Sehingga 20 Okt 2017)
JUMLAH	143714954	25113171.68

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDMZA NO. 24.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Nyatakan jumlah pegawai yang bertugas di pejabat Y.A.B. Ketua Menteri dan berapakah jumlah perbelanjaan tahunan pada 2014,2015,2016 dan 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Jumlah anggota dan perbelanjaan di Pejabat YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga tahun 2017 adalah seperti di jadual di bawah. Jumlah ini adalah termasuk dengan jumlah pegawai yang telah meletak jawatan.

Bil	Tahun	Jumlah anggota	Jumlah Perbelanjaan (Bulanan) (RM)
1	2014	20	76,494.86
2	2015	20	79,783.37
3	2016	21	88,014.64
4	2017	23	102,655.10
	Jumlah Keseluruhan	84	346,947.97

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Mengenai tanah-tanah wakaf dan Baitulmal yang terdapat di Negeri Pulau Pinang, Senaraikan lot-lot tanah, keluasan dan lokasi tanah-tanah wakaf tersebut. Adakah ianya telah di majukan dan jika masih belum sila nyatakan sebabnya. Senaraikan lot-lot tanah wakaf dalam KADUN Penaga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Keseluruhan tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang berjumlah 1,255 lot dengan keluasan kira-kira 1,260.95 ekar. Walau bagaimanapun, sebahagian besar tanah wakaf tersebut adalah wakaf khas bagi tujuan tapak masjid, tapak surau, tanah perkuburan, sekolah agama/madrasah atau wakaf khas bagi tujuan tertentu dan hanya sebahagian kecil sahaja dalam kategori wakaf am. Senarai tanah wakaf di Pulau Pinang seperti di **Lampiran A**.

Bagi tujuan pembangunan tanah wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengenal pasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dimajukan bagi faedah umat Islam di Negeri Pulau Pinang. Senarai rancangan projek pembangunan tanah wakaf adalah seperti di **Lampiran B**.

Di kawasan DUN Penaga terdapat sejumlah 66 lot tanah wakaf dengan keluasan 68.915 ekar. Senarai tanah wakaf di kawasan DUN Penaga seperti di **Lampiran C**.

RUJ. LAMPIRAN A, B DAN C BDMZA NO. 26.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila nyatakan status tanah tapak Pengkalan Udara TUDM Butterworth? Adakah pemindahan hakmilik dan pembangunan akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Tanah Pangkalan Udara TUDM Butterworth adalah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Pulau Pinang telah memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan masih di peringkat kajian dan penelitian ke atas Cadangan Projek Pemindahan dan Pembangunan Semula Pangkalan Udara TUDM Butterworth.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Mengenai Kempen Tanpa Beg Plastik, nyatakan mengikut tahun jumlah kutipan bayaran RM0.20 yang diperolehi sejak bermulanya kempen tersebut pada tahun 2009 sehingga 2017. Bagaimanakah wang kutipan dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Jumlah kutipan RM0.20 sen bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik sejak tahun 2009 hingga September 2017 adalah sebanyak RM6,669,414.17. Perician jumlah kutipan adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
2009	28,495.95
2010	268,035.57
2011	738,252.65
2012	1,206,035.33
2013	959,826.03
2014	1,040,750.81
2015	719,005.68
2016	827,469.90
2017 (September)	881,542.25
JUMLAH KESELURUHAN	6,669,414.17

Semua kutipan akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang dan hanya digunakan untuk program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam bentuk bantuan kewangan bulanan kepada golongan miskin di samping meningkatkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menghadapi Revolusi Industri ke 4? Bagaimana Kerajaan Negeri dapat menyumbang kepada pelaksanaan Dasar Transformasi Nasional 50(TN50) di Negeri Pulau Pinang yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri telah memulakan usaha menghadapi Revolusi Industri Ke-4 dengan melaksanakan langkah-langkah dan perancangan seperti berikut:-
- (i) Penang Skills Development Centre (PSDC) sebagai peneraju dalam memperkasakan dan menaikkan tenaga kerja generasi terkini melalui persijilan teknologi tinggi dan program latihan. Program yang dilaksanakan adalah National Empowerment In Certification And Training For Next Generation Workers (NECT-GEN-Industry 4.0). Dalam masa yang sama ia berfungsi sebagai pemangkin untuk membantu syarikat bergerak dari Industri 2.0 kepada Industri 4.0 yang akan mendorong negeri mencapai sasaran tenaga kerja mahir sebanyak 35% menjelang tahun 2020;
 - (ii) Memfokuskan kepada sektor perindustrian di mana kebanyakan kilang di Pulau Pinang terutamanya syarikat multinasional (MNC) telah mengimplementasikan Industri 4.0 kerana didorong oleh faktor pemasaran (market driven). Antara syarikat yang telah mengamalkan Industri 4.0 adalah B.Braun, Bosch, Osram, ViTrox, Kontron dan lain-lain;
 - (iii) Insentif dan sokongan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) seperti 'Automation Capital Allowance', dan mendapatkan 'soft loan' dari Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan bank-bank terpilih;
 - (iv) Memberi kesedaran kepada syarikat-syarikat tempatan mengenai trend Industri 4.0 agar tidak ketinggalan dan sentiasa kompetitif di arena tempatan mahupun antarabangsa; dan
 - (v) Menyebarkan maklumat terkini mengenai Industri 4.0 kepada syarikat tempatan dan mendidik masyarakat melalui program bersama agensi dan badan-badan pengamal/penasihat Industri 4.0.

Transformasi Nasional 2050 atau TN50 ialah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang memenuhi aspirasi penduduknya. Inisiatif ini akan dilaksanakan berasaskan matlamat dan sasaran yang ketika ini dalam fasa persediaan (2017-2018). Satu dokumen akhir akan disediakan menjelang akhir tahun 2019 atau awal tahun 2020. Semua usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah sebagai persediaan untuk menghasilkan tenaga kerja mahir dalam keperluan Industri 4.0 dan bersama menyokong TN50 yang mana masyarakat akan mendapat manfaat dalam kemajuan teknologi terkini.

XVIII. Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kita nak selamatkan tanah pertanian/bendang dari ditukar kepada komersial/industri di Pulau Pinang
 - (a) Apakah SOP yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi meluluskan tanah-tanah pertanian/bendang kepada komersial/industri?
 - (b) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengawal *food security* di Pulau Pinang khasnya di Penanti?
 - (c) Berapa banyakkah tanah pertanian/bendang telah di tukar kategori?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1.
 - (a) Permohonan tukar syarat adalah di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965. Pejabat Daerah dan Tanah akan menerima dan memproses permohonan yang lengkap. Permohonan tersebut kemudiannya akan dirujuk kepada jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Penilaian. Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kemudiannya akan diangkat dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang. Sekiranya permohonan diluluskan, Borang 7G akan dikeluarkan dan pemohon perlu membayar premium yang ditetapkan. Selepas bayaran premium dibuat, hak milik baru akan dikeluarkan berdasarkan syarat baru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - (b) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan komited dalam memastikan food security di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuklah di DUN Penanti. Dasar Kerajaan Negeri dalam mengawal food security adalah tidak membenarkan kawasan padi yang aktif dikeluarkan dari kawasan tali air yang diwartakan. Oleh itu, sekiranya tanah tersebut merupakan kawasan padi yang aktif, maka tidak boleh ditambah dan ditimbus tanpa sebarang kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pertimbangan dan kelulusan juga tertakluk kepada ulasan jabatan-jabatan teknikal yang dirujuk dan zoning pembangunan kawasan tersebut dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang di bawah kawalan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) dan Rancangan Tempatan Daerah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan Negeri juga telah melibatkan banyak pihak bagi penyediaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030. Dalam masa yang sama, RSNPP 2020 yang digunapakai sekarang turut menggariskan dasar Kerajaan Negeri dalam mengawal food security. Merujuk kepada RSNPP, Dasar Sektorial Umum (DSU) 10 Langkah 1 telah mewartakan kesemua Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang telah dikenalpasti sebagai kawasan pengekalan dan pemeliharaan mengikut kategori Sokongan Hidup. Kategori ini merujuk kepada kawasan bernilai tinggi bagi menyokong keperluan asas untuk kesinambungan dan kesejahteraan manusia dan hidupan lain seperti kawasan tadahan air, jelapang padi, kawasan jaminan makanan (pertanian) dan kawasan pertanian komoditi (getah, kelapa sawit, bunga-bunga).

- (c) Jumlah keseluruhan tanah pertanian/bendang yang telah ditukar kategori di Negeri Pulau Pinang sejak 2008 adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Lot	Keluasan (Hektar)
Barat Daya	99	115.53
Timur Laut	7	8.58
Seberang Perai Utara	34	87.18
Seberang Perai Selatan	6	3.7
Seberang Perai Tengah	Tiada	Tiada
Jumlah	146	214.99

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Garispanduan terbaru 15/9/17 pemberian diskaun 90% (MPSP RM0.35 persegi, MBPP RM4 persegi) untuk menukar kegunaan bangunan kediaman ke tadika, taska, PJKK, pusat-pusat jagaan ibu bersalin/anak dan orang tua.
 - (a) Senaraikan pengusaha tanpa lesen dibawah Polisi Pemutihan untuk Penanti?
 - (b) Mengapakah garispanduan baru tidak dibuka kepada pengusaha baru untuk menggalakkan Usahawan Sosial (*Social Preneur*)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Terdapat 1 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan 1 Pusat Jagaan yang berada di dalam senarai pemutihan di DUN Penanti seperti berikut:

Bil.	Taska/Pusat Jagaan	Alamat	Kategori
1	Taska Mutiara Nur Kasih	18, Lorong 12 Taman Seri Akasia, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang.	TASKA Institusi
2	Pusat Jagaan Kanak-Kanak Sinar Sayang	No.1, Lorong Suria Seri Aman 4, Taman Suria Aman, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Pusat Jagaan Kanak-Kanak

- (b) Pemberian diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur adalah bagi TASKA dan Pusat Jagaan yang beroperasi sebelum 15 September 2017. Pengusaha yang beroperasi selepas 16 September 2017 perlu mematuhi garis panduan yang sedia ada. Pemberian diskaun ini adalah untuk tujuan pemutihan yang melibatkan pengusaha-pengusaha yang telah menjalankan aktiviti berlandaskan perkhidmatan sosial. Bagi pengusaha-pengusaha baru, mereka perlulah mengikut garis panduan sedia ada. Walau bagaimanapun, pengecualian bayaran-bayaran boleh diberi kepada pengusaha yang tidak berlandaskan keuntungan (*Non-Profit Organization*) tertakluk kepada surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (bagi permohonan TASKA dan Pusat Jagaan) atau Jabatan Pendidikan Negeri (bagi permohonan Tadika).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah perincian sumbangan per kapita oleh Kerajaan Negeri untuk setiap jenis sekolah iaitu sekolah SAR/KAFA, Maahad Tahfiz, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Tamil kepada:
 - (a) Pelajar?
 - (b) Guru?
 - (c) Infrastruktur pembaikan baikpulih dan infrastruktur baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus di bawah Program Bantuan Pendidikan untuk sekolah-sekolah bantuan modal atau bantuan kerajaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah berjumlah RM10.25 juta setahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Untuk sekolah agama adalah sebanyak RM55.4 juta tanpa kira pemberian tanah bernilai puluhan juta ringgit sejak tahun 2008.

Tahun	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)	2017 (RM juta)
Jenis Sekolah					
Sekolah Cina / Persendirian / Mubaligh	8.50	8.50	8.50	8.5	8.50
Sekolah Tamil	1.75	1.75	1.75	1.75	1.75
Jumlah	10.25	10.25	10.25	10.25	10.25

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P13 Butiran 04 Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan membiayai kos membaiki, menaik taraf dan membina sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang. Jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2017 bagi Sekolah Agama Rakyat adalah berjumlah RM 22,008,860.00.

Di samping Program Bantuan Pendidikan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memberikan sumbangan tambahan *ex-gratia* sebanyak RM50.00 sebulan kepada guru-guru KAFA. Pada tahun 2016 sebanyak RM930,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembayaran pemberian *ex-gratia* kepada seramai 1,550 orang guru KAFA. Kerajaan Negeri juga mulai tahun 2010 telah memperuntukkan dalam bajet tahunan pemberian bantuan khas kewangan/ bonus kepada guru-guru KAFA dan mulai tahun 2012 telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian sagu hati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan TADIS.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM 62.69 juta dari tahun 2008 sehingga kini untuk tujuan pengambilan tanah bagi projek-projek keagamaan Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan sekolah-sekolah agama di Negeri Pulau Pinang (tanpa mengambil kira kos pengambilan tanah) dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah berjumlah RM 55,380,360.00. Dengan pengambilan tanah ataupun pemberian tanah Kerajaan, kosnya akan menambah perbelanjaan untuk Sekolah Agama sekurang-kurangnya hampir RM10 juta lagi.

Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Program Bantuan Pendidikan (RM)	Sumbangan <i>ex gratia</i> guru-guru KAFA (RM)	Bantuan Khas Kewangan / Bonus kepada Guru KAFA(RM)	Pembangunan P13 (04) – Sekolah Agama (RM)	Jumlah (RM)
2008	88,250	659,250	-	2,500,030	3,247,530
2009	1,500,000	879,000	-	3,668,800	6,047,800
2010	1,750,000	913,200	487,500	2,560,000	5,710,700
2011	1,750,000	900,000	984,500	1,700,000	5,334,500
2012	1,750,000	912,000	1,078,900	1,100,020	4,840,920
2013	1,750,000	886,800	1,526,500	1,850,000	6,013,300
2014	1,750,000	885,600	1,147,800	2,850,000	6,633,400
2015	1,750,000	895,800	1,209,900	1,600,010	5,455,710
2016	1,750,000	930,000	1,256,500	2,030,000	5,966,500
2017	1,750,000	930,000	1,300,000	2,150,000	6,130,000
Jumlah	15,588,250	8,791,650	8,991,600	22,008,860	55,380,360

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dalam bajet 2018, apakah inisiatif Kerajaan Negeri membantu petani di kawasan Penanti untuk:
- (a) Meminimalkan kos penanaman padi seperti racun, baja, benih dan pekerja?
 - (b) Mempelbagaikan sumber pendapatan petani contoh tangkapan hasil sungai seperti udang galah?
 - (c) Menambah pendapatan petani melalui pelancongan desa dan sungai, *eco-tourism*, *homestay*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Bajet 2018 akan dibentangkan dalam sidang DUN kali ini namun begitu, atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap sektor pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam meminimalkan kos penanaman pertanian termasuklah padi. Dalam usaha ini, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan kepada petani dalam bentuk pendidikan dan latihan iaitu dengan menggalakkan petani untuk mengamalkan Integrated Pest Management (IPM) dan Amalan Pertanian Baik. Program ini penting kerana pendidikan dan latihan merupakan teras utama dalam meningkatkan pengetahuan petani ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil tanaman padi yang diusahakan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan pengusaha tanaman untuk menggunakan bahan organik bagi tanaman petani. Melalui program Natural Farming yang dijalankan, petani diberikan khidmat nasihat dan ilmu mengenai kaedah untuk menghasilkan baja organik untuk kegunaan sendiri. Ini secara tidak langsung mengurangkan kos pembelian baja komersial kepada petani.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian juga telah merancang pelbagai program pertanian di Daerah Seberang Perai Tengah termasuklah di kawasan Penanti. Antara fokus yang dirancang merangkumi pembangunan tanaman dan usahawan tani melalui pembangunan infrastruktur ladang, insentif Skim Pensijilan Kualiti myGAP/myOrganic, pengukuhan Kelompok Tani dan Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW), khidmat mekanisasi ladang dan program pengembangan pertanian kepada golongan sasar. Kesemua program ini dirancang dalam memastikan perkembangan positif usahawan tani di Negeri Pulau Pinang termasuklah di kawasan Penanti.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan petani untuk mempelbagaikan sumber pendapatan termasuklah di kawasan Penanti. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan sentiasa bersedia dalam membantu dan memberikan khidmat nasihat kepada para petani mengenai kaedah dan cara untuk diversify atau mempelbagaikan sumber pendapatan petani. Sebagai contoh, petani turut mengusahakan penternakan dalam ruangan tanah yang tidak digunakan supaya kadar pusingan pendapatan yang diterima berterusan.
- (c) Kerajaan Negeri sangat menyokong dan menggalakkan penganjuran program pelancongan di kawasan Penanti. Buktinya, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Pelancongan telah memberikan peruntukan bagi penganjuran Karnival Homestay Penanti 2016 pada 3 Disember 2016 di Homestay Mengkuang Titi. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan inisiatif dalam mempromosikan homestay di kawasan Penanti melalui risalah Penang Homestay. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan program Penanti River Run 2017 yang merupakan satu acara larian merentasi kampung dan sawah padi di Penanti pada 10 September 2017. Inisiatif-inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke kawasan Penanti dan secara tidak langsung juga akan memanfaatkan penduduk setempat termasuklah golongan petani.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Walaupun musim kemarau, Penanti merupakan pengeluar padi terbesar di SPT.
- (a) Berapakah hasil pengeluaran padi setiap musim di Penanti?
 - (b) Jawapan Exco pada Sidang lepas, rumah pam PBA di Kampung Terus tidak boleh digunakan kerana air sungai tercemar oleh kumbahan babi, bolehkah rumah pam dimanfaatkan oleh JPS untuk pengairan padi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kawasan penanaman padi di Penanti meliputi dua (2) blok pengairan padi iaitu K1B dan K2A dengan berkeluasan 392 hektar bagi K1B dan berkeluasan 133.17 hektar bagi K2A. Hasil pengeluaran padi bagi setiap musim di Penanti adalah seperti berikut:

Musim	Hasil Pengeluaran Bersih Blok K1B dan K2A (mt/ha)
Musim Utama 2011/2012	2,371.84
Luar Musim 2012	2,613.50
Musim Utama 2012/2013	3,579.40
Luar Musim 2013	2,682.38
Musim Utama 2013/2014	2,395.89
Luar Musim 2014	2,629.13
Musim Utama 2014/2015	2,808.96
Luar Musim 2015	3,100.74
Musim Utama 2015/2016	2,742.49
Luar Musim 2016	3,234.00

- (b) Rumah Pam PBA Sungai Perai (Perai Intake) tidak dapat digunakan untuk pengairan padi kerana reka bentuknya tidak sesuai untuk kegunaan pengairan dan saluran. Disamping itu, lokasi muka sawk juga terletak di kawasan yang bertentangan dengan kawasan penanaman padi di Kampung Terus. Bagi mengelakkan kes-kes kecurian dan vandalisme, pemasangan pam yang terletak di Rumah Pam PBA Sungai Perai juga telah dipindahkan. Kawasan pengairan padi di kawasan tersebut juga diperhatikan tidak mempunyai sebarang masalah dan sistem sedia ada sudah memadai.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Tanah di Pulau Pinang adalah *first-grade*, MPSP dan JPS tidak ada kuasa mengkompaun ke atas pemilik tanah untuk menghentikan dan memulihkan tanah bendang yang telah ditambah secara haram.
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri menggubal rang undang-undang/penguatkuasaan dan pemuliharaan tanah bendang (*food security*)?
 - (b) Di manakah tanah warta bendang di Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Pada dasarnya tanah milik individu yang berstatus *First Grade* termasuk tanah sawah boleh ditambah untuk tujuan pembangunan, dengan syarat kelulusan dan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di perolehi. Oleh itu penggubalan Undang-undang bagi tujuan penguatkuasaan dan pemuliharaan tanah bendang (*food security*) tidak perlu kerana ianya boleh dilaksanakan melalui peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada seperti berikut:

- (i) Tindakan untuk menghentikan kerja tanah bagi ditambah secara haram boleh diambil tindakan di bawah seksyen 70A (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 194 (Akta 133) kerana menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran;
 - (ii) Tindakan memulihkan tanah bendang yang telah ditambah secara haram boleh diambil tindakan di bawah seksyen 19 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
 - (iii) Permohonan Perlingkungan Semula (*Rezoning*); dan
 - (iv) Kawasan pengairan dan penanaman padi serta mana-mana lot yang hendak dibangunkan dan telah diwartakan di bawah Ordinan Taliair 1953 hendaklah membuat permohonan untuk mengeluarkan dari kawasan taliair yang diwartakan terlebih dahulu sebelum sebarang pembangunan dibenarkan. Ordinan Taliair 1953 adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).
- (b) Tanah di kawasan DUN Penanti yang terlibat dengan Warta Tanah Bendang (Warta Tali Air 1953) terletak di Blok K1A dan K1B seluas 396 hektar iaitu di Guar Jering dan sekitar Kg Terus dan ianya boleh dirujuk melalui Warta No.619 bertarikh 11 Oktober 2012.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah keputusan EXCO tentang subsidi RM100-RM180/anak untuk pendapatan isi rumah RM5,000/bulan ke bawah yang dibayar kepada Pengusaha Taska, Tadika, PJKK:
- (a) 2 bulan - 4 tahun?
 - (b) 7 - 12 tahun?
 - (c) 5 - 6 tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Cadangan tersebut pernah dibentangkan oleh Penang Women's Development Corporation (PWDC) dalam Mesyuarat Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Bil.4/2017 bertarikh 5 Oktober 2017. Ahli Jawatankuasa tersebut telah memberi beberapa komen/ulasan dan pandangan yang perlu diteliti semula. Oleh itu, cadangan tersebut sedang diperhalusi dan disokong dengan data dan maklumat yang lebih kukuh sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah penerimaan dari Tabung TYT bagi mangsa bencana adalah 10% dari jumlah kerosakan adalah terlalu minima. a) Bolehkah Kerajaan Negeri memberikan peruntukkan minima RM1,000?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Had pembayaran kepada mangsa-mangsa bencana mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang adalah antaranya ditetapkan seperti berikut:
- (i) Pegawai Daerah boleh menyalurkan bantuan serta-merta kepada mangsa-mangsa tidak melebihi RM1,000.00 bagi satu keluarga;
 - (ii) Kadar bantuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil adalah ditetapkan pada kadar 10% daripada jumlah kerugian bagi kerosakan rumah dan 10% bagi kerosakan peralatan rumah kepada penyewa sekiranya rumah berkenaan disewakan tertakluk kepada had maksima RM5,000.00 dan kelulusan diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tabung TYT Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Jenis bantuan yang diberi boleh dalam bentuk wang tunai, barangan dan perkhidmatan iaitu mengikut kesesuaian atau keperluan mangsa-mangsa yang terlibat; dan
 - (iv) Bantuan tidak termasuk rumah yang diinsurankan, bangunan dan kenderaan.

Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang dan setakat ini tiada pindaan terhadap had pembayaran yang dinyatakan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Ramai penduduk kampung memohon agar diperluaskan dan disingkatkan pemberian khairat kematian pada hari kematian atau selewatnya seminggu selepas tarikh meninggal dunia bagi meringankan beban pengurusan jenazah. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk a) Mempercepatkan penerimaan khairat kematian? b) Meluaskan skop penerima khairat kematian kepada penerima bantuan AES, JKM dan zakat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pada masa kini, Program Sumbangan Pengurusan Jenazah hanya melibatkan warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang berdaftar di bawah Program iSejahtera sahaja.
 - (a) Bagi mempercepatkan penerimaan sumbangan pengurusan jenazah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembayaran secara electronic fund transfer (EFT) ke akaun waris setelah permohonan sumbangan dihantar dan disahkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Namun demikian, cadangan untuk mempercepatkan penyerahan sumbangan pada hari kematian atau seminggu selepas tarikh meninggal dunia boleh dipertimbangkan pada masa akan datang sekiranya mematuhi segala ketetapan kewangan.
 - (b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meluaskan skop penerima Program Pengurusan Sumbangan Jenazah kepada penerima bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Zakat. Pelbagai faktor perlu diteliti termasuk implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebelum sebarang keputusan dibuat pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah peruntukan dan perbelanjaan sebenar Per Kapita kepada setiap KADUN dari segi bantuan perniagaan, kemahiran dan latihan, aktiviti sosial dan kemasyarakatan untuk Briged Wanita mengikut jumlah keahlian yang berdaftar sejak penubuhan sehingga Bajet 2018.
 - (a) Mengikut penyata akaun khas Kewangan Negeri?
 - (b) Peruntukan EXCO-EXCO - PWDC, PTSR, TUTM, Bantuan/Program Ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Mulai tahun 2016, Jabatan Kewangan Negeri melalui Akaun Khas, telah memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 setahun kepada KADUN Pakatan Harapan dan RM10,000.00 setahun kepada KADUN Pembangkang untuk melaksanakan program / aktiviti Briged Wanita di setiap KADUN dengan diselaraskan oleh Pegawai Penyelaras KADUN masing-masing. Peruntukan tersebut diberikan secara 'lumpsum' dan bukannya secara per kapita.

Maklumat terperinci mengenai peruntukan dan perbelanjaan aktiviti Briged Wanita di bawah Akaun Khas Jabatan Kewangan Negeri adalah seperti di **Jadual 1** :

Jadual 1 : Peruntukan Akaun Khas Jabatan Kewangan Negeri Untuk Aktiviti Briged Wanita Bagi Tahun 2016 – 30 September 2017

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2016	100,000.00	60,000.00
2017 (sehingga 30 September 2017)	100,000.00	46,165.00
2018	Telah dibajetkan dan tertakluk kepada Pembentangan Bajet Negeri 2018 dan Kelulusan Persidangan DUN.	-

- (b) Program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti PTSR, TUTM, Program kebajikan dan AES adalah umum kepada seluruh penduduk Pulau Pinang termasuk ahli Briged Wanita berdasarkan permohonan yang dikemukakan.
- (i) Briged Wanita merupakan satu badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantapkan usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara kebajikan kaum wanita. Briged Wanita diletakkan di bawah struktur pentadbiran Biro Pembangunan Wanita dalam setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan pada masa yang sama Briged Wanita turut dinaungi oleh setiap ADUN dan Penyelaras KADUN dalam mengurus serta menyokong semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan masing-masing. Briged Wanita juga tidak mengutip yuran tahunan untuk tujuan keahlian. Jawatankuasa Pemandu Briged Wanita Pulau Pinang ditubuhkan untuk mengawalselia Bridged Wanita dan dipengerusikan oleh YB. Chong Eng. PWDC berfungsi sebagai sekretariat di dalam Jawatankuasa Pemandu ini. PWDC tidak menerima sebarang peruntukan khusus untuk program berkaitan aktiviti setempat Briged Wanita. Semua program tersebut menggunakan peruntukan yang disediakan oleh Peruntukan Khas dari Jabatan Kewangan Negeri.
 - (ii) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan Negeri Pulau Pinang bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Dari tahun 2009 hingga Oktober 2017, peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini.
 - (iii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Dari tahun 2015 hingga Oktober 2017, peruntukan dana sebanyak RM750,000 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk mengendalikan proses pinjaman mikro kredit.
 - (iv) Bagi bantuan meningkatkan ekonomi, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kebajikan telah melaksanakan beberapa program iaitu Program iSejahtera yang merangkumi Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Ibu Tunggal, Program Skim Pelajar Emas, Program Anak Emas, Program Ibu Emas, Program Pengurusan Jenazah Bagi Warga Emas, OKU dan Ibu Tunggal. Perincian jumlah peruntukan bagi program ini dari tahun 2010 hingga September 2017 adalah seperti di **Jadual 2 :-**

Jadual 2 : Jumlah Peruntukan Program-Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2010 – September 2017

PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Program Penghargaan Warga Emas	114,357,800.00
Program Ibu Tunggal	7,290,200.00
Program Bantuan OKU	5,167,800.00
Program Skim Pelajar Emas	27,479,100.00
Program Anak Emas	14,429,200.00
Program Ibu Emas	20,263,800.00

PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Program Pengurusan Jenazah Warga Emas	34,938,000.00
Program Pengurusan Jenazah Ibu Tunggal	117,000.00
Program Pengurusan Jenazah OKU	269,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	224,311,900.00

Kerajaan Negeri dengan penuh komitmen meneruskan program-program kebajikan yang dilaksanakan saban tahun demi membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat dari semasa ke semasa. Dengan menjadikan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sebagai platform terbaik bagi Kerajaan Negeri untuk menyelami kepayahan rakyat menyara seisi keluarga dengan memberikan bantuan kewangan dalam bentuk topup telah membantu golongan miskin meneruskan kehidupan seharian mereka.

Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2009 untuk memberikan bantuan kewangan secara bulanan kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang.

Di bawah Program AES, Kerajaan Negeri akan menambah nilai kepada keluarga yang mempunyai pendapatan perkapita kurang dari RM220.00. Bagi tahun 2016, seramai 1,375 orang penerima telah mendapat manfaat dengan Program AES dan jumlah perbelanjaan bagi program AES sehingga September 2017 adalah sebanyak RM25,871,852.00. Perincian jumlah peruntukan AES dari tahun 2009 hingga September 2017 adalah seperti di **Jadual 3** :-

Jadual 3 : Jumlah Peruntukan AES Bagi Tahun 2009 – September 2017

DAERAH	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
DTL	177	1,519,170.00
DBD	192	4,111,172.00
SPU	671	12,980,159.00
SPT	272	4,618,569.00
SPS	175	2,642,782.00
JUMLAH	1,487	25,871,852.00

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Mengikut status penyata kewangan tabung caruman peparitan sehingga 9/10/2017, MPSP telah menerima sumbangan Pemaju-Pemaju RM160,430,197.67 dan telah digunakan RM73,558,671.83, RM72,198,319.00 telah diserahkan kepada JPS dan RM14,896,003.50 masih belum diserahkan.
 - (a) Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan dikampung berbanding taman dalam KADUN Penanti?
 - (b) Mengapakah MPSP tidak menyerahkan keseluruhan sumbangan kepada JPS?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sebanyak 43 projek tebatan banjir melibatkan kos sebanyak RM2,084,459.50 telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDT SPT) di KADUN Penanti sejak tahun 2013 menggunakan peruntukan Akaun Amanah Caruman Perparitan. Projek-projek yang dilaksanakan tersebut melibatkan projek-projek Tebatan Banjir berskala kecil di kawasan kampung-kampung. Senarai projek-projek kecil Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh PDT SPT adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) MPSP tidak menyerahkan keseluruhan sumbangan kepada JPS adalah bagi membolehkan MPSP melakukan pembayaran kemajuan untuk projek-projek perparitan yang dilaksanakan oleh MPSP. Ini adalah untuk mengurangkan redtape dalam proses pembayaran, di mana bayaran boleh dibuat terus kepada pihak kontraktor untuk semua projek yang telah mendapat kelulusan dalam Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir dan dilaksanakan oleh MPSP.

Walau bagaimanapun, MPSP akur terhadap teguran Jabatan Audit Negara dan keputusan MMK supaya baki tersebut disalurkan setiap suku tahun kepada Pegawai Pengawal Caruman Perparitan, iaitu pihak JPS.

Sehubungan dengan itu, MPSP telah menyalurkan sebanyak RM23,253,114.47 kepada JPS sehingga Oktober 2017. Perincian bayaran kepada JPS adalah seperti di **Lampiran B**.

Baki tunggakan sebanyak RM5,529,153.55 bersama dengan kutipan semasa tahun 2017 akan disalurkan kepada JPS pada bulan Disember 2017.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDNA NO. 11.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Semasa siasatan kemiskinan; ADUN, pegawai-pegawai dan penghulu mendapati bahawa syarat paras kemiskinan RM220/kapita (AES) dan pendapatan isi rumah RM1,500 bagi bantuan baiki rumah dan bina rumah baru adalah tidak relevan memandangkan kos sara hidup semakin meruncing. Bolehkah Kerajaan Negeri menyemak semula syarat untuk naikan kepada:
- (a) RM250/kapita?
- (b) RM2,000 pendapatan isi rumah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Setakat ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk meminda syarat-syarat dan kelayakan bagi penerima Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan juga bantuan baiki dan bina baru rumah. Kerajaan Negeri akan mengambil kira pelbagai faktor termasuk implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat cadangan pindaan terhadap perkara tersebut pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kesan penggondolan tanah-tanah bukit bagi mewujudkan perkuburan Cina/Columbarium baru telah mengakibatkan banjir hadapan pusat pembelajaran Robotik/STEM Tuanku Bainun, Sekolah Mengkuang, Kubang Ulu, Kubang Semang. Bolehkah kerajaan meluluskan permohonan perkuburan/columbarium baru di kawasan tiada berisiko banjir kerana Penanti sudah ada 9 perkuburan cina dan bantahan dari JKKK Sungai Lembu dan Mengkuang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) boleh meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang untuk cadangan perkuburan/columbarium baru di kawasan tiada berisiko banjir. Walau bagaimanapun permohonan tersebut adalah tertakhluk kepada ulasan jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kejuruteraan MPSP. Sekiranya semua aspek tanah dan syarat-syarat jabatan teknikal dapat dipatuhi oleh pemohon maka MPSP boleh meluluskan permohonan yang dikemukakan.

Mengikut rekod, terdapat enam (6) Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh MPSP di dalam kawasan ADUN Penanti bagi tujuan perkuburan/krematorium/kolombarium. Senarai Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh MPSP untuk cadangan perkuburan/krematorium/kolombarium di dalam ADUN Penanti adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDNA NO. 13.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Penduduk Kg.Terus Guar Perahu telah membuat petisyen membantah apa-apa pembangunan industri/komersial/perumahan bagi menyelamatkan tanah-tanah kampung dan bendang dari dijual disebabkan kenaikan harga tanah. Tetapi PDTSPU hendak menukar status tanah Ladang Solar bersebelahan Kg Terus menjadi Industri agar PDTSPU mendapat cukai tanah sejajar pendapatan Feed-In-Tariff selama 21 tahun. Apakah status terkini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Terdapat satu permohonan untuk mengubah kategori penggunaan tanah di bawah Seksyen 124, KTN 1965 daripada 'Tiada' kepada 'Bangunan' ke atas Lot 1552, Mukim 11 Daerah Seberang Perai Utara bagi tujuan Projek Ladang Solar. Permohonan ini dikemukakan oleh EVN Vision Sdn Bhd pada tahun 2016 dan Pihak Berkuasa Negeri pada 21.9.2016 dan disahkan pada 28.9.2016 telah memutuskan untuk tidak meluluskan permohonan tersebut. Keputusan permohonan ini telah dimaklumkan kepada pemohon melalui surat bertarikh 19 Oktober 2016.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Di Seberang Jaya, walaupun JKKK Siakap dan Tenggiri terletak bersebelahan, mereka masing-masing mempunyai futsal dan dewan awam. Bolehkah kerajaan membuat pengambilan tanah dan memberi peruntukkan untuk membina futsal dan dewan serbaguna di:
- (a) Rizab KTMB di Kubang Ulu untuk 1,915 penduduk?
 - (b) Kg.Tanah Liat untuk 4,630 penduduk?
 - (c) Kubang Semang -2840 penduduk?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan untuk membina gelanggang futsal dan dewan serbaguna/ dewan orang ramai dalam peruntukan pembangunan negeri. Namun begitu, sebarang permohonan bagi projek-projek pembangunan perlu dikaji secara keseluruhan dengan mengambilkira perancangan pembangunan keseluruhan dan value for money kepada Kerajaan Negeri serta memberi faedah kepada masyarakat setempat.

Berdasarkan rekod permohonan yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah bagi cadangan projek-projek pembangunan 2018, tiada sebarang permohonan pengambilan tanah bagi tujuan futsal untuk atas rezab KTMB di Kubang Ulu, Kg.Tanah Liat dan Kubang Semang. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada pengambilan boleh dilakukan bagi tanah rezab termasuk rezab KTMB.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah membina sebuah gelanggang futsal berbumbung di Taman Guar Perahu pada tahun 2014 dan siap pada tahun 2015 di bawah Program 1 KADUN 1 Gelanggang Futsal. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menaiktaraf dewan badminton pada tahun 2016 yang terletak bersebelahan dengan gelanggang futsal Taman Guar Perahu dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap permohonan YB. ADUN Penanti, sebuah lagi dewan serbaguna yang dipanggil Dewan Science Cafe Taman Guar Perahu sedang dalam pembinaan dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2,011,371.20 dan dijangka siap pada Mac 2018.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. MARRIS tidak boleh digunakan untuk menaiktaraf jalan tanah/batu di kampung-kampung menjadi jalan tar baru. Tetapi peruntukan ADUN P16(02) tidak mencukupi membiayai jalan-jalan baru yang tinggi kosnya. a) Berapakah sumbangan jalan yang diterima oleh PBT? b) Bolehkah sumbangan jalan yang dikutip PBT diperlakukan seperti sumbangan perparitan? c) Bagaimanakah cara memohon dari sumbangan jalan PBT?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Jumlah sumbangan jalan atau bayaran caruman jalan bagi pelaksanaan projek-projek pembinaan serta menaik taraf jalan dan persimpangan yang diterima oleh kedua-dua pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2017 (sehingga September 2017) ialah sebanyak RM13.02 juta. Dari jumlah tersebut, bayaran caruman yang diterima oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak RM9.476 juta. Manakala jumlah caruman yang dikutip oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula adalah sebanyak RM3.544 juta.

- (b) Bagi bahagian pulau di bawah MBPP, bayaran caruman jalan bagi pelaksanaan projek-projek pembinaan serta menaik taraf jalan dan persimpangan boleh digunakan seperti sumbangan peparitan, di mana skop kerja yang boleh dilaksanakan menggunakan bayaran caruman jalan yang diterima oleh pihak MBPP bagi bahagian pulau, adalah seperti berikut:
- (i) membina serta menaik taraf jalan dan persimpangan di luar kawasan pembangunan (yang disyaratkan kepada pemaju);
 - (ii) membina serta menaik taraf jalan dan persimpangan di jalan-jalan awam di negeri Pulau Pinang; dan
 - (iii) menaik taraf saliran yang perlu dijalankan dengan segera di jalan-jalan awam di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, bagi bahagian Seberang Perai di bawah MPSP, setakat ini bayaran caruman jalan yang dikutip oleh MPSP adalah daripada pemaju-pemaju yang terlibat dengan pembinaan Jalan Song Ban Kheng dan Jalan Bagan 29. Untuk itu, semua kutipan caruman jalan ini diperuntukkan khas untuk menampung kos-kos menaik taraf jalan-jalan tersebut sahaja.

- (c) Permohonan pelaksanaan projek-projek pembinaan serta menaik taraf jalan dan persimpangan melalui bayaran caruman jalan di bahagian pulau boleh dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan, MBPP dengan menyatakan lokasi dan masalah yang dihadapi.

Manakala bagi bahagian Seberang Perai di bawah MPSP, tiada prosedur digariskan untuk permohonan wang sumbangan tersebut kerana MPSP tidak mempunyai wang sumbangan jalan yang umum.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Persempadanan KADUN Penanti

- (a) Apakah hasil langkah-langkah persempadanan SPT dan SPU mengikut Sungai Perai yang baru oleh kerana persempadanan sediaada adalah mengikut Sungai Terus lama atau sungai mati yang tidak lagi kelihatan?
- (b) Lebuh Banting terletak di SPU atau SPT?
- (c) Kampung Tok Elong selepas flyover terletak di KADUN Penanti atau Berapit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Cadangan persempadanan semula Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) mengikut Sungai Perai yang baru telah dibentangkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah SPU, semasa Bengkel Persempadanan Semula Daerah pada 18 Mei 2017. Perkara ini akan diangkat oleh Pihak Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri dan seterusnya dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, selaras dengan Seksyen 11, Kanun Tanah Negara 1965 sebelum diwartakan. Sehubungan itu, sempadan daerah antara SPT dan SPU pada masa ini masih mengikut Warta Kerajaan P.U.49 bertarikh 30 Jun 1966 dengan Pelan Warta GP3 bertarikh 3 Mei 1966.
- (b) Kampung Labuh Banting terletak dalam Daerah Seberang Perai Utara.
- (c) Berdasarkan kepada Peta Persempadanan Pilihan Raya, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan peta PEGIS, Permatang Tok Elong selepas flyover menghala ke Berapit terletak dalam KADUN Berapit.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pencucian sungai ban busuk telah dilakukan pihak JKR (*culvert*) dan JPS (sungai) bagi menyelesaikan masalah banjir di Kubang Semang MK20.
- (a) Bagaimanakah tahap keberkesanan pengaliran air setelah dicuci?

- (b) Berapakah kekerapan cucian sungai ini oleh JPS?
- (c) Bilakah JKR akan membina arch culvert kerana sampah tersekat apabila air sungai meninggi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Setelah kerja-kerja pencucian dijalankan dengan membuang kelodak di sungai berkenaan, pengaliran air adalah lancar dan dapat menampung kapasiti air sedia ada seperti yang dirancang.
- (b) JPS akan memantau kawasan berkenaan dengan lebih kerap dan akan melaksanakan kerja-kerja membuang kelodak apabila diperlukan. Pemeriksaan secara berkala dari pihak JPS dapat memastikan kerja-kerja pencucian dapat dilaksanakan dalam masa yang cepat.
- (c) *Arch Culvert* adalah tidak diperlukan buat masa ini memandangkan Culvert sedia ada yang bersaiz 6m lebar x 3m tinggi adalah mencukupi untuk pengaliran sungai tersebut. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan adalah perlu bagi memastikan pengaliran sungai tersebut bergerak dengan lancar.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Program Isejahtera bantu warga emas, ibu tunggal, surirumah, OKU kecuali belia dan wanita bujang bawah 60 tahun. Kebanyakan pasangan yang bakal berkahwin terbeban dengan kos perkahwinan.
 - (a) Bolehkah kerajaan negeri beri saguhati rm1000 kepada pasangan yang berkahwin untuk kali pertama?
 - (b) Bolehkah kerajaan menganjurkan majlis perkahwinan perdana untuk mengurangkan kos?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Kerajaan Negeri pada masa kini belum bercadang untuk melaksanakan pemberian saguhati kepada pasangan yang berkahwin untuk kali pertama. Cadangan tersebut perlu diteliti dari pelbagai faktor seperti manfaatnya kepada golongan sasar dan juga implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebelum sebarang keputusan mengenainya dibuat.
- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bersama Pejabat Penyelaras KADUN Pulau Betong telah menganjurkan beberapa siri Majlis Perkahwinan Perdana seperti berikut:-
 - (i) Siri Pertama diadakan 15 Mac 2015 bertempat di Kompleks Sukan Balik Pulau yang melibatkan 18 pasangan bagi kawasan Pulau Betong.
 - (ii) Siri Kedua diadakan pada 23 Julai 2017 bertempat di Masjid Daerah Barat Daya yang melibatkan 22 pasangan bagi kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penduduk Mengkuang Titi 3,278 (Taman Seri Akasia, Mengkuang Indah, 3 SAR/Tahfiz) yang bersolat jumaat. Majlis Fatwa dan MAINPP memutuskan Mengkuang Titi perlu masjidnya sendiri. Sekarang penduduk solat di Surau Mengkuang Titi. Adakah pengambilan tanah Lot 759, 760 dan sebahagian lot 28 dan pembinaan masjid diperuntukan dalam Bajet 2018?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menerima permohonan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) bagi cadangan pengambilan tanah Lot 759, 760 dan sebahagian Lot 28 untuk pembinaan Masjid Mengkuang Titi.

JHEAIPP tidak memohon peruntukan bagi membina masjid dan pengambilan tanah kerana penubuhan kariah baharu di Mengkuang Titi belum mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagaimana menurut Seksyen 96-98 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004.

Pihak MAINPP juga telah mengesahkan bahawa pada masa ini solat jumaat tidak diadakan di Surau Mengkuang Titi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Dalam jawapan bertulis Sidang Nov 2016, Ketua Menteri telah mencadangkan peruntukan RM400,000 menaik taraf padang Mengkuang Titi dan dewan baru Mengkuang Titi (RM800,000) di atas tanah kerajaan untuk dibentangkan dalam Bajet 2017 tetapi tidak dilaksanakan sehingga kini. Adakah cadangan ini masuk Bajet 2018?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk menaiktaraf padang dan dewan serbaguna/dewan orang ramai dalam Bajet 2018. Pemilihan dan penentuan projek adalah berdasarkan keutamaan yang akan memberi faedah kepada masyarakat setempat. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan pembangunan berkenaan bagi tahun 2018 yang akan dibentangkan pada Persidangan DUN nanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kebanyakan penjawatan bagi sektor awam dan swasta di Pulau Pinang terdiri daripada kepelbagaian negeri.
- (a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan had kuota pekerjaan untuk penduduk negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri.
 - (b) Berapakah statistik pekerja bawah 35 tahun di sektor awam dan swasta.
 - (c) Kadar pengangguran di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan had kuota pekerjaan untuk penduduk Negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri buat masa ini. Kerajaan Negeri sebaliknya memperkenalkan program biasiswa Penang Future Foundation untuk menarik dan mengekalkan pekerja di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menarik lebih ramai warga cendekiawan dari luar Pulau Pinang untuk berkhidmat di negeri ini dengan mempromosikan peluang-peluang kerjaya melalui laman web Penang Career Assistance and Talent Centre (Pusat CAT).
- (b) Statistik penjawat awam Negeri Pulau Pinang yang berumur 35 tahun ke bawah adalah seramai 5,476 orang (bilangan ini adalah termasuk penjawat awam tetap dan kontrak). Kerajaan Negeri tidak mempunyai statistik pekerja yang berumur 35 tahun ke bawah bagi sektor swasta.
- (c) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah sebanyak 2.1% iaitu kadar pengangguran kedua terendah di Malaysia selepas Negeri Melaka.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pembangunan 12 rumah teres 3 tingkat dan 71 rumah teres 2 tingkat di Kuala Mengkuang oleh Loyang Ekuiti SB. Pelepasan air dari perumahan tersebut mengalir ke alur/parit tanah ke 30 rumah kampung di Kuala Mengkuang dan Mengkuang Mak Sulong. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memaksa pemaju melaksanakan flood mitigation?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri melalui pihak MPSP telah mengeluarkan notis berhenti kerja pada 13 Oktober 2017 kepada pemaju iaitu Loyang Ekuiti Sdn. Bhd. serta mengarahkan pemaju supaya mengambil tindakan mitigasi bagi menghalang air dari tapak projek mengalir ke kawasan Kuala Mengkuang dan Mengkuang Mak Sulong. Kerja-kerja tanah tidak dibenarkan untuk dijalankan semula sehingga pihak MPSP berpuas hati dengan tindakan mitigasi yang dijalankan oleh pemaju.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Majoriti pekerja sektor perkilangan terdiri daripada pekerja asing berbanding rakyat tempatan.

- (a) Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung penggunaan pekerja asing dan tempatan di sektor perkilangan di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Berapa nisbah pekerja tempatan dan asing?
- (c) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Dasar pengambilan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bagi menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing terutamanya di sektor perkilangan, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi seperti berikut :
- (i) Menggalakkan pelaburan dalam industri-industri berteknologi tinggi dan nilai tambah tinggi seperti avionic/aerospace, peralatan perubatan dan sebagainya yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi;
 - (ii) Menggalakkan tenaga kerja yang sedia ada untuk menjalani program latihan kemahiran sama ada di institut kemahiran tajaan Kerajaan atau swasta demi meningkat kemahiran;
 - (iii) Memberi tumpuan kepada sektor teknologi maklumat dan perkhidmatan seperti shared service outsourcing (SSO) dan business process outsourcing (BPO) yang mengambil hampir 100% pekerja tempatan;
 - (iv) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dalam penggunaan automasi untuk meningkat nilai rantai bagi mengurangkan keperluan mereka mengambil pekerja asing. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan SMART Centre untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha IKS; dan
 - (v) Menubuhkan Majlis Sains Pulau Pinang yang akan memperlihatkan hala tuju Pulau Pinang dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi.

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum sebanyak RM1,000 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 juga mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir. Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji yang sewajarnya kepada golongan pekerja tempatan berdasarkan pengalaman dan kelayakan mereka. Bagi tindakan menyekat pekerja asing daripada bekerja secara haram, Kerajaan Negeri sentiasa berbincang dengan pihak Imigresen agar penguatkuasaan terhadap pekerja asing dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berbincang dengan majikan supaya pekerja tempatan diberikan insentif dan juga melaporkan kes-kes kemasukan pekerja asing secara haram kepada pihak Imigresen.

- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai statistik terperinci berkenaan nisbah pekerja tempatan dan asing.
- (c) Bagi menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja, Kerajaan Negeri amat menggalakkan pelaburan sektor Global Business Services (GBS) di negeri Pulau Pinang yang memerlukan kemahiran khususnya dalam bidang kewangan dan perakaunan. Inisiatif ini akan menarik syarikat-syarikat shared services yang bernilai tinggi dan mewujudkan pekerjaan GBS kepada rakyat tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan program biasiswa Penang Future Foundation yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik dan mengekalkan pekerja di negeri Pulau Pinang. Biasiswa ini memberi sokongan kepada rakyat Malaysia untuk meneruskan pengajian ijazah di institut pengajian tinggi awam dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan perakaunan. Setelah tamat pengajian, penerima biasiswa akan berkhidmat di mana-mana organisasi pilihan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sepadan dengan jumlah yang ditaja dalam tempoh maksimum lima tahun.

Kepentingan latihan vokasional untuk memenuhi keperluan industri juga mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Malaysian Meister Program (menggantikan program German Dual Vocational Training) bersama dengan Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC). Program ini merupakan satu program peningkatan kemahiran yang membekalkan on-the-job training di syarikat-syarikat yang terlibat seperti B. Braun, Bosch, Dynacraft Industries, Osram dan kilang-kilang lain yang menyertai program ini. Program seperti ini semestinya akan menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kekerapan banjir (8 kali/tahun) apabila hujan lebat sering berlaku di Mengkuang Titi, Kuala Mengkuang dan Kampung Terus yang terletak di kawasan laluan Sungai Mengkuang dan Sungai Kulim. Mesyuarat MMK Tebatan Banjir pada 9/10/17, saya memohon disambungkan projek Tebatan Banjir Sungai Dua hingga ke Sungai Kulim-Perai (Penanti). Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Bagi menyelesaikan masalah banjir di Mengkuang Titi dan Kampung Mengkuang, kerja-kerja pengorekan, membina struktur penahan tebing dari jenis gabion dan meninggikan ban di Sungai Mengkuang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM685 ribu. Perincian projek adalah seperti berikut :

Bil.	Skop projek	Peruntukan (RM)	Status Pelaksanaan
1	Kerja-kerja mengorek Sungai Mengkuang	55,000.00	Telah siap.
2	Kerja-kerja membina struktur penahan tebing	200,000.00	Dalam proses perolehan.
3	Pembinaan Ban di Sungai Mengkuang di Kampung Mengkuang Titi	170,000.00	Telah siap.
4	Pembinaan Ban di Sungai Mengkuang di Kuala Mengkuang	240,000.00	Dalam perlaksanaan. Dijangka siap pada 15.12.2017.
	Jumlah	665,000.00	

Bagi cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan penyambungan projek Tebatan Banjir Sungai Dua sehingga ke Sungai Kulim-Perai (Penanti), JPS sedang meneliti keperluan projek ini dan akan memohon peruntukan diperlukan melalui peruntukan Caruman Perparitan Negeri. Projek Tebatan Banjir ini dicadang dilaksanakan pada tahun 2018 bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Kampung Kota hingga ke Kampung Terus.

Langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Kampung Terus, JPS akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit dan cabang Sungai Perai bagi memastikan sistem saliran berfungsi dengan baik apabila hujan lebat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berdasarkan jawapan kos LRT RM8 bilion semasa sidang media Kerajaan Negeri. Kenapakah tidak memperuntukkan keseluruhan RM27 bilion untuk pengangkutan awam di seluruh negeri, contoh MRT Kajang-Sungai Buloh yang merangkumi 51km 31 stesen dengan kos RM24 bilion?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai visi untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan pelbagai mod yang bersepadu pada masa akan datang. Oleh yang demikian, perancangan ini memerlukan penyediaan rangkaian pengangkutan holistik yang merangkumi pelbagai mod sistem pengangkutan untuk memastikan keperluan perjalanan semua lapisan masyarakat dapat dipenuhi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan mengamalkan pecahan sasaran modal 60:40 (Swasta : Pengangkutan Awam) untuk semua perjalanan penumpang menjelang tahun 2030. PTMP juga telah menggabungkan

pelaksanaan sistem pengangkutan bersepadu dan penambahbaikan lebuh raya bagi mewujudkan sinergi pengangkutan darat di Negeri Pulau Pinang. Pendekatan ini diguna pakai selaras dengan Strategi Pelan Induk Pengangkutan yang disyorkan (kajian Halcrow) untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan pada masa kini di Pulau Pinang.

Keadaan ini menjadikan peruntukan kos di bawah PTMP akan mencerminkan pendekatan bagi projek keutamaan dibawah PTMP Fasa 1. Kerajaan Negeri telah menjelaskan dalam satu kenyataan media bertarikh 24 Julai 2017 bahawa anggaran kos pembinaan adalah RM7.4 bilion (tidak termasuk kos pengambilan tanah) bagi projek LRT Bayan Lepas ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah keputusan Kajian berdasarkan jawapan bertulis Sidang Mei 2017, cadangan untuk:

- (a) Membenarkan lebih 5 rumah dibina atas lot lidi memandangkan tanah terhad?
- (b) Penduduk kampung tidak mampu menanggung kos mendapatkan geran, bayar pelan rumah untuk kemasukkan air dan letrik mahal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Kebanyakan lot lidi adalah di bawah kategori pertanian yang mana Seksyen 115, Kanun Tanah Negara 1965 menjelaskan keluasan tanah yang boleh didirikan kediaman oleh tuanpunya tanah atau mana-mana orang lain yang mendudukinya secara sah tidak boleh melebihi daripada satu perlima (1/5) keseluruhan keluasan tanah itu atau dua hektar, mengikut mana yang lebih kurang. Cadangan yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah lot lidi bagi tanah pertanian adalah dengan membuat permohonan kelulusan tukar syarat daripada "Pertanian" kepada "Bangunan" yang kemudiannya disusuli dengan permohonan pecah sempadan. Setelah permohonan diluluskan, maka pembeli boleh untuk memecahkan lot-lot tersebut mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam KTN 1965. Bagi lot tanah berstatus First Grade, tapak tersebut dibenarkan pembinaan jumlah rumah yang munasabah mengikut keluasan tanah tersebut.

- (b) Bagi mengurangkan kos untuk mendapatkan hakmilik berasingan, pemilik lot lidi boleh melantik juru ukur berlesen dan membayar fi pada kadar yang ditetapkan oleh Persatuan Juruukur Malaysia bagi urusan pecah bahagian di bawah Seksyen 140, KTN 1965. Semua proses bagi mendapatkan geran adalah perlu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KTN 1965 dan sehingga kini tiada dasar terbaru bagi memudahkan proses tersebut. Kadar minima bagi mendapatkan geran adalah RM100 untuk Hakmilik Sementara dan juga Hakmilik Tetap dan ianya masih kekal tanpa pindaan.

Di samping itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) ada memperkenalkan "Program Kampung Loan" bagi meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah bagi mendapat sambungan bekalan air terawat. Di bawah "Kampung Loan", rakyat yang berpendapatan minimum RM1,000.00 layak untuk mendapat pinjaman sehingga maksimum RM1,500.00 untuk penyambungan ke paip air PBA. Bayaran balik secara ansuran sebanyak RM30.00 yang akan didebitkan ke dalam bil air. Deposit dan bayaran penyambungan ke paip utama adalah dikecualikan.

Di bawah skim Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) pula, rakyat yang berpendapatan RM790.00 akan dibuat penyambungan secara percuma dan satu paip akan dipasang dari sesalur PBAPP untuk premis tersebut. Bayaran deposit meter dan Sumbangan Sesalur Induk juga dikecualikan. Bagi premis dengan sambungan air yang sedia ada, PBAPP menyediakan rebat bil air sebanyak 60,000 liter setiap dua bulan (satu kitaran bil air).

Manakala bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB), sehingga kini tiada pengurangan caj penyambungan elektrik dibuat dan pembayaran adalah tetap kepada semua pemohon baharu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Keutuhan tebing sungai pencegahan banjir.

- (a) Bolehkah JPS mencuci tebing Sungai Kulim sebelah SPU bagi mengurangkan impak

tujuan air ke tebing di sebelah SPT yang dibuat *gabion* dan *railing*?

- (b) Bilakah tebing runtuh di alur sungai Lee Rubber di Kubang Ulu akan dibaiki?
- (c) Pembaikan *sheet piling* di Bukit Berangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melihat kepeluan untuk mencuci kawasan berkenaan. Pada masa yang sama JPS akan membina struktur penahan tebing di bahagian Seberang Perai Tengah jika terdapat keperluan.
- (b) Pembaikan tebing yang runtuh di alur Sungai Lee Rubber di Kubang Ulu telah siap dilaksanakan pada 15/9/2017.
- (c) Projek pembaikan sheet piling di Bukit Berangan sedang dalam proses perolehan dan taklimat lawatan tapak telah diadakan pada 17/10/2017. Tarikh tutup sebut harga adalah pada 24/10/2017. Projek ini akan menggunakan peruntukan dari caruman tebatan banjir negeri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri telah melaksanakan JKKK mapping, program I-Sejahtera, AES, dan Bantuan Perumahan. a) data demografi mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah? b) Mengikut kawasan JKKK di Kadun Penanti? c) Bilangan kg, taman, mengikut umur, pendapatan isi rumah, kaum?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Data Demografi mengikut Jantina, umur dan pendapatan isi rumah.

Setakat ini JKKK Mapping hanya mengandungi butiran berkaitan persempadanan JKKK dan kampung yang bertujuan untuk menunjukkan lokasi kawasan pentadbiran masing-masing. Sebaliknya Sistem iSejahtera hanya mempunyai maklumat jumlah penerima mengikut daerah dan tahun sahaja dan tidak menjana data mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah.

Berdasarkan statistik Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), perincian penerima bantuan mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah adalah seperti berikut:

Daerah	Jantina		Umur			Pendapatan Isi Rumah	
	Lelaki	Wanita	18-35	36-60	60>	<1500	1500>
SPU	342	329	33	386	252	610	61
SPT	158	114	17	172	83	266	6
SPS	86	89	28	101	46	168	7
DTL	62	115	13	115	49	158	19
DBD	93	99	10	122	60	191	1
JUMLAH KESELURUHAN	741	746	101	896	490	1393	94

Bagi Program Baiki & Bina Baru Rumah, statistik perincian penerima bantuan mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah adalah seperti berikut:

Daerah	Jantina		Umur			Pendapatan Isi Rumah	
	Lelaki	Wanita	18-35	36-60	60>	<1500	1500>
SPU	1	11	-	10	2	12	-
SPT	16	9	4	10	11	25	-

SPS	32	16	-	32	16	46	2
DTL	4	2	-	1	5	6	-
DBD	5	2	-	6	1	7	-
JUMLAH KESELURUHAN	58	40	4	59	35	96	2

(b) Pecahan mengikut kawasan JKKE di KADUN Penanti adalah seperti berikut:

- (i) JKKE MAPPING
Tidak mempunyai maklumat berikut.
- (ii) iSEJAHTERA
Tidak mempunyai maklumat berikut.
- (iii) Program AES, Baiki Rumah dan Bina Baru Rumah

Setakat ini, JKKE Mapping, Program iSejahtera, AES dan Bantuan Perumahan tidak menyimpan maklumat demografi mengikut jantina, umur dan pendapatan isi rumah. Perincian mengikut kawasan JKKE di KADUN Penanti. Namun demikian, perincian jumlah penerima bagi kesemua program tersebut bagi JKKE dan KADUN Penanti adalah seperti berikut:

Nama JKKE	Bil. Penerima Program AES	Bil. Penerima Bantuan Perumahan		Jumlah
		Baiki Rumah	Bina Baru	
Berapit Road	0	0	0	0
Guar Perahu Mk.21	7	0	0	7
Kampung Mengkuang	10	0	1	11
Kampung Tun Sardon	4	0	0	4
Kubang Semang / Sg Semambu Mk.20	4	1	3	8
Kubang Ulu	4	0	0	4
Kuala Mengkuang	3	0	0	3
Mengkuang Mak Sulong Mk.20	7	0	0	7
Mengkuang Titi	9	0	0	9
Padang Ibu	4	1	1	6
Perkampungan Sungai Lembu	1	0	1	2
Tanah Liat/Impang Tiga Berapit	15	0	2	17
JUMLAH	68	2	8	78

Setakat ini, Program iSejahtera, AES dan Bantuan Perumahan tidak mempunyai maklumat mengikut pecahan bilangan kampung, taman dan kaum.

XIX. Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak RUU Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 diluluskan, apakah perkembangan dari segi organisasi dan apakah kawasan-kawasan yang telah atau akan ditanggunjawabkan kepada Perbadanan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas pada Mei 2017 dan digazetkan pada 28 September 2017.

Senarai kawasan lapang dan stadium yang berpotensi untuk diperbadankan sedang diselaraskan dengan kerjasama semua Jabatan Kerajaan yang berkaitan. Senarai tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum Perbadanan ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Jabatan Kerja Raya memperuntukan peruntukan kecemasan setiap tahun untuk menangani situasi pembaikan yang diperlukan dengan segera demi keselamatan atau keadaan lalu lintas yang merbahaya? Berapakah peruntukan kecemasan setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak memperuntukkan peruntukan khas untuk kerja kecemasan. Peruntukan kecemasan tertakluk kepada keperluan yang akan dimohon oleh JKR apabila terjadi sesuatu kecemasan yang merujuk kepada kejadian yang berlaku di luar jangka atau di luar kawalan yang memerlukan tindakan serta merta supaya tidak menjejaskan kepentingan awam, penyampaian perkhidmatan Kerajaan, dan mengekang berlakunya kerosakan berterusan seperti kejadian tanah runtuh, pokok tumbang, banjir, *sinkhole* dan lain-lain.

Bagi Jalan Negeri, peruntukan kecemasan akan dimohon oleh JKR melalui Wang Amanah MARRIS yang diuruskan di bawah Jabatan Kewangan Negeri. Manakala bagi Jalan Persekutuan, peruntukan kecemasan akan dimohon kepada Kementerian Kerja Raya (KKR). Jumlah peruntukan kecemasan tidak ditentukan setiap tahun, sebaliknya ia perlu dimohon kepada kedua-dua pihak berkenaan apabila berlaku sesuatu kecemasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah kadar pengambilan pekerja, tukar jabatan, letak jawatan dan lucut jawatan bagi setiap jabatan di MBPP sejak tahun 2010? Sila berikan data bagi pekerja tetap, sementara dan kontrak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kadar pengambilan pekerja, pertukaran jabatan, peletakan jawatan dan penamatan perkhidmatan bagi setiap jabatan di MBPP sejak tahun 2010 hingga tahun 2017 mengikut kategori bagi pekerja tetap, sementara dan kontrak adalah seperti di bawah:-

MAKLUMAT KAKITANGAN MBPP

PENGAMBILAN PEKERJA

TAHUN	TETAP	KONTRAK	SEMENTARA	JUMLAH
2010	168	1	-	169
2011	84	44	-	128
2012	373	34	-	407
2013	334	28	-	362
2014	69	117	-	186
2015	460	41	-	501
2016	103	162	-	265
*2017	55	76	-	131

***2017 - setakat 2 Oktober 2017**

PERTUKARAN JABATAN

TAHUN	BILANGAN
2010	21
2011	31
2012	3
2013	6
2014	30
2015	9
2016	42
*2017	13

*2017 - setakat 2 Oktober 2017

PELETAKAN JAWATAN

TAHUN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
2010	8	0	8
2011	3	3	6
2012	5	1	6
2013	9	1	10
2014	9	2	11
2015	22	6	28
2016	13	7	20
*2017	17	10	27

*2017 - setakat 12 Oktober 2017

PENAMATAN PERKHIDMATAN

TAHUN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
2010	6	0	6
2011	8	0	8
2012	1	0	1
2013	27	0	27
2014	26	0	26
2015	17	1	18
2016	37	0	37
*2017	29	0	29

*2017 - setakat 21 September 2017

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah jenis dan jumlah bantuan yang telah diberikan kepada nelayan Pulau Pinang sejak 2008? Sila nyatakan bilangan penerima juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bantuan yang telah diberikan kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Bantuan Pukat kepada Nelayan Pesisir Pantai

Tahun	Bilangan Siri	Jumlah Bantuan (RM)	Jumlah Penerima (orang)
2013	SIRI 1	473,807.00	2,620
2014	SIRI 2	497,538.70	2,740
2014	SIRI 3	497,538.70	2,968

Tahun	Bilangan Siri	Jumlah Bantuan (RM)	Jumlah Penerima (orang)
2015	SIRI 4	531,759.65	3,186
2015	SIRI 5	557,439.50	3,121
2016	SIRI 6	326,702.50	1,432
	JUMLAH KESELURUHAN	2,884,786.05	16067

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan baucar bernilai RM200.00 kepada setiap nelayan untuk ditukar dengan peralatan bagi tujuan tangkapan ikan di kedai-kedai yang ditetapkan Kerajaan.

(ii) Elaun Sara Hidup

Bil	Tahun	Jumlah Penerima (orang/bulanan)
1	2008	3,000
2	2009	3,921
3	2010	4,046
4	2011	4,112
5	2012	4,054
6	2013	4,138

Bil	Tahun	Jumlah Penerima (orang/bulanan)
7	2014	3,992
8	2015	3,739
9	2016	3,456

(iii) Skim Subsidi Minyak Diesel dan Petrol

Bil	Tahun	Jumlah Nelayan (orang)
1	2008	1,502
2	2009	2,086
3	2010	2,161
4	2011	2,127
5	2012	2,062
6	2013	2,423
7	2014	2,423
8	2015	2,361
9	2016	2,236

(iv) Bayaran Insentif Pendaratan Ikan

Bil	Tahun	Jumlah Bayaran (RM)
1	2010	550112.33
2	2011	1,157,434.31
3	2012	1,252,313.08
4	2013	1,191,811.23
5	2014	1,148,674.85
6	2015	1,070,881.26
7	2016	753,505.48

(V) Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan

Bil	Tahun	Bilangan Penerima
1	2009	-
2	2010	-
3	2011	60
4	2012	84
5	2013	80
6	2014	38
7	2015	33
8	2016	61

(vi) Program Tabung Khas Perumahan Nelayan

Bil	Tahun	Bilangan Penerima
1	2012	123
2	2013	1,415
3	2014	1,470
4	2015	Tiada Peruntukan
5	2016	

(vii) Program Tukun

BIL	TAHUN	LOKASI	JENIS TUKUN	BILANGAN TUKUN DILABUHKAN
1	2008	Pulau Kendi	Rekreasi 1 (0.3 Tm)	60
2	2009	Pulau Kendi	Dasar Lembut 2 (19 Tm)	14
3	2009	Pulau Kendi	Dasar Lembut 3 (23 Tm)	14
4	2010	Pulau Kendi	Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (32 Tm)	24
5	2015	Pulau Kendi dan Pulau Aman	Tukun berbentuk kuboid	1,000
6	2016	Pulau Kendi	Tukun Tiruan jenis Tukun Inovasi Interlock dan Stack On (ISFAD), Tukun Inovasi Triangle (TRIFAD) dan Tukun Inovasi Tertrahedral (TETRAFAD)	42
JUMLAH				1,154

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah kanak-kanak yang dijaga di setiap Pusat Jagaan Kanak-kanak kerajaan Negeri Pulau Pinang? Adakah peningkatan atau penurunan sejak perkhidmatan mula disediakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan dua buah Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) di Pulau Pinang iaitu di Padang Tembak, Daerah Timur Laut (DTL) dan di Taman Serumpun, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT). PJKK DTL mula beroperasi pada Julai 2009 dan PJKK SPT mula beroperasi pada April 2011. Bilangan kanak-kanak di kedua-dua PJKK sejak perkhidmatan mula disediakan sehingga kini adalah seperti di

BILANGAN KANAK-KANAK DI PJKK DTL DAN PJKK SPT

Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK)	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
PJKK Padang Tembak, Daerah Timur Laut	13	18	18	20	35	28	22	23	32
PJKK Taman Serumpun, Daerah Seberang Perai Tengah	-	-	22	41	38	33	33	32	27
Jumlah	13	18	40	61	73	61	55	55	59

Bilangan kanak-kanak di PJKK DTL agak stabil dan peningkatan mendadak dapat dilihat dari tahun 2016 ke 2017 setelah PJKK diubahsuai dan tandas dibina dalam PJKK demi keselamatan kanak-kanak. Dengan pengubahsuaian tersebut, PJKK DTL menjadi lebih selamat dan selesa. Ruang lantai yang disarankan oleh JKM untuk PJKK DTL (dari tahun 2009 sehingga Julai 2016) adalah 35 kanak-kanak, dan selepas pengubahsuaian pada Julai 2016, PJKK DTL dapat menampung maksimum seramai 45 kanak-kanak. Buat masa ini, tidak berlaku masalah "overcrowding" di PJKK DTL.

Walau bagaimanapun, ruang lantai yang disarankan untuk PJKK SPT adalah untuk maksimum 32 kanak-kanak. Kemasukan kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 sangat memberangsangkan, akan tetapi ia telah melebihi bilangan yang dibenarkan oleh JKM. Justeru itu, pihak PJKK telah memastikan pendaftaran bilangan kanak-kanak yang didaftar adalah mengikut piawaian ruang lantai yang ditetapkan oleh pihak JKM.

Penang Women's Development Corporation sedang dalam tindakan mengkaji sustainability PJKK agar dapat beroperasi dengan lebih efisien dan kos efektif.

RUJ. LAMPIRAN A BYSHUEY NO. 5.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan setiap tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 2010. Berapakah penalti yang dikenakan bagi setiap kes? Berapa daripada kesemua kes tindakan penguatkuasaan dibawa ke mahkamah dan berapa disabit bersalah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sehubungan itu, setiap tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh JAS adalah berlandaskan kepada peruntukan Akta tersebut. Mana-mana premis yang gagal mematuhi Akta tersebut akan dikenakan tindakan perundangan termasuk kompaun, notis arahan dan tindakan mahkamah.

Statistik bilangan tawaran kompaun, notis arahan dan tindakan mahkamah serta denda yang dikenakan dari tahun 2010 hingga September 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BYSHUEY NO. 6.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Jabatan Alam Sekitar di Pulau Pinang merangkumi pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang kualiti air, udara, ekosistem dan kesihatan awam? Berapakah bilangan pegawai mahir ini? Apakah bidang tugas mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Semua pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) termasuk di Pulau Pinang dilantik berdasarkan kelayakan pengajian serta mengikut syarat-syarat keperluan Jabatan. Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah ditubuhkan oleh JAS pada tahun 2002 untuk melatih semua pegawai JAS melalui kursus asas perkhidmatan. Melalui kursus asas perkhidmatan tersebut, semua pegawai JAS telah didedahkan dengan kemahiran dalam bidang undang-undang dan pengetahuan teknikal pengurusan alam sekitar termasuklah kualiti air, kualiti udara dan pengurusan bahan terjadual. Selain kursus asas perkhidmatan tersebut, semua pegawai JAS perlu mengikuti kursus-kursus kompetensi anjuran EiMAS dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan.

Bidang tugas utama pegawai-pegawai JAS adalah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan pihak industri dan pihak-pihak terlibat mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta tersebut. Ilmu dan kemahiran berkaitan pengurusan alam sekitar adalah pelengkap kepada kerja-kerja penguatkuasaan yang dijalankan. Semua pegawai JAS juga telah diberi kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah Jabatan Alam Sekitar memantau kilang-kilang yang beroperasi di Pulau Pinang? Apakah garis panduan yang digunakan dari segi kekerapan dan cara pemantauan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berkala ke atas semua premis perindustrian yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan premis-premis tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Premis-premis yang gagal mematuhi peraturan akan dikenakan tindakan perundangan termasuk kompaun dan tindakan mahkamah serta diberi notis supaya meningkatkan kecekapan sistem kawalan pencemaran supaya dapat mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kekerapan dan cara pemantauan adalah berpandukan kepada Arahan Tetap Operasi yang ditetapkan oleh JAS. Pegawai JAS akan menjalankan siasatan di premis sekiranya terdapat aduan. Selain itu, pihak industri juga diwajibkan untuk membuat laporan online secara berkala kepada JAS menggunakan aplikasi Continuous Emission Monitoring System, Electronic Scheduled Waste Information System dan Online Emission Report.

Bermula tahun 2016, JAS telah mula melaksanakan penguatkuasaan melalui Guided Self Regulation (GSR) kepada semua pihak industri bagi menanam sikap pemilikan alam sekitar (environmental ownership) yang mampu membawa kepada kecemerlangan serta komitmen terhadap aspek penjagaan alam sekitar dan pematuhan undang-undang alam sekitar.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Tanpa Pelan Tempatan, kajian tidak dibuat untuk mengenalpasti sama ada perkhidmatan-perkhidmatan seperti pusat aktiviti warga emas, pasar awam dan perancangan untuk pengangkutan awam adalah mencukupi, tidak mencukupi atau terlalu banyak. Apakah tindakan serta-merta oleh kerajaan untuk menangani kekurangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007 merupakan dokumen yang menjadi panduan utama mengenai arah tuju pembangunan Negeri Pulau Pinang. Pada masa kini pengubahsuaian RSNPP 2020 adalah di peringkat akhir dan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 12 Oktober 2017 sebelum dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri dan seterusnya ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diwartakan.

Bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah diluluskan oleh Majlis pada 22 Disember 2008 dan kini sedang dalam peringkat kajian semula oleh MBPP. Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP), MPSP telah melantik perunding Akitek Jururancang Malaysia Sdn Bhd pada 4 September 2017 bagi menyediakan Kajian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 untuk menggantikan Draft Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2020, Draft Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2020 dan Draft Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2020 (Draft RTD).

Tindakan serta-merta oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kekurangan perkhidmatan warga emas, pasar awam dan pengangkutan awam adalah seperti berikut:

(a) Perkhidmatan Warga Emas

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji keperluan penyediaan kemudahan untuk warga emas serta melaksanakannya di peringkat tukar guna melalui Garis Panduan Pengawalan Tukar Guna Bangunan Kediaman kepada Tadika, Taska dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin & Anak Dan Pusat Jagaan Orang Tua.

(b) Pasar Awam

PBT telah mengambil pendekatan untuk mengkaji dan menyediakan Pelan Induk Pasar Awam dan Kompleks Makanan Negeri Pulau Pinang. Kajian ini masih dalam penelitian.

(c) Pengangkutan Awam

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mengkaji dan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan dan Pengurusan Lalu Lintas untuk seluruh Negeri Pulau Pinang. Kajian ini turut merangkumi perancangan jangka panjang untuk pengangkutan awam dengan penekanan terhadap sasaran modal split 40% untuk pengangkutan awam dan 60% untuk kenderaan persendirian. Tindakan-tindakan lain yang turut dilaksanakan adalah:

- (i) Menyediakan perkhidmatan Bas CAT dalam pusat bandar George Town. MBPP telah menambah bilangan bas CAT daripada 3 buah bas kepada 5 buah bas bermula November 2014 memandangkan permintaan pengguna telah meningkat;
- (ii) Menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR dan BEST FIZ;
- (iii) Menaiktaraf kemudahan infrastruktur pengangkutan awam seperti terminal, hub dan perhentian bas berbumbung; dan
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. untuk menambah laluan-laluan bas yang baru.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah bilangan ambulans yang bersedia digunakan (â€œon callâ€œ) pada bila-bila masa di sebelah pulau dan di Seberang Prai setiap hari? Sila berikan bilangan ambulans mengikut pengurus ambulans tersebut, contohnya Hospital Awam, St Johns, Bulan Sabit Merah dan Angkatan Pertahanan Awam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Secara keseluruhannya terdapat 95 buah ambulans yang dikendalikan oleh pelbagai agensi yang bersedia untuk digunakan di Pulau Pinang. Perincian bagi ambulans mengikut agensi adalah seperti berikut:

Jabatan/ Agensi/ Badan	Pulau	Seberang Perai	Jumlah
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	35	42	77
Persatuan Bulan Sabit Merah	1	2	3

Jabatan/ Agensi/ Badan	Pulau	Seberang Perai	Jumlah
Angkatan Pertahanan Awam	5	7	12
St Johns Ambulance	3		3
Jumlah Keseluruhan			95

Kesemua 77 buah ambulans milik Kementerian Kesihatan yang dikendalikan oleh Medical Emergency Coordinating Center (MECC) yang berpangkalan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Seberang Jaya bagi Negeri Pulau Pinang. Kegunaan ambulans terbahagi kepada 2 bahagian iaitu untuk panggilan ambulans kecemasan dan interfasiliti. Bilangan unit ambulans mengikut kegunaan dan kawasan adalah seperti jadual berikut:

(a) Panggilan Ambulans Kecemasan

Bahagian Pulau	Bahagian Seberang Perai
Hospital : 6 buah Kesihatan Awam : 7 buah	Hospital : 8 buah Kesihatan Awam : 8 buah
Jumlah : 13 buah	Jumlah : 16 buah

(b) Interfasiliti

Bahagian Pulau	Bahagian Seberang Perai
Hospital : 22 buah	Hospital : 26 buah
Jumlah : 22 buah	Jumlah : 26 buah

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah bilangan khinzir yang diladang, bilangan pembekal khinzir dan tempat sembelih khinzir bagi Negeri Pulau Pinang? Perbandingan data tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 dipohon.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Bilangan khinzir di ladang, bilangan pembekal khinzir dan tempat sembelih khinzir pada tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti :

Tahun	Bilangan Khinzir di ladang (ekor)	Pulau		Seberang Perai	
		Bilangan Pembekal/ Penternak Khinzir	Tempat Sembelih Khinzir	Bilangan Pembekal/ Penternak Khinzir	Tempat Sembelih Khinzir
2000	300,528	10	1	197	18
2005	279,882	10	1	193	19
2010	324,785	10	1	190	24
2015	294,429	10	1	181	24

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah bilangan pembekal ayam dan tempat sembelih ayam bagi Negeri Pulau Pinang? Perbandingan data tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 dipohon.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bilangan pembekal/penternak ayam dan tempat sembelih ayam bagi kawasan Pulau dan Seberang Perai pada tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti di jadual berikut:

Tahun	Pulau		Seberang Perai	
	Bilangan Pembekal/ Penternak Ayam	Tempat Sembelih Ayam	Bilangan Pembekal/ Penternak Ayam	Tempat Sembelih Ayam
2000	118	16	398	2
2005	123	16	371	2
2010	123	16	347	12
2015	126	16	282	41

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah bilangan nelayan yang berdaftar di Pulau Pinang? Sila berikan bilangan mengikut kawasan bagi tahun 1990, 1995, 2000, 2005, 2010, 2015 dan 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan, bilangan nelayan berdaftar di Pulau Pinang mengikut kawasan bagi tahun 1990, 1995, 2000, 2010 dan 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	SPU	SPT	SPS	DBD	DTL	JUMLAH
1990	886	246	1,308	1,315	729	4,484
1995	481	163	962	794	565	2,965
2000	367	98	752	698	405	2,320
2010	1,089	314	1,190	2,058	1,420	6,071
2015	1,023	349	1,342	1,478	1,218	5410

Bagi tahun 2005, terdapat seramai 3,089 orang nelayan tetapi tiada maklumat nelayan berdasarkan kawasan. Manakala bagi tahun 2017, rekod ini masih belum diterbitkan oleh Jabatan Perikanan.

XX. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada tiga (3) tahun kebelakangan ini telah berlakunya beberapa kes kebakaran di kawasan C.Y.Choy yang mengandungi rumah Warisan Kategori Dua, mengapakah Kerajaan Tempatan masih tidak mengarah tuan tanah atau tuan rumah supaya mendirikan semula tempat kejadian untuk mengelakkan sebarang kemalangan kerana selepas kebakaran struktur bangunan sudah lupuh dan juga bahaya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri melalui MBPP sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap bangunan-bangunan usang dan berbahaya di kawasan George Town dan sekitarnya termasuk bangunan-bangunan di kawasan Jalan C.Y.Choy. Bangunan yang terbakar adalah dianggap berbahaya dari segi kestabilan dan keselamatan strukturnya.

Bagi bangunan-bangunan yang sebegini, pihak MBPP akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Seksyen 83 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik untuk membersihkan sisa-sisa kebakaran, memperbaiki bangunan tersebut, mendirikan pagar keselamatan (hoarding) di kawasan bangunan yang boleh mengancam keselamatan, mengeluarkan pokok-pokok liar yang tumbuh di bangunan dan sebagainya.

Sekiranya pemilik tidak mematuhi kehendak-kehendak notis ini di dalam tempoh yang dinyatakan, maka MBPP akan menjalankan kerja-kerja di atas dan kos pembersihan akan dikenakan terhadap pemilik tanah. Tindakan mahkamah akan diambil sekiranya pemilik tanah gagal mengambil tindakan seperti yang diarahkan oleh pihak MBPP. Pemilik bangunan juga perlu mengemukakan pelan kepada MBPP untuk pertimbangan sebelum kerja-kerja membaiki pulih / pembinaan semula di tapak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bilakah Sistem Pakir dapat menukar *leads* satu sistem tanpa tiket supaya kita dapat jimatkan kertas, selamatkan pokok dan juga tidak bercangah dengan slogan Kerajaan Negeri *Cleaner Greener Penang*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sememangnya mengutamakan dasar dan slogan Kerajaan Negeri iaitu "Cleaner, Greener Penang". Kajian sedang dijalankan bagi mewujudkan aplikasi pintar "smart parking" yang mesra alam dan mesra pengguna. Aplikasi pintar ini akan dibangunkan bagi memudahkan penggunaan kepada semua pengguna. Sasaran pelaksanaan aplikasi pintar ini akan dimulakan di MPSP pada pertengahan tahun 2018. Kaedah ini sudah pasti dapat menjimatkan kertas serta selamatkan pokok.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah rumah kediaman yang telah digunakan sebagai perniagaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah rumah kediaman yang telah digunakan sebagai perniagaan adalah seperti berikut:
 - (i) Penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 disebabkan oleh pembangunan yang tidak mengikut syarat. Notis dan tindakan pendakwaan boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan.
 - (ii) Penguatkuasaan di bawah seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 kerana menukar syarat tanah yang tertera. Denda dan lucut hak boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan dengan teliti, nama tuan kepunyaan rumah Warisan Kategori Dua dari Lebuh Magazine sampai ke Gat Lebuh Sandiland.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) sehingga tahun 2014, terdapat 843 buah premis bangunan warisan Kategori 2 dari Jalan Magazine hingga ke Gat Lebuh Sandiland (Seksyen 11w) dan ianya terletak di luar Tapak Warisan Dunia George Town. Jumlah bangunan warisan kategori 2 mengikut jalan/lebu/lorong di kawasan tersebut adalah seperti berikut:

Nama Jalan/Lebu/Lorong		Jumlah Bangunan
1.	Jalan Magazine	75
2.	Lebu Noordin	128
3.	Lorong Ceti	10
4.	Lebu Presgrave	102
5.	Lebu Peking	9
6.	Lebu Tye Sin	62
7.	Lebu Macallum	63
8.	Lebu Katz	36
9.	Lebu Cecil	53
10.	Jalan Nanking	28
11.	Lebu Herriot	22
12.	Jalan Gurdwara	73
13.	Lebu Mc Nair	64

Nama Jalan/Lebu/Lorong		Jumlah Bangunan
14.	Jalan C.Y. Choy	118
15.	Lebu Sandilands	-
Jumlah Keseluruhan		843

GTWHI tidak menyimpan data berkenaan pemilik bangunan warisan kerana tidak direkodkan semasa kajian oleh GTWHI.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang atau menaik taraf hos pemadam api di setiap Jeti Klan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang (JBPMPP) terdapat 21 unit gelung hos (*hose reel*) yang dipasang sekitar Jeti Klan seperti berikut:

Lim Jetty - 3 unit

Chew Jetty - 8 unit

Tan Jetty - 3 unit

Lee Jetty - 4 unit

New Jetty - 3 unit

Unit-unit gelung hos (*hose reel*) ini dipasang dengan inisiatif persatuan penduduk kawasan itu sendiri dan bukan keperluan pemasangan keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh JBPMPP. Begitu juga dengan pemantauan dan penyelenggaraan sistem gelung hos (*hose reel*) tersebut. Justeru, tiada perancangan daripada JBPMPP untuk menaik taraf atau menambah bilangan gelung hos sedia ada.

JBPMPP juga telah menyediakan sejumlah 25 unit pili bomba di sekitar kawasan Jeti Klan dan Weld Quay. Selain itu, terdapat Balai Bomba dan Penyelamat Lebu Pantai yang terletak kira-kira 1km daripada lokasi Jeti Klan dan Weld Quay selain Pasukan Bomba Sukarela Sri Tanjung yang terletak di kawasan tersebut untuk memberikan respon segera sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merancang semula rumah-rumah usang yang terbiar di lokasi Warisan Dunia UNESCO dan juga di sekitar bandar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pihak George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap bangunan-bangunan usang dan berbahaya di kawasan Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) dan sekitar George Town. Kajian yang dijalankan oleh GTWHI pada tahun 2016 mendapati sekurang-kurangnya 75 (tujuh puluh lima) buah permis dalam TWDGT berada dalam keadaan usang pada Kadar Keusangan 1.69%.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MBPP dan GTWHI adalah mengadakan program-program pendidikan seperti taklimat ceramah umum, bengkel konservasi dan klinik warisan untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan memelihara dan memulihara bangunan warisan dalam TWDGT. Selain itu, bagi bangunan-bangunan usang di TWDGT dan sekitar bandar yang boleh menimbulkan kacau ganggu, MBPP akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Seksyen 83 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik untuk menghapuskan kacau ganggu tersebut dengan meminta pemilik membuat sesuatu seperti membaiki bangunan, mendirikan pagar keselamatan (*hoarding*) di kawasan bangunan yang boleh mengancam keselamatan, mengeluarkan pokok-pokok liar yang tumbuh di bangunan dan sebagainya. MBPP juga akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti mengeluarkan pokok-pokok liar yang tumbuh di bangunan sekiranya

pemunya tidak mematuhi dan menuntut belanja mengenainya daripada pemilik. Tindakan selanjutnya seperti tindakan mahkamah boleh diambil terhadap pemunya sekiranya kacau ganggu tersebut dibiarkan berterusan. MBPP juga sedang/akan mengambil langkah membaiki pulih bangunan-bangunan milik Majlis yang berada dalam keadaan usang.

Pihak GTWHI pula telah memberi khidmat nasihat, panduan pemeliharaan bangunan dan bantuan kewangan kepada Makam Dato' Koyah, Bangunan Ng Fook Thong, Bangunan Syed Al-Attas, dan Bangunan No. 94-102A Lebuhr Kimberley sebagai cara proaktif dalam mengatasi masalah ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apabila banjir, tentulah terdapat orang yang cakap bahawa inilah kesan terlalu banyak pembangunan, adakah Kerajaan Negeri boleh bagi contoh atau kebenaran untuk mengatasi khabar angin yang tidak bertanggungjawab ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Terdapat banyak faktor yang boleh mengakibatkan banjir kilat. Kebiasaannya punca utama kejadian banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang adalah disebabkan oleh hujan lebat yang turun di dalam masa yang singkat. Hujan yang lebat ini telah menyebabkan peningkatan air larian permukaan (surface runoff) secara mendadak seterusnya menyebabkan parit dan longkang dipenuhi air dalam tempoh yang singkat dan melimpah keluar ke jalan. Pada masa yang sama juga, hujan lebat yang turun juga telah menyebabkan paras sungai meningkat secara mendadak dan berlaku limpahan daripada sungai-sungai tersebut. Peningkatan air sungai juga telah menyebabkan air daripada parit-parit utama tidak dapat mengalir keluar dan seterusnya melimpah ke jalan raya yang mana ia menyebabkan kejadian banjir kilat. Selain itu, oleh kerana kebanyakan pelepasan terakhir sistem parit utama dan sungai di kawasan pulau adalah terus ke dalam laut, maka pasang surut laut juga boleh menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat sekiranya hujan turun tatkala air sedang pasang penuh.

Sebagai contoh, punca utama yang dikenal pasti berlakunya banjir pada 15 September 2017 adalah disebabkan oleh hujan lebat.

Berdasarkan rekod hujan dengan bacaan kumulatif di stesen-stesen hujan di kedua-dua Daerah tersebut adalah seperti berikut :-

LOKASI	REKOD CURAHAN HUJAN	DAERAH
Lorong Batu Lancang	171 mm	DTL
Sungai Ayer Itam @ Jalan Scotland	130 mm	DTL
Sungai Ara	111 mm	DBD
Tali Air Besar Sungai Pinang	151 mm	DBD
Empangan Teluk Bahang	177 mm	DBD

Manakala di Seberang Perai pula, rekod taburan hujan telah mencatatkan bacaan masing-masing 108mm di Stesen Mak Mandin bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan 118mm di Stesen Kompleks Perai bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Sebagai contoh, punca utama yang dikenalpasti berlakunya banjir pada 15 September 2017 adalah disebabkan oleh hujan lebat.

Berdasarkan rekod hujan dengan bacaan kumulatif di stesen-stesen hujan di kedua-dua Daerah tersebut adalah seperti berikut :-

LOKASI	REKOD CURAHAN HUJAN	DAERAH
Lorong Batu Lancang	171 mm	DTL
Sungai Ayer Itam @ Jalan Scotland	130 mm	DTL

Sungai Ara	111 mm	DBD
Tali Air Besar Sungai Pinang	151 mm	DBD
Empangan Teluk Bahang	177 mm	DBD

Manakala di Seberang Perai pula, rekod taburan hujan telah mencatatkan bacaan masing-masing 108mm di Stesen Mak Mandin bagi Daerah SPU dan 118mm di Stesen Kompleks Perai bagi Daerah SPT.

Kesemua catatan bacaan taburan hujan ini jauh melebihi petunjuk hujan dangat lebat, iaitu 60mm.

Hujan lebat yang berlaku di Pulau Pinang pada sekitar 5.00 pagi hingga 9.00 pagi pada 15 September 2017 telah menyebabkan paras sungai meningkat secara mendadak dan berlaku limpahan daripada sungai-sungai tersebut. Keadaan menjadi buruk dengan pertindihan waktu puncak air pasang yang berlaku pada pukul 8.00 pagi. Selain itu, peningkatan air sungai juga telah menyebabkan air daripada parit-parit utama tidak dapat mengalir keluar dan seterusnya melimpah ke jalan raya.

Air larian permukaan (Surface Runoff) yang naik secara mendadak telah menyebabkan parit dan longkang di kawasan bandar George Town dipenuhi air dan melimpah keluar ke jalan. Parit-parit tepi jalan di dalam kawasan bandar George Town terutamanya, sememangnya tidak direkabentuk untuk menampung air hujan yang lebat dan air larian permukaan yang banyak dalam tempoh masa yang singkat.

Kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir pada 15 September 2017 seperti yang disenaraikan di bawah merupakan kawasan yang sering berlaku banjir :-

LOKASI BANJIR KILAT	KAWASAN TADAHAN	DAERAH
Jalan P. Ramlee, Jalan Trengganu, Kampung Rawa, Jalan Sungai Pinang, Jalan Langkawi, Jalan Dato Keramat, Jalan Merican, Masjid Negeri dan Lebuhraya Thean Tek, Jalan Kuantan, Jalan Ayer Itam, Jalan Thean Tek, Kampung Masjid Hashim Yahya, Jalan Patani dan Taman Lumba Kuda	Sungai Pinang, Sungai Ayer Itam dan Sungai Dondang	DTL
Jalan Khaw Sim Bee, Jalan Padang Victoria	N9	DTL
Lebuhraya Carnarvon, Lebuhraya Kimberly, Lebuhraya Cintra, Jalan Pintal Tali, Lebuhraya Campbell, Jalan Sungai Ujong, Lebuhraya Victoria dan sebahagian Lebuhraya Chulia	S10	DTL
Lebuhraya McNair, Jalan Magazine, Lebuhraya Macallum, Jalan Logan, Jalan Anson, Lorong Macalister dan Jalan Magazine	S18	DTL
Jalan Mayang Pasir 2, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Paya Terubong, Jalan Tun Dr Awang, Persiaran Relau, Gerbang Sungai Ara, Jalan Tengah dan Jalan Mahsuri	Sungai Relau, Sungai Keluang dan Sungai Nibong Kecil	DBD

Hasil daripada kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri juga mengenalpasti antara punca-punca kejadian banjir seperti berikut:-

- Kapasiti sungai dan parit dalam kawasan tadahan tidak mampu menampung aliran semasa;
- Peningkatan kadar aliran air dan kehilangan kolam takungan semulajadi akibat hakisan tanah dan pembangunan bandar;
- Kawasan pembangunan yang asal terletak di dataran banjir dan sistem saliran sedia ada tidak sesuai untuk pembangunan yang pesat;
- Kawasan penempatan terlalu hampir dengan laut dan kapasiti air larian semasa musim hujan tidak berupaya mengalir keluar dengan cepat ke laut disebabkan pengaruh pasang surut air laut.

Berdasarkan fakta di atas, terlalu banyak pembangunan bukanlah penyebab kepada masalah banjir di Negeri Pulau Pinang. Malahan Kerajaan Negeri sentiasa mengawal pembangunan di negeri ini dengan mewajibkan pihak pemaju mematuhi garis panduan Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA) dalam semua pembangunan tanah di Negeri Pulau Pinang. Konsep yang diterapkan dalam garis panduan ini adalah kadar alir selepas pembangunan (Qpost) mestilah menyamai atau tidak boleh melebihi kadar alir sebelum pembangunan (Qpre). Ini adalah bagi menjamin supaya kadar alir selepas pembangunan tidak menyumbang kepada pertambahan air larian permukaan semasa. Kolam takungan banjir turut dibina di lokasi yang dikenalpasti melalui kajian untuk membantu menampung lebihan air yang mungkin berlaku bagi mengurangkan risiko banjir.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah Kerajaan Negeri akan membuat rayuan atau bantahan terhadap Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri tidak perlu membayar GST?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah membuat rayuan atau bantahan terhadap Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Negeri tidak perlu membayar GST tetapi tidak diambil peduli oleh Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya Kerajaan Negeri telah menyatakan pendirian dengan menentang pelaksanaan GST oleh Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendirikan sebuah Flyover di atas persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Gat Lebu Macallum dan Gat Lebu Cecil yang telah lama dipohon oleh penduduk kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sememangnya terdapat perancangan oleh Kerajaan Negeri untuk menambahbaik aliran lalulintas di kawasan KOMTAR dan sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Gat Lebu Cecil ke Gat Lebu Prangin, Pengkalan Weld sejak tahun 2015. Projek ini melibatkan komponen-komponen seperti berikut:-
 - (a) Membina tanjakan berarah (directional ramp) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
 - (b) Membina pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebu Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
 - (c) Membina pusingan 'U' pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Jalan Sungai Pinang / Lebu Sungai Pinang.

Walaubagaimanapun, disebabkan struktur-struktur yang dicadangkan untuk dibina bagi projek ini terletak berdekatan dengan tapak warisan George Town, maka penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan (HIA) telah disyaratkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

Pihak MBPP telah menyiapkan laporan HIA bagi projek ini. Laporan ini akan dikemukakan kepada JWN sebaik saja laporan HIA bagi projek LRT George Town – Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang diluluskan oleh JWN. Ini adalah untuk memberi keutamaan kepada proses kelulusan projek LRT George Town - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah status permohonan mendirikan sebuah tempat letak kereta bertingkat dan gelanggang badminton di belakang Pasar Lebu Cecil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk membina bangunan tempat letak kereta bertingkat dan gelanggang badminton di belakang Pasar Lebu Cecil. Berdasarkan semakan didapati tiada tanah yang diberi milik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bagi tujuan tersebut di kawasan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan semua tuan rumah perlu menukar syarat kegunaan premis sebelum mereka berniaga di rumah kediaman?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pemilik premis hendaklah memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlebih dahulu untuk menukarguna bangunan kediaman sedia ada kepada perniagaan sebelum mengemukakan permohonan lesen perniagaan dan menjalankan aktiviti perniagaan di premis tersebut. Sebarang aktiviti perniagaan hanya dibenarkan di kawasan yang diperlingkungkan sebagai 'Perniagaan' dan 'Pelancongan' sahaja. Rumah kediaman yang terletak di kawasan yang diperlingkungkan sebagai 'Perumahan' tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti perniagaan kecuali rumah kediaman yang terletak di kawasan 'Perniagaan' dan 'Pelancongan'. Rumah kediaman ini boleh dibenarkan menukar syarat kepada perniagaan tertakluk kepada pematuan syarat-syarat teknikal dan garis panduan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tuan rumah yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan perumahan perlu membuat permohonan menukar syarat kepada perniagaan. Namun demikian, kelulusan tersebut tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bergantung kepada faktor keadaan perlingkungan yang ditetapkan di kawasan berkenaan sama ada sesuai atau tidak untuk tujuan permohonan.

Bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian menentukan bahawa tuan rumah atau pemilik bangunan kediaman yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan perumahan telah melakukan pelanggaran syarat nyata yang ditetapkan dalam dokumen hakmilik. Tindakan tersebut merupakan kesalahan dibawah Seksyen 125 Kanun Tanah Negara 1965 dan boleh dikenakan denda tidak kurang RM500 dan juga denda tambahan sebanyak tidak kurang RM100 sehari di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965. Sekiranya pemilik gagal memulihkan pelanggaran berkenaan mengikut tempoh yang diberikan, tanah tersebut boleh dilucuthakkan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965.

Oleh itu bagi bangunan kediaman untuk dijadikan premis perniagaan ia perlu mendapat kelulusan Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah rancangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan athlete negeri kita mencapai ke tahap antarabangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang berperanan sebagai penggerak utama sukan berprestasi tinggi sentiasa melaksanakan usaha-usaha proaktif untuk melahirkan atlet-atlet berwibawa yang boleh diketengahkan ke peringkat tertinggi untuk mewakili Malaysia. Langkah yang diambil ini dilaksanakan melalui penekanan terhadap pembangunan sukan di tiga peringkat utama iaitu:-

- (i) Peringkat akar umbi,
- (ii) Peringkat pelapis negeri; dan
- (iii) Peringkat SUKMA dan Atlet Elit Negeri

Bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, MSNPP melalui program pembangunan sukan di peringkat Majlis Sukan Daerah giat melaksanakan program pembangunan sukan daerah yang merangkumi sukan Angkat Berat, Olahraga, Taekwondo, Memanah, Silambam, Ping Pong, Silat dan Petanque. Sebanyak 425 orang atlet kini sedang giat menjalani latihan untuk sukan ini di kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

Manakala, di bawah program atlet-atlit pelapis negeri yang digerakkan secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pulau Pinang di bawah Majlis Sukan Negara Malaysia, seramai 572 orang atlet sokongan melibatkan 17 jenis sukan gigitigih menjalani latihan sebagai pelengkap kepada skuad latihan negeri.

Di peringkat SUKMA dan Atlet Elit Negeri, program-program pembangunan yang menjurus kepada peningkatan prestasi atlet turut dikelolakan sebagai usaha berterusan dalam memajukan sukan negeri seperti berikut:-

- (i) Melaksanakan program latihan terancang bagi mengukuhkan prestasi fizikal, kerohanian, sahsiah dan mental atlet untuk menghadapi sesuatu pertandingan;
- (ii) Mengenal pasti bakat-bakat baru bagi menjalani latihan negeri sama ada di peringkat program latihan pelapis negeri, program pembangunan di bawah Majlis Sukan Daerah atau diketengahkan ke skuad latihan SUKMA untuk dipilih bagi menyertai kejohanan SUKMA yang akan datang;
- (iii) Melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat daerah melibatkan sukan-sukan seperti memanah, olahraga, petanque, ping pong, silat, olahraga, dan taekwondo;
- (iv) Merancang dan melaksanakan program latihan berteraskan Pelan Periodisasi yang meringkaskan perancangan tahunan untuk membangunkan sukan-sukan yang dipelopori ke dalam bentuk fasa latihan yang kecil serta bagi mengelakkan latihan berlebihan;
- (v) Memberi pendedahan kepada atlet-atlet ke pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan;
- (vi) Menaiktaraf peralatan yang digunakan semasa latihan dan pertandingan bagi membantu atlet meraih pingat;
- (vii) Memberi makanan tambahan (Food Supplement) untuk meningkatkan tahap kecergasan atlet;
- (viii) Melaksanakan Program Atlit Elit MSNPP di mana atlit yang cemerlang semasa SUKMA yang lepas akan dibayar elaun bulanan masing-masing sebanyak RM500.00 bagi pingat emas dan RM300.00 bagi pingat perak dan gangsa;
- (ix) Memberi pengiktirafan kepada atlet yang cemerlang di Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang setiap tahun; dan
- (x) Memberi pengiktirafan berbentuk kewangan di bawah Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) dengan tujuan untuk menggalak serta memberi motivasi kepada atlet-atlet negeri Pulau Pinang yang bertanding di SUKMA dan sukan-sukan bertemasya mewakili negara Malaysia dan kejohanan-kejohanan sukan di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh badan induk sukan di Malaysia.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan dengan teliti berapakah wang yang telah taja kepada FAP bagi musim 2016-2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Jumlah tajaan oleh Kerajaan Negeri dan Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bolasepak Negeri Pulau Pinang (FAP) bagi musim 2016-2017 adalah sebanyak RM34,500.00.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri akan terus menaja FAP yang dapat keputusan yang begitu teruk di Liga Super Malaysia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri akan menimbang permohonan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila nyatakan dengan teliti siapakah AJK yang beroperasi FAP dan apakah latar belakang AJK yang mempunyai dalam bidang bola sepak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Menurut fasal 12 Perlembagaan Persatuan Bola sepak Pulau Pinang (FAP), Persatuan adalah ditadbir oleh sebuah Majlis yang terdiri daripada:
- (a) Tiga orang Pengamanah;
 - (b) Seorang Presiden;
 - (c) Seorang Timbalan Presiden;

- (d) Dua orang Naib Presiden;
- (e) Setiausaha;
- (f) Bendahari;
- (g) Seorang wakil daripada setiap Persatuan Bola sepak Daerah;
- (h) Seorang wakil daripada Persatuan Pengadil Pulau Pinang;
- (i) Enam Ahli Bebas;
- (j) Wakil Presiden yang tidak lebih daripada tiga orang;
- (k) Seorang wakil pasukan johan dan seorang wakil pasukan naib johan Liga Divisyen Satu musim lepas; dan
- (l) Seorang wakil pasukan johan dan seorang wakil pasukan naib johan Liga Divisyen Dua musim lepas.

Ahli-ahli Majlis FAP dipilih mengikut peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persatuan dan secara lazimnya terdiri daripada pihak-pihak yang mempunyai latar belakang dalam menguruskan pasukan bola sepak tempatan sama dari segi pengurusan pasukan peringkat kelab atau daerah tempatan.

Senarai Ahli Jawatankuasa Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP) untuk tahun 2016/2017 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

RUJ. LAMPIRAN A BLKE NO. 15.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Adakah FAP memberi satu laporan kepada Kerajaan Negeri yang merupakan penaja utama FAP? Jika ya, sila lampirkan laporan dalam jawapan dengan teliti. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. FAP akan menghantar laporan status terkini dari semasa ke semasa kepada Kerajaan Negeri termasuk pembentangan oleh Ketua Jurulatih dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Laporan status terkini FAP yang telah dikemukakan pada tahun 2017 kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BLKE NO. 16.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Sila nyatakan dengan teliti, setelah banyak aduan telah dibuat tentang pekerja asing duduk di LMC, apakah status terkini tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Pada masa ini tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' (kos rendah dan sederhana rendah) perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan tidak dapat diambil ke atas pemilik yang menyewakan unit RMM 'A' atau 'B' kepada pihak ketiga sama ada dari kalangan warganegara atau pekerja asing.

Menyedari keadaan ini, Kerajaan Negeri dalam usul bertarikh 22 Februari 2017 yang ditandatangani bersama Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri telah menggesa Kerajaan Persekutuan supaya perundangan sedia ada berkaitan masalah ini disemak dan/atau dipinda. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan berhubung usul bersama yang dikemukakan.

Di peringkat Kerajaan Negeri sendiri, penambahbaikan telah dibuat ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1. Berkuatkuasa Ogos 2016, pemohon dikehendaki menandatangani Akuan Berkanun (Statutory Declaration) sebagai akuanji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Buat masa ini, orang awam boleh mengemukakan laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya terdapatnya sebarang kejadian kacau ganggu daripada unit yang disewakan kepada pekerja asing. Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh PBT selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dengan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan kepada tuan punya premis/majikan yang bertanggungjawab. Dalam pada itu, PBT turut menjalankan inisiatif mewujudkan *task force* serta mengadakan mesyuarat dengan pihak majikan pekerja warga asing. Tujuan perbincangan adalah untuk mengarahkan pihak majikan mengambil tanggungjawab mengawal pergerakan dan tingkah laku pekerja asing, mematuhi bilangan pekerja di setiap premis, menyediakan jadual pemantauan serta memastikan maklumat majikan dan pegawai dipaparkan di setiap premis untuk dihubungi dari masa ke semasa.

Melalui pendekatan lain, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk menggalakkan lebih banyak pembinaan asrama pekerja bagi menangani isu penyewaan unit-unit Rumah Mampu Milik kepada warga asing. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Julai 2015 telah meluluskan penggunaan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Di Negeri Pulau Pinang. Garis panduan ini akan menjadi rujukan asas kepada sebarang projek pembinaan asrama pekerja supaya tidak bercanggah dengan syarat pemajuan guna tanah kediaman/penempatan dalam kawasan perindustrian dan perniagaan serta mengawal risiko dan ancaman kacau ganggu kepada penduduk tempatan.

Di peringkat ini, 5 permohonan telah dikemukakan untuk pemajuan asrama pekerja iaitu seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	BIL. KATIL
1	Permatang Damar Laut, Batu Maung, DBD	5,000
2	Juru, SPT	6,102
3	Bukit Minyak, SPS	6,642
4	Permatang Tinggi, SPT	4,896
5	Kawasan Perindustrian Valdor, SPS	3,640
JUMLAH KATIL		26,280

Daripada ini, satu telahpun mula pembinaan iaitu projek di Bukit Minyak, SPS yang adalah di peringkat 40% pembinaan.

Selain daripada lima (5) permohonan yang dikemukakan seperti di atas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mengenal pasti dua (2) bidang tanah di kawasan Seberang Perai iaitu di Batu Kawan dan di Utara Bukit Minyak untuk tujuan pembangunan asrama pekerja.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah situasi keadaan BPS, bilakah dapat wujud semula dan mula beroperasi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri telah menerima surat makluman daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada 23 November 2016 bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengeluarkan arahan supaya Kerajaan Negeri membekukan segala aktiviti Badan Peronda Sukarela (BPS). Kerajaan Negeri akur dengan arahan ini dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak PDRM dan KDN dengan mengeluarkan arahan kepada semua ahli BPS untuk menghentikan segala aktiviti BPS sehingga kelulusan daripada KDN diperolehi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Ternampak food truck yang semakin banyak di kalangan tepi jalan, adakah food truck yang baru ini mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh MBPP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mengeluarkan lesen yang baru kepada pengusaha *food truck* di tepi jalan. Pada masa kini, pihak MBPP hanya mengeluarkan lesen untuk pengusaha berkenaan menjalankan aktiviti di pasar malam sahaja. Walau bagaimanapun, MBPP sedang dalam perancangan menyediakan garis panduan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah aktiviti *food truck* berkenaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan dengan teliti, di bawah Program 80/20 oleh Kerajaan Negeri, PDC atau MBPP mulai 2013 sampai 2017. Jumlah berapa lif telah ditukar baru atau dinaiktaraf?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri setakat ini telah meluluskan permohonan kerja-kerja mengganti dan menaiktaraf 94 unit lif melalui program Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% (TPM80) Pulau Pinang dan Program Perkongsian Kos Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang diperkenalkan sejak tahun 2013. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) perumahan swasta kos rendah dan sederhana di Pulau Pinang. Sejumlah RM8,334,934.14 telah disalurkan bagi membiayai sebahagian kos kerja-kerja penggantian dan naiktaraf lif. Pecahan amaun yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan bilangan unit lif yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:-

Program	Kerja	Bil. Unit	Sumbangan
TPM80	Penggantian Lif	8	RM1,618,182.40
	Naiktaraf Lif	75	RM3,571,786.49
Perkongsian Kos PDC	Penggantian Lif	11	RM3,144,965.25
	Naiktaraf Lif	-	-
JUMLAH		94	RM8,334,934.14

Senarai terperinci projek yang dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran A dan B**.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BLKE NO. 20.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan dengan teliti, di bawah permohonan peruntukkan untuk menaik taraf RIBI, berapakah jumlah permohonan yang telah dipohon dan berapakah yang telah diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Bagi tempoh 2016 hingga September 2017 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang telah meluluskan sebanyak 48 daripada 59 permohonan untuk menaik taraf RIBI dengan peruntukan berjumlah RM1,372,600.20. Perincian kelulusan adalah seperti di Lampiran A.

RUJ. LAMPIRAN A BLKE NO. 21.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah status terkini pemasangan sistem pembentungan di kawasan Jeti Klan yang telah dicadangkan oleh KADUN Pengkalan Kota sejak Tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Projek Pemasangan Sistem Pembentungan di Clan Jetty telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan peruntukan sejumlah RM30 juta. Oleh kerana tapak projek berada di dalam kawasan warisan UNESCO dan juga merupakan kawasan sensitif, satu Kajian Impak Sosial (SIA) akan dilaksanakan sebelum projek fizikal dimulakan.

Pada Februari 2017, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah menyediakan Terma Rujukan bagi Cadangan SIA untuk Clan Jetty. Kajian SIA ini akan dilaksanakan selama empat bulan dan dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 2017. Kajian ini akan melibatkan tiga aspek utama, iaitu penilaian keadaan tapak melalui carian maklumat, pemerhatian di tapak dan temubual yang melibatkan 600 responden yang terdiri daripada 200 penduduk, 200 pelawat dan 200 yang menduduki bangunan sekitar Pengkalan Weld dan Lebuhr Pantai. Seterusnya pihak perunding akan menjalankan analisis hasil dari dapatan kajian dan mencadangkan kaedah mitigasi serta pelan pengurusan pembentungan yang lebih komprehensif.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Rapid Penang akan mewujudkan semula Bus Mini untuk masuk ke kawasan dalam perumahan untuk kemudahan warga tua yang duduk di tempat tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pada masa kini, pihak Rapid Penang tiada perancangan untuk mewujudkan semula perkhidmatan bas mini meliputi taman-taman perumahan. Kerajaan Negeri bersama-sama Rapid Penang boleh melihat kepada cadangan ini dengan menjalankan kajian kebolehlaksanaan terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila nyatakan dengan teliti pada Tahun 2016 sampai 2017, berapakah kilang yang telah shut down dan juga yang telah melabur di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bagi tempoh tahun 2016 hingga Jun 2017, hanya empat (4) buah kilang di Negeri Pulau Pinang yang telah menutup operasi atau berpindah keluar dan ianya adalah seperti berikut :

Bil.	Syarikat	Tarikh Tamat	Butir-butir
1	Fujisash Co. Ltd.	April 2016	Penutupan kilang berikutan pemberhentian aktiviti operasi pengeluaran produk aluminium extrusion dengan masih mengekalkan Bahagian Jualan dan Pentadbiran.
2	HGST Technologies Malaysia Sdn Bhd	Jun 2016	Penutupan kilang kerana pemberhentian pengeluaran terlibat. Namun perniagaan HGST telah dibeli oleh Western Digital yang mempunyai kilang di Pulau Pinang.
3	Rubicon	November 2016	Penutupan kilang kerana keputusan syarikat induk untuk keluar dari segmen perniagaan LED.
4	Seagate	Secara berperingkat sehingga Jun 2017	Penutupan kilang dan berpindah ke Thailand, manakala Seagate IT Shared Services Centre kekal beroperasi di Pulau Pinang.

Di samping itu berdasarkan rekod MIDA, pada tahun 2016, Pulau Pinang telah menerima 106 projek pelaburan dalam sektor pembuatan baru dan pelaburan semula dalam sektor pembuatan dengan nilai pelaburan RM4.3 bilion.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila bagi satu senarai berapakah RIBI di negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berdasarkan rekod Kerajaan Negeri jumlah RIBI yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang pada masa ini adalah sebanyak **654** yang meliputi **374** di Daerah Timur Laut, **22** di Daerah Barat Daya, **86** di Daerah Seberang Perai Utara, **125** di Daerah Seberang Perai Tengah dan **47** di Daerah Seberang Perai Selatan.

Mulai tahun 2018, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Kajian Korelasi Taburan Tapak RIBI secara berperingkat semua daerah untuk mengemaskini data dan taburan RIBI di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan dengan teliti, berapakah Bomba Sukarela yang wujud dan apakah bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berdasarkan perangkaan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, sebanyak 35 Pasukan Bomba Sukarela telah diwujudkan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Terdapat 24 pasukan bomba sukarela di kawasan Seberang Perai dan 11 pasukan di bahagian Pulau dengan keanggotaan seramai 20 anggota bagi setiap pasukan.

Antara bantuan yang diberi melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang kepada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) adalah seperti berikut :-

- (i) Menyediakan geran bantuan kewangan sebanyak RM3,000.00 kepada PBS yang aktif. Pada tahun 2016, sebanyak RM102,000 bantuan kewangan telah disalurkan kepada 34 PBS, manakala pada tahun 2017, sebanyak RM99,000.00 bantuan kewangan telah disalurkan kepada 33 PBS;
- (ii) Membekalkan pakaian (PPE) kepada anggota PBS seperti helmet, baju api bersama seluar, *glove*, kasut api dan t-shirt PBS. Selain itu, peralatan seperti *dividing breaching*, *hydrant outlet*, *hydrant key n bar*, *suction stand*, *nozel*, *hose* dan *hose* kecil turut dibekalkan;
- (iii) Membekalkan kenderaan Proton Arena dan Mitsubishi Triton sebagai jentera kepada PBS, di mana sebanyak 14 buah Proton Arena telah dibekalkan kepada 14 PBS serta sebuah Mitsubishi Triton dan sebuah kenderaan jenis Nissan telah dibekalkan kepada masing-masing satu PBS; dan
- (iv) Menyediakan insurans untuk seramai 700 ahli PBS.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bilakah pembangunan perumahan PDC di Gat Lebu Cecil dapat didirikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Rumah Mampu Milik di Gat Lebu Cecil merupakan salah satu dari 17 projek perumahan mampu milik yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi memenuhi permintaan tinggi terutama di daerah Timur Laut. Pemajuan ini masih di peringkat perancangan dimana Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membina sebanyak 348 Rumah Mampu Milik B dengan harga maksima RM72,500. Projek ini dirancang untuk dimulakan pada suku kedua tahun 2018 dan dijangka dapat disiapkan pada penghujung 2020.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk mengatur semula penjaja-penjaja tepi jalan supaya lebih teratur dan tidak menghalang laluan jalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk mengatur semula penjaja-penjaja tepi jalan supaya lebih teratur dan tidak menghalang laluan jalan. Antara tindakan yang sedang dilakukan adalah seperti berikut:
- (i) Memberi keutamaan dan mempergiatkan usaha penempatan penjaja tanpa lesen ke kompleks penjaja milik PBT dan lokasi-lokasi yang bersesuaian.
 - (ii) Mewujudkan tempat perniagaan baru kepada para peniaga.
 - (iii) Menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam aktiviti perniagaan sebagai usaha mengurangkan penjaja tepi jalan.
 - (iv) Mewujudkan Task Force Menangani Isu Penjaja Tanpa Lesen bagi mengenal pasti penjaja tanpa lesen dan cadangan penyelesaian bagi setiap penjaja.
 - (v) Mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Perniagaan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan yang bertujuan memberi alternatif kepada penjaja untuk mendapatkan lesen.

- (vi) Melaksanakan aktiviti pemantauan dengan lebih kerap di lokasi-lokasi tumpuan untuk memastikan tiada penjaja baru berniaga di kawasan yang tidak sesuai untuk menjalankan perniagaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang berbanding dengan Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Bagi mengatasi masalah banjir di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1,058,538,354.90 bagi melaksanakan projek-projek tebatan banjir seperti projek RTB Sg. Muda, RTB Sungai Perai, RTB Sungai Junjung dan projek RTB yang lain. Selain itu, kerja-kerja pemuliharaan pantai dan sungai, pembersihan dan rawatan air sungai di Pulau Pinang juga merupakan projek yang dijalankan di bawah Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-9 hingga Rancangan Malaysia Ke-11.

Sementara langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan 'hotspot' banjir di seluruh Negeri di bahagian pulau dan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan agar sistem saliran sedia ada berada dalam keadaan baik;
- (ii) Menganjurkan kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan kempen supaya jangan membuang sampah ke dalam sungai, akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Negeri bagi memaklumkan orang ramai tentang kesan membuang sampah ke dalam sungai;
- (iii) Mengalihkan semua pembinaan utiliti yang dibina di kawasan sungai dan saliran yang mengalami 'bottle neck'; dan
- (iv) Memastikan pembangunan hartanah di Negeri Pulau Pinang mengikut Garis Panduan Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Integrated Shoreline Management 2010 dan Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan 9 projek high impact. Kerja-kerja pelaksanaan fizikal di tapak dijangka akan bermula pada Disember 2017 sehingga Disember 2019. Status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BLKE NO. 29.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Adakah Kerajaan Tempatan akan memasang lampu di laluan basikal terutamanya di bahagian laluan di bawah jejantas atau laluan di bawah lebuh raya untuk menjaga keselamatan pengguna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Kerajaan Tempatan sememangnya akan memasang lampu di laluan basikal di bahagian bawah jejantas atau di bawah lebuh raya melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjaga keselamatan pengguna. Sehubungan itu, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah pun selesai memasang lampu jalan di laluan basikal di bawah jejambatan lebuh raya Tun Dr. Lim Chong Eu berhampiran Sungai Pinang dan dalam peringkat perancangan untuk memasang lampu bagi laluan basikal di bawah Jambatan Pulau Pinang untuk menjamin keselamatan pengguna pada waktu malam.

XXI. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah bilangan keluarga yang telah diberi tambah nilai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2016 bagi pendapatan bulanan kurang dari RM790 dan jumlah perbelanjaan terlibat hingga september 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 bertujuan untuk membasmi kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang.

Di bawah Program AES, Kerajaan Negeri akan menambah nilai kepada keluarga yang mempunyai pendapatan perkapita kurang dari RM220.00. Bagi tahun 2016, seramai 1,375 orang penerima telah mendapat manfaat dengan Program AES dan jumlah perbelanjaan bagi program AES sehingga September 2017 adalah sebanyak RM25,871,852.00.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah jumlah pemberi milikan tanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada rakyat tempatan, syarikat swasta dan syarikat asing sepanjang tahun 2008 hingga 2016?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Ringkasan tanah Kerajaan Negeri yang diluluskan pemberi milikan kepada individu dan syarikat swasta dari tahun 2008 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	PEMBERIMILIKAN		JUMLAH
	INDIVIDU (RAKYAT TEMPATAN)	SYARIKAT SWASTA	
2008	58	13	71
2009	61	15	76
2010	431	14	445
2011	49	14	63
2012	79	26	105
2013	233	29	262
2014	157	23	180
2015	32	15	47
2016	34	8	42
JUMLAH KESELURUHAN	1,134	157	1,291

Setakat ini, tiada tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat asing.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Nyatakan jumlah mualaf di Pulau Pinang yang menerima bantuan zakat pada tahun 2016 mengikut pecahan daerah.
(b) Apakah bentuk atau jenis bantuan yang diterima oleh mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Jumlah mualaf yang menerima bantuan zakat pada tahun 2016 adalah seramai 1,250 orang. Zakat Pulau Pinang (ZPP) tidak menyimpan rekod penerima zakat mualaf mengikut daerah.
(b) Bentuk atau jenis bantuan zakat yang diterima oleh mualaf terdiri daripada :-
(i) Saguhati pendidikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT);

- (ii) Saguhati kelas pengajian agama;
- (iii) Saguhati bengkel bimbingan asas fardhu ain;
- (iv) Saguhati berkhatan ;
- (v) Saguhati berkahwin ;
- (vi) Saguhati memeluk Islam ;
- (vii) Saguhati sambutan Hari Raya ;
- (viii) Bantuan sarahidup secara sekaligus/kebajikan ; dan
- (ix) Kit peralatan ibadah.

Senarai jenis bantuan, bilangan penerima dan nilai bantuan yang diagihkan kepada mualafadalah seperti di **Lampiran 1**.

RUJ. LAMPIRAN 1 BLKE NO. 3.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Sila kemukakan jumlah kes rogol dan kes masalah rumahtangga yang dilaporkan di Pulau Pinang dalam tempoh 2013 - 2017.
- (b) Apakah langkah-langkah pencegahan dan apakah bantuan yang telah diberi kepada mangsa-mangsa penderaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berdasarkan perangkaan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes rogol dan kes masalah rumahtangga yang dilaporkan di Pulau Pinang pada tahun 2013 hingga September 2017 adalah seperti berikut :-

KES / TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017 (JAN-SEPT)
KES ROGOL	115	100	76	65	54
KES MASALAH RUMAHTANGGA	241	320	305	260	138

- (b) Antara langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan bagi menangani kes penderaan seksual adalah seperti berikut :-
 - (i) PDRM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pembangunan Wanita dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sering mengadakan program berbentuk ceramah, dialog, forum dan pameran untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai hak mereka dari segi undang-undang dan bantuan yang boleh diperolehi sekiranya terlibat dengan kes penderaan;
 - (ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan aktiviti dan program bersama Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Daerah bagi menangani masalah sosial di kalangan kanak-kanak. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak juga ditubuhkan di semua daerah supaya kanak-kanak dapat menjalani aktiviti yang berfaedah pada masa lapang dan dapat mengelakkan mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral; dan
 - (iii) PDRM melalui Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) serta Jabatan Siasatan Jenayah telah berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan mengadakan beberapa siri program khusus dalam pencegahan jenayah seksual di kalangan remaja sekolah. Program tersebut ialah Program 'Manisnya Menjadi

Gadis' untuk pelajar wanita dan 'Hebatnya Menjadi Lelaki' untuk pelajar lelaki. Program ini menumpukan perhatian kepada golongan pelajar sekolah menengah dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 yang melibatkan pegawai polis dan kaunselor PDRM. Pengisian program ini adalah berbentuk penerangan dan dialog dengan pelajar wanita dan lelaki secara berasingan bagi mendidik mereka agar menyayangi diri sendiri, saling menghormati dan menjaga kehormatan diri. Antara penerangan yang diberikan adalah meliputi aspek perundangan, masalah-masalah yang timbul akibat terlibat dengan pergaulan bebas dan bagaimana untuk mengamalkan pergaulan sihat. Pelajar juga turut didedahkan dengan masalah jenayah cyber seperti paparan video berkenaan 'cyber grooming', 'cyber bullying' dan 'cyber stalking' agar mereka tidak terpedaya dan terjerumus dengan jenayah alam siber.

Antara bantuan yang telah diberikan kepada mangsa penderaan seksual adalah seperti berikut :-

- (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa penderaan seksual yang dirujuk oleh hospital dan pihak PDRM selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan) 2016 dan bertindak sebagai pelindung kanak-kanak. Kanak-kanak yang terlibat akan diselamatkan dan diletakkan ke dalam jagaan orang yang layak dan sesuai serta ditempatkan di institusi kanak-kanak jika perlu; dan
- (ii) Bagi kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan kepada PDRM, Perintah Perlindungan Interim akan diberikan kepada mangsa jika mangsa memerlukan perlindungan. Bagi mangsa yang mengalami trauma, PDRM mempunyai kaunselor berdaftar yang sedia memberikan khidmat kaunseling yang diperlukan oleh mangsa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sila butirkan semua pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, anak syarikat dan lain-lain yang masih belum dibayar balik dengan sepenuhnya termasuk jumlah pinjaman, kadar faedah dan tempoh untuk bayar balik.
- (b) Sila butirkan semua pinjaman yang tidak dapat dikutip balik (hutang lapuk).

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sehingga tahun 2017 Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman berjumlah RM1,035,042,431.10 kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Jelutong Development Sdn Bhd (JDSB) dan butiran pinjaman adalah seperti **Lampiran A**.
- (b) Kesemua pinjaman Kerajaan Negeri seperti di atas telah dikutip balik seperti dijadualkan.

RUJ. LAMPIRAN A BMYMN NO. 5.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Mengikut belanjawan 2016, peruntukan sebanyak RM2.3 juta untuk program tampil berkaitan kepimpinan wanita. Sila nyatakan program apa yang dimaksudkan?
- (B) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk setiap program tersebut dan apakah impak serta hasil daripada pelaksanaan program tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Program Tampil yang dikendalikan oleh Penang Women Development Corporation (PWDC) merupakan program pemerkasaan kepimpinan wanita setempat. Program Tampil untuk tahun 2016 yang juga dikenali sebagai Tampil 2.0 : Siri Pemberdayaan Wanita Setempat meliputi beberapa Kawasan Parlimen dan Daerah di Pulau Pinang. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta wanita setempat

dalam komuniti tentang konsep kesaksamaan gender dan kepentingan penyertaan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Selain itu, peserta-peserta yang berpotensi tinggi menjadi pemimpin juga dikenal pasti daripada Program Tampil untuk latihan kepimpinan lanjutan.

- (b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,500,000.00 kepada PWDC pada tahun 2016 bagi menampung kos operasi PWDC sementara kos bagi program Tampil yang dianjurkan oleh PWDC kerap kali dikongsi bersama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen kawasan melalui *strategic partnership* yang memanfaatkan komuniti. Hasil daripada program ini, PWDC telah mengenal pasti wanita yang berpotensi untuk menjadi pemimpin dan wanita-wanita ini akan menjalani latihan kepimpinan. Perincian program, kos dan impak adalah seperti di **Lampiran A**. Mulai tahun 2017, Program Tampil tidak lagi dilaksanakan.

RUJ. LAMPIRAN A BMYMN NO. 6.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Senaraikan lokasi tapak pembuangan sampah dari sisa binaan dan industri di Pulau Pinang.
- (b) Apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan negeri untuk menyelesaikan sampah haram dari sisa binaan dan industri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Sisa binaan yang dijana di Bahagian Pulau Negeri Pulau Pinang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong manakala sisa binaan dari Seberang Perai dilupuskan di kawasan Stesen Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung. Sisa industri dari seluruh Negeri Pulau Pinang dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.
- (b) Antara perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan sampah haram dari sisa binaan dan industri adalah seperti berikut:
- (i) mewajibkan pengasingan sisa dilakukan oleh pemaju di tapak binaan.
 - (ii) menggubal Garis panduan Pengurusan Sisa di tapak pemajuan.
 - (iii) menyediakan resource recovery facility bagi sisa binaan tertakluk kepada keputusan mengenai tawaran bagi pelaksanaan Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sampah Jelutong dan Penyediaan Tapak Baharu bagi pelupusan sisa bahan binaan dan marine clay.
 - (iv) menyediakan pusat untuk memproses sisa binaan.
 - (v) mengkaji kesesuaian menggunakan bahan binaan yang dikitar semula untuk digunakan kembali.
 - (vi) mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap kontraktor yang membuat renovation.
 - (vii) menggalakkan lebih banyak skim perumahan yang berkonsepkan zero renovation di masa hadapan seperti di Eco City di Batu Kawan.
 - (viii) mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap kontraktor yang melaksana kerja pelupusan sisa industri.
 - (ix) mewujudkan elemen kawalan kepada industri yang melupuskan sisa melalui kaedah penjana bayar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Negeri pada 2008?

- (b) Sila senaraikan projek-projek pencegahan banjir di Pulau Pinang yang telah dibelanjakan dengan jumlah RM405 juta sejak 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah banjir di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 adalah sebanyak RM531,385,908.88 dan bukan RM405 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak RM448,878,589.06 dibelanjakan oleh JPS, RM40,181,639.45 oleh MBPP, RM34,663,969.65 oleh MPSP dan RM7,661,710.72 oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Kesemua perbelanjaan tersebut adalah untuk 2,342 projek. Memandangkan bilangan projek tersebut adalah terlalu banyak, senarainya terlalu tebal untuk dicetak bersama jawapan ini. Oleh itu pihak Yang Berhormat boleh mendapatkan senarai projek tersebut, daripada urusetia di BPEN dalam bentuk cakera padat (CD).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Dalam laporan Bajet 2017 dilaporkan terdapat peningkatan dalam produktiviti ikan laut secara mendadak pada tahun 2015.
- (a) Sila huraikan jumlah tangkapan untuk tahun 2015, 2016 dan 2017.
- (b) Mengapakah harga ikan masih mahal di Pulau Pinang sedangkan pengeluaran meningkat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Jumlah keseluruhan tangkapan ikan untuk tahun 2015 hingga 2017 adalah berjumlah 106,796 tan metrik. Perincian jumlah tangkapan adalah seperti berikut:-

TAHUN	NILAI PENDARATAN (TAN METRIK)
2015	49,783
2016	57,013
2017	DATA BELUM DITERBITKAN
JUMLAH KESELURUHAN	106,796

- (b) Berdasarkan statistik Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, jumlah tangkapan ikan telah meningkat sebanyak 6.77% iaitu 7,230mt bagi tahun 2015 hingga 2016.
- (c) Penetapan harga ikan adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian, antara faktor yang menyebabkan harga ikan meningkat adalah seperti berikut:-
- (i) Peniaga dan orang tengah mengambil kesempatan menaikkan harga terutamanya sempena musim perayaan;
- (ii) Fenomena global seperti perubahan iklim telah mengakibatkan bekalan terhad, sukar diperoleh dan akhirnya memberi kesan kepada harga ikan; dan
- (iii) Kenaikan harga peralatan dan kelengkapan seperti pukat dan enjin bot akibat pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Berapakah yang telah dibelanjakan sehingga september 2017 untuk penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung?

- (b) Mengapakah hanya RM2 juta diperuntukkan untuk pembinaan jalan kampung/turap semula jalan kampung?
- (C) mengapakah peruntukan untuk pembinaan jalan kampung terlalu kecil iaitu RM2 juta setahun (boleh membina 10km jalan baru dan 20km turap semula).

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sebanyak RM52,951,928.63 telah dibelanjakan bagi pembiayaan penyelenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan MARRIS pada tahun 2017 (sehingga 30 September 2017). Manakala RM4,099,787.61 peruntukan MARRIS telah dibelanjakan bagi pembiayaan penyelenggaraan jalan kampung.

Peruntukan sebanyak RM2 juta yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi penyelenggaraan dan pembinaan jalan kampung adalah mencukupi. Ini kerana selain dari peruntukan ini, garis panduan MARRIS juga membenarkan penggunaan 10% daripada wang MARRIS diguna untuk membiayai projek jalan-jalan kampung yang tidak mencapai piawaian minimum Jabatan Kerja Raya (JKR) dan tidak didaftar dalam sistem MARRIS.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Berapakah kos yang terlibat dalam membina aplikasi *Penang Alert*?
- (b) Adakah *Penang Alert* telah mula berfungsi dalam membantu menyalurkan maklumat kecemasan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sistem eBencana telah dibangunkan pada tahun 2011 dengan kos pembangunan sebanyak RM87,700.00 melalui perolehan sebut harga secara terbuka. Atas cadangan Y.A.B. Ketua Menteri, sistem ini telah dipertingkat dan dijenamakan semula sebagai *Penang Alert* pada November 2016 bertujuan untuk memperluaskan penyaluran maklumat dan informasi awal bencana yang tidak terhad kepada takrifan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada rakyat Pulau Pinang dengan lebih pantas.
- (b) Dengan pengaktifan *Penang Alert*, maklumat bencana dan informasi awal seperti banjir, banjir kilat, tanah runtuh, keadaan cuaca, paras air sungai, taburan hujan, penutupan jalan dan gangguan bekalan air telah disalurkan kepada rakyat melalui laman *Penang Alert*. Disamping itu, pengumuman terkini dari sistem *Penang Alert* akan turut disalurkan secara terus ke laman sosial Facebook Kerajaan Negeri Pulau Pinang (www.facebook.com/pggov). Sehingga 16 Oktober 2017, *Penang Alert* telah merekodkan hits capaian sebanyak 23,408. Sebanyak 167 pengumuman berkaitan bencana dan informasi awal telah disalurkan melalui *Penang Alert* sepanjang tahun 2017 (iaitu rekod sehingga 16 Oktober 2017).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berapakah bilangan paun anjing yang telah dibina sehingga september 2017 dengan peruntukan RM0.5 juta?
- (b) Adakah pembinaan paun anjing ini berupaya membantu program anjing terbiar sifar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Setakat September 2017, jumlah keseluruhan paun anjing milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 27 unit iaitu 5 di DBD, 12 di DTL dan 10 di SPT. Pembinaan paun anjing adalah mengikut keperluan sesuatu kawasan.
- (b) Antara fungsi utama paun anjing adalah supaya anjing yang sakit atau sedang menerima rawatan dapat dikuarintinkan. Ini penting untuk mengesan dan memantau kondisi haiwan tersebut sekiranya terdapat tanda-tanda penyakit. Selain itu, paun anjing ini juga membantu dalam menyelesaikan masalah anjing terbiar melalui pelaksanaan program pemandulan untuk mengurangkan bilangan pembiakan anjing di tempat awam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sila senaraikan pasar-pasar awam dan kompleks makanan yang telah diselenggara sepanjang 2017 dengan peruntukan RM1.45 juta.
- (b) Apakah bentuk kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan?
- (c) Mengapakah terdapat perbezaan bagi peruntukan kemudahan awam antara MPSP (RM17 juta) dengan MBPP (RM280 juta)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Senarai pasar awam dan kompleks makanan yang telah diselenggara oleh MPSP sehingga Oktober tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Senarai kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan sehingga Oktober 2017 adalah seperti di **Lampiran B**.
- (c) Peruntukan kemudahan awam antara MPSP dan MBPP berbeza adalah disebabkan perkara-perkara berikut :
 - (i) Keperluan dan kehendak pemegang taruh dalam kawasan PBT masing-masing yang berbeza.
 - (ii) Kemampuan kewangan yang berbeza bagi kedua-dua PBT.
 - (iii) Fokus perancangan pembangunan mengikut keutamaan kawasan PBT masing-masing.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BMYMN NO. 13.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Berapa banyakkah projek kelulut dan roselle yang telah dilaksanakan 2016/2017? Huraikan termasuk jumlah peserta yang terlibat.
- (b) Berapa ramaikah usahawan IAT yang telah dibangunkan atau dibantu sepanjang 2015, 2016 dan September 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Sepanjang tahun 2016 dan 2017, sebanyak 32 projek kelulut dan 8 projek roselle telah dilaksanakan melibatkan seramai 32 peserta bagi projek kelulut dan 8 bagi projek roselle. Perincian projek yang dilaksanakan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PROJEK	BIL. PESERTA
2016	Kelulut	16
	Roselle	8
2017	Kelulut	16
	Roselle	0

- (a) Sepanjang tahun 2015, 2016 dan 2017, seramai 99 orang usahawan Industri Asas Tani (IAT) telah dibangunkan. Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Usahawan
2015	31
2016	36
2017	32
JUMLAH	99

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Homeplot. Sila bentang dan huraikan kedudukan projek ini dan perbelanjaan terlibat dalam penyediaan padang ragut (tanam rumput).
- (b) Sila laporkan kedudukan taman agro Permatang Pauh seluas 22 ekar dan jumlah perbelanjaan yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan bagi membantu penternak-penternak untuk menghasilkan sendiri sumber makanan bagi ternakan. Antara kerja-kerja yang terlibat dalam projek ini merangkumi penggemburan dan pembajakan tanah, penyelenggaraan pagar kawasan homeplot, bekalan benih rumput, pembajaan serta penjagaan rumput. Sejak tahun 2013 hingga 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM337,085.70 yang melibatkan seramai 36 penerima bagi tujuan ini. Penerima berdasarkan daerah dan tahun adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Bagi Taman Agro Permatang Pauh, Kerajaan Negeri masih lagi dalam proses pertimbangan bagi pemilihan peserta berdasarkan sesi temuduga yang telah dijalankan. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum menyalurkan sebarang peruntukan bagi tujuan ini.

RUJ. LAMPIRAN A BMYMN NO. 15.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. SJKC/Mubaligh berjumlah 125 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM41 juta iaitu RM328,000 untuk setiap sekolah, SJKT berjumlah 28 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM8.1 juta iaitu RM289,00 untuk setiap sekolah SAR/Tahfiz berjumlah 200 buah telah menerima peruntukan sebanyak RM8.1 juta iaitu RM40,800 untuk setiap sekolah. Betul atau tidak jumlah peruntukan ini yang telah disalurkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus di bawah Program Bantuan Pendidikan untuk sekolah-sekolah bantuan modal atau bantuan kerajaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah berjumlah RM10.25 juta setahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Untuk sekolah agama adalah sebanyak RM55.4 juta tanpa kira pemberian tanah bernilai puluhan juta ringgit sejak tahun 2008.

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017
Jenis Sekolah	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)
Sekolah Cina / Persendirian / Mubaligh	8.50	8.50	8.50	8.50	8.50
Sekolah Tamil	1.75	1.75	1.75	1.75	1.75
Jumlah	10.25	10.25	10.25	10.25	10.25

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P13 Butiran 04 Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan membiayai kos membaiki, menaik taraf dan membina sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang. Jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2017 bagi Sekolah Agama Rakyat adalah berjumlah RM 22,008,860.00.

Di samping Program Bantuan Pendidikan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memberikan sumbangan tambahan ex-gratia sebanyak RM50.00 sebulan kepada guru-guru KAFA. Pada tahun 2016 sebanyak RM930,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembayaran pemberian ex-gratia kepada seramai 1,550 orang guru KAFA. Kerajaan Negeri juga mulai tahun 2010 telah memperuntukkan dalam bajet tahunan pemberian bantuan khas kewangan/ bonus kepada guru-guru KAFA dan mulai tahun 2012 telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian sagu hati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan TADIS.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM 62.69 juta dari tahun 2008 sehingga kini untuk tujuan pengambilan tanah bagi projek-projek keagamaan Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan sekolah-sekolah agama di Negeri Pulau Pinang (tanpa mengambil kira kos pengambilan tanah) dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah berjumlah RM 55,380,360.00. Dengan pengambilan tanah ataupun pemberian tanah Kerajaan, kosnya akan menambah perbelanjaan untuk Sekolah Agama sekurang-kurangnya hampir RM10 juta lagi. Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Program Bantuan Pendidikan (RM)	Sumbangan ex gratia guru-guru KAFA (RM)	Bantuan Khas Kewangan / Bonus kepada Guru KAFA(RM)	Pembangunan P13 (04) – Sekolah Agama (RM)	Jumlah (RM)
2008	88,250	659,250	-	2,500,030	3,247,530
2009	1,500,000	879,000	-	3,668,800	6,047,800
2010	1,750,000	913,200	487,500	2,560,000	5,710,700
2011	1,750,000	900,000	984,500	1,700,000	5,334,500
2012	1,750,000	912,000	1,078,900	1,100,020	4,840,920
2013	1,750,000	886,800	1,526,500	1,850,000	6,013,300
2014	1,750,000	885,600	1,147,800	2,850,000	6,633,400
2015	1,750,000	895,800	1,209,900	1,600,010	5,455,710
2016	1,750,000	930,000	1,256,500	2,030,000	5,966,500
2017	1,750,000	930,000	1,300,000	2,150,000	6,130,000
Jumlah	15,588,250	8,791,650	8,991,600	22,008,860	55,380,360

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat banyak haiwan liar seperti monyet/kera dan babi hutan di kawasan Kampung Teluk, Taman Sungai Dua Utama, Air Hitam dalam dan Nyior Sebatang.
 - (a) Apakah tindakan Jabatan Perhilitan Negeri dalam menyelesaikan isu ini?
 - (b) Bagaimana Kerajaan Negeri membantu penduduk dalam menyelesaikan isu tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan Negeri telah mengambil tindakan terhadap aduan penduduk di kawasan berkenaan. Antara tindakan yang telah diambil ialah pemasangan perangkap kera di Flat Taman Sungai Dua Utama dan pemasangan perangkap babi hutan di kawasan Kg Teluk, Sungai Dua. Di samping itu, Jabatan Perhilitan turut mengadakan operasi serta rondaan malam secara berkala bagi mengatasi gangguan babi hutan yang aktif pada waktu malam. Pada masa yang sama, khidmat nasihat turut diberikan kepada pengadu agar memastikan kebersihan kawasan persekitaran kediaman supaya dapat mengelakkan tumpuan babi hutan untuk mendapatkan makanan.

Babi hutan dan kera merupakan hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Oleh yang demikian, tindakan kawalan bagi populasi hidupan liar ini hanya boleh dilaksanakan oleh Jabatan Perhilitan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan Negeri akan meningkatkan lagi usaha dalam pemantauan kes-kes konflik hidupan liar dengan penduduk dan mengambil tindakan segera terhadap aduan yang dikemukakan oleh penduduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Apakah kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan sungai yang ada di Pulau Pinang?
- (b) Berapakah bilangan nelayan sungai yang berdaftar di Pulau Pinang?
- (c) Terdapat nelayan sungai yang mempunyai jeti di tanah rezab sungai di seluruh negeri. Boleh atau tidak Kerajaan Negeri memberi kelulusan tol untuk persatuan/koperasi nelayan-nelayan sungai tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan kemudahan khusus kepada nelayan sungai di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan kepada nelayan secara umum melalui kerja-kerja naik taraf kemudahan jeti nelayan Kampung Terus dan kerja-kerja pembinaan kemudahan asas di Jeti Nelayan Changkat. Kemudahan-kemudahan ini dibina adalah bertujuan menjaga kebajikan nelayan di negeri ini termasuklah nelayan-nelayan sungai.
- (b) Sehingga September 2017, seramai 92 orang nelayan sungai yang berdaftar dan diberikan lesen oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.
- (c) Secara dasarnya, kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Permohonan LPS boleh dibuat melalui Pentadbir Tanah Daerah sekiranya persatuan/koperasi nelayan-nelayan sungai mempunyai kuasa untuk memegang/ memiliki tanah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 43, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Sekiranya peruntukan Seksyen 43, KTN 1965 dipenuhi oleh persatuan/koperasi yang memohon, maka permohonan ini boleh dipertimbangkan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 65, KTN 1965.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sila senaraikan bilangan longkang dan parit buang yang telah dibina di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan mengikut daerah dari tahun 2008 - 2017.
- (b) Berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk longkang dan saliran kampung-kampung tradisional?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Senarai bilangan longkang dan parit buang yang telah dibina dan diselenggara dari tahun 2008 sehingga 2017 mengikut daerah adalah seperti berikut :

TAHUN	BILANGAN LONGKANG DAN PARIT YANG DIBINA					Jumlah
	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	
2008	9	-	35	3	-	47
2009	7	-	9	5	-	21
2010	17	2	14	14	-	47
2011	12	9	23	22	1	67
2012	13	11	26	14	1	65
2013	15	6	12	23	-	56
2014	22	3	7	47	-	79
2015	19	3	15	33	8	78
2016	15	1	9	45	13	83
2017	9	-	9	11	5	34
JUMLAH	138	35	159	217	28	577

- (b) Sebanyak RM10,195,327.29 telah dibelanjakan untuk pembaikan longkang dan saliran kampung tradisional dari tahun 2008 sehingga 2017. Perincian mengikut daerah dan tahun adalah seperti jadual di bawah :

TAHUN	PERBELANJAAN UNTUK LONGKANG & PARIT YANG DIBINA					Jumlah
	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	
2008	56,215.04	-	1,032,248.14	11,220.93	-	1,099,684.11
2009	41,707.51	-	71,000.00	40,035.00	-	152,742.51
2010	309,877.18	14,500.00	99,717.50	97,007.90	-	521,102.58
2011	101,556.34	62,940.00	169,941.49	164,455.00	146,460.00	645,352.83
2012	167,567.54	84,500.00	141,017.78	148,029.50	5,000.00	546,114.82
2013	106,919.05	65,700.00	187,439.20	196,367.50	-	556,425.75
2014	200,305.56	22,700.00	58,000.00	756,865.43	-	1,037,870.99
2015	187,499.44	59,981.50	378,307.20	1,495,723.70	227,000.00	2,348,511.84
2016	141,583.60	76,816.60	102,932.00	1,243,510.96	613,200.00	2,178,043.16
2017	73,850.58	-	285,807.12	652,615.00	97,206.00	1,109,478.70
JUMLAH	1,387,081.84	387,138.10	2,526,410.43	4,805,830.92	1,088,866.00	10,195,327.29

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi Hal Ehwal Islam dan Hal Ehwal Bukan Islam secara terperinci bagi tempoh 2008 - 2017.
- (b) Sila senaraikan terperinci peruntukan jenis pembinaan, naiktaraf dan bekalan yang telah diberikan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam dari tahun 2008 sehingga 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Jumlah peruntukan bagi Hal Ehwal Islam dari tahun 2008 hingga 2017 adalah berjumlah RM457.05 juta dan perbelanjaan adalah sebanyak RM361.97 juta. Manakala peruntukan kepada Hal Ehwal Bukan Islam adalah kira-kira RM30 juta sejak tahun 2008. Ini tidak termasuk tanah kerajaan yang diberikan secara percuma untuk masjid atau surau atau dengan kos asal kepada RIBI.
- (b) Peruntukan bagi pembinaan, menaiktaraf dan bekalan yang diberikan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) melalui Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI yang bermula pada tahun 2016 adalah sebanyak RM880,071.00 yang melibatkan sebanyak 38 buah RIBI di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah perkembangan terbaru dan hasil yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menarik pelabur khususnya pelabur asing. Sila senaraikan negara yang telah dilawati oleh Ketua Menteri, EXCO atau ADUN Kerajaan Negeri dengan senarai nama pegawai yang mengikuti rombongan serta jumlah kos setiap rombongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pelbagai usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelaburan ke Negeri Pulau Pinang, khususnya pelaburan asing menampakkan keberkesanan apabila Pulau Pinang terus kekal menjadi destinasi pelaburan pilihan bagi pelabur-pelabur sama ada bagi pelaburan baru mahupun pelaburan semula. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pada tahun 2016, Pulau Pinang telah mencatatkan pelaburan pembuatan sejumlah RM4.3 bilion. Dalam sektor perkhidmatan, Pulau Pinang turut menerima pengiktirafan sebagai destinasi pilihan melalui pelaburan Principal Hub kedua tertinggi di Malaysia dengan nilai pelaburan RM4.1 bilion pada tahun 2016. Menurut laporan awal MIDA, bagi separuh tahun pertama (Januari-Jun 2017), Pulau Pinang direkodkan sebagai negeri tertinggi bagi pelaburan pembuatan dengan pelaburan

berjumlah RM7.7 bilion. Antara syarikat yang membuat pengumuman pelaburan di Pulau Pinang pada tahun ini termasuklah Broadcom, Hotayi, Osram, Federal Oats Mills, Aemulus, Scandinavian IBS, Power Integrations, Luxoft, UST Global, 3 syarikat besar lokomotif dalam Kluster Otomotif Pulau Pinang (Penang Automotive Cluster) dan 5 syarikat dalam Kluster Emas dan Barang Kemas Pulau Pinang (Penang Gold and Jewellery Cluster). Perkembangan-perkembangan ini menunjukkan suasana pelaburan di Pulau Pinang kekal mapan. Melalui hasil lawatan dan misi perdagangan ke luar negara, Kerajaan Negeri juga telah berjaya menjalinkan hubungan dengan pelabur-pelabur yang berpotensi di luar negara dan mengeratkan hubungan dengan pelabur sedia ada untuk terus melabur di Pulau Pinang. Sejak tahun 2013 sehingga September 2017 sejumlah 182 lawatan telah dilaksanakan oleh YAB. Ketua Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan melibatkan kos sebanyak RM6,881,911.91 yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadual di bawah merupakan pecahan jumlah lawatan mengikut tahun:-

YAB. Ketua Menteri

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan (RM)	Negara Yang Dilawati	Pegawai Pengiring
2013	1	15,820.00	- Singapura - China - Jerman - Australia - India - Taiwan - London - Perancis	- YB. Ahli MMK - YB. ADUN - Pegawai PSUKPP - Pegawai Khas YAB. Ketua Menteri - MBPP - MPSP - Penang Global Tourism - Invest Penang - GTWHI - PDC
2014	6	35,856.00		
2015	4	163,414.01		
2016	5	67,765.76		
2017 (sehingga September)	1	31,615.09		
Jumlah	17	314,470.86		

YB. Ahli MMK dan ADUN

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan (RM)	Negara Yang Dilawati	Pegawai Pengiring
2013	16	444,968.60	- Taiwan - Filipina - China - Vietnam - Myanmar - Singapura - Indonesia - Jepun - Korea - Australia - Netherland - United Kingdom - New Zealand - Brazil - Jerman - India - Bangladesh - Pakistan - Kazakhstan - Turki - Korea - Amerika Syarikat - Greece	-Pegawai PSUKPP -Pegawai Khas Ahli MMK - Jabatan Pengairan & Saliran -PlanMalaysia@Pulau Pinang - Jabatan Alam Sekitar - Jabatan Pertanian - MBPP - MPSP - Penang Global Tourism - Invest Penang - Penang Green Council - Penang International Halal Hub - GTWHI - PDC
2014	46	1,277,940.00		
2015	35	1,942,708.79		
2016	43	2,019,856.28		
2017 (sehingga September)	25	881,967.38		
Jumlah	165	6,567,441.05		

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sila senaraikan nama penaja dan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada pasukan bolasepak Negeri Pulau Pinang dari 2008 sehingga 2016.
- (b) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi Pasukan Bolasepak Pulau Pinang? Senaraikan. Mengapakah prestasi Pasukan Bolasepak Pulau Pinang merosot teruk bagi musim 2016/2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dari tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Bil.	Penaja	Jumlah
1	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)	17,585,700.00
2	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	5,250,000.00
3	Kerajaan Negeri	28,500,000.00

- (b) Selain dari penyaluran peruntukan kewangan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa menerapkan usaha-usaha untuk membantu Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang dan pasukan bolasepak Pulau Pinang melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-
- (i) Menyelaraskan bantuan untuk memberikan khidmat kepakaran jurulatih kecergasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Institut Sukan Negara Pulau Pinang khususnya melalui bantuan perkhidmatan sains sukan dalam usaha berterusan untuk meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain-pemain;
 - (ii) Menggalakkan jurulatih-jurulatih lantikan FAP untuk mengikuti kursus Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1, 2 dan 3 yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak serta hala tuju pembangunan sukan negara yang dipelopori oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara;
 - (iii) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Unit Sukan Prestasi Tinggi Cawangan Pulau Pinang membantu serta melaksanakan program-program penyediaan atlet pelapis dan atlet elit negeri untuk diketengahkan ke dalam kejohanan Sukan Malaysia;
 - (iv) Membantu menyediakan skuad pelapis awal yang diketengahkan ke Pasukan Piala Belia, Pasukan Piala Presiden (U-20) dan juga Pasukan Sukan Malaysia yang menjadi penyumbang kepada pemain-pemain untuk Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang untuk bermain di Liga FAM, Liga Perdana atau ke Liga Super;
 - (v) Membantu pihak FAP dengan memberi elaun latihan sebanyak RM100/seorang kepada Skuad Sukan Malaysia dan membayar elaun jurulatih yang dilantik untuk membimbing pasukan bola sepak Sukan Malaysia;
 - (vi) Membenarkan penggunaan kemudahan gymnasium untuk kegunaan latihan di bawah seliaan Pegawai Fisiologi Senaman Institut Sukan Negara (ISN) Pulau Pinang; dan
 - (vii) Menyediakan kemudahan penginapan di asrama MSN Pulau Pinang.
- (c) Kemerosotan prestasi bolasepak pasukan negeri Pulau Pinang sejak kebelakangan ini hanyalah melanda pasukan Liga Super Negeri. Prestasi kurang memberangsangkan ini disebabkan ketidakserasian pemain terhadap perancangan perlawanan dari segi taktikal dan teknikal permainan.

Namun secara keseluruhannya, prestasi bolasepak negeri masih baik kerana pasukan Pasukan bawah-16 telah berjaya memenangi satu kejohanan di peringkat kebangsaan dan melayakkan diri ke peringkat separuh akhir di sebuah kejohanan antarabangsa, Junior Soccer School and League (JSSL) Pro-7s di Singapura.

Bagi peringkat bawah-14 tahun pula, pasukan Pulau Pinang berjaya melayakkan diri ke Kejohanan Gothia Youth World Cup di China, di mana pasukan ini telah berjaya muncul sebagai naib johan. Kerajaan negeri telah memberi sumbangan RM5,000 bagi membantu persiapan pasukan ini sebelum bertolak ke China.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Adakah enam (6) inisiatif ekonomi digital yang dicadangkan telah dilaksanakan September 2017 oleh Kerajaan Negeri, huraikan.
- (b) Apakah hasil enam (6) inisiatif yang telah dilaksanakan dalam menjayakan program stem dan senaraikan peserta terlibat dalam program-program tersebut?
- (c) Berapakah belanja pembinaan Techdome dari tahun 2016 - September 2017? Apakah justifikasi tambahan RM28 juta tahun 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Enam inisiatif ekonomi digital yang dicadangkan dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :
- (i) Penang Science Cluster (PSC)
- Penang Science Cluster mula beroperasi di Krystal Point dan memulakan Science Cafe yang pertama pada Disember 2013. PSC dirasmikan pada 18 April 2014. PSC menyediakan ruang untuk orang awam untuk belajar, berinteraksi dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan bidang sains. Terdapat bengkel yang dikhaskan kepada sekolah atau syarikat berdasarkan permintaan dan tidak dibuka kepada orang awam. PSC melaksanakan 3 inisiatif iaitu program TechMentor, menganjurkan Penang International Science Fair (PISF) yang merupakan acara tahunan sejak tahun 2011 dan menubuhkan Penang Science Cafe untuk menawarkan bengkel sains dan teknologi kepada pelajar dan orang awam. Sehingga kini, tiga buah Science Cafe telah dibuka iaitu di Krystal Point, Wisma Yeap Chor Ee dan di Pusat Perniagaan Alma.
- (ii) @CAT
- Penubuhan Creative Animation Trigger (CAT) pada tahun 2015 mencerminkan usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan bidang sains, teknologi dan animasi kelompok kreatif di negeri ini. @CAT bertempat di Wisma Yeap Chor Ee dan berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat permulaan kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baru dalam bidang cloud computing, aplikasi teknologi, big data analytics (BDA) dan *internet of things (IOT)*.
- (iii) Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC)
- Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC) ditubuhkan pada 2014 dan merupakan satu pusat pembelajaran yang menumpukan kepada pengajaran STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics). KSPLC bekerjasama dengan organisasi seperti Penang Skills Development Centre (PSDC), Penang Science Cluster (PSC), Tech Dome Penang dan @CAT dalam memupuk dan melibatkan golongan muda menghadapi Revolusi Industri 4.0.
- (iv) Tech Dome Penang (TDP)
- Tech Dome Penang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan sebuah pusat inspirasi berkaitan sains dan teknologi, komuniti dan industri bagi memupuk minat dalam bidang saintifik, inovasi teknologi dan keusahawanan. Sebagai pusat pembelajaran teknologi dan pertukaran idea, Penang Tech Dome

menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat untuk menerokai keajaiban sains dan teknologi. Sejak pembukaannya pada Julai 2016, TDP telah menganjurkan program-program seperti kem Sains, bengkel pendidikan, seminar, team building, dan pameran sains yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

(v) Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL)

Perpustakaan Digital Pulau Pinang yang dirasmikan pada 8 Oktober 2016 merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Negeri dalam sektor pendidikan sains dan teknologi. Kerajaan Negeri telah membangunkan PDL dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2.4 juta dengan usahasama secara Public-Private Partnership (PPP) daripada syarikat swasta iaitu Eastern & Oriental Berhad (E&O), Keysight Technologies, dan TIME DotCom. Berikutan sambutan yang menggalakkan, Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 (PDL-P2) dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM10.8 juta akan dibina di bangunan kuarters Kerajaan Negeri di Jalan Masjid Negeri. PDL-P2 dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2018 dan merupakan lanjutan pertama Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) yang terletak di Jalan Masjid Negeri, bersebelahan dengan Penang Free School.

(vi) Penang Skills Development Centre (PSDC)

PSDC ditubuhkan pada tahun 1989 dan merupakan satu institusi latihan kemahiran bagi menampung keperluan tenaga mahir industri perkilangan di Pulau Pinang. PSDC menawarkan pelbagai kursus dan latihan termasuklah berkaitan dengan pembinaan kerjaya. PSDC telah memperkenalkan Malaysian Meister Program (menggantikan program German Dual Vocational Training) bersama Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC). Program ini merupakan satu program peningkatan kemahiran yang membekalkan on-the-job training di syarikat-syarikat yang terlibat seperti B. Braun, Bosch, Dynacraft Industries, Osram dan kilang-kilang lain yang menyertai program ini. Program seperti ini semestinya akan menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja.

- (b) Hasil 6 inisiatif yang telah dilaksanakan dalam menjayakan program-program STEM dan jumlah peserta yang terlibat dalam program-program tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Kos pembinaan Tech Dome adalah sebanyak RM28 juta di mana Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) telah memperuntukkan sebanyak RM5.15 juta manakala selebihnya adalah melalui sumbangan Corporation Social Responsibility (CSR) oleh syarikat-syarikat swasta. Kos tersebut yang terlibat ialah bagi kerja-kerja pengubahsuaian, pembelian barang-barang pameran dan kos permulaan (yuran profesional, perabot, kelengkapan, peralatan sains, persediaan pejabat, dan sebagainya). Kerajaan Negeri tidak menyalurkan dana tambahan kepada Tech Dome bagi tahun 2017.

RUJ. LAMPIRAN A BMYMN NO. 23.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Apakah yang dilakukan oleh pusat penasihat pasaran, pusat IKS Pulau Pinang dan perkampungan IKS Pulau Pinang dalam membantu usahawan IKS selain menyediakan ruang kilang?
- (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai data berkaitan usahawan dan keperluan mereka?
- (c) Adakah terdapat kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan agensi pusat dalam membantu usahawan IKS?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (SME Market Advisory, Resource & Training (S.M.A.R.T. Centre) berperanan memberikan khidmat nasihat kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti prosedur penubuhan perniagaan baru, maklumat-

maklumat insentif terkini, perkembangan pasaran terkini dan sebagainya kepada para IKS. S.M.A.R.T. Centre juga menyediakan penyenggaraan direktori atas talian (online directory), menganjurkan bengkel pembangunan keupayaan (capability building workshops) dan sesi pemadanan perniagaan (business matching events) untuk membantu perkembangan perniagaan para IKS. Aktiviti-aktiviti lain termasuk penganjuran hari-hari pembekal (supplier days) bersama pelabur-pelabur asing yang baharu dan sedia ada.

Sejak penubuhannya pada bulan Jun 2010 sehingga 15 Oktober 2017, S.M.A.R.T. Centre ini telah memberi khidmat nasihat kepada 994 IKS dan mengadakan sebanyak 71 sesi bengkel dan seminar pembangunan perniagaan. Sehingga kini, sebanyak 466 syarikat daripada pelbagai industri telah mendaftar sebagai ahli direktori atas talian S.M.A.R.T. Centre.

Perkampungan IKS (SME Village) di Batu Kawan pula menyediakan infrastruktur, kemudahan, tapak serta bangunan siap bina. Selain daripada ruang kilang, kemudahan seperti Pusat Perkhidmatan di bawah SME Village Fasa 3 yang merangkumi pusat perkhidmatan, kedai serbaneka, ruang pameran, bilik mesyuarat dan sebagainya telah siap dibina pada bulan Mei 2017 dan kini dalam proses memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.

- (b) Kerajaan Negeri melalui S.M.A.R.T. Centre mengumpul data berkaitan usahawan melalui pendaftaran IKS di dalam direktori atas talian S.M.A.R.T. Melalui sesi khidmat nasihat, perbincangan dan dialog bersama para IKS pula, S.M.A.R.T. Centre mengumpul maklumat berkaitan keperluan IKS dan seterusnya merangka tindakan yang bersesuaian untuk membantu IKS.
- (c) Kerajaan Negeri melalui S.M.A.R.T. Centre sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi pusat dalam membantu usahawan IKS. Antaranya termasuklah penganjuran seminar-seminar IKS (SME seminars) terutamanya dalam perihal trend industri seperti e-commerce dan program insentif bersama dengan agensi-agensi pusat seperti MIDA, SME Corp, Matrade, MDeC dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 25. (a) Sila huraikan secara terperinci hasil akukultur bagi tahun 2015 berjumlah 58,682 tan dengan nilai RM1.114 billion (mengikut jenis hasil).
- (b) Sila hurai secara terperinci hasil tangkapan ikan tahun 2015 berjumlah 49,782 tan (mengikut jenis ikan).
- (c) Apakah hasil kedua-dua di atas bagi tahun 2016/September 2017 dan apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam bidang-bidang tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 25. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan, hasil akuakultur bagi tahun 2015 adalah berjumlah 58,682 tan dengan nilai RM1.114 billion. Jumlah keseluruhan hasil akuakultur ini merangkumi komoditi seperti berikut:

Komoditi	Hasil (tan metrik)	Nilai (RM)
Ikan air tawar	4,827.75	21,279,412.60
Kerang	1,632.32	3,179,751.00
Tiram	10.26	409,000.00
Udang laut	10,709.34	275,271,296.70
Ikan kolam air payau	12,591.50	187,782,359.20
Ikan sangkar laut	28,910.83	626,078,207.60
Tumbuhan akuatik	34,900 batang	52,350.00
Ikan hiasan	2,803,732 ekor	25,928,835.92

- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan, hasil tangkapan bagi tahun 2015 melibatkan pelbagai spesis tangkapan seperti bawal putih, bawal tambak, gelama dan lain-lain. Jumlah keseluruhan hasil tangkapan pada tahun 2015 adalah sebanyak 49,782.72 tan metrik dengan nilai RM482,257,471.00. Sumbangan paling besar adalah dari spesis ikan baja dengan jumlah sebanyak 11,224.85 tan metrik dan temenong/ pelaling dengan jumlah sebanyak 14,671.87 tan metrik.
- (c) Manakala bagi hasil akuakultur bagi tahun 2016, jumlah keseluruhan yang direkodkan adalah 31,084.92 tan metrik dengan nilai RM660,602,894.01. Hasil ini disumbangkan daripada pelbagai komoditi antaranya ialah ikan air tawar, kerang, tiram, udang laut dan lain-lain lagi.

Hasil tangkapan ikan bagi tahun 2016 pula berjumlah 56,284.22 tan metrik dengan nilai RM597,961,563.57. Daripada jumlah ini, penyumbang terbesar tangkapan ikan adalah daripada spesis ikan baja dengan jumlah 11,770.25 tan metrik dan spesis pelaling/ temenong dengan jumlah 18,894.11 tan metrik. Walau bagaimanapun, data bagi tahun 2017 masih belum diterbitkan.

Terdapat penurunan hasil akuakultur pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 27,597.08 tan metrik. Manakala terdapat kenaikan sebanyak 6,501.50 tan metrik bagi hasil tangkapan pada 2016 berbanding tahun 2015. Menyedari hal ini, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan hasil akuakultur di Negeri Pulau Pinang. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah melalui inisiatif membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Penaga dan Batu Kawan Agro Park. Dengan pembukaan kawasan dan zon industri akuakultur ini, pengusaha-pengusaha industri akuakultur akan dapat menyewa tanah-tanah milik Kerajaan Negeri pada kadar sewaan yang rendah dan seterusnya diharap dapat membantu mempertingkatkan hasil akuakultur negeri Pulau Pinang.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan dua program tukun tiruan di perairan Pulau Pinang. Pada tahun 2015, sebanyak 1,000 bongkah tukun berbentuk kuboid program tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Aman dan Pulau Kendi. Pada tahun 2016 pula, sebanyak 42 unit tukun yang terdiri daripada Tukun Tiruan jenis Tukun Inovasi Interlock dan Stack On (ISFAD), Tukun Inovasi Triangle (TRIFAD) dan Tukun Inovasi Tertrahedral (TETRAFAD) telah dilabuhkan di perairan Pulau Kendi. Program-program tukun ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembiakan ikan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil tangkapan ikan oleh nelayan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Pencemaran sungai daripada pembuangan sisa khinzir dan kilang-kilang haram telah menyebabkan sungai tercemar dan hidupan sungai mati. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu ini?
- (b) Apakah tahap pencemaran sungai di dalam Parlimen Tasek Gelugor? Senaraikan.
- (c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membersihkan sungai dan menjadikan sungai sebagai punca pendapatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. (a) Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius terhadap isu ternakan khinzir dan kilang haram di Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran sungai. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Task Force bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai. Peranan Task Force tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca (pollution at source) yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai. Task Force ini diurusetikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan dianggotai oleh:-
 - (i) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri;
 - (ii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
 - (iii) Majlis Perbandaran Seberang Perai;
 - (iv) Jabatan Alam Sekitar;

- (v) Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- (vi) Pejabat-pejabat Tanah Dan Daerah;
- (vii) Jabatan Pertanian;
- (viii) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; dan
- (ix) Indah Water Konsortium

Sebagai kaedah penyelesaian jangka panjang terhadap isu-isu berkenaan, Dewan Undangan Negeri (DUN) telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang pada 24 November 2016. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada kepada Modern Pig Farming (MPF) yang mempunyai empat (4) kriteria utama iaitu ladang tertutup, zon penampungan dengan jarak 200 meter, zero discharge dan Good Animal Husbandary Practise (GAHP). Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 dan operasi penguatkuasaan penuh akan bermula pada 1 Januari 2020. Notis telah dikeluarkan kepada penternak khinzir untuk bertukar ke Modern Pig Farming (MPF) dan tempoh masa yang diberikan adalah sehingga 31 Disember 2019.

Bagi penyelesaian jangka pendek, khususnya bagi isu pelepasan najis khinzir, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan-pendekatan berikut:-

- (i) Pemantauan secara berterusan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di setiap ladang di kawasan tersebut serta mengeluarkan notis dan kompaun bagi ladang yang melanggar syarat-syarat pelesenan oleh MPSP;
 - (ii) Penyiasatan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) mengenai punca buangan sisa ladang ke dalam sungai serta mengarahkan penternak untuk menghentikan buangan sisa secara terus (direct discharge) ke dalam sungai;
 - (iii) Mengarahkan supaya sisa ternakan disalurkan ke sistem kumbahan ladang sedia ada dan dirawat dengan Effective Microbes (EM) yang dibekalkan oleh JPVPP bagi menangani isu pencemaran bau di ladang yang dikenal pasti oleh pihak jabatan; dan
 - (iv) Menetapkan supaya bacaan tidak melebihi 50 ppm Biological Oxygen Demand (BOD) bagi pelepasan sisa ladang. Ladang yang merekodkan bacaan BOD melebihi 50 ppm akan disekat kebenaran pemindahan ternakan.
- (b) Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2016 yang diterbitkan oleh JAS, Indeks Kualiti Air (IKA) bagi empat (4) sungai di Parlimen Tasek Gelugor adalah seperti berikut:-
- (i) Sungai Kereh : KELAS III;
 - (ii) Sungai Kulim : KELAS II ;
 - (iii) Sungai Perai : KELAS III; dan
 - (iv) Sungai Muda : KELAS II
- (c) Perancangan Kerajaan Negeri dalam membersihkan sungai dan menjadikan sungai sebagai punca pendapatan adalah seperti berikut:-
- (i) Memastikan pembangunan berkaitan sungai mematuhi garis-garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran seperti berikut:-
 - Manual Saliran Mesra Alam;
 - Erosion dan Sediment Control Plan (ESCP); dan
 - Garis panduan pembangunan berhadapan sungai.
 - (ii) Memastikan setiap permohonan pembangunan yang diterima mengikut garis panduan dan undang-undang yang tertakluk di bawah Jabatan Alam Sekitar;
 - (iii) Mengenakan had standard yang lebih ketat bagi pelepasan kumbahan daripada projek-projek yang tertakluk Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling

(EIA) dan terletak di kawasan yang menjadi tumpuan orang awam untuk aktiviti rekreasi kepada Standard A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 berbanding Standard B sebelum ini;

- (iv) Memastikan pelepasan efluen daripada kilang-kilang sentiasa mematuhi had piawai yang ditetapkan dengan mewajibkan setiap premis melantik individu yang berwibawa (competent person) yang ditauliah oleh JAS dan telah melalui program pensijilan kompetensi untuk mengendalikan sistem pengolahan efluen di premis masing-masing; dan

Memantau kualiti air sungai, marin dan pulau secara berkala oleh JAS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 27. (a) Sila senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat dalam daerah SPU?
- (b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan jabatan terlibat dalam mengatasi isu kilang-kilang haram?
- (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang di Taman Desa Murni Sungai Dua yang menjalankan industri berat dan pembuangan sisa ke dalam sungai? Sila laporkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 27. (a) Jumlah kilang-kilang haram yang beroperasi tanpa lesen di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah sebanyak 73 buah.
- (b) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan jabatan terlibat dalam mengatasi isu kilang-kilang haram adalah seperti berikut:
 - (i) mengeluarkan Tawaran Mengkompau Kesalahan Kerana Menjalankan Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen Dari Pihak Berkuasa Tempatan,
 - (ii) mengeluarkan Notis Mengkehendaki Aktiti Perniagaan Dihentikan Kerana Menjalankan Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen Dari Pihak Berkuasa Tempatan,
 - (iii) mengambil tindakan undang-undang melalui pendakwaan di mahkamah jika tidak menjelaskan tawaran kompaun kesalahan dan gagal mematuhi kehendak notis,
 - (iv) meroboh premis/bangunan dan menutup operasi premis dengan menggunakan peruntukan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976,
 - (v) menyiasat, memeriksa, menyita dengan memasuki premis tanpa waran atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian yang menghasilkan pencemar di bawah Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974,
 - (vi) menghentikan penggunaan peralatan atau kelengkapan proses yang melepaskan pencemar yang tidak dipasang peralatan kawalan pencemaran sewajarnya menggunakan Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, dan
 - (vii) memantau dan melaporkan sebarang bentuk pencemaran kepada Jawatankuasa Task Force Pencemaran Sungai dan Pantai Negeri Pulau Pinang di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang kemudiannya akan mengambil tindakan terhadap kilang terbabit.
- (c) Tindakan Kerajaan Negeri dan jabatan terlibat terhadap kilang-kilang di Taman Desa Murni Sungai Dua yang menjalankan industri berat dan pembuangan sisa ke dalam sungai adalah seperti berikut:
 - (i) mengeluarkan Tawaran Mengkompau Kesalahan Kerana Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen,

- (ii) mengeluarkan Notis Kesalahan Membuang/ Menumpahkan Cecair Atau Lain-Lain Benda Di Tempat Awam, dan
- (iii) mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah dibawah kesalahan-kesalahan tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Berapakah gerai yang diuruskan oleh MPSP/pihak swasta dalam Sungai Dua dan berapakah kes rampasan/meroboh gerai-gerai tepi jalan disungai dua dari 2008 -2017?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan makanan/gerai-gerai di Sungai Dua?
- (c) Terdapat peniaga-peniaga tepi jalan dikawasan Sungai Dua. Adakah pihak MPSP menyediakan ruang untuk peniaga sebelum tindakan meroboh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Bilangan gerai yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam kawasan Sungai Dua adalah sebanyak 110 ruang niaga di Pasar Awam dan Kompleks Makanan. Sebanyak 6 kes rampasan / meroboh gerai-gerai di tepi Jalan Sungai Dua dari tahun 2008 hingga tahun 2017 telah dilakukan.
- (b) Kerajaan Negeri melalui MPSP sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan makanan dan gerai di kawasan Sungai Dua. Antara perancangan dan tindakan MPSP untuk membantu membangunkan kawasan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Mewujudkan satu Task Force Lembah Makanan Di Sungai Dua bagi tujuan pemutihan penjaja dan memudahkan pemberian lesen kepada pemilik premis makanan di Sungai Dua.
 - (ii) Melaksanakan program penempatan semula penjaja tanpa lesen di kawasan Taman Seri Murni.
 - (iii) Mensyaratkan supaya pemaju menyediakan tapak Penjaja di Taman Sungai Dua Utama.
- (c) MPSP sememangnya menyediakan ruang kepada penjaja-penjaja di tepi jalan untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara sah sebelum tindakan perobohan dijalankan. Antara usaha yang dilaksanakan oleh MPSP adalah :
- (i) Membuat hebahan kekosongan gerai MPSP dan mengadakan temu duga terbuka setiap bulan bagi pengisian kekosongan dengan memberi keutamaan kepada penjaja-penjaja tanpa kebenaran di tepi jalan.
 - (ii) Mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah alih yang mana Garis Panduan ini turut dipamerkan dalam website Majlis untuk rujukan penjaja dan sebagai panduan bagi membolehkan mereka dilesenkan.
 - (iii) Membuat penempatan penjaja di kawasan Taman Seri Murni (Tapak Penjaja Taman Seri Murni) bagi memastikan isu-isu berbangkit berkaitan halangan lalulintas, menjaja tanpa lesen dan aspek kebersihan dapat dikawal serta dikurangkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Adakah Kerajaan Negeri menetapkan syarat kuota 30% rumah kos sederhana rendah bagi kelulusan projek perumahan yang melebihi 150 unit? Jika ya, mengapa Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan syarikat pemaju di Batu Feringghi untuk menukar kos sederhana rendah kepada mampu milik? Adakah kerana kerajaan negeri dibayar kuota rm 11.8 juta tanpa memikirkan rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Dibawah Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, setiap pemajuan yang melebihi 100 unit di kawasan pembangunan dan 150 unit di kawasan luar pembangunan disyaratkan untuk membina sebanyak 30% Rumah Mampu Milik A atau B atau kombinasi keduanya. Sejak tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menambahbaik mekanisma tawaran wang sumbangan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang tidak dibina oleh pemaju dengan menyediakan sebuah akaun amanah yang khusus. Kadar sumbangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju yang tidak membina Rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Rendah adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Daerah	Kadar Per Unit
1.	Timur Laut & Barat Daya	RM120,000.00 untuk pemaju tempatan; atau RM150,000.00 untuk pemaju luar
2.	Seberang Perai Utara & Seberang Perai Tengah	RM72,500.00
3.	Seberang Perai Selatan	RM50,000.00 untuk 350 unit yang pertama; dan RM72,500.00 untuk unit-unit berikutnya

Langkah Kerajaan Negeri mempertimbangkan permohonan pengecualian melalui kenaikan bayaran sumbangan adalah disebabkan semakin banyak pemajuan menghadapi kekangan dari segi saiz tanah, ketiadaan bank tanah dan keadaan khas ketidakupayaan (unfeasible) untuk membina rumah kos rendah. Pelaksanaan polisi sumbangan ini juga bukanlah satu kelulusan automatik sebaliknya setiap permohonan perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri.

Merujuk kepada pemajuan yang dibangkitkan dalam soalan ini, jumlah sumbangan yang dijelaskan oleh pemaju sebanyak RM11,880,000.00 telah diakaunkan ke Akaun Amanah Pelbagai Perumahan Awam Kos Rendah yang mana akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai pelbagai jenis aktiviti dan projek yang bermanfaat kepada rakyat dari kalangan berpendapatan rendah.

Ia seharusnya diambil maklum bahawasanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mensyaratkan agar pemaju tersebut, walaupun telah membayar sumbangan untuk tidak membina Rumah Kos Sederhana Rendah dikehendaki walaubagaimanapun mendirikan cuma perumahan mampu milik di tapak di Batu Feringghi tersebut yang kini sedang diusahakan oleh pemaju tersebut. Maka selain daripada mendapat sumbangan yang dapat meningkatkan dana di dalam Akaun Amanah Pelbagai Perumahan Awam Kos Rendah, Kerajaan Negeri juga mendapat lebih stok perumahan mampu milik melalui kaedah yang dilaksanakan untuk kes ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Senaraikan secara terperinci tanah milik agensi/GLC dibawah Kerajaan Negeri. Apakah aktiviti di atas tanah tersebut dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina rumah mampu milik di situ?
- (b) Apakah jenis projek pembangunan perumahan yang dilaksanakan dan tanah yang dijual oleh PDC dari 2013-2017. Apakah pencapaian pembangunan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Tanah milik agensi dan juga GLC dibawah Kerajaan Negeri adalah berjumlah 4,998 lot dengan perincian adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN LOT
TIMUR LAUT	1,017
BARAT DAYA	280

SEBERANG PERAI UTARA	676
SEBERANG PERAI TENGAH	893
SEBERANG PERAI SELATAN	2,132
JUMLAH KESELURUHAN	4,998

Terdapat tanah tersebut yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan rumah mampu milik, dewan banquet, kolam renang dan lain-lain.

- (b) Sejak tahun 2008, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyiapkan sebanyak 204 unit rumah kos rendah, 705 unit rumah kos sederhana rendah dan 423 unit rumah kos sederhana adalah seperti di **Lampiran A**. Pihak PDC juga akan menyediakan perumahan mampu milik sebanyak 26,255 unit bagi penduduk Pulau Pinang. Perumahan mampu milik ini sedang dan akan di bangunkan di 14 lokasi seperti butiran yang dilampirkan di **Lampiran B**. Lima (5) projek iaitu Bandar Cassia F1, Teluk Kumbar, Kampung Jawa, SP Chelliah dan Sandiland kini sedang dalam pembinaan dimana sebanyak 4,817 unit perumahan akan disediakan.

Seterusnya, terdapat sebanyak 7 urusan jual beli tanah melalui Request For Proposal telah dilaksanakan oleh PDC dengan nilai jualan sebanyak RM752.29 juta yang telah dimasukkan ke dalam akaun PDC dan perincian adalah seperti di **Lampiran C**. Hasil pencapaian pembangunan dan keuntungan oleh Kerajaan Negeri akan disalurkan semula melalui pembangunan sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan mengutamakan pembekalan pelbagai jenis perumahan mampu milik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang, menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang lebih selesa dan pada masa akan datang seperti LRT, menyediakan peluang perniagaan menerusi pelbagai inisiatif seperti Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) dan program bantuan kebajikan I-Sejahtera. Pelaksanaan program ini diharap akan memberi keselesaan kepada penduduk Pulau Pinang dan generasi masa hadapan.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BMYMN NO. 30.

XXII. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menghulurkan bantuan kebajikan dan kecemasan kepada mangsa-mangsa banjir akibat banjir kilat yang berlaku pada 16hb September 2017?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Atas dasar tanggungjawab dan keperihatinan kepada rakyat khususnya mangsa bencana banjir, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan bantuan kecemasan *One-Off* sebanyak RM400.00 kepada setiap keluarga mangsa banjir bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Bayaran hanya sekali sahaja untuk rumah kediaman, premis perniagaan berlesen atau kereta yang mempunyai cukai jalan yang sah. Kriteria kelayakan bagi menerima bantuan ini adalah pemilik rumah kediaman atau peniaga mengalami kerosakan pada struktur binaan rumah/premis, peralatan, kelengkapan dan perabot disebabkan telah dimasuki air/lumpur dan kenderaan yang terperangkap ketika banjir. Jumlah keseluruhan masih belum diputuskan dan akan dilaksanakan sebaik borang-borang permohonan selesai diproses di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebuh raya bertingkat atau *elevated highway* di kawasan Bukit Gelugor pada masa akan datang?
(b) Adakah pembinaan lebuh raya bertingkat atau *elevated highway* ini akan dibina di kawasan lereng bukit dan adakah pembinaan lebuh raya bertingkat ini akan menyebabkan pemusnahan mana-mana kawasan bukit di Bukit Gelugor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina lebuh raya bertingkat atau *elevated highway* di kawasan Bukit Gelugor pada masa akan datang, yang melibatkan dua (2) projek seperti berikut:-
- (i) Penang Island Link 1 (PIL 1) yang bermula dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan melalui kawasan Bayan Baru, Sungai Ara, Relau, Paya Terubong, Ayer Itam, Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal ke Jalan Tanjong Tokong serta Persiaran Gurney. Lebuhraya bertingkat dan terowong yang dicadangkan untuk PIL 1 akan melalui kawasan Bukit Gelugor; dan
 - (ii) Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (*Ayer Itam By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan Jambatan Pulau Pinang melalui kawasan Sungai Gelugor, merentangi Jalan Yeap Chor Ee, kawasan berbukit Changkat Delima dan Jalan Gangsa serta Batu Lancang ke Lebuhraya Thean Teik.
- (b) Pembinaan lebuh raya bertingkat untuk PIL 1 akan melibatkan kawasan bukit. Walau bagaimanapun, pemotongan bukit akan diminimakan kerana jalan dibina secara bertingkat dengan tiang penyokong (*piers*). Kaedah ini membolehkan jejak ruang (*footprint*) tiang di kawasan bukit dikawal supaya impak kepada alam sekitar diminimakan. Di samping ini, untuk PIL 1, pelaksanaan cadangan terowong di bahagian-bahagian tertentu akan mengurangkan keperluan memotong kawasan bukit. Oleh yang demikian, tiada kesan ketara dijangka ke atas kawasan bukit di Bukit Gelugor.

Pembinaan *Ayer Itam By-pass* pula akan melibatkan pembinaan jalan secara bertingkat dan pada aras tanah (*at-grade*) di lereng bukit. Pembinaan jalan pada aras tanah di lereng bukit akan melibatkan pemotongan tanah di beberapa lokasi di antara Jalan Yeap Chor Ee dan Lebuhraya Thean Teik. Langkah-langkah mitigasi yang disyorkan dan diluluskan Jabatan Alam Sekitar dalam Laporan Kajian Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) projek ini akan diambil kira untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mendesak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian memberi pampasan kepada lebih kurang 35 keluarga yang masih tinggal di rumah-rumah atau kuarters Kastam Diraja Malaysia yang sekarang menjadi tapak projek perumahan PRIMA di Bukit Gelugor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bayaran pampasan kepada 35 keluarga penghuni yang menduduki kuarters kerajaan di atas Plot B HS(D) 7473 dan Plot C HS(D) 7472, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana kuarters tersebut terletak di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Bagi perpindahan keluar penduduk dari sesuatu tapak pembangunan, walaupun Kerajaan Negeri mempunyai polisi dan garis panduan Bayaran Pampasan yang jelas berkaitan kaedah penyelesaian setinggian di atas tanah yang terlibat dengan pembangunan, ianya hanya terpakai untuk pembangunan yang melibatkan Tanah Kerajaan Negeri sahaja.

Memandangkan Kuarters berkenaan adalah milikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di bawah seliaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan sebahagian besar daripada mereka adalah pesara Kastam serta ahli keluarga mereka, maka isu pampasan adalah terletak di bawah tanggungjawab agensi berkenaan. Difahamkan bahawa pemaju yang dilantik untuk membangunkan perumahan PRIMA di atas tanah tersebut ada menawarkan gantian rumah jenis kos rendah kepada penghuni namun tidak dipersetujui. Perkara ini perlu diselesaikan sendiri oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) secara bijak bagi mengelak perkara serupa terjadi di masa hadapan yang melibatkan penghuni kuarters yang enggan keluar. Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan untuk tidak meluluskan pelan kebenaran merancang projek berkenaan sehingga isu setinggian diselesaikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai senarai penuh semua sekolah-sekolah TAHFIZ di negeri Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan sekolah-sekolah TAHFIZ ini supaya menjamin keselamatan semua pelajar-pelajar terutamanya dalam memastikan ciri-ciri keselamatan dipatuhi dalam semua aspek dari masa-masa ke semasa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Terdapat 59 buah sekolah agama tahfiz di Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, 44 buah telah didaftarkan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), manakala 15 buah masih belum dan sedang proses pendaftaran. Senarai sekolah-sekolah tahfiz di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebagai pihak yang bertanggungjawab menyelia sekolah agama tahfiz sentiasa memberi perhatian terhadap aspek keselamatan bangunan. Oleh itu, bagi memastikan keselamatan sekolah-sekolah agama tahfiz khususnya mengelak dari berlakunya insiden kebakaran, JHEAIPP dari semasa ke semasa melaksanakan langkah-langkah berikut:-

- (i) Mengenal pasti dan mendaftarkan semua sekolah agama Islam termasuk maahad tahfiz;
- (ii) Mewujudkan sistem audit keselamatan di kalangan maahad tahfiz;
- (iii) Mengadakan taklimat keselamatan menghadapi kebakaran;
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melakukan pemantauan secara bersepadu;
- (v) Mewujudkan Skuad Bomba Sukarela di sekolah;
- (vi) Melakukan pemantauan dan pembaikan terhadap sistem pendawaian elektrik dengan mendapat kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Kemahiran Belia Negeri dan Pejabat MARA Negeri;
- (vii) Menjalankan Program Panduan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan serta pencegahan dan teknik mengawal kebakaran dengan pihak swasta seperti OSH Services.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menyediakan aspek keselamatan bangunan dan untuk mengelak berlakunya kebakaran adalah terletak di bawah pengurusan sekolah itu sendiri. Sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan bangunan, pihak sekolah boleh kemukakan permohonan pembaikan/naik taraf kepada JHEAIPP.

Manakala di pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pula, tindakan berikut diambil bagi memberi kesedaran dan sebagai langkah-langkah keselamatan dalam menghadapi dan mencegah berlakunya kebakaran:-

- (i) Mewujudkan Pasukan Task Force bagi mengenal pasti keadaan, membuat pemeriksaan dan lawatan tapak ke sekolah-sekolah tersebut. Sehingga 11 Oktober 2017, sebanyak 60 pemeriksaan telah dijalankan.
- (ii) Memberi khidmat nasihat kebombaannya seperti mengadakan fire drill, ceramah keselamatan kebakaran, demonstrasi memadam kebakaran dan latihan pengungsian bangunan.
- (iii) Mengesyorkan supaya pihak sekolah yang dilawati supaya mewujudkan Skuad Bomba. Skuad Bomba ini dianggotai oleh guru dan pelajar sekolah bertujuan untuk menjadi mata dan telinga dalam membuat tindakan awal sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Skuad ini akan dilatih dengan latihan asas kebombaannya dan juga penyelamatan diri. Sehingga kini, sebanyak 20 Skuad Bomba telah berjaya ditubuhkan sejak ia dilancarkan pada bulan Mei 2017 yang lalu.
- (iv) Mengadakan latihan kebakaran secara berkala. Latihan ini berupaya memahirkan pihak sekolah jika berlaku situasi sebenar dan juga sebagai kesiapsiagaan sekiranya berlaku sebarang insiden kecemasan.

RUJ. LAMPIRAN A BSNR NO. 4.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengubal apa-apa undang-undang baru ataupun polisi untuk memastikan bahawa semua pemaju-pemaju yang melaksanakan projek-projek pembinaan baru diwajibkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jika berlaku sebarang banjir atau tanah runtuh akibat projek pembinaan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memastikan semua pemaju yang menjalankan projek-projek pembinaan baru melaksanakan kerja-kerja pembaikan jika berlaku kerosakan atau tanah runtuh akibat projek tersebut menurut perundangan sedia ada yang dikuatkuasakan oleh PBT iaitu di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ini memandangkan cadangan pemajuan baru berkenaan adalah dibuat berikutan perundangan statutori di bawah Akta-akta yang disebut di atas.

Selain daripada itu, satu Jawatankuasa Mengkaji Semula Perancangan Pembangunan Tanah Bukit Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Negeri sejak tahun 2015 lagi bagi mengkaji semula dan menambah baik polisi-polisi serta garis panduan-garis panduan sedia ada bagi projek-projek pembangunan yang melibatkan tanah bukit dalam usaha meningkatkan lagi keselamatan dan kelestarian alam sekitar di negeri Pulau Pinang.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menggubal apa-apa undang-undang baru ataupun polisi untuk memastikan bahawa semua pemaju-pemaju yang melaksanakan projek-projek pembinaan baru diwajibkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jika berlaku sebarang banjir atau tanah runtuh akibat projek pembinaan tersebut.

Syarat-syarat yang dikenakan kepada pemaju-pemaju oleh PBT ialah:

- (i) membaiki rumah-rumah yang mengalami kerosakan;
- (ii) mengambil insuran liabiliti awam untuk digunakan sekiranya terdapat sebarang kerosakan kepada rumah-rumah di sekeliling projek pembinaan yang dijalankan oleh pemaju; dan
- (iii) sekiranya berlaku kerosakan kepada rumah-rumah yang berdekatan dengan projek-projek pembinaan tersebut, pemaju diminta membuat pembaikan terhadap kerosakan yang berlaku sekiranya dibuktikan terdapat kerosakan yang disebabkan oleh pemajuan tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai apa-apa maklumat terperinci mengenai jumlah pelarian Rohinya yang memegang kad UNHCR yang berada di Pulau Pinang pada masa sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang, sehingga bulan September 2017 terdapat seramai 196 orang tahanan Rohingya yang memegang kad UNHCR berada di Depot Tahanan Imigresen Juru.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah gejala sosial yang berlaku dewasa ini di Pulau Pinang akibat kemasukan warganegara asing yang tidak terkawal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Warga asing memilih Malaysia sebagai tempat tumpuan untuk mencari rezeki yang datangnya daripada pelbagai negara termasuk Myanmar, India, Indomesia dan sebagainya. Kebanjiran mereka ini turut memberi kesan gejala sosial di Malaysia dan Negeri Pulau Pinang tidak terkecuali memandangkan negeri ini banyak menyediakan peluang pekerjaan dan ekonomi yang baik.

Berdasarkan pengamatan dan siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang mendapati warganegara asing juga terlibat dalam kes-kes jenayah seperti kacau ganggu, pergaduhan, pembunuhan, rompakan, pecah rumah dan merogol serta mencabul gadis tempatan.

PDRM memaklumkan bahawa berdasarkan statistik yang terkumpul sehingga 30 September 2017, seramai 249 orang warganegara asing telah ditangkap kerana terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah pengidap penyakit AIDS di Pulau Pinang pada masa ini?
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pencegahan penyakit AIDS terutamanya di kalangan penagih dadah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sehingga tahun 2016, jumlah kes terkumpul bagi HIV adalah sebanyak 4380 kes dan 1092 kes bagi AIDS. Kes kematian yang dicatatkan sehingga tahun 2016 bagi kedua-dua kes HIV dan AIDS adalah sebanyak 594 kes. Bagi tahun 2017, sehingga bulan September, terdapat sejumlah 140 kes HIV dan 12 kes AIDS dicatatkan. Manakala kematian disebabkan kes HIV pula adalah sebanyak 10 kes.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan AIDS selaras dengan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu melalui program pengurangan kemudaratatan (harm reduction) seperti berikut:
 - (i) Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP). Program ini telah dimulakan pada tahun 2016 dan menyasarkan golongan penagih dadah suntikan yang masih belum bersedia untuk rawatan metadon.
 - (ii) Program Terapi Gantian Metadon (MMT). Program ini telah dimulakan pada tahun 2015 dan menyasarkan golongan penagih dadah suntikan yang ingin bertukar kepada rawatan terapi gantian.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalanraya terutamanya di George Town semasa waktu puncak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Bandaraya George Town terutamanya pada waktu puncak. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini adalah seperti berikut:
 - (i) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan mengadakan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan,
 - (ii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan "green wave",
 - (iii) Melaksanakan Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan Bandaraya George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien dengan mengalakkan penggunaan pengangkutan awam,
 - (iv) Memasang sistem CCTV di kawasan pulau untuk meningkatkan keselamatan, memantau lalu lintas dan mengawal kesesakan. Sistem CCTV ini akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (video analytic) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam,
 - (v) Menjalankan kajian "Concept Plans for Immediate Measures To Alleviate Traffic Congestion Within George Town and Its Vicinity" dan melaksanakan cadangan menambah baik aliran lalu lintas di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya,

- (vi) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan-jalan utama serta membina tanjakan untuk pembelokan kanan,
- (vii) Mengadakan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh jabatan atau agensi penguatkuasa,
- (viii) Bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan, dan
- (ix) Bekerjasama dengan pihak Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 400 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah Kerajaan Negeri mengambil apa-apa langkah untuk mempromosikan kawasan perkampungan samada perkampungan Melayu, Cina, India, Serani, Thai dan lain-lain sebagai lokasi pelancongan kepada pelancong tempatan dan luar negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri mempromosikan sesuatu kawasan perkampungan berdasarkan kepada tarikan atau produk pelancongan yang terdapat di kawasan tersebut dan bukan secara langsung melalui penjenamaan berdasarkan bangsa seperti Melayu, Cina, India, Serani dan Thai.

Misalnya, promosi pelancongan yang dilaksanakan untuk tarikan Chew Jetty dalam tapak warisan Georgetown menepati huraian kawasan perkampungan Cina dan program homestay pula menepati huraian kawasan perkampungan Melayu kerana homestay kebanyakannya diuruskan oleh pengusaha Melayu. Selain itu pasar malam Batu Feringghi juga mempromosikan produk-produk perkampungan Melayu yang berdekatan.

Walau pun Pulau Pinang tidak mempunyai perkampungan India akan tetapi kawasan Little India juga merupakan kawasan di mana komuniti India telah menetap sejak zaman British lagi dan banyak kegiatan warisan bersejarah diadakan di Little India dan juga mempamerkan makanan dan seni kaum India di Pulau Pinang.

Komuniti Thai dan Serani di Pulau Pinang amat kecil, akan tetapi pihak Kerajaan Negeri tetap menyokong dan mempromosi aktiviti-aktiviti seperti Thai Festival, Eurasian Festival dan Pesta Songkran.

Langkah-langkah bagi mempromosikan tempat tarikan pelancong tersebut kepada pelancong tempatan dan luar negeri termasuklah menerbitkan risalah-risalah, menyertai pameran pelancongan dan juga bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan yang lain dalam mempromosikan kawasan perkampungan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah jumlah pelajar yang telah mendapat bantuan biasiswa daripada Lembaga Wakaf Hindu daripada Mac 2008 sehingga sekarang dan berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan memberi biasiswa ini daripada tahun 2008 sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Lembaga Wakaf Hindu tidak menyediakan bantuan biasiswa tetapi hanya memberi bantuan pendidikan. Jumlah pelajar yang telah mendapat bantuan pendidikan daripada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 sehingga sekarang ialah seramai 2,211 orang.

Jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan memberi bantuan pendidikan ini sejak tahun 2008 sehingga sekarang ialah berjumlah RM3,061,362.00. Jumlah bantuan yang diberi adalah berbeza dan bergantung kepada bidang pengajian masing-masing.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mengambil apa-apa tindakan penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk memastikan premis-premis perniagaan sentiasa mematuhi semua ciri-ciri keselamatan dan kebersihan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa untuk memastikan premis-premis perniagaan mematuhi semua ciri-ciri keselamatan dan kebersihan. Antara tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh PBT adalah seperti berikut:
- (i) mengeluarkan tawaran kompaun di bawah kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan,
 - (ii) mengadakan operasi bersepadu bersama jabatan/agensi penguatkuasaan luar seperti Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM,
 - (iii) mengeluarkan Notis Menghapuskan Kacau Ganggu dan Notis Pindah Halangan kepada pemilik perniagaan yang menyebabkan kacau ganggu dan halangan yang meresikokan kepada orang awam dan alam sekitar,
 - (iv) mengambil tindakan penguatkuasaan (rampasan / sitaan barang niaga) yang menyebabkan halangan / risiko keselamatan kepada orang awam,
 - (v) merujuk kes / premis perniagaan yang menyebabkan isu alam sekitar kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,
 - (vi) menghalang proses pembaharuan lesen perniagaan bagi premis perniagaan yang mempunyai isu spesifik berkaitan kebersihan dan keselamatan,
 - (vii) membatalkan lesen perniagaan bagi aktiviti perniagaan yang gagal mengambil tindakan penyelesaian terhadap isu keselamatan dan kebersihan dalam tempoh ditetapkan.
 - (viii) mengambil tindakan undang-undang di mahkamah terhadap pengusaha perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah kesan cukai pelancongan atau *tourism tax* kepada industri pelancongan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Cukai Pelancongan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan adalah cukai yang dikenakan dan dilevi ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seorang pengendali dengan kadar yang ditetapkan pada RM10.00 sebilik semalam. Namun demikian, pelancong warganegara Malaysia dan penduduk tetap Malaysia adalah dikecualikan daripada pembayaran Cukai Pelancongan. Perbincangan awal bersama Persatuan Hotel Malaysia Cawangan Pulau Pinang mendapati bahawa Cukai Pelancongan hanya memberi sedikit kesan sahaja kepada pengusaha hotel kerana tiada perubahan ketara kepada bilik penginapan yang dijual. Pengenalan Fi Hotel mulai 1 Jun 2014 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara tidak langsung juga telah menyediakan pengusaha hotel dengan sistem akaun percukaian yang kemaskini dan memudahkan proses kenaan Cukai Pelancongan kerana telah melalui proses sama sebelum ini. Memandangkan Cukai Pelancongan hanya baru dikuatkuasakan mulai 1 September 2017, kesan kepada industri pelancongan Pulau Pinang masih belum dapat dikenal pasti sepenuhnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah jumlah bilangan nelayan pantai di Pulau Pinang pada masa sekarang dan sila nyatakan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri pada golongan nelayan pantai ini dari tahun 2008 sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mengikut rekod Jabatan Perikanan, bilangan nelayan pantai/tradisional ialah seramai 4,125 orang.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan program bantuan pukot kepada nelayan pesisir pantai bermula tahun 2013. Butiran bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

BILANGAN SIRI	TAHUN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)
SIRI 1	2013	2,620
SIRI 2	2014	2,740
SIRI 3	2014	2,968
SIRI 4	2015	3,186
SIRI 5	2015	3,121
SIRI 6	2016	1,432
JUMLAH KESELURUHAN		16,067

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi baucar bernilai RM400.00 kepada setiap nelayan untuk ditukar dengan peralatan bagi tujuan tangkapan ikan di kedai-kedai yang ditetapkan kerajaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan dua program tukun tiruan di perairan Pulau Pinang. Pada tahun 2015, sebanyak 1,000 bongkah tukun berbentuk kuboid program tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Aman dan Pulau Kendi yang melibatkan peruntukan sebanyak RM393,300.00.

Pada tahun 2016, sebanyak 42 unit tukun yang terdiri daripada Tukun Tiruan jenis Tukun Inovasi *Interlock* dan *Stack On* (ISFAD), Tukun Inovasi *Triangle* (TRIFAD) dan Tukun Inovasi *Tertrahedral* (TETRAFAD) telah dilabuhkan di Perairan Pulau Kendi yang melibatkan peruntukan sebanyak RM632,000.00. Program-program tukun ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembiakan ikan dan seterusnya diharap dapat meningkatkan hasil tangkapan ikan oleh nelayan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengambil apa-apa tindakan untuk menangani masalah atau fenomena 'Mat Lajak' yang sudah berleluasa di Pulau Pinang dewasa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Rakyat Malaysia pernah digemparkan dengan berita pada 18 Februari 2017 mengenai satu kemalangan tragik berlaku di Johor Bahru yang meragut lapan nyawa remaja, manakala lapan lagi cedera parah akibat kegiatan perlumbaan haram oleh Kumpulan berbasikal 'Mat Lajak'. Kejadian tersebut telah mendapat pelbagai reaksi oleh netizen yang prihatin terhadap insiden yang berlaku.

Hasil maklum balas daripada Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia (JSPT, PDRM) Pulau Pinang memaklumkan bahawa fenomena 'Mat Lajak' masih belum serius bagi Negeri Pulau Pinang dan setakat ini PDRM tidak menerima sebarang aduan berkaitan isu ini.

Walau bagaimanapun, pihak PDRM melalui JSPT akan sentiasa memantau perkembangan dari masa ke semasa dan akan mengambil tindakan undang-undang yang sepatutnya sekiranya terdapat perbuatan seumpama itu berlaku di negeri ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu pasukan sukarelawan baru untuk membantu wakil-wakil rakyat di tiap-tiap KADUN terutamanya semasa waktu kecemasan seperti apabila berlakunya bencana banjir kilat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menubuhkan satu pasukan sukarelawan baru untuk membantu wakil-wakil rakyat di tiap-tiap KADUN terutamanya semasa waktu kecemasan seperti bencana banjir kilat. Kerajaan Negeri telahpun mempunyai satu badan Pasukan Peronda Sukarela yang kini diletakkan di bawah seliaan MMK Masyarakat Penyayang tetapi diperintah untuk berhenti dengan serta-merta oleh Kementerian Dalam Negeri. Perbicaraan kes ini masih dijalankan di Mahkamah Persekutuan Negara Malaysia. Selain itu, satu lagi Badan Peronda Sukarela yang kini diletakkan di bawah seliaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan MMK Masyarakat Penyayang juga diarahkan tidak dibenarkan beroperasi oleh Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Bekalan Air (PBA) dalam menaja pasukan bola sepak negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013 sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jumlah tajaan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013 sehingga sekarang adalah RM17,035,700.00. Pecahan agihan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut :

TAHUN	RM
2013	2,035,700.00
2014	3,000,000.00
2015	6,000,000.00
2016	6,000,000.00
2017	-
JUMLAH	17,035,700.00

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nyatakan jumlah bilangan pesakit yang telah dan sedang mendapat rawatan di Pusat Dialisis CAT yang beroperasi di Balik Pulau, Pulau Pinang dan nyatakan jumlah dana yang telah dibelanjakan kerajaan negeri bagi menyediakan rawatan di Pusat Dialisis ini sejak ianya diwujudkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau telah mula beroperasi sejak tahun 2013 dan kini terdapat 58 orang pesakit yang sedang mendapat rawatan di Pusat Dialisis CAT di bawah subsidi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pesakit perlu membayar hanya RM30.00 untuk setiap sesi rawatan. Namun begitu, bagi pesakit yang tidak berkemampuan untuk membayar RM30.00, pesakit bolehlah memohon bantuan subsidi sebanyak RM10.00 hingga RM30.00 daripada Tabung Penang Community Chest melalui pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, seramai 58 pesakit yang menerima subsidi daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala seramai 20 pesakit yang masih kurang berkemampuan turut telah ditawarkan bantuan Penang Community Chest. Jumlah subsidi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM528,683.00 sejak Tahun 2013 hingga Bulan September Tahun 2017 manakala jumlah subsidi Penang Community Chest adalah sebanyak RM127,220.00 sejak Tahun 2015 hingga Bulan September Tahun 2017. Sekiranya pemohon ingin melanjutkan bantuan pembiayaan, pemohon harus mengemukakan permohonan semula lapan (8) minggu sebelum tempoh pembiayaan tamat untuk dipertimbangkan.

Perincian bilangan pesakit yang telah dan sedang mendapatkan rawatan serta peruntukan yang dibelanjakan adalah seperti di jadual berikut:-

Tahun	Jumlah Pesakit	Pesakit (Kerajaan Negeri Pulau Pinang)	Pesakit (PCC)	Jumlah Subsidi Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Jumlah Subsidi PCC
2013	13	7	-	15,840.00	-
2014	30	15	-	117,440.00	-
2015	39	14	11	113,873.00	14,720.00
2016	56	30	28	165,120.00	59,420.00
2017 (Sehingga Bulan September)	58	23	20	116,410.00	53,080.00
JUMLAH (RM)				528,683.00	127,220.00

XXIII. Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah persediaan masa depan yang akan di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir yang melanda seluruh negeri Pulau Pinang seperti mana banjir besar pada 15hb September yang lepas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bagi menangani isu banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk menangani fenomena banjir di Pulau Pinang. Dalam hal ini, terdapat tiga (3) pendekatan utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah yang dilaksanakan secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan Art Gully Emptier secara berkala. Selain kerja-kerja menaik taraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman perumahan yang menghadapi masalah banjir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah (thrash screen) dan parit scupper secara berkala. Bagi memastikan fenomena banjir tidak berlaku di kawasan bandar bahagian pulau, MBPP telah membuat penyelenggaraan ke atas 28 parit besar sebanyak 4 kali setahun di mana purata pelupusan kelodak pasir bagi setiap pusingan adalah dalam lingkungan 500 tan bagi tahun ini. Dalam masa yang sama, MBPP juga menjalankan kerja-kerja pembersihan 161 premis dan struktur binaan secara berfasa di bawah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang bagi mengatasi masalah pencemaran. Baki 6 buah premis akan dilaksanakan tertakluk kepada proses penempatan semula yang sewajarnya. PDT juga mengambil tindakan di kawasan-kawasan bawah seliaan PDT dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, membina dan menaiktaraf sistem saliran dan perparitan di kawasan-kawasan hotspot yang dikenal pasti.

Selain itu, satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaraskan mekanisma dan mengenal pasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan.

Pendekatan kedua Kerajaan Negeri adalah melalui Kawalan Pembangunan Baharu di mana pemaju projek pembangunan yang baharu di dalam kawasan bandaraya George Town akan dikenakan syarat untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island yang telah digariskan oleh Japan International Corporation Agency (JICA). Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan bandaraya George Town pula, JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Bagi kawasan di Seberang Perai pula, MPSP akan mewajibkan pihak pemaju supaya mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan. Selain itu, MPSP juga memantau semua projek pembangunan baharu yang dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam

kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan. Dalam masa yang sama, JPS sedang menjalankan kajian Pelan Induk Saliran bagi Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Daerah Timur Laut.

Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Projek-projek Tebatan Banjir di mana projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama (lead agency) yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, MBPP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini. Beberapa hotspot banjir telah dikenal pasti melalui kajian dan untuk itu, projek-projek tebatan banjir telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan masalah banjir.

Lain-lain usaha seperti pertubuhan skuad khas untuk memantau keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh Pulau Pinang khususnya kawasan berisiko banjir dan menjalankan pembersihan dari masa ke semasa bagi mengelakkan sistem saliran tersumbat. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan lebih banyak kempen kesedaran alam sekitar kerana didapati salah satu faktor yang menyebabkan banjir adalah sampah-sampah yang menyebabkan saluran tersumbat juga dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan 9 projek *high impact*.

Kerja-kerja perlaksanaan fizikal di tapak dijangka akan bermula pada Disember 2017 sehingga Disember 2019. Status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **Lampiran A**. Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak.

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 1.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kemerosotan amat ketara oleh Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang pada liga perdana pada musim 2017. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan tersebut dan apakah langkah-langkah mengatasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kemerosotan prestasi bolasepak pasukan Negeri Pulau Pinang sejak kebelakangan ini hanyalah melanda pasukan Liga Super Negeri. Prestasi kurang memberangsangkan ini disebabkan ketidakserasian pemain terhadap perancangan perlawanan dari segi taktikal dan teknikal permainan.

Namun secara keseluruhannya, prestasi bolasepak negeri masih baik kerana pasukan Pasukan bawah-16 telah berjaya memenangi satu kejohanan di peringkat kebangsaan dan melayakkan diri ke peringkat separuh akhir di sebuah kejohanan antarabangsa, Junior Soccer School and League (JSSL) Pro-7s di Singapura.

Bagi peringkat bawah-14 tahun pula, pasukan Pulau Pinang berjaya melayakkan diri ke Kejohanan Gothia Youth World Cup di China, di mana pasukan ini telah berjaya muncul sebagai naib johan. Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan RM5,000 bagi membantu persiapan pasukan ini sebelum bertolak ke China.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil dalam meningkatkan prestasi dan mutu pasukan Persatuan Bolasepak Pulau Pinang khasnya pasukan Liga Super adalah seperti berikut:

- (i) Membawa masuk jurulatih tempatan Zainal Abidin Hassan bagi menggantikan Ashley Westwood;
- (ii) Menilai dan merancang semula taktikal dan teknikal permainan sejajar dengan kekuatan dan keseragaman pemain;
- (iii) Memperkukuhkan semangat pasukan pemain melalui pelbagai program motivasi binaan jati diri;

- (iv) Terus menanam kepercayaan dan keyakinan terhadap keseluruhan pasukan dan penyokong bahawa pasukan Pulau Pinang akan kembali semula ke Liga Super; dan
- (v) Mengukuhkan kedudukan kewangan FAP melalui peningkatan dalam bilangan penaja dan jalinan kerjasama dengan sektor swasta.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Setakat ini, sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi membantu mengembangkan perniagaan runcit yang dijalankan oleh usahawan-usahawan kecil memandangkan petumbuhan Pasaraya berskala besar di bina merata tempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu mengembangkan perniagaan runcit yang dijalankan oleh usahawan-usahawan kecil di Pulau Pinang adalah dengan menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. PTSR adalah satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, usahawan-usahawan kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Setakat 10 Oktober 2017, sebanyak RM12.83 juta telah diagihkan kepada 2,711 orang usahawan kecil.

Selain itu, sejak tahun 2008 hingga Ogos 2017, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga turut menganjurkan 96 kursus melibatkan seramai 3,868 orang usahawan kecil di Pulau Pinang. Ini secara tidak langsung dapat membantu usahawan kecil mengembangkan perniagaan runcit bagi menghadapi persaingan dengan pasaraya berskala besar.

Di samping itu, Program seperti Karnival Usahawan Rakyat, Karnival Usahawan Permotoran, Expo Usahawan Desa, Penang Culture & Art Entrepreneurs Fest, Malaysian Thailand Halal Food Festival dan lain-lain lagi memberi peluang perniagaan kepada lebih 2,000 usahawan runcit yang terlibat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama KPDNKK didalam memantau kenaikan harga barang yang semakin hari kian meruncing.
- (b) Pulau Pinang terkenal dengan syurga makanan, namun harga makanan disetengah premis makanan dinaikkan tanpa kawalan bagi mengaut keuntungan oleh tuan kedai. Apakah langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama KPDNKK bagi membanteras masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. (a) Pada dasarnya Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal atau membendung kenaikan harga barang . Kawalan serta penguatkuasaan terhadap harga barangan keperluan utama adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Penguatkuasaan terhadap kenaikan harga barangan termasuklah terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan secara melampau dan sewenang-wenangnya boleh di ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi melindungi kepentingan pengguna. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti mengadakan kempen kesedaran dan mendidik masyarakat pengguna tentang hak-hak mereka yang perlu diketahui dan dipertahankan serta melaporkan kepada pihak KPDNKK sekiranya terdapat sebarang aktiviti peniaga yang menyalahi undang-undang dan melanggar hak pengguna. Dalam usaha ini, Kerajaan Negeri juga turut mengadakan kempen mempromosi kedai harga murah. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan KPDNKK dalam menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan

mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan harga barang keperluan. Sebagai contoh, pada setiap kali musim perayaan, Kumpulan Pemantau Pengguna di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna di setiap KADUN akan diarah untuk membuat pemantauan harga serta barangan keperluan utama di pasar-pasar awam yang menjadi tumpuan orang ramai. Pihak KPDNKK juga akan dijemput untuk turut serta dalam aktiviti pemantauan ini.

- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal atau membendung kenaikan harga barang makanan bermasak yang meningkat dari semasa ke semasa. Ini adalah disebabkan oleh faktor penawaran dan permintaan dalam sistem pasaran bebas. Tiada penetapan harga siling bagi makanan bermasak yang dijual di pasaran. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kenaikan harga makanan, antaranya adalah berpunca dari kenaikan harga bahan mentah seperti sayur, daging serta peningkatan kos operasi yang lain seperti sewa premis, kos utiliti, gaji pekerja dan lain-lain kos. Faktor-faktor ini telah memberi kesan secara langsung kepada harga makanan bermasak. Kawalan serta penguatkuasaan harga barangan termasuklah terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan secara melampau dan sewenang-wenangnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Tindakan boleh diambil melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terhadap peniaga yang mengambil keuntungan secara berlebihan bagi melindungi kepentingan pengguna.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pulau Pinang terkenal dengan syurga makanan dan sentiasa menjadi tarikan pelancong untuk berkunjung. Namun begitu, ada premis-premis makanan di Pulau Pinang kotor sehingga menjadi tular di laman sosial. Justeru itu, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan untuk membendung masalah ini dalam menjaga imej negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Antara langkah-langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan untuk membendung premis-premis makanan kotor di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan pemantauan dan operasi bersepadu secara berkala dan mengeluarkan tawaran kompaun atau notis kepada pemilik perniagaan makanan yang tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan;
 - (ii) Menjalankan pemeriksaan dan penggredan premis makanan dua (2) kali setahun seperti yang ditetapkan dalam Kaedah Pengukuran Indeks (KPI);
 - (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan / operasi khas terutamanya premis tumpuan awam / pelancong secara berjadual atau operasi bersama agensi terlibat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Imigresen dan lain-lain;
 - (iv) Menjalankan pertandingan premis bersih di kalangan premis gred 'C' di bawah program Fokus Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2017;
 - (v) Menjalankan penarafan bintang serta pertandingan tandas bersih mengikut kategori seperti restoran, kedai makan dan kompleks makanan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setiap tahun;
 - (vi) Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan berbentuk media cetak dan elektronik dengan tema dan 'icon' baru;
 - (vii) Mengadakan khidmat nasihat kepada pengusaha premis makanan yang mendapat gred C untuk meningkatkan kemudahan dan naik taraf premis bagi mencapai sekurang-kurangnya gred B; dan
 - (viii) Menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada bagi penutupan premis yang kotor.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Apakah langkah-langkah pro aktif oleh Kerajaan Negeri bagi membantu penjaja-penjaja kecil di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga setakat ini.
- (b) Sila nyatakan statistik penjaja diseluruh Negeri Pulau Pinang yang telah diambil tindakan bagi daerah Seberang Perai dan daerah Pulau mengikut kaum dan pelbagai jenis kesalahan dari tahun 2013 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Langkah-langkah pro aktif oleh Kerajaan Negeri bagi membantu penjaja-penjaja kecil di seluruh negeri Pulau Pinang setakat ini adalah seperti berikut:
 - (i) mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan untuk memudahkan kelulusan lesen kepada penjaja warga tempatan;
 - (ii) menawarkan kekosongan dan membuat pengisian kekosongan ruang niaga MPSP pada setiap bulan;
 - (iii) memberikan pengurangan kadar bayaran lesen penjaja sebanyak 50 peratus daripada kadar asal;
 - (iv) merancang dan melaksanakan penempatan semula penjaja di kawasan yang bersesuaian;
 - (v) mewujudkan Garis Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar Awam Dan Pusat Penjaja) bagi mensyaratkan pemaju menyediakan pusat penjaja baharu (berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam garis panduan);
 - (vi) mempergiatkan usaha penempatan penjaja tanpa lesen ke dalam kompleks majlis;
 - (vii) menyediakan tempat perniagaan baharu kepada peniaga, dan
 - (viii) melibatkan pihak swasta dalam aktiviti perniagaan sebagai usaha mengurangkan penjaja tepi jalan.
- (b) Statistik penjaja diseluruh Negeri Pulau Pinang yang telah diambil tindakan bagi negeri Pulau Pinang mengikut kaum dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Antara jenis kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut:
 - (i) Menjaja tanpa lesen;
 - (ii) Tidak menjalani imunisasi;
 - (iii) Menjaja di kawasan larangan;
 - (iv) Gerai berkeadaan kotor; dan
 - (v) Tidak mengamalkan kebersihan kawasan

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 6.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah langkah Kerajaan Negeri di dalam membantu golongan berpendapatan rendah dalam memiliki rumah sendiri memandangkan rumah yang dibina tidak mencukupi sementara permohonan terlalu banyak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM

Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Dibawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduk (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A'; 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana Y.A.B Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sila nyatakan lokasi projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang sedang dan akan dibina oleh kerajaan negeri mengikut daerah sehingga kini.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri ada menyediakan Bantuan Pinjaman Perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah untuk membeli rumah memandangkan Pinjaman Bank sangat sukar bagi pemohon berpendapatan rendah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Dibawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduk (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu

sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A', 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana Y.A.B Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

- (b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak menyediakan Bantuan Pinjaman Perumahan. Meskipun begitu, Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap masalah mendapatkan pinjaman bank yang banyak dihadapi oleh rakyat dari kalangan berpendapatan rendah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah memperkenalkan semula Skim Perumahan Sewa Beli di mana projek perumahan Taman Sungai Duri Permai dan Taman Seruling Emas di Daerah Seberang Perai Selatan telah dipilih sebagai projek perintis. Sebanyak 51 unit kediaman jenis strata di Taman Seruling Emas telah ditawarkan dengan kadar sewa RM100.00 sebulan untuk tempoh 15 tahun. Manakala di Taman Sungai Duri Permai, 104 unit kediaman jenis townhouse ditawarkan dengan kadar sewa 150.00 sebulan untuk tempoh 23 tahun. Caj penyelenggaraan sebanyak RM20.00 sebulan dikenakan kepada kedua-dua skim ini. Kajian bagi menambah skim perumahan sewa beli ini akan dikaji dari masa ke semasa.

Di peringkat pentadbiran, beberapa langkah penambahbaikan juga telah dilaksanakan ke atas proses permohonan dan penawaran rumah yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri hasil daripada siri-siri perbincangan bersama Bank Negara Malaysia (BNM), persatuan pemaju dan ahli-ahli Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) Cawangan Pulau Pinang. Antaranya termasuk syarat menyertakan laporan CCRIS bersama permohonan bagi membolehkan penilaian kelayakan dan keupayaan pemohon dibuat di peringkat lebih awal. Lanjutan daripada itu juga, pegawai-pegawai di Bahagian Perumahan telah diberi latihan cara-cara membuat semakan keupayaan kewangan berdasarkan laporan CCRIS.

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 8.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri pernah merancang dan akan melaksanakan program bancian penduduk melalui JKKK untuk mendapatkan bancian Isi Rumah. Apakah keberkesanan program tersebut. Adakah program tersebut masih berjalan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Program bancian penduduk adalah merupakan program di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia. Kerajaan Negeri tidak pernah melaksanakan program bancian penduduk secara khusus di peringkat negeri. Secara amnya, maklumat berkaitan penduduk dan isi rumah adalah amat penting untuk dijadikan pengkalan data dan indikator dalam merangka pelbagai program dan

projek di sesuatu kawasan. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui MMK Perhubungan Masyarakat telah mengambil inisiatif dengan mewajibkan semua JKKK seluruh Negeri Pulau Pinang menyediakan maklumat Profil JKKK yang memberi penekanan kepada aspek bancian penduduk dan isi rumah. Keberkesanan penyediaan maklumat Profil JKKK ini sangat membantu di peringkat JKKK untuk mengenali masyarakat setempat dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan kepada keluarga dan komuniti yang memerlukan.

Pelaksanaan penyediaan Profil JKKK dilaksanakan dari semasa ke semasa dan ianya dipantau oleh Jawatankuasa MMK Perhubungan Masyarakat yang di Pengerusikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri 1.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Projek Rancangan Tebatan Banjir bagi setiap daerah bermula tahun 2013 hingga kini. Sila nyatakan secara terperinci.
- (b) Adakah sehingga setakat ini, jumlah peruntukan yang disalurkan itu mencukupi untuk mengatasi masalah banjir bagi setiap daerah.
- (c) Apakah prestasi semasa Rancangan Tebatan Banjir dapat mengurangkan banjir di Pulau Pinang dengan berkesan sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada projek Rancangan Tebatan Banjir bermula 2013 hingga kini adalah sebanyak RM150,000,000.00 melalui projek High Impact seperti di **Lampiran A**.

Sememangnya jumlah peruntukan yang disalurkan setakat ini masih tidak mencukupi untuk mengatasi masalah banjir di setiap daerah. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disalurkan ini akan digunakan mengikut keutamaan bagi menangani banjir di kawasan-kawasan "hotspot" banjir.

Selepas pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir, di dapati daripada 50 kawasan "hotspot" banjir yang telah dikenal pasti kini telah berjaya dikurangkan kepada 39 kawasan "hotspot" banjir kilat sahaja.

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 10.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Badan Peronda Sukarela (BPS). Adakah BPS masih beroperasi sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri telah menerima surat makluman daripada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) pada 23 November 2016 bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengeluarkan arahan untuk membekukan segala aktiviti Badan Peronda Sukarela (BPS). Kerajaan Negeri akur dengan arahan tersebut dan telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak PDRM dan KDN dengan mengeluarkan arahan kepada semua ahli BPS untuk menghentikan segala aktiviti BPS sehingga kelulusan daripada KDN diperolehi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Briged Wanita telah ditubuhkan dan mempunyai ramai keahlian. Sila nyatakan jumlah keseluruhan ahli briged di Negeri Pulau Pinang mengikut setiap KADUN.
- (b) Tolong senaraikan KADUN yang tidak menubuhkan Briged Wanita sehingga kini.
- (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah peruntukan bagi setiap Briged Wanita KADUN yang aktif.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Brigid Wanita merupakan satu badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantapkan usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara kebajikan kaum wanita. Brigid wanita diletak di bawah struktur pentadbiran Biro Pembangunan Wanita dalam setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan pada masa yang sama, Brigid Wanita turut dinaungi oleh setiap ADUN dan Penyelaras KADUN dalam mengurus serta menyokong semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan masing-masing. Jumlah keseluruhan ahli brigid wanita di Pulau Pinang adalah seramai 2669. Perincian mengikut KADUN adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Semua KADUN di Pulau Pinang telah menubuhkan Brigid Wanita.
- (c) Peruntukan yang disalurkan untuk Brigid Wanita adalah khusus untuk program-program pembangunan wanita secara keseluruhan di setiap kawasan dan bukan berdasarkan pencapaian Brigid Wanita. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menambah peruntukan bagi Brigid Wanita.

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 12.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerancangan pelancongan Negeri Pulau Pinang tidak boleh dinafikan, apakah kesan-kesan yang diperolehi oleh Kaum Bumiputera dan rakyat Pulau Pinang keseluruhannya serta penglibatan mereka dalam sektor perlancongan di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sektor pelancongan merupakan sektor yang menyumbang hampir 50% KDNK Negeri Pulau Pinang. Ia mencakupi beberapa bidang termasuklah penginapan, restoran, pengangkutan dan lain-lain. Pelancong yang datang ke Pulau Pinang memerlukan tempat penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, pemandu pelancong dan perkhidmatan lain semasa melancong dalam negeri. Perkhidmatan ini secara langsung hanya didapati dalam negeri dan akan menyumbang kepada pewujudan perkhidmatan tersebut kerana terdapat permintaan dan seterusnya mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.

Golongan Bumiputera merupakan pemilik kepada beberapa syarikat utama yang menawarkan perkhidmatan yang berkaitan langsung dengan pelancongan lebih-lebih lagi dalam bidang perhotelan contohnya Hotel Angsana di Teluk Bahang, Hotel Glow di Georgetown, Hotel Four Points Sheraton di Tanjung Bungah, PEN Mutiara Hotel dan Restoran, TH Hotel dan Hotel Seri Malaysia di Bayan Lepas. dan hotel-hotel bajet di kawasan Pulau dan juga Seberang Perai. Kaum Bumiputera juga merupakan pemegang saham yang agak besar untuk hotel-hotel di sekitar Pulau Pinang seperti The Light di Seberang Perai dan beberapa hotel yang tersenarai di Bursa Saham/ Selain itu, kaum Bumiputera juga memiliki restoran makanan laut, restoran nasi kandar, kawasan rekreasi Pulau Jerejak dan banyak lagi.

Selain daripada itu, produk-produk pelancongan yang disertai oleh golongan Bumiputera adalah perusahaan homestay, agro-pelancongan dan industri kecil dan sederhana. Bagi industri homestay Pulau Pinang, terdapat 11 kluster homestay yang merangkumi 234 pengusaha yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan kesemua pengusaha terdiri daripada golongan Bumiputera.

Manakala bagi agro-pelancongan pula, seramai 576 usahawan Bumiputera berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan antara produk yang dihasilkan adalah produk berasaskan makanan seperti kuih sejuk beku, pengeluaran minuman berasaskan rosell, pastri, kuih muih dan sebagainya. Dalam industri kecil dan sederhana pula, seramai 2,337 usahawan Bumiputera berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan produk-produk yang dihasilkan adalah seperti kosmetik berasaskan herba, spa, gula-gula pastil, bakeri dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, sektor pelancongan memajukan bidang perniagaan di Pulau Pinang yang disertai oleh usahawan tempatan yang selanjutnya akan meningkatkan ekonomi negeri dan dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam menangani banjir warga asing di negeri kita ini khususnya di dalam sektor perindustrian iaitu tentang peluang pekerjaan untuk rakyat negeri ini yang terpaksa bersaing dengan mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang (JIMPP), sentiasa mengadakan operasi di semua daerah di Negeri Pulau Pinang bagi menangani banjir warga asing di Pulau Pinang. Operasi yang dijalankan adalah berdasarkan aduan yang telah dilaporkan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan lain-lain.

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk membantu warga Pulau Pinang. Antaranya ialah melalui pembangunan Bandar Cassia yang melibatkan penyertaan pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang dijangka mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi dengan pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Penang Career Assistance and Talent Centre (CAT). Pusat CAT diuruskan oleh Invest Penang dengan sokongan padu daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dan syarikat-syarikat swasta. Pusat CAT bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:-

- (i) peluang-peluang pekerjaan yang wujud di syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang berdaftar dengan Pusat CAT;
- (ii) mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian; dan
- (iii) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Penubuhan Pusat CAT adalah untuk memastikan rakyat Pulau Pinang mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi di samping untuk menarik dan mengekalkan bakat di negeri ini.

Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji yang sewajarnya kepada golongan pekerja tempatan berdasarkan pengalaman dan kelayakan mereka. Bagi tindakan menyekat pekerja asing daripada bekerja secara haram, Kerajaan Negeri sentiasa berbincang dengan pihak Imigresen agar penguatkuasaan terhadap pekerja asing dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan dialog/perbincangan dengan majikan supaya pekerja tempatan diberikan insentif dan juga melaporkan kes-kes kemasukan pekerja asing secara haram kepada pihak Imigresen.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pulau Pinang telah mencatatkan kadar pengangguran antara terendah dalam negara ini pada tahun 2016. Apakah langkah yang lebih pro aktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menjamin kadar pengangguran lebih rendah dan peluang pekerjaan yang banyak dan terjamin terutama sketor pembuatan demi masa depan warga Pulau Pinang

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran 2.1% pada tahun 2016, dan merupakan negeri dengan kadar pengangguran kedua terendah di Malaysia selepas Melaka. Pulau Pinang sentiasa mencatatkan rekod kadar pengangguran yang rendah. Ini menunjukkan suasana pelaburan dan perniagaan yang stabil di negeri ini. Sesetengah pakar ekonomi berpendapat kadar pengangguran kurang dari 3% menunjukkan ekonomi berada dalam keadaan status *full employment*.

Kerajaan Negeri melalui investPenang terus menarik pelaburan baharu secara agresif dan pada masa yang sama memastikan pelaburan semula (*reinvestment*) terus berkembang di Pulau Pinang. Ini akan memastikan lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan bukan sahaja dari segi bilangan tetapi juga dari segi mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan pelbagai langkah untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi warga Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (a) Memperkenalkan Program Biasiswa *Penang Future Foundation* yang memastikan bakat dan sumber manusia di Pulau Pinang dikekalkan terutamanya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik, Perakaunan dan Kewangan;
- (b) Memperkenalkan Program Meister Malaysia bagi meningkatkan bakat dalam bidang teknikal dan vokasional selari dengan perkembangan Industri 4.0. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi Program Meister Malaysia. Peserta yang terpilih akan menjalani latihan peningkatan kemahiran dan pada masa yang sama bekerja di kilang untuk memperoleh kemahiran pekerjaan sebenar. Para peserta program ini tidak perlu membayar yuran pengajian kerana telah dibiayai Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama menerima gaji daripada syarikat;
- (c) Mewujudkan Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) yang memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia sebagai titik tumpuan majikan dan pencari kerja melalui pepadanan kerja (jobmatching);
- (d) Mempelbagaikan pelaburan dan industri baharu:
 - (i) Selain sektor Electrical & Electronic (E&E), Pulau Pinang juga telah mengembangkan industri dan mempelbagaikan sektor industri terutamanya dalam industri pembuatan light-emitting diode (LED), peralatan perubatan, solar dan avionics/aerospace;
 - (ii) Dalam bidang perkhidmatan, selain bidang pelancongan, perkembangan Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services) juga telah berkembang dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu;
 - (iii) Memperkenalkan Creative Animation Triggers (CAT) yang mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bidang seni kreatif, multimedia, permainan siber dan hiburan multimedia; dan
 - (iv) Memperkenalkan @CAT sebagai pusat untuk memupuk golongan technopreneur dan startup dalam era ekonomi digital.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Development Corporation* (PDC) juga telah berjaya membangunkan lapan (8) taman perindustrian di Pulau Pinang di mana Taman Perindustrian Batu Kawan merupakan kawasan pembangunan terkini yang menjadi tumpuan para pelabur terutamanya dalam industri berteknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah tinggi. Sehingga Oktober 2017, sejumlah 23 buah syarikat tempatan dan asing (MNCs) telah mengesahkan pembelian tanah industri dan pelaburan ini dijangka mampu menjana lebih kurang 3,000 peluang pekerjaan untuk faedah rakyat Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, PDC juga merancang dan giat membangunkan lebih banyak tanah untuk kegunaan perindustrian melalui pengambilan balik tanah di sekitar kawasan *Penang Science Park* dan Batu Kawan. Ini adalah untuk memenuhi permintaan dan sasaran para pelabur dalam dan luar negara yang semakin meningkat walaupun bersaing rapat dengan negeri-negeri yang lain seperti Selangor, Johor dan Kedah (Kulim Hi-Tech).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Negeri Pulau Pinang terkenal dengan warisan kebudayaan dan kesenian khususnya bagi kaum Melayu persembahan Boria dan kaum Cina persembahan Chingay. Apakah langkah-langkah yang telah di ambil oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam memupuk Semangat Perpaduan dalam pertunjukan warisan kesenian untuk rakyat Pulau Pinang bersatu padu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Negeri Pulau Pinang sememangnya kaya dengan warisan ketara dan tidak ketara (tangible and intangible). Bagi warisan tidak ketara, Kerajaan Negeri sentiasa mengetengahkan/ menonjolkan bakat-bakat tempatan bagi mempromosikan kebudayaan dan kesenian Negeri Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam memupuk Semangat Perpaduan dalam pertunjukan warisan kesenian adalah:
- (i) Menjadikan Tarian Boria sebagai persembahan utama pada Majlis Perasmian dan Street Fest (iPerayaan Warisan George Town tahun 2017. Selain itu, penganjuran Bengkel Boria untuk pelajar-pelajar sekolah menengah daripada pelbagai kaum juga telah dianjurkan semasa program tersebut;
 - (ii) Mengetengahkan persembahan Chingay di dalam pelbagai program keraian seperti di George Town Festival 2016 selain Pesta Chingay yang diadakan setiap tahun;
 - (iii) Mengetengahkan acara kesenian seperti permainan tradisional, kuliner tradisional, penceritaan (*oral history*), tokoh warisan hidup, seni mempertahankan diri (*martial arts*) dan sebagainya semasa Perayaan Hari Warisan yang diadakan setiap tahun. Sebanyak 24 persatuan atau perbadanan daripada komuniti tempatan telah mengambil bahagian pada tahun 2017;
 - (iv) Mengadakan program sambutan perayaan keagamaan pelbagai kaum yang menjadi warisan negeri dengan sokongan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; dan
 - (v) Mengadakan kelas tarian tradisional sejak tahun 2016 di Pusat Belia Lebuh Acheh oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Dengan penglibatan kanak-kanak di dalam program ini yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India, kanak-kanak dapat belajar berkongsi kebudayaan setiap kaum, menerima perbezaan sosio budaya serta mendalami keunikan dan budaya kaum lain.

Melalui kegiatan yang diadakan seperti di atas, adalah diharapkan agar ianya dapat mewujudkan persefahaman perbezaan budaya dan semangat perpaduan dapat disemai dan dipupuk dalam kalangan masyarakat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan sejauh manakah prestasi sehingga kini selepas pelaksanaan Dasar Pembangunan Desa Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Y.A..B Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri telah melancarkan Dasar Pembangunan Desa pada tahun 2016 dalam memacu pembangunan desa. Dasar ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang bertaraf antarabangsa dan secara tidak langsung akan merapatkan jurang sosioekonomi dan sosiopolitik di antara kawasan bandar dan desa. Rangka kerja dasar tersebut bermula dari tahun 2017 sehingga 2019 yang menggariskan empat komponen utama iaitu peningkatan modal insan, meningkatkan keusahawanan, peningkatan infrastruktur dan pengurangan kemiskinan di desa. Melalui pelan tindakan peningkatan modal insan, Kerajaan Negeri pada tahun 2017 telah membelanjakan sejumlah RM133,432.50 bagi menjalankan 23 kursus jangka pendek yang memfokuskan kepada keusahawanan untuk dijadikan nilai tambah kepada penduduk desa. Antara kursus-kursus yang telah dijalankan adalah kursus asas pastri, penyediaan pau dan donut sejuk beku, jahitan, gubahan hantaran, hasilan aiskrim, pembaikan telefon, kursus penyediaan rancangan perniagaan, pengiklanan atas talian dan lain-lain. Kursus-kursus tersebut dilaksanakan oleh pejabat-pejabat daerah yang menyasarkan penyertaan dari golongan ibu tunggal, penerima bantuan AES, penduduk setempat dan mereka yang berminat. Permohonan kursus- kursus tersebut adalah berdasarkan permintaan setempat melalui pejabat-pejabat daerah.

Komponen kedua Dasar Pembangunan Desa iaitu penekanan kepada peningkatan keusahawanan yang berdaya maju. Kesenambungan dari pembangunan modal insan yang memfokuskan kepada keusahawanan, Kerajaan Negeri melalui program peningkatan ekonomi (bantuan peralatan) telah membelanjakan RM241,546.29 bagi meyalurkan bantuan peralatan kepada 116 penerima yang terdiri daripada peniaga yang berniaga sekurang-kurangnya setahun dan berpendapatan bawah RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan tersebut bertujuan membantu masyarakat setempat untuk mengembangkan perniagaan sedia ada serta produk-

produk sampingan yang berkaitan.

Komponen seterusnya memfokuskan kepada pengurangan kemiskinan bagi tujuan peningkatan kualiti hidup. Berlandaskan dasar tersebut, Kerajaan Negeri telah membina 19 buah rumah dan 74 buah rumah dibaiki sehingga Oktober 2017. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1.58 juta bagi tujuan tersebut. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Komponen terakhir adalah peningkatan infrastruktur desa. Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri dalam dasar ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,306,888.00 bagi tujuan menaiktaraf jalan-jalan kampung, longkang-longkang serta parit di kawasan kampung. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan RM2,075,579.46 bagi tujuan naiktaraf dan penyelenggaraan dewan orang ramai di kelima-lima daerah.

Mengambilkira tempoh pelaksanaan Dasar Pembangunan Desa bermula pada tahun 2017, pencapaian prestasi dasar tidak dapat diukur pada masa ini kerana pelaksanaan bagi tahun 2017 akan dijadikan tahun asas dalam memperlihatkan prestasi sebenar dalam tempoh pelaksanaan dasar ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang selepas ini untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Politeknik Premier.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan bantuan permohonan pendaftaran pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) kepada anak negeri penduduk tetap Pulau Pinang. Bantuan sebanyak RM1,000 yang diperuntukkan adalah bagi meringankan kos perbelanjaan pendaftaran khususnya kepada pelajar-pelajar sesi kemasukan pertama ke IPT.

Permohonan bantuan berkenaan boleh dibuat melalui pautan <http://ibita.penang.gov.my>

Pelajar yang ditawarkan ke Program Sepenuh Masa sahaja yang layak memohon. Pelajar yang ditawarkan Program Luar Kampus, Program Pendidikan Jarak Jauh, Program Kejururawatan dan Program Asasi/Matrikulasi adalah tidak layak memohon. Bagi pelajar tawaran Politeknik Premier juga adalah tidak layak memohon. Senarai IPT yang layak memohon adalah sepertimana **Lampiran A.**

Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada senarai 20 buah IPTA yang telah diperakui oleh MQA dan senarai 4 buah IPTS yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah ditetapkan dan setakat ini, tiada penambahan terhadap senarai IPT yang dinyatakan.

RUJ. LAMPIRAN A BDMSM NO. 18.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Masalah penyakit tibi di Pulau Pinang kian meningkat. Apakah usaha-usaha terkini yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan di dalam membendung merebaknya penyakit ini kepada masyarakat di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kes tibi adalah disebabkan oleh kuman tibi (*Mycobacterium tuberculosis*) yang merebak melalui udara, iaitu apabila seorang pesakit tibi batuk, bersin atau meludah. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil pelbagai usaha dalam meningkatkan kadar pengesanan kes dan seterusnya merawat pesakit yang menghadapi penyakit tibi. Antara tindakan yang telah diambil ialah seperti berikut:

- (i) Saringan sistematik secara imbasan x-ray dada ke atas golongan berisiko tinggi tibi iaitu golongan yang mempunyai kontak dengan pesakit tibi, pesakit-pesakit diabetes, HIV, warga emas, klien Klinik Berhenti Merokok & Klinik Methadon; serta penghuni pusat jagaan warga emas, banduan di penjara dan pelatih di *Cure & Care Rehabilitation Center* (CCRC);

- (ii) Melaksanakan saringan melalui pemeriksaan kakak ke atas pesakit yang bersimptomatik di Jabatan Pesakit Luar hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan;
- (iii) Pengesanan kes secara aktif di lapangan atau *intensified case finding* bersama komuniti; dan
- (iv) Penyampaian pendidikan kesihatan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan pemahaman mengenai gejala-gejala tibi melalui kempen-kempen kesedaran di semua kawasan DUN, premis Kerajaan, sekolah, pasar malam dan lokasi yang dikenalpasti mempunyai banyak kes tibi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Nyatakan bilangan Pusat Hiburan yang tidak berlesen yang telah dikesan dan diambil tindakan dari tahun 2013 hingga kini berdasarkan setiap daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sebanyak 842 buah pusat hiburan yang tidak berlesen telah dikesan dan diambil tindakan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 sehingga September 2017. Bilangan pusat hiburan yang tidak berlesen mengikut daerah adalah seperti berikut :-

TAHUN	DBD	DTL	SPU	SPT	SPS	Jumlah
2013	1	14	11	3	4	33
2014	3	9	40	31	32	115
2015	0	7	93	116	71	287
2016	11	12	109	152	90	374
Sept 2017	4	6	3	19	1	33
Jumlah Keseluruhan	842					

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Program Sisa Di Punca oleh pihak MPSP sejauhmana pencapaian setakat ini dan jika masih kurang berkesan apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.
- (b) Apakah kemampuan Pusat Pelupusan Sampah sehingga kini bagi menampung sejumlah besar sampah sarap dalam seluruh negeri dan apakah Kerajaan Negeri ada menyediakan alternatif jika keadaan berlaku sebaliknya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Pencapaian pelaksanaan Program Pengasingan Sisa Di Punca MPSP sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Kawasan Perumahan

Premis Diperiksa	Premis Melaksana	Premis Tidak Melaksana	Jumlah Notis
30,096	23,326 (77.51%)	6,770 (22.49%)	16,304

- (ii) Kawasan Perumahan Strata

Jumlah JMB/MC Diperiksa	JMB/MC Patuh Arahan	JMB/MC Tidak Patuh Arahan	Jumlah Notis
132	49 (37.12%)	83 (62.88%)	58

Langkah-langkah bagi meningkatkan keberkesanan program pengasingan sisa di punca adalah seperti berikut :

- (i) Melaksanakan program pendidikan melalui taklimat pengasingan sisa di punca dan program LA21.
 - (ii) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan dengan pemberian notis peringatan kepada premis yang tidak patuh.
 - (iii) Melakukan promosi dengan mengedar risalah, pemasangan billboard dan poster serta melekatkan stiker berkenaan dasar ini di tong sampah persendirian.
- (b) Kemampuan Tapak Pelupusan Pulau Burung sehingga kini adalah seperti berikut :

Fasa dan Luas Tapak	Kemampuan
Fasa 1 dan 2 (61.47 hektar)	Sehingga tahun 2019
Fasa 3 (127.47 hektar)	30 tahun dari tarikh mula

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tiada perancangan alternatif kerana tapak yang disediakan adalah mencukupi untuk tempoh jangka masa yang panjang (30 tahun).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Berapa kos pengindahan (lanskap) yang dijalankan oleh pihak MPSP setakat ini, jika kos itu tinggi maka apakah langkah-langkah pihak MPSP bagi menjimatkan kerja-kerja pengindahan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kos pengindahan (landskap) yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga tahun 2017 adalah sebanyak RM412,736.80.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak MPSP bagi menjimatkan kos kerja-kerja pengindahan adalah seperti berikut :

- (a) Pelaksanaan Program Public, Private, People, Partnership (4P's) / Corporate Social Responsibility (CSR) telah mula dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga kini.
- (b) Kerja-kerja penanaman pokok dengan kerjasama agensi luar. Program yang dijalankan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:
- (c) Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar serta Penanaman Pokok Casuarina spp (Rhu) di Pantai Robina, SPU – Anjuran bersama PETRON Malaysia Bhd. pada 19 Ogos 2017.
- (d) Program Penanaman Pokok Tabebuia spp (Tecoma) Sempena Hari Kemerdekaan ke-60.
- (e) Program Forest Bathing Di Hutan Simpan Bukit Juru, SPT pada 23 September 2017.
- (f) Program Penanaman Pokok Spesis Tabebuia spp (Tecoma) di Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, SPS.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berapakah jumlah nelayan kecil di negeri ini berdasarkan setiap daerah. Adakah mereka memperoleh pendapatan yang mencukupi bagi sara hidup, kalau tidak apakah perancangan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Setakat ini, jumlah nelayan kecil di Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan adalah seramai 4,125 orang nelayan. Jumlah ini merujuk kepada nelayan pantai dan nelayan tradisional. Walau bagaimanapun, tiada perincian mengenai jumlah nelayan kecil berdasarkan

daerah.

Bagi mengatasi masalah kos sara hidup, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan pukat kepada nelayan pesisir pantai bermula tahun 2013. Ini merupakan sebahagian usaha membantu meringankan kos aktiviti nelayan oleh Kerajaan Negeri dengan harapan ia dapat meringankan beban sara hidup nelayan. Perincian bantuan pukat yang telah diberikan adalah seperti berikut:-

BILANGAN SIRI	TAHUN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)
SIRI 1	2013	2,620
SIRI 2	2014	2,740
SIRI 3	2014	2,968
SIRI 4	2015	3,186
SIRI 5	2015	3,121
SIRI 6	2016	1,432
JUMLAH KESELURUHAN		16,067

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk nelayan pesisir pantai diberi baucer bernilai RM200.00 untuk ditukar dengan barang/peralatan yang diperlukan bagi kegunaan nelayan. Pertukaran baucer tersebut boleh dibuat di kedai-kedai yang ditetapkan Kerajaan Negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan dua program tukun tiruan di perairan Pulau Pinang. Pada tahun 2015, sebanyak 1,000 bongkah tukun berbentuk kuboid program tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Aman dan Pulau Kendi. Pada tahun 2016 pula, sebanyak 42 unit tukun yang terdiri daripada Tukun Tiruan jenis Tukun Inovasi Interlock dan Stack On (ISFAD), Tukun Inovasi Triangle (TRIFAD) dan Tukun Inovasi Tertrahedral (TETRAFAD) telah dilabuhkan di perairan Pulau Kendi. Program-program tukun ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembiakan ikan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil tangkapan ikan oleh nelayan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri menerima geran tahunan daripada Kerajaan Pusat, jika ada berapa jumlahnya dan pemberian di salurkan kepada Kerajaan Negeri atau wakil Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri menerima geran secara tahunan dari Kerajaan Pusat dan jumlah pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 hingga September 2017 adalah seperti **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BMDM NO. 24.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah Kerajaan Negeri menerusi PBAPP bercadang untuk meningkatkan lagi kualiti air di negeri ini agar rakyat negeri ini dapat menikmati air yang benar-benar bersih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Pada masa ini, air yang dibekalkan oleh PBAPP adalah mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan.

Pemantauan kualiti air yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan kualiti air Pulau Pinang mematuhi kelima-lima parameter QAP (Quality Assurance Programme) untuk tahun 2015 & 2016 dan sehingga September 2017. Parameter-parameter QAP adalah seperti berikut :-

- (i) e-coli dan baki klorin
- (ii) baki klorin
- (iii) e-coli

- (iv) kekeruhan
- (v) Aluminium

PBAPP dan Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan kualiti air yang dibekalkan kepada rakyat negeri ini adalah benar-benar bersih. Memandangkan lebih 80% sumber air mentah adalah daripada Sungai Muda, isu kualiti air Sungai Muda yang sering terancam akibat pembalakan di kawasan Hutan Ulu Muda sentiasa dibangkitkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA), Menteri Sumber Asli (NRE) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Jika pembalakan dapat dihentikan, kualiti air mentah Sungai Muda akan bertambah baik dan kos rawatan dapat dikurangkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Adakah kes pemberhentian pekerja akibat ekonomi yang tidak menentu berlaku dan apakah tindakan Kerajaan dalam membantu mereka yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja, jumlah pekerja yang diberhentikan kerja di Pulau Pinang bagi tahun 2016 ialah seramai 4,923 orang. Sektor yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja ialah sektor pembuatan.

Dalam membantu penganggur yang diberhentikan oleh pihak majikan, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (Penang Career Assistance and Talent Centre) menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja samada pekerja yang diberhentikan kerja atau pekerja baru dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Ogos 2017, seramai 9,475 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan. Dari senarai ringkas nama yang dibekalkan oleh Pusat CAT, majikan akan menghubungi mana-mana calon yang diminati dan menguruskan aktiviti seterusnya secara langsung.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mengambil langkah-langkah strategik untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan seperti berikut :

- (i) Pembangunan Bandar Cassia

Kerajaan Negeri sedang membangunkan Bandar Cassia yang melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema, pembangunan Bandar Cassia dijangka menarik penyertaan pelabur-pelabur luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (*high paying job*).

- (ii) Meningkatkan Pelaburan

Dalam bidang perindustrian, Penang Development Corporation (PDC) melalui penjualan tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing, telah meningkatkan nilai pelaburan kepada RM3.16 bilion dengan sasaran tawaran pekerjaan berjumlah 11,009 jawatan di pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage, Bose Systems, Classa Ind, Vitrox Tech., dan Atotech, ia telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

- (iii) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*) seperti advanced manufacturing dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.

- (iv) Memperkenalkan Program Penang @CAT

Satu program baharu dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)" telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*). Program ini bertujuan untuk

membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi atau pun yang terlibat di dalam sektor Internet of Things (IOT).

Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

(i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

PTSR merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Kutipan bayaran balik pinjaman yang dibuat adalah sebanyak RM8.82 juta. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman di antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik adalah di antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Ogos 2017, sebanyak RM12.45 juta telah diagihkan kepada seramai 2,669 orang usahawan.

(ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana sehingga bulan September 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah Kerajaan menyedari pentingnya institusi keluarga dalam sebuah negeri akibat sistem kerja syif malam telah sedikit sebanyak menjejaskan hubungan kekuargaan. Adakah kerajaan mempunyai kuasa membuat syarat kepada mana pihak yang ingin melabur khusus dalam sektor perkilangan hanya beroperasi siang saja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Syarikat-syarikat di Malaysia dan Pulau Pinang merancang keperluan perniagaan dan tenaga kerja mengikut undang-undang buruh sedia ada di Malaysia. Pada masa ini, undang-undang di Malaysia membenarkan kerja syif malam dan berdasarkan Akta Kerja 1955, masa bekerja adalah tidak lebih 8 jam sehari dan tidak melebihi 48 jam seminggu.

Kerajaan menyedari betapa pentingnya institusi kekeluargaan dalam sebuah negeri. Walau bagaimanapun, penetapan masa pekerjaan di Pulau Pinang adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Selain itu, terdapat banyak syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Pulau Pinang dan menjadi keperluan untuk mengikut masa bekerja atau operasi ibu pejabat di sesetengah negara seperti di Amerika Syarikat dan China.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bermula suku 1 tahun 2016 hingga suku 2 tahun 2017 mohon Suruhanjaya Pilihan Raya Pulau Pinang nyatakan bilangan pengundi baru yang telah didaftarkan mengikut KADUN dalam Negeri Pulau Pinang dan bilangan pengundi yang bertukar alamat mengikut KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Berdasarkan perangkaan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan SPR dari tahun 2016 sehingga 30 Jun 2017 bagi Negeri Pulau Pinang adalah seramai 77,766 orang. Manakala jumlah pengundi yang membuat pendaftaran tukar alamat untuk tempoh yang sama bagi Negeri Pulau Pinang adalah seramai 28,334 orang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah satu kajian yang terperinci telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri mengenai kebanjiran warga asing yang menyewa rumah dalam skim perumahan KR dan SR milik Kerajaan Negeri

sehingga ke hari ini.

- (a) Sila nyatakan bentuk dan jenis tindakan yang telah diambil kepada penyewa.
- (b) Bermula 2013 Sehingga kini berapa banyak penyewayang dikenakan tindakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri buat masa ini tiada perancangan untuk menjalankan kajian terperinci berhubung isu penyewa warga asing di perumahan awam kos rendah. Meski pun begitu, Bahagian Perumahan bersedia untuk menjalankan siasatan dan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya sekiranya terdapat aduan dikemukakan.

- (a) Dari aspek perundangan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas unit-unit rumah kos rendah yang diperuntukan kepada penyewa melalui skim sewaan atau sewa beli selagi mana perjanjian sewa dan sewa beli tersebut masih berkuat kuasa. Tindakan penyewa yang menyewa kecil unit kediaman sama ada kepada warga tempatan atau pun warga asing boleh dianggap sebagai melanggar syarat perjanjian. Prosedur penguatkuasaan ini akan dimulakan dengan pengeluaran Notis Amaran 14 Hari, Surat Amaran Terakhir 14 Hari dan disusuli dengan tindakan pengosongan unit sekiranya penyewa didapati masih ingkar.

Tindakan penguatkuasaan walau bagaimanapun tidak boleh diambil ke atas unit-unit kos rendah yang telah selesai tempoh sewa beli dan telah dipindah milik kerana pada masa ini tiada sebarang peruntukan undang-undang yang mensyaratkan sesuatu unit rumah kos rendah itu perlu dihuni oleh pemilik.

Di peringkat Kerajaan Negeri sendiri, penambahbaikan telah dibuat ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1. Berkuatkuasa Ogos 2016, pemohon dikehendaki menandatangani Akuan Berkanun (Statutory Declaration) sebagai akujanji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Pada masa ini tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' (kos rendah dan sederhana rendah) perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan tidak dapat diambil ke atas pemilik yang menyewakan unit RMM 'A' atau 'B' kepada pihak ketiga sama ada dari kalangan warganegara atau pekerja asing.

Menyedari keadaan ini, Kerajaan Negeri dalam usul bertarikh 22 Februari 2017 yang ditandatangani bersama Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri telah menggesa Kerajaan Persekutuan supaya perundangan sedia ada berkaitan masalah ini disemak dan/atau dipinda. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan berhubung usul bersama yang dikemukakan.

- (b) Sejak tahun 2013 hingga 30 September 2017, sebanyak 38 unit rumah kos rendah milik Kerajaan Negeri telah menerima serahan notis penguatkuasaan atas kesalahan menyewa kecil unit yang diperuntukkan kepada warga asing. Daripada jumlah tersebut, 37 unit telah mematuhi arahan yang dikeluarkan dan tiada lagi warga asing menduduki unit-unit tersebut. Manakala satu (1) lagi unit dipercayai masih belum mengambil tindakan yang sewajarnya. Pemantauan pada masa ini sedang dijalankan dan akan disusuli dengan tindakan berdasarkan prosedur.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti untuk mengurangkan kesesakan jalanraya waktu puncak dan musim perayaan samaada di bahagian Pulau atau Seberang Perai.
- (b) Nyatakan juga apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan di Jambatan Pulau Pinang akibat dari penutupan satu lorong untuk proses penyelenggaraan selama setahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesesakan jalanraya waktu puncak dan musim perayaan di bahagian Pulau dan Seberang Perai adalah seperti berikut:
- (i) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehala di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan, telah dilaksanakan dan akan diteruskan.
 - (ii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan “green wave”.
 - (iii) Memasang CCTV di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (video analytics) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam.
 - (iv) Melaksanakan jalan sehala mengikut had masa di kawasan sekolah bagi melancarkan pergerakan aliran lalulintas pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan.
 - (v) Penempatan pegawai Polis Bantuan di persimpangan Jalan Bukit Tambun dengan Jalan Paboi untuk mengawal keadaan lalu lintas bagi memastikan kesesakan yang berlaku berada di tahap yang paling minima.
 - (vi) Pelarasan fasa dan masa lampu isyarat bagi memastikan kesesakan yang berlaku berada di tahap yang paling minima.
 - (vii) Melaksanakan penyenggaraan awal jalan raya sebelum musim perayaan bagi memastikan jalan sentiasa selamat dan selesa semasa musim perayaan
 - (viii) Pemberhentian kerja-kerja penyenggaraan dalam rizab jalan semasa musim perayaan.
 - (ix) Penurunan Had Laju kebangsaan di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri dalam tempoh perayaan.
 - (x) Menjalankan pemeriksaan ke atas pengurusan trafik di tapak bina bagi memastikan pengurusan trafik adalah dalam keadaan sempurna.
 - (xi) Arahan kepada kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja naiktaraf/penyelenggaraan di kawasan-kawasan yang aliran trafik yang tinggi di luar pada waktu puncak.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah kesesakan yang berlaku terutamanya di atas jambatan Pulau Pinang terutama sewaktu proses penyelenggaraan yang akan dilaksanakan selama satu (1) tahun. Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS bagi memastikan aliran trafik adalah lancar terutama pada waktu puncak.
- Tindakan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan di Jambatan Pulau Pinang melalui LLM dan PLUS susulan daripada penutupan satu lorong untuk proses penyelenggaraan adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan tidal flow ketika waktu puncak.
 - (ii) Membuat kawalan lalulintas di atas Jambatan Pulau Pinang.
 - (iii) Menyediakan pegawai di lapangan bagi memastikan setiap kemalangan yang berlaku dapat diselesaikan secepat mungkin.
 - (iv) Bekerjasama dengan PDRM dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan mengawal lalulintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan.

XXVI. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Cukai pintu yang telah dikenakan sebanyak RM583.80 pada tahun 2014 telah dinaikkan menjadi RM667.20 pada tahun 2015 iaitu tiga bulan sebelum pelaksanaan GST. Selepas pelaksanaan GST Kerajaan Negeri umumkan penyerapan 6% dari cukai pintu menjadikannya sebanyak RM627.60 iaitu 7.5% lebih tinggi dari caj asal tahun 2014 dan Kerajaan Negeri masih untung sebanyak 1.5% daripada penyerapan GST tersebut. Adakah kenyataan saya benar. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat, kadar peratusan kenaikan bagi cukai pintu tahun 2015 berbanding 2014 adalah 14.3%. Merujuk kepada kadar kenaikan peratusan cukai pintu yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kadar peratusan 14.3% tersebut tidak wujud di dalam jadual kenaikan kadar cukai pintu. Kadar kenaikan tertinggi bagi kediaman adalah hanya 1.00%. Sehubungan itu, maklumat yang dinyatakan di dalam soalan adalah meragukan dan bagi membolehkan semakan dibuat, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan bil cukai taksiran sebenar untuk semakan PBT dan Yang Berhormat akan dimaklumkan semula.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nelayan Kuala Sungai Burung mendapat pukot benang yg tidak berkualiti daripada syarikat pembekal pukot swasta lantikan Kerajaan Negeri. Pukot benang hanya boleh diguna sekali kerana tidak tahan lasak bebanding pukot tangsi yang dibekal oleh LKIM Pulau Pinang Selatan. Apakah telah berlaku penyalahgunaan peruntukan dana Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pukot ini telah dibekalkan oleh Koperasi Perdasama Pulau Pinang Berhad. Berdasarkan pemerhatian, pukot yang dibekalkan adalah dalam kualiti yang baik dan mengikut keperluan nelayan. Kerajaan Negeri juga tidak menerima sebarang aduan berhubung isu kualiti pukot yang dibekalkan. Bagi menambah baik skim bantuan kepada nelayan. Kerajaan Negeri telah mengkaji semula kaedah bantuan pukot ini bagi mencari kaedah terbaik dalam membantu nelayan. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan bagi tahun 2017 dengan memberikan baucar bernilai RM200.00 kepada nelayan yang berkecayaan. Melalui kaedah ini, nelayan boleh menggunakan baucar ini bagi mendapatkan peralatan dan perkakasan menangkap ikan mengikut keperluan masing-masing di kedai-kedai dilantik Kerajaan Negeri dengan menukar baucar-baucar yang diberikan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Di Bagan Jermal seluas 9.38 hektar kawasan hutan paya bakau dimusnahkan untuk projek penambakan laut. Begitu juga di Bayan Baru, penduduk Pangsapuri Baystar tidak berpuashati dengan kerja tambakan laut dibelakang kediaman mereka. Projek ini tidak mendapat persetujuan penduduk sejak tahun lalu. Apakah respon Kerajaan Negeri yang memperjuangkan cleaner and greener Penang. Huraikan dengan lengkap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kawasan hutan paya bakau di Bagan Jermal seluas 9.38 hektar merupakan tanah Kerajaan dan bukan berstatus hutan simpanan kekal. Projek ini telah mendapat kelulusan DEIA di peringkat Persekutuan. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mengeluarkan lesen di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 bagi kerja-kerja membersihkan kawasan tersebut melalui No. Lesen PHN PP TK 1/2016 yang berkuatkuasa mulai 5 Januari hingga 4 Julai 2017. Pihak pemaju juga telah menjalankan program 'offset' penanaman pokok bakau di kawasan hutan paya bakau di Sungai Acheh dan Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Berkenaan projek tambakan di Bayan Baru, kawasan tersebut tidak melibatkan sebarang hutan simpanan kekal dan tidak memberi kesan kepada hutan bakau sedia ada. Namun, pihak pemaju telah menawarkan program 'offset' berupa program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di kawasan pantai sedia ada bagi membantu meningkatkan litupan kawasan hutan bakau dan hutan pantai bagi meningkatkan kualiti hidupan marin. Projek ini juga telah

mendapat kelulusan Laporan EIA pada 20 Januari 2016. Berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang pada 1 Ogos 2017, pihak pemaju telah mematuhi kesemua syarat kelulusan Laporan EIA tersebut.

Kerajaan Negeri tiada halangan ke atas pelaksanaan projek ini selagi pemaju-pemaju mematuhi peraturan dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa seterusnya dapat memacu sosio-ekonomi di samping dapat memulihara kepentingan alam sekitar di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Peratusan peruntukan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang jatuh mendadak. Pada tahun 2008, peratusannya adalah 9.03%, menurun kepada 6.55% pada tahun 2015. Dalam Bajet 2017, peratusan peruntukan diturunkan kepada 3.66% daripada keseluruhan peruntukkan. Ini bermakna kadar penurunan peruntukkan sejak tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 60%. Adakah kenyataan saya ini benar. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tidak benar peruntukan Hal Ehwal Agama Islam jatuh mendadak sejak tahun 2008. Pada tahun 2008 bajet hal ehwal agama berjumlah RM23.52 juta, pada tahun 2015 meningkat sebanyak RM53.55 juta dan tahun 2017 sebanyak RM49.98 juta.

Sejak tahun 2008 sehingga tahun 2015 ia meningkat sebanyak 159.68 peratus. Berbanding 2008 sehingga 2017, peratusannya meningkat sebanyak 112.50 peratus.

Bajet hal ehwal agama adalah berdasarkan keperluan semasa. Sehingga kini, secara keseluruhannya bajet hal ehwal agama Islam Pulau Pinang tetap meningkat daripada segi nilai dan peratusannya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Adakah pengurangan hutang oleh Kerajaan Negeri sehingga 95% adalah disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan.
(b) Sekiranya Kerajaan Negeri tidak menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi pelaksanaan pengstrukturairan air dan rasionalisasi hutang pada tahun 2011, sudah tentu Pulau Pinang hutang tidak dapat dikurangkan sebanyak 95% malah akan berganda menjadi 300% daripada nilai asalnya. Huraikan berdasarkan fakta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Pengurangan hutang Kerajaan Negeri sehingga 90% adalah yang terbesar dalam sejarah Malaysia (**Lihat Lampiran**) dan disebabkan oleh pentadbiran CAT dan berhemah serta persetujuan di mana Kerajaan Persekutuan menukarkan bagi baki pinjaman untuk Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang pada tahun 2011 dengan aset-aset yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri.
(b) Tidak boleh dinafikan pengurusan kewangan yang cermat dan berhemah membolehkan Kerajaan Negeri tidak mengambil hutang yang besar. Ini membolehkan Kerajaan Negeri kekal menjadi negeri yang berhutang paling kecil di Malaysia apabila negeri-negeri lain terus menambahkan hutang mereka. Perlu diingatkan, Pulau Pinang bukanlah negeri yang berhutang paling kecil sebelum rasionalisasi hutang dan penyerahan aset oleh Kerajaan Negeri dilakukan pada tahun 2011. Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah gagal membuat sebarang bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

Hutang Air ini telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) sebelum ini. Hutang yang diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan ini bukannya dilakukan secara percuma, tetapi menerusi pertukaran aset air yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kini dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

Perjanjian penstrukturairan semula air, pengambilalihan hutang air dan penyerahan aset air bukan hanya khusus kepada Negeri Pulau Pinang tetapi turut diguna pakai kepada Negeri-negeri Perlis, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan. Perjanjian penstrukturairan semula air ini adalah melibatkan penyerahan hak oleh Kerajaan

Negeri BN sebelum tahun 2008. Pada tahun 2005 terdapat pindaan Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan 'bekalan air dan perkhidmatan daripada senarai negeri kepada senarai bersama'.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang tidak mempunyai sebarang hutang tertunggak pada penghujung tahun 2016. Sebagai tambahan, PBAPP juga telah menjelaskan semua bayaran ansuran penuh pada tepat tempoh masanya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tidak mendapat sebarang bantuan daripada Kerajaan Persekutuan apabila semua bayaran hutang dibuat tepat pada masanya. Ini membuktikan Negeri Pulau Pinang telah menguruskan kewangannya dengan baik.

RUJ. LAMPIRAN BDSHAH NO. 5.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Adakah prinsip CAT yang diperjuangkan gagal mengurangkan perbelanjaan operasi tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini disebabkan perbelanjaan operasi telah meningkat sehingga 500% sejak tahun 2008.
- (b) Bagi menampung peningkatan perbelanjaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menjual atau memperdagangkan tanah dan aset negeri. Huraikan berdasarkan fakta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Prinsip dan strategi urus tadbir pentadbiran Kerajaan Negeri yang cemerlang berasaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) telah berjaya memantapkan Negeri Pulau Pinang bukan hanya pada kedudukan kewangan, malah juga di persada antarabangsa. Melalui prinsip CAT, Kerajaan Negeri telah berjaya menyumbang lebih belanjawan setiap tahun tanpa putus sejak tahun 2008 hingga 2015 iaitu sebanyak RM578 juta secara terkumpul dalam tempoh 8 tahun berbanding RM373 juta yang dicapai untuk tempoh 50 tahun dari tahun 1957 hingga 2007. Ini bermakna Kerajaan Negeri Pakatan buat lebih baik dalam 5 tahun yang diperlukan masa untuk 50 tahun oleh Kerajaan lama. Jumlah hutang Negeri Pulau Pinang juga telah menurun sebanyak 90% sejak tahun 2008, dan adalah yang terendah di Malaysia, iaitu RM65 juta sahaja pada akhir tahun 2016 daripada keseluruhan RM17,091 juta yang dihutang oleh semua negeri, atau hanya 0.4%.

Prinsip CAT yang diamalkan telah memastikan setiap perbelanjaan Kerajaan Negeri mempunyai value for money dan memberi impak yang tinggi. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri meningkat jika dibandingkan pada tahun 2008 dengan 2016 disebabkan oleh pelbagai faktor seperti pertambahan pegawai dan kakitangan, kenaikan gaji tahunan dan lain-lain kos berkaitan yang secara langsung menyebabkan pertambahan belanja mengurus 20 jabatan negeri dalam lingkungan 5% hingga 10% setiap tahun.

Pertambahan belanja mengurus Kerajaan Negeri juga disebabkan oleh pertambahan pembiayaan untuk program sosial dan kesejahteraan rakyat yang bermula pada tahun 2008 dengan antara lain bantuan pendidikan, bantuan kebajikan, pemberian program-program emas, bantuan untuk pelajar ke IPTA/IPTS, bantuan pemandu teksi/bas sekolah, penarik beca, nelayan, mikrokredit, guru-guru KAFA dan lain-lain lagi. Seterusnya mulai tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menyediakan pembiayaan berjumlah RM500 juta kepada PDC yang diagihkan dalam tempoh lima (5) tahun untuk skim perumahan mampu milik dan menyediakan kemudahan pinjaman kepada tiga (3) agensi Negeri iaitu MPSP (RM89.75 juta) bagi tujuan perbelanjaan mengurus, PBA (RM80 juta) bagi membiayai perbelanjaan modal yang lebih tinggi untuk penggantian aset dan menaiktaraf loji rawatan dan takungan air dan PDC (RM679 juta) bagi pembiayaan kos pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur PDC, yang turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan mengurus negeri.

Selain itu, jumlah peningkatan belanja mengurus juga adalah melibatkan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang diperakaukan sebagai perbelanjaan mengurus untuk tujuan pembiayaan projek-projek pembangunan negeri dan kemudahan pinjaman kepada agensi negeri berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Jumlah pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri meningkat iaitu pada tahun 2009 sebanyak RM40 juta, tahun 2010

RM89 juta, tahun 2011 RM150 juta, tahun 2012 RM70 juta, tahun 2013 RM200 juta, tahun 2014 dan 2015 sebanyak RM120 juta masing-masing dan sebanyak RM245 juta untuk tahun 2016 telah dibuat pindahan.

Perbelanjaan Kerajaan Negeri yang telah meningkat dari tahun 2008 ke tahun 2016 adalah dibiayai daripada 3 sumber utama hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil jualan tanah mula diterima dari tahun 2012 dan diakaunkan ke Hasil Bukan Cukai. Jumlah hasil penjualan tanah dari tahun 2012 hingga 2016 adalah sebanyak RM939.32 juta sahaja iaitu 22% berbanding dengan jumlah hasil negeri dalam tempoh yang sama sebanyak RM4.22 bilion.

- (b) Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa Kerajaan Negeri perlu menjual atau memperdagangkan tanah dan aset negeri untuk menampung peningkatan perbelanjaan mengurus negeri. Perlu diingat Kerajaan Negeri hanya menjual 106 ekar tanah berbanding dengan 3,661 ekar tanah yang dijual oleh Kerajaan lama, iaitu 36 kali ganda lebih besar daripada Kerajaan Negeri sekarang. Sungguhpun Kerajaan Negeri sekarang menjual tanah lebih kurang 36 kali ganda, tetapi hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri sekarang adalah lebih besar kerana kami mengamalkan sistem tender terbuka. Daripada jumlah jualan tanah ini iaitu sebanyak RM939.2 juta, RM500 juta perlu diberikan kepada PDC untuk Tabung Perumahan Mampu Milik menjadikan jumlah sebenarnya hanya RM439.32 juta atau 10.4% daripada jumlah hasil negeri.

Ini menunjukkan bahawa hasil daripada penjualan tanah bukanlah sumber atau punca utama untuk menampung perbelanjaan Kerajaan Negeri. Perbelanjaan Kerajaan Negeri juga turut dibiayai sebanyak 78% daripada hasil lain iaitu Hasil Cukai sebanyak RM628.34 juta (15%), Hasil Bukan Cukai (selain penjualan tanah) sebanyak RM1.69 bilion (40%) dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM952.96 juta (23%).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sehingga kini Kerajaan Negeri gagal menjelaskan status 51 projek yang gagal dilaksanakan sejak tahun 2008, antaranya Projek Sia Boey Reborn (RM100 juta), BPO Prime (RM1.3 billion), Eco Marina Batu Kawan, Terowong Pulau Pinang, tiga Projek Jalan dan Wat Wold Sea Park. Adakah Projek ini ditangguhkan atau dibatalkan. Huriakan dengan fakta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adalah tidak benar dakwaan bahawa ada 51 projek gagal. Perlu diingatkan bahawa pengenalan cukai GST menyebabkan ekonomi menjadi lembab dan menyukarkan beberapa projek. Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan pelbagai faktor sebelum keputusan untuk melaksanakan sesuatu projek bernilai tinggi dibuat. Status terkini projek-projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

(i) **Projek Sia Boey Reborn**

Projek ini ditangguhkan kerana ia melibatkan aspek perancangan semula bagi membolehkan jajaran dan stesen LRT yang merupakan sebahagian dari Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang ditempatkan di tapak ini. Ianya berikutan, terdapat penemuan artifak di tapak yang melibatkan kerja-kerja arkeologi dan penyediaan laporan arkeologi. Kajian tersebut akan disiapkan pada November 2017. Seterusnya, Pelan Perancangan baharu akan disediakan dengan mengambilkira tapak penemuan artifak tersebut sebagai sebahagian daripada komponen pembangunan.

(ii) **Projek BPO Prime**

Projek BPO Prime yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), masih dalam perbincangan kerana keadaan ekonomi yang lembab ekoran pelaksanaan GST menyebabkan tahap ROI sebanyak 18% yang ditetapkan oleh pihak pelabur Singapura sukar dicapai.

(iii) **Eco Marina, Batu Kawan**

Cadangan pembangunan Eco Marina di Batu Kawan adalah merupakan cadangan projek yang telah dikemukakan oleh Syarikat Eco World Development Group Berhad tetapi tidak berjaya selepas ia tidak memenuhi syarat-syarat Request for Proposal (RFP)

International Theme Park and Golf Resort Development serta Pembangunan Bercampur di Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan pada 14 Ogos 2013. RFP yang baru akan dijalankan berkaitan usaha membina padang golf dan taman tema bertaraf antarabangsa.

(iv) **Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga)**

Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam kini masih lagi di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan di mana kemajuan kajian sehingga 30 September 2017 telah mencapai 92.9%.

(v) **Projek Jalan-jalan Utama**

Kajian kebolehlaksanaan untuk Projek Jalan-jalan Utama yang melibatkan tiga pakej jalan iaitu Pakej 1 yang melibatkan pembinaan Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 yang melibatkan Jalan Pintasan (By-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam dan Pakej 3 bagi Jalan Pintasan (By-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Rekabentuk Terperinci Awal (Preliminary Detailed Design) juga telah siap pada 26 Januari 2016 bagi membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar (Detailed Environment Impact Assessment -DEIA) dimulakan. Laporan kajian DEIA telahpun dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan kini sedang menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Pembinaan projek ini akan dimulakan setelah semua kelulusan yang terlibat diperolehi, termasuklah kelulusan pengambilan tanah serta pelepasan tanah persekutuan yang terlibat.

(vi) **Projek Wet World Sea Park**

Projek ini bukanlah projek Kerajaan Negeri. Sebaliknya projek pihak swasta yang dimiliki oleh Theme Park Concepts & Services Sdn. Bhd. Dalam hal ini, terpujang kepada pihak syarikat sama ada untuk meneruskan atau menghentikan operasi perniagaan. Kerajaan Negeri tidak melibatkan diri dalam operasi perniagaan syarikat dan hanya mengutip sewa untuk penggunaan kawasan tersebut sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri mahu menjadikan Negeri Pulau Pinang negeri maju dan berpendapatan menjelang tahun 2020, tetapi masih mengguna cara lama iaitu menjual tanah dan aset negeri untuk membiayai operasi pentadbiran negeri yang telah meningkat 500% sejak tahun 2008. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pendapatan Kerajaan Negeri adalah daripada 3 sumber utama hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil jualan tanah mula diterima dari tahun 2012 dan diakaunkan ke Hasil Bukan Cukai. Jumlah hasil penjualan tanah dari tahun 2012 hingga 2016 adalah sebanyak RM939.32 juta sahaja iaitu 22% berbanding dengan jumlah hasil negeri dalam tempoh yang sama sebanyak RM4.22 bilion.

Tidak dinafikan perbelanjaan bagi kos pentadbiran Kerajaan Negeri telah meningkat sejak tahun 2008 hingga 2016. Tetapi sejak tahun 2012 hingga 2016 apabila hasil juga diterima daripada jualan tanah, belanja mengurus Kerajaan Negeri bukan hanya dibiayai melalui hasil penjualan tanah tetapi juga dibiayai melalui sumber lain iaitu daripada Hasil Cukai sebanyak RM628.34 juta (15%), Hasil Bukan Cukai (selain penjualan tanah) sebanyak RM1.69 bilion (40%) dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM952.96 juta (23%) daripada jumlah Hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pada tahun 2007, Negeri Pulau Pinang telah menyumbang kepada 8.83% jumlah KDNK negara. Namun setelah sembilan tahun memerintah jumlah KDNK Pulau Pinang telah jatuh ke tahap 6.7%. Adakah kejatuhan KDNK ini membuktikan Negeri Pulau Pinang hilang daya saingan. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Pulau Pinang menyumbang sebanyak 7.6% kepada jumlah KDNK negara pada tahun 2007 dan bukan 8.83%.

Sumbangan kepada KDNK negara bukanlah satu-satunya petunjuk yang menggambarkan prestasi ekonomi sesebuah ekonomi negeri. Perkembangan pertumbuhan sesebuah negeri harus dilihat dengan lebih terperinci iaitu dengan mengkaji pertumbuhan KDNK dari tahun ke tahun dan nilai peningkatan dan nilai tambah dalam bentuk Ringgit Malaysia. Lagipun Pulau Pinang telah mencatatkan prestasi cemerlang dengan menarik jumlah pelaburan yang paling besar dalam negara untuk 6 bulan pertama pada 2017 dengan RM 7.7 bilion (45% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Malaysia) sedangkan No.2 adalah RM 2.9 bilion.

Berdasarkan statistik tersebut, Pulau Pinang telah merekodkan KDNK sebanyak RM73.718 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 59.47% berbanding tahun 2007 dengan peningkatan mutlak sebanyak RM27.492 bilion. Jumlah ini adalah yang tertinggi dalam tempoh 2007-2016.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Setelah memerintah Negeri Pulau Pinang selama 9 tahun mulai tahun 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi masih lagi menyalahkan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sebelum tahun 2008 terutamanya mengenai isu kilang haram, kesesakan lalu lintas, perumahan, banjir dan lain-lain. Apakah peranan Kerajaan Negeri sekarang dalam menangani isu tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri telah menjalankan projek-projek pembangunan infrastruktur dengan perbelanjaan RM3.1 bilion sejak 2008, di mana 77% daripada jumlah perbelanjaan adalah di Seberang Perai. Di antara jumlah ini tentunya merangkumi jalan raya, perparitan, perumahan awam (kos rendah dan kos sederhana rendah) dan mampu milik serta rancangan tebatan banjir. Malangnya Kerajaan Negeri menghadapi rintangan apabila projek Tebatan Banjir Sungai Pinang yang merupakan faktor utama banjir di George Town telah pun dilambatkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Hal ini juga sama dengan untuk usaha mengurangkan masalah kesesakan trafik apabila Kerajaan Persekutuan enggan meluluskan projek pengangkutan awam LRT yang disyorkan dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri ataupun gagal menunaikan janji yang dibuat sebanyak 3 kali oleh YAB Perdana Menteri untuk membina LRT di Pulau Pinang.

Berkaitan dengan perumahan, Kerajaan Negeri bangga bahawa sebanyak 21,535 buah rumah kos rendah dan sederhana rendah telah pun dibina oleh pihak Kerajaan Negeri dan swasta sejak 2008. Ini adalah 4 kali ganda lebih banyak 5,154 buah rumah yang dibina oleh Kerajaan BN untuk tempoh yang sama. Kerajaan Negeri sendiri komited untuk membina 27,230 buah rumah mampu milik dalam 17 buah projek.

Dalam pada itu, berkenaan struktur pembinaan, gerai, rumah ibadat dan kilang haram, pihak Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang bertimbang rasa dengan menangguk penguatkuasaan merobohkan semua yang haram yang didirikan sebelum 2008, kecuali ianya menghalang aliran trafik atau mengganggu/memudaratkan keselamatan/kepentingan awam. Sebaliknya, Kerajaan Negeri berusaha menyelesaikannya secara baik melalui perundingan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Untuk meraih undi, Pakatan telah berjanji untuk menukar segala-segalanya dalam negeri ini jika menang, tetapi jelas sekali Kerajaan Negeri tidak melakukannya jika satu kilang haram pun tidak boleh ditutup atau diambil tindakan (di Sg Lembu) sebab semuanya salah di letakkan atas Kerajaan BN terdahulu. Huraikan

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2016-Siri 1, kutipan caruman saliran oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sepanjang tahun 2008 hingga 2016 adalah sebanyak RM63.39 juta. Daripada jumlah tersebut MPSP telah membelanjakan caruman sebanyak

RM49.19 juta. Nilai RM2.2 juta merupakan jumlah caruman yang telah diserahkan kepada Jabatan Perairan dan Saliran (JPS). Ringkasan kutipan, belanja, serahan (kepada JPS) dan baki Caruman Saliran di MPSP adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Serah (RM Juta)	Baki (RM Juta)
2008	4.63	3.32	0.30	1.01
2009	7.25	2.69	-	4.56
2010	4.19	4.66	0.20	(0.67)
2011	6.37	4.24	-	2.13
2012	5.66	8.11	0.40	(2.85)
2013	7.54	7.63	0.40	(0.49)
2014	14.28	10.98	0.40	2.90
2015	10.42	4.94	0.40	5.08
2016	3.05	2.62	0.10	0.33
Jumlah	63.39	49.19	2.20	12.00

Jadual di atas menunjukkan jumlah kutipan caruman dari tahun 2008 sehingga 2016 berjumlah RM63.39 juta manakala perbelanjaan wang caruman berjumlah RM49.19 juta. Jumlah caruman yang telah diserahkan kepada JPS sehingga tahun 2016 adalah sebanyak RM2.2 juta. Bagi baki RM12 juta pula ianya disimpan di MPSP bagi tujuan bayaran kemajuan untuk projek-projek perparitan yang dilaksanakan oleh MPSP. Ini adalah untuk mengurangkan redtape dalam proses pembayaran, di mana bayaran dibuat terus kepada pihak kontraktor untuk semua projek yang telah mendapat kelulusan dalam Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh MPSP.

Walau bagaimanapun, pihak MPSP akur terhadap teguran Jabatan Audit Negara dan keputusan MMK supaya baki RM12 juta tersebut serta baki terkumpul dari tahun 1995 hingga 2007 sebanyak RM10.09 juta disalurkan setiap suku tahun kepada Pegawai Pengawal Caruman Saliran iaitu pihak JPS. Sehubungan dengan itu, daripada jumlah keseluruhan baki berjumlah RM22.09 juta (RM12 juta + RM10.09 juta), MPSP telah menyalurkan sebanyak RM16.59 juta berserta wang caruman semasa kepada JPS sehingga Oktober 2017. Perincian bayaran kepada JPS adalah seperti berikut:

Serahan Mengikut Suku Tahun	Bayaran Tunggakan Caruman (RM Juta)	Kutipan Caruman Semasa (RM Juta)	Jumlah Serahan Kepada Jps (RM Juta)	Catatan
Suku Tahun Pertama	5.53	1.74	7.27	Diserahkan pada 29 Mac 2017
Suku Tahun kedua	5.53	1.62	7.15	Diserahkan pada 13 Julai 2017
Suku Tahun Ketiga	5.53	3.30	8.83	Diserahkan pada 2 Oktober 2017
Suku Tahun Keempat	5.50	* -	-	Akan diserahkan pada Disember 2017
JUMLAH	22.09	6.66	23.25	

- Jumlah kutipan semasa bagi bulan september hingga November akan dimuktamadkan pada Disember 2017.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menjadikan sebahagian kawasan dari Teluk Bahang sehingga Bayan Lepas sebagai Eco Tourism. Jika ada, huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, pembangunan Eko Pelancongan digariskan di bawah DS15 L8 – Membangun dan Mempelbagaikan Produk Pelancongan Eko dan Agro (Eco dan Agro Tourism) seperti berikut:
 - (i) Mengenal pasti, merancang dan memajukan perkampungan nelayan dan pertanian untuk pelancongan agro/desa seperti kawasan Teluk Kumbar, Sungai Pinang Permatang Damar Laut, Batu Maung, Pantai Jerejak dan Batu Maung sebagai kawasan eko/agro pelancongan di mana Balik Pulau, Gertak Sanggul, Teluk Tempoyak dan Teluk Bahang akan dipromosikan sebagai pusat pelancongan berasaskan taman rekreasi semula jadi.

Kawasan Batu Feringghi – Teluk Bahang telah dikenali sebagai Koridor Pembangunan Sekunder di mana pelancongan eko merupakan salah satu aktiviti yang diberikan tumpuan. Kawasan Teluk Bahang juga telah dikenali sebagai “Bandar Pelancongan Eko” supaya pelancong dapat menghayati pengalaman alam semulajadi serta menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dan hidupan liar. Sumber-sumber pelancongan eko di kawasan ini adalah Hutan Simpan Teluk Bahang dan Taman Negara Pulau Pinang yang terletak di sebelah pesisiran pantai Pulau Pinang. Di samping itu, tarikan-tarikan lain yang terdapat di Teluk Bahang adalah seperti Escape dan Penang Butterfly Farm (Entopia) yang bertaraf dunia. Kerajaan Negeri mempromosikan Teluk Bahang melalui tarikan eko-pelancongan serta di bawah kategori alam semulajadi dan pengembaraan (nature and adventure).

Empangan Teluk Bahang juga adalah tempat yang dipenuhi udara nyaman dan segar. Di samping itu, orang ramai berkumpul di empangan ini setiap tahun untuk menonton acara Festival Perahu Naga Antarabangsa. Tambahan pula, tarikan akan datang adalah aktiviti “Glamping” yang membolehkan para pelancong mengalami pengalaman berada di alam semula jadi sambil menikmati penginapan yang selesa dan moden. “Glamping” akan dibina di sekitar hutan Teluk Bahang yang dikenali sebagai “Boulder Valley” tanpa merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi di sana, keseluruhan projek itu akan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan.

Di Kawasan Bayan Lepas pula terletak dalam koridor pembangunan utama George Town – Bayan Baru – Bayan Lepas di mana aktiviti pembangunan utama adalah perdagangan, perindustrian dan perumahan. Aktiviti-aktiviti pembangunan berkenaan mempunyai fokus utama untuk memperkukuhkan Bayan Lepas sebagai ‘Lembah Silikon Timur’. Ini adalah selaras dengan keistimewaan Bayan Lepas dengan fungsi khas sebagai ‘Bandar Pesisir Pantai’, ‘Pusat Perindustrian Khas’ serta ‘Nodus Pengangkutan dan Perhubungan’.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah jumlah gaji dan elaun yang diterima oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan EXCO setiap bulan? Adakah gaji dan elaun tersebut berpatutan atau perlu dikurangkan. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Gaji yang diterima setiap bulan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO) adalah mengikut ketetapan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Bilangan 2 Tahun 1980. Kali terakhir gaji Y.A.B. Ketua Menteri disemak adalah pada tahun 2005 dan gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri telah disemak pada tahun 2016. Gaji Y.A.B. Ketua Menteri adalah yang terendah di Malaysia. Sekiranya perlu, gaji dan elaun tersebut boleh disemak semula tertakluk kepada keadaan semasa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri bercadang membina Projek LRT dari KOMTAR ke Bayan Lepas sejauh 30km bernilai RM17 billion sedangkan kos LRT3 sepanjang 37km hanya kos RM9 billion dari Bandar Utama ke Johan Setia, Kelang. Walaupun Kerajaan Negeri mendakwa kos RM17 billion adalah

termasuk Lebuhraya Pan Island Link (PIL). PIL hanya 30.5km tetapi kos RM8.6 billion (RM282 juta perkm) menjadikan Projek Lebuhraya termahal di Malaysia. Adakah Kerajaan Negeri cuba mengaut untung atas nama projek rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dakwaan menyatakan bahawa kos untuk Projek LRT Bayan Lepas bernilai RM17 bil adalah tidak benar. Kerajaan Negeri telah menjelaskan dalam satu kenyataan media bertarikh 24 Julai 2017 bahawa anggaran kos pembinaan LRT adalah berjumlah RM8.4 bilion termasuk kos pembinaan, pengambilan balik tanah dan lain-lain kos (seperti reka bentuk, pengawasan, yuran dan lain-lain) untuk kerja Fasa 1 (24km).

Dakwaan yang mengatakan bahawa kos Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) adalah berjumlah RM8.6 bilion juga tidak benar. Request for Proposal (RFP) menyatakan bahawa anggaran kos PIL 1 ialah RM7.5 bilion.

Untuk makluman, anggaran kos adalah berdasarkan kajian awal yang dijalankan oleh pihak pelaksana projek (PDP) di bawah *Request For Proposal [RFP (Roads and Public Transport Projects)]* untuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kos akhir bagi Bayan Lepas LRT dan PIL 1 hanya akan ditentukan selepas selesai perincian reka bentuk dan selepas proses tender terbuka dilakukan.

Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa perbandingan kos projek ini dengan projek-projek lain adalah tidak tepat kerana rekabentuk dan keadaan tapak projek seperti *topography* dan *soil condition* adalah berbeza antara projek-projek infrastruktur yang dibandingkan.

Semua prosedur melibatkan pelaksanaan projek PTMP adalah mematuhi sepenuhnya dasar tadbir urus Kerajaan iaitu *Competency, Accountability dan Transparency* (CAT). Kenyataan bahawa Kerajaan Negeri mengaut keuntungan daripada projek ini adalah tidak berasas.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Y.A.B. KM menentang pemberian kontrak secara konsesi yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri telah memberi konsesi pengiklanan selama 25 tahun kepada syarikat swasta untuk menaik taraf Jejantas Komtar Walk berjumlah RM6juta pada tahun 2015 dan akhirnya terbengkalai begitu juga tempat letak kereta Bukit Bendera. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Dakwaan yang mengatakan bahawa projek menaik taraf jejantas pejalan kaki KOMTAR Walk dan projek pembangunan Kompleks Letak Kereta Bukit Bendera terbengkalai adalah tidak benar sama sekali.

Projek menaik taraf jejantas pejalan kaki KOMTAR Walk dijangka akan dibuka sepenuhnya kepada orang awam pada pertengahan bulan November 2017. Ini adalah CSR daripada syarikat swasta di mana kos RM6 juta ditanggung sepenuhnya oleh syarikat tersebut tanpa sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Syarikat swasta tersebut akan menyediakan dua (2) lif dan tangga bergerak di sudut Jalan Dr. Lim Chwee Leong / Jalan Penang serta satu (1) lif dan tangga bergerak di sudut Jalan Penang / Jalan Burma yang telah dibuka kepada orang awam. Manakala, satu lagi tangga bergerak di sudut Jalan Burma (bertentangan Loke Thye Kee) dijangka akan dipasang pada hujung bulan Oktober 2017 dan tangga akan dibuka kepada orang awam pada 30 Oktober 2017.

Pembinaan tempat letak kereta Bukit Bendera adalah di bawah bidang kuasa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan dilaksanakan melalui pajakan oleh Kerajaan Negeri, melalui State Secretary Incorporated, Penang (SSI) kepada PDC untuk tempoh selama 30 tahun bermula dari 12 Disember 2013 sehingga 11 Disember 2043 dan dengan perlanjutan selama 15 tahun lagi sekiranya mematuhi segala ketetapan. Ini adalah urusan dalaman di antara Kerajaan Negeri dan agensinya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berapa banyakkah projek menaik taraf jalan, menaik taraf dan membina longkang baru yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di DUN Telok Bahang mengikut tahun dari tahun 2013 sehingga September 2017. Senaraikan nama projek tersebut dan kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bilangan keseluruhan projek menaiktaraf jalan, menaiktaraf dan membina longkang baru yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di KADUN Telok Bahang adalah sebanyak 47 buah projek dengan perbelanjaan berjumlah RM2,214,612.52. Maklumat terperinci senarai projek dan kos mengikut tahun dari tahun 2013 sehingga September 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDSHAHS NO. 16.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Nyatakan Jumlah keluasan mengikut tanah-tanah pertanian dan kawasan tadahan air di Kawasan Parlimen Balik Pulau yang telah diluluskan tukar syarat untuk tujuan pembangunan dari tahun 2008 hingga September 2017 dan semasa pemerintahan BN dari tahun 1999 hingga 2007. Senaraikan mengikut KADUN dan tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (i) Jumlah keluasan tanah pertanian dan kawasan tadahan air di Parlimen Balik Pulau yang telah diluluskan tukar syarat untuk tujuan pembangunan dari tahun 2008 hingga September 2017 adalah seluas 738,421.992 meter persegi. Daripada jumlah tersebut 65,190.3276 meter persegi melibatkan kawasan tadahan air. Perincian mengikut KADUN/DUN adalah seperti berikut:-

Tahun	KADUN/ DUN	Keluasan		Kawasan Tadahan Air
		Meter persegi	Ekar	
2008	Bayan Lepas	10,020.00	2.4759	
2009	Bayan Lepas	102,147.0691	25.2410	
	Pulau Betong	8,948.00	2.2110	
2010	Teluk Bahang	155,567.00	38.4414	*keluasan yang terlibat dengan kawasan tadahan air adalah 62,071.3276 mp
	Pulau Betong	19,047.00	4.7066	
2011	Bayan Lepas	33,628.00	8.3096	
	Pulau Betong	9,030.00	2.2313	
2012	Bayan Lepas	11,761.1578	2.9062	
	Pulau Betong	140,332.1176	34.6768	
2013	Bayan Lepas	11,935.1000	2.9492	
	Pulau Betong	47,234.5227	11.6719	
	Teluk Bahang	44,179.3031	10.9169	
2014	Bayan Lepas	86,964.1502	21.4893	

Tahun	KADUN/ DUN	Keluasan		Kawasan Tadahan Air
	Pulau Betong	1,583.3301	0.3912	
	Teluk Bahang	9,090.2414	2.2462	
2015	Bayan Lepas	43,836.00	10.8321	
2016	Teluk Bahang	3119	0.7707	*terlibat dengan kawasan tadahan air
2017	Tiada kelulusan setakat ini	Tiada kelulusan setakat ini	Tiada kelulusan setakat ini	
Jumlah		738421.992	182.4576	

- (ii) Jumlah keluasan tanah-tanah pertanian dan kawasan tadahan air di Parlimen Balik Pulau yang telah diluluskan tukar syarat untuk tujuan pembangunan dari tahun 1999 hingga September 2007 adalah seluas 295,955.7192 meter persegi. Daripada jumlah tersebut 61,815.7254 meter persegi melibatkan kawasan tadahan air. Perincian mengikut KADUN/DUN adalah seperti berikut :-

Tahun	KADUN/DUN	Keluasan		Kawasan Tadahan Air
		Meter persegi	Ekar	
1999	Tiada permohonan	Tiada permohonan	Tiada permohonan	
2000	Bayan Lepas	13,025.7984	3.2187	
	Pulau Betong	2,790.73	0.6896	
2001	Bayan Lepas	17,434.4453	4.3081	
	Teluk Bahang	25,411.4211	6.2792	
	Pulau Betong	6,630.4923	1.6384	
2002	Bayan Lepas	31,790	7.8554	
	Pulau Betong	15,125.1019	3.7374	
	Teluk Bahang	35,859.00	8.8609	
2003	Bayan Lepas	17,281.04	4.2702	
2004	Teluk Bahang	5096	1.2592	
	Bayan Lepas	27,922.5051	6.8998	
2005	Pulau Betong	22,336.237	5.5194	
2006	Bayan Lepas	5615.0044	1.3874	
	Pulau Betong	7,822.2183	1.9329	
2007	Teluk Bahang	61,815.7254	15.2749	
Jumlah		295,955.7192	73.1315	

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula pensen supaya bekas ADUN di bayar pensen atas kadar gaji sekarang bukannya kenaikan 2% setahun memandangkan peranan dan tanggungjawab mereka semasa menjadi ADUN. Jika ada bila akan dilaksanakan. Jika tidak kenapa. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kadar pencen bekas ADUN dikira berdasarkan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Bilangan 2 Tahun 1980. Selaras dengan pindaan Enakmen ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016, pengiraan pencen bekas ADUN adalah berdasarkan 3/5 (60%) dari gaji akhir yang diterima berbanding sebelum ini hanya berdasarkan 1/2 (50%) dari gaji akhir yang diterima. Di samping itu, mulai 1 Januari 2015 juga, penerima pencen ini telah menikmati kenaikan tahunan bayaran pencen sebanyak 2% dan tidak lagi statik seperti peraturan sebelum ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir RM9 bilion dari dana Kerajaan Negeri yang diperolehi daripada jualan aset dan tanah projek untuk mendapatkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM15 bilion bagi projek persendirian iaitu Projek Wellness City of Dreams sebagai projek benefisiari utama. Ini menyebabkan keuntungan dan rezab tunai PDC jatuh kerana tidak terlibat dengan Projek Mega tersebut. Huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Dakwaan terhadap PDC adalah tidak berasas. *Project Wellness City of Dreams* adalah projek pihak swasta dan ia tidak berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Projek tersebut merupakan projek yang dibangunkan oleh Syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd.) dengan kerjasama Syarikat Ewein Land Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Ewein Berhad. Syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. merupakan kontraktor projek jalan-jalan utama dan terowong di Pulau Pinang.

Keuntungan dan rezab tunai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah tidak terjejas kerana PDC tidak mempunyai sebarang kaitan dengan projek ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Kenapakah PDC membuat pinjaman kecemasan iaitu pinjaman mudah sebanyak RM609 juta dari Kerajaan Negeri pada awal tahun ini.
- (b) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak dibenarkan PDC untuk memiliki pegangan dalam projek GDV yang bernilai RM15 billion. Huraikan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memohon suatu pinjaman yang terancang daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM679 juta bagi tujuan pembiayaan kos pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur PDC pada tahun 2016. Sebanyak RM70 juta telah diluluskan dalam Bajet 2016 dan telah disalurkan kepada PDC. Manakala sebanyak RM609 juta lagi diluluskan dalam Bajet 2017. Sehingga kini sebanyak RM85.3 juta telah disalurkan kepada PDC pada tahun 2017 dan menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman yang disalurkan kepada PDC oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM155.3 juta sahaja dan bukan RM609 juta.
- (b) Kerajaan negeri atau PDC tidak terlibat secara langsung dalam ekuiti atau pengurusan projek GDV yang bernilai RM15 bilion.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Mengikut kajian, penambakan laut akan merosakkan alam sekitar dasar laut yang menyebabkan hidupan seperti kerang dan tiram terjejas teruk ketahap kepupusan.
- (b) Adakah pelancong akan kerana pantai bersih dikotori lumpur.
- (c) Adakah penambakan laut mempunyai impak kepada alam sekitar. Huraikan dengan jelas persoalan dipara a, dan b.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Secara amnya, projek penambakan laut boleh menyebabkan berlakunya pemendapan tanah/platform, hakisan pantai, ancaman kepada biodiversiti marin dan pencemaran pantai. Oleh yang demikian, projek-projek pembangunan yang melibatkan penambakan laut memerlukan kelulusan kajian-kajian berkaitan kelangsungan kehidupan yang terlibat seperti kajian Detailed Environmental Impact Assessment (EIA), Social Impact Assessment (SIA), Fishery Impact Assessment (FIA) dan sebagainya sebagaimana yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berpandukan kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kajian-kajian ini akan menentukan setakat mana pembangunan akan menjejaskan alam sekitar dan ekologi dan akan memberi gambaran sama ada pembangunan tersebut wajar diteruskan atau tidak berbanding dengan impak yang akan dihadapi.
- (b) Pembangunan tebus guna atau penambakan khususnya di Pulau Pinang tidak melibatkan kawasan pantai berpasir yang menjadi tumpuan utama pelancongan seperti di kawasan pantai utara dari Teluk Bahang hingga Tanjung Bungah bagi tujuan mengelakkan pantai sedia ada tercemar dan dikotori. Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa ia akan mematuhi langkah-langkah pencegahan alam sekitar yang ditetapkan dalam laporan EIA. Penilaian impak dan pencegahan pencemaran serta langkah-langkah kawalan merangkumi penambahbaikan pantai (beach nourishment) termasuklah kerja-kerja menimbun pasir ke atas cerun pantai.
- (c) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan bahawa kerja-kerja penambakan laut yang dilaksanakan akan memberikan impak yang minimum terhadap alam sekitar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan bahawa kerja-kerja penambakan laut mesti mematuhi Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah disyaratkan oleh JAS. Seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34A(2) Akta yang sama, mana-mana entiti yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti penambakan laut hendaklah melantik orang yang layak (qualified person) untuk menjalankan penilaian EIA dan mengemukakan laporan mengenainya kepada JAS. Lanjutan itu, JAS dan beberapa Jabatan teknikal lain akan menilai dan hanya memberi kelulusan kepada laporan EIA projek penambakan laut yang memenuhi garis panduan yang ditetapkan serta langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan berupaya mengurangkan impak kepada alam sekitar. Hasil kajian EIA dan kelulusan laporan EIA tersebut akan menjadi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam mempertimbangkan kelulusan sesuatu projek.
- Perunding pemaaju dan agensi berkaitan seperti JAS, Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan akan memantau pematuan syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan kelulusan DEIA ketika kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Komitmen Kerajaan Negeri dalam mensyaratkan setiap projek penambakan laut perlu mendapatkan kelulusan JAS merupakan jaminan bahawa slogan Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang sentiasa terpelihara.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Adakah di Parlimen Balik Pulau terdapat kilang-kilang tanpa lesen?
(b) Jika ada, senarai mengikut KADUN dan alamat kilang tersebut.
(c) Apakah tindakan yang telah diambil keatas kilang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Tiada kilang tanpa lesen yang dikesan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam Parlimen Balik Pulau.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Di Negeri Pulau Pinang terutamanya di kawasan Pulau selalu mengalami kesesakan. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan pulau, adalah seperti berikut:-
- (i) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan.
 - (ii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan green wave.
 - (iii) Melaksanakan Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang berkesan dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.
 - (iv) Memasang CCTV di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (video analytic) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam
 - (v) Menjalankan kajian Concept Plans for Immediate Measures To Alleviate Traffic Congestion Within George Town and its Vicinity dan melaksanakan cadangan menambah baik aliran lalu lintas di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya dengan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Masjid Negeri, Lorong Batu Lancang, persimpangan Jalan Masjid Negeri / Jalan Ayer Itam /Jalan Scotland, Jalan Gottlieb, Jalan Bagan Jermal, Jalan Mount Erskine. Projek pembinaan jalan bawah (underpass) juga akan dilaksanakan untuk menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Burma / Jalan Bagan Jermal serta menaik taraf Jalan Brown.
 - (vi) Tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasa.
 - (vii) Membina jalan-jalan baru dan naik taraf jalan-jalan utama serta pembinaan tanjakan untuk pembelokan kanan seperti pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong, penyambungan Jalan Zoo dan perancangan menaik taraf persimpangan Jalan Thean Teik / Jalan Ayer Itam, persimpangan Lebuhraya Thean Teik / Lorong Batu Lancang dan persimpangan Jalan Magazine / Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dengan membina tanjakan berarah (directional ramp) untuk pembelokan kanan serta pusingan balik bertingkat di persimpangan Gat Lebu Macallum / Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.
 - (viii) Mengurangkan kesesakan pada waktu puncak terutama di pusat bandar adalah dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan utama yang mengalami kesesakan.
 - (ix) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 400 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial. Ini juga selari dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk membudayakan penggunaan pengangkutan awam sehingga 40% penggunaan menjelang tahun 2030.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Nyatakan jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari sumber pengeluaran lesen pusat hiburan/pusat perjudiaan/rumah urut/penjualan arak/pusat maksiat bagi tahun 2015,2016 dan sehingga September 2017.Senaraikan mengikut pecahan diatas dan mengikut tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri daripada pengeluaran Lesen Liquor, Lesen Hiburan dan rumah urut dari tahun 2015 sehingga September 2017 ialah sebanyak RM9,202,517.00. Perincian adalah seperti berikut:

TAHUN	LESEN LIQUOR (RM)	LESEN HIBURAN (RM)	RUMAH URUT (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
2015	1,541,847.00	1,241,843.00	105,859.00	2,889,549.00
2016	2,546,666.00	1,687,458.00	104,918.00	4,339,042.00
2017*	1,442,904.00	439,569.00	91,453.00	1,973,926.00
JUMLAH	5,531,417.00	3,368,870.00	302,230.00	9,202,517.00

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Nyatakan jumlah kutipan cukai pintu dan cukai tanah di Daerah Barat Daya dari tahun 2016 hingga September 2017. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan semula mengikut Kawasan ADUN dan butir-butir perbelanjaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Jumlah kutipan cukai tanah dan cukai pintu di Daerah Barat Daya dari tahun 2016 hingga 30 September 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	CUKAI TANAH (RM)	CUKAI PINTU (RM)
2016	13,798,509.77	7,121,487.66
2017 (September 2017)	14,267,093.76	5,484,473.17
JUMLAH KESELURUHAN	28,065,603.53	12,605,960.83

Kesemua hasil kutipan cukai tanah dimasukkan ke dalam Hasil Kerajaan Negeri manakala kutipan cukai pintu berkenaan adalah hasil Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

- (b) Segala hasil Kerajaan Negeri akan dimasukkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri berdasarkan bajet tahunan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Berdasarkan rekod oleh Pejabat Daerah Tanah Barat Daya (PDTDBD), sepanjang tahun 2016-2017, sebanyak RM5,705,972.62 telah dibelanjakan oleh Pejabat Daerah Barat Daya seperti di **Lampiran A**. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan oleh MBPP yang membelanjakan hasil cukai pintu di dalam kawasan pentadbirannya termasuk di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya tanpa mengasingkan jumlah perbelanjaan mengikut daerah.

Selain itu, rekod daripada Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 2016-2017 merekodkan perbelanjaan masing-masing sebanyak RM17,162,189.91 dan RM4,028,942.84 untuk pelbagai projek/program/aktiviti di bawah kawalan JKR dan JPS di Daerah Barat Daya seperti di **Lampiran B**. Jumlah keseluruhan perbelanjaan oleh 3 agensi ini iaitu PDTDBD, JKR dan JPS adalah sebanyak RM26,897,105.37.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDSHAHS NO. 26.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Nyatakan jumlah pendapatan bagi setiap penduduk di Pulau Pinang yang mempunyai pendapatan daripada RM1,500 – RM3,000, RM3,001-RM5,000, RM5,001-RM7,000, RM7,001-RM10,000 dan RM10,001 keatas. Huraikan mengikut jumlah peratusan bagi tahun 2016 dan Januari sehingga September 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Penemuan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan 52.0 peratus isi rumah di Pulau Pinang mempunyai pendapatan dalam julat antara RM3,001 sehingga RM7,000 sebulan. Ini diikuti sebanyak 34.2 peratus isi rumah berpendapatan melebihi RM7,000 sebulan. Perincian taburan isi rumah mengikut kelas pendapatan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Peratusan Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan, Pulau Pinang, 2016

KELAS PENDAPATAN (RM)	PERATUSAN ISI RUMAH (%)
<1,500	2.7
1,500-3,000	11.1
3,001-5,000	31.3
5,001-7,000	20.7
7,001-10,000	17.8
>10,000	16.4
JUMLAH	100

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah rasionalnya jalan di Love Lane ditutup untuk diberi kepada empat (4) peniaga dan siapakah empunya peniaga di kawasan itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Rasionalnya cadangan penutupan jalan di Love Lane oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah untuk meningkatkan keselamatan dan melancarkan aliran lalu lintas serta bukannya untuk kepentingan mana-mana individu. Cadangan penutupan jalan ini masih di dalam peringkat kajian dan perlu mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada penduduk di sekitar Love Lane. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum membuat sebarang keputusan mengenai cadangan penutupan jalan ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri membina paip daripada Air Itam di salur ke Telok Bahang. Apabila hujan, air empangan keluar mengakibatkan banjir di Kawasan Telok Bahang. Kenapakah infrastruktur di Telok Bahang tidak upgrade seperti perparitan dan lain bagi mengelakkan banjir dimasa hadapan. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Banjir yang berlaku di kawasan Teluk Bahang bukan disebabkan oleh lebih air dari Empangan Teluk Bahang tetapi disebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kuantiti air yang berlebihan, khususnya apabila hujan lebat. Untuk itu, JPS telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sungai, penstabilan tebing dan pengorekan Sungai Teluk Bahang, Sungai Mati dan Sungai Teluk Awak.

Untuk mengatasi banjir di kawasan Teluk Bahang pada masa hadapan, sebuah jambatan baru akan dibina bagi menggantikan jambatan lama di Jalan Kampung Nelayan, Teluk Bahang dengan menggunakan Waran Peruntukan Wang Caruman Saliran Projek Khas Pembangunan berjumlah RM3,789,810.00. Jumlah yang sama juga digunakan untuk menggantikan jambatan lama dengan jambatan yang baru di Jalan Hassan Abas, Teluk Bahang.

Selain itu, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya juga telah melaksanakan tiga (3) projek naik taraf longkang dan parit sebagai usaha mengatasi banjir di bawah Kadun Teluk Bahang seperti berikut:

BIL.	TAHUN	LONGKANG / PARIT	KOS (RM)
1.	2011	Menaik taraf longkang di Kampung Teluk Bahang	8,500.00
2.	2011	Kerja-kerja pembersihan longkang di belakang Kolej ICT	5,500.00
3.	2015	Kerja-kerja Pembaikan / Penyelenggaraan Longkang di	39,999.00

	Kampung Nelayan, Teluk Bahang	
JUMLAH		53,999.00

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Dari tahun 2009 hingga 2014, Kerajaan Negeri telah menutup perbagai akaun pemegang amanah seperti akaun perumahan awam kos rendah dan pinjaman projek bekalan air luar bandar. Kenapakah akaun tersebut ditutup?Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Akaun Amanah Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah ditubuhkan pada 7 April 1986 dengan tujuan untuk mengakaunkan bayaran sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembiayaan projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-4. Pegawai Pengawal kepada Akaun Amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 1997 sebanyak RM20 juta telah diterima dan sehingga April 2010 wang tersebut tidak digunakan kerana pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah telah dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman Persekutuan. Pada Mei 2010 Akaun Amanah tersebut telah ditutup dan baki sejumlah RM20 juta dikreditkan ke Akaun Hasil Negeri. Manakala akaun pinjaman projek bekalan air luar bandar diselaraskan ke akaun hasil berikutan keputusan Kementerian Kewangan Malaysia menghapus kira pinjaman tersebut.

XXV. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah kedudukan Penang Transpor Master Plan sehingga kini. Bila kah akan dilaksanakan dan berapakah kos pelaksanaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Penang Transport Master Plan atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) merangkumi beberapa projek utama iaitu (a) Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT), (b) Projek Lebuh raya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan (c) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai pelaksanaan dan kos projek-projek tersebut:

(a) Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT)

Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT) masih menunggu dua (2) kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan 'Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA) dan Laporan Skim Rail. Laporan DEIA telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (Rail Scheme) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

Kos keseluruhan projek yang ditawarkan oleh pihak Project Delivery Partner (PDP) melalui Request For Proposal (RFP) secara tender terbuka adalah dianggarkan sebanyak RM8.4 bilion termasuk kos pembinaan, pengambilan tanah dan lain-lain kos (seperti reka bentuk, pengawasan, yuran, dll) untuk kerja Fasa 1 (24 km). Anggaran kos ini berdasarkan kajian awal yang dijalankan oleh pihak PDP yang dilantik.

(b) Projek Lebuh raya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Bagi Projek Lebuh raya Pan Island Link 1 (PIL 1), penyediaan laporan 'Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)' kini di peringkat akhir dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Disember 2017.

Kos keseluruhan projek yang ditawarkan oleh pihak Project Delivery Partner (PDP)

melalui Request For Proposal (RFP) secara tender terbuka adalah dianggarkan sebanyak RM7.5 bilion.

(c) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA). Laporan DEIA projek ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Maklumat terakhir yang dimohon oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini masih menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Projek ini belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula. Pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan status kajian telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian kebolehlaksanaan terowong bawah dasar laut ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat setelah siap nanti.

Nilai Projek Jalan-Jalan Utama masih kekal seperti jumlah yang ditawarkan dalam Request For Proposal (RFP), iaitu RM6.341 bilion.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kajian Impak Alam Sekitar bagi Projek Tebusguna Laut Selatan (Tiga Buah Pulau) telah dikemukakan kepada JAS. Jika ada, bilakah dikemukakan kepada JAS dan apakah keputusannya. Jika belum kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (jadual kedua) untuk Projek Penang South Reclamation (PSR) telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 28 April 2017.

Maklum balas terakhir yang dipohon oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan maklum balas orang awam semasa Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) ini dipamerkan dari 24 Mei 2017 hingga 23 Jun 2017 telah dikemukakan kepada pihak JAS pada 15 Ogos 2017. Pihak Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan penilaian EIA daripada pihak JAS.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf Dewan Haji Ahmad Badawi. Jika ada bilakah akan dinaik taraf.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerja-kerja naik taraf Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bermula pada 18 September 2017 dan dijadualkan siap pada 17 Julai 2018 dengan tempoh pembinaan selama 10 bulan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jika Pemaju tidak membina Rumah Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah, adakah Kerajaan Negeri akan mengenakan denda atau lain-lain bayaran. Jika ada, nyatakan jumlah yang dikenakan, daerah, mk, nama Pemaju mulai tahun 2010 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Di bawah Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan pembangunan dan 149 unit di kawasan luar pembangunan disyaratkan untuk membina sebanyak 30% Rumah Mampu Milik A atau B atau kombinasi keduanya. Sejak tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menambahbaik mekanisma tawaran wang sumbangan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dengan menyediakan sebuah akaun amanah yang khusus. Pendekatan ini diambil memandangkan semakin banyak pemajuan menghadapi kekangan dari segi saiz tanah, ketiadaan bank tanah dan keadaan khas ketidakupayaan (unfeasible) untuk membina rumah kos

rendah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menetapkan pelaksanaan polisi sumbangan bukanlah satu kelulusan automatik sebaliknya setiap permohonan perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri. Secara keseluruhan terdapat sebanyak 24 pemajuan yang telah diluluskan tawaran sumbangan dan membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri semenjak tahun 2012 hingga September 2017.

Kadar sumbangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju yang tidak membina Rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Rendah adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Daerah	Kadar Per Unit
1.	Timur Laut & Barat Daya	RM120,000.00 untuk pemaju tempatan; atau RM150,000.00 untuk pemaju luar
2.	Seberang Perai Utara & Seberang Perai Tengah	RM72,500.00
3.	Seberang Perai Selatan	RM50,000.00 untuk 350 unit yang pertama; dan RM72,500.00 untuk unit-unit berikutnya

Bilangan pemaju mengikut tahun dan daerah serta jumlah sumbangan yang dijelaskan kerana tidak membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah secara fizikal adalah seperti di jadual berikut:-

Bil.	Tahun	Bil. Pemaju Mengikut Daerah					Sumbangan Diterima (RM)
		DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	
1.	2012	3	1	-	-	-	8,938,000.00
2.	2013	2	-	-	-	-	7,290,000.00
3.	2014	4	1	-	-	1	25,720,000.00
4.	2015	4	1	-	-	-	61,720,000.00
5.	2016	-	2	-	-	1	23,156,000.00
6.	2017	1	3	-	-	-	47,154,000.00
JUMLAH		24					173,978,000.00

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Adakah terdapat pembinaan kilang-kilang haram di Kampung Selamat, DUN Pinang Tunggal. Adakah bangunan tersebut disewa kepada warga negara asing. Jika ada apakah tindakan yang diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Terdapat sembilan (9) buah kilang haram di Kampung Selamat, DUN Pinang Tunggal seperti di bawah.

BIL	DAERAH	MK	NO. LOT	NAMA JALAN
1	SPU	12	PT1549	TKT SELAMAT 2
2	SPU	12	1343	TKT SELAMAT 7
3	SPU	12	1403 & 1404	TKT SELAMAT 9
4	SPU	12	3795	TKT SELAMAT 11
5	SPU	12	4437	JLN KG BARU
6	SPU	12	1549	
7	SPU	12	1551	
8	SPU	12	1548	
9	SPU	12	1345	

Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat penyewaan bangunan tersebut kepada warga

negara asing.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bilakah projek tiga (3) jalan-jalan utama dan terowong akan mula bina. Sehingga kini berapakah kos yang telah dibelanja oleh Kerajaan Negeri bagi setiap projek di atas sehingga kini? Huraikan secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pembinaan Projek Jalan-Jalan Utama dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2018 setelah mengambil kira kesemua kelulusan yang terlibat diperolehi, termasuklah kelulusan DEIA daripada Kerajaan Persekutuan dan pengambilan tanah serta pelepasan tanah persekutuan yang terlibat selesai. Kajian kebolehlaksanaan untuk Projek Jalan-Jalan Utama yang melibatkan 3 pakej jalan, iaitu Pakej 1 jalan melibatkan pembinaan Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 yang melibatkan Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam dan Pakej 3 bagi Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Reka bentuk Terperinci Awal (*Preliminary Detailed Design*) juga telah siap pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar (*Detailed Environment Impact Assessment-DEIA*) dimulakan. Laporan kajian DEIA juga telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan kini sedang menunggu keputusan daripada pihak JAS.

Manakala pembinaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam dijangka akan dimulakan pada tahun 2023 setelah kesemua kelulusan yang terlibat diperolehi. Pada masa ini Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) masih lagi di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan kemajuan kajian sehingga 30 September 2017 telah mencapai 92.9%.

Sehingga kini jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi projek ini adalah sebanyak RM219,987,410.00 dengan pecahan agihan bayaran masing-masing sebanyak RM208,755,080 (dalam bentuk nilai tanah) kepada kontraktor projek iaitu Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. dan sebanyak RM11,232,330.00 (dalam bentuk aliran wang tunai) kepada HSS Intergrated Sdn. Bhd. selaku perunding teknikal projek. Jumlah bayaran kepada pihak kontraktor dan perunding ini dibuat berdasarkan pencapaian kemajuan kerja (*milestones*) seperti dalam perjanjian untuk Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka bentuk Terperinci Awal Projek Jalan-Jalan Utama.

Setakat ini Kerajaan Negeri belum membuat sebarang bayaran bagi kerja-kerja Kajian Kebolehlaksanaan Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang mempunyai akaun atau Penyata Kewangan. Jika ada, senaraikan RM mengikut tahun sejak penubuhannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) tidak mempunyai sebarang akaun sendiri. Peruntukan kepada CMI sejak penubuhannya adalah diselaraskan melalui Bajet Mengurus di bawah Maksud Bekalan B01 Aktiviti (033) Pejabat Ketua Menteri. Manakala senarai hasil CMI yang diperolehi samada melalui sewaan, pajakan dan lain-lain dimasukkan ke dalam akaun hasil Bendahari Negeri Pulau Pinang. Perincian peruntukan, perbelanjaan dan hasil CMI sejak penubuhannya sehingga September 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Hasil (RM) (CMI sahaja)	
			Pajakan / sewaan	Penjualan tanah
2010	687,000.00	601,297.91	-	-
2011	1,850,990.00	1,828,594.43	-	-
2012	2,005,580.00	1,793,675.94	134,000.00	-

2013	2,049,980.00	1,991,920.99	270,161.25	-
2014	2,122,400.00	1,972,945.04	679,876.00	760,500.00
2015	2,509,430.00	2,316,713.39	1,394,691.25	-
2016	2,632,263.99	2,503,495.13	1,165,522.25	31,200,000.00
2017	2,900,830.00	2,251,270.07	1,035,145.25 (sehingga September 2017)	-
JUMLAH KESELURUHAN	16,758,473.99	15,259,912.90	4,679,396.00	31,960,500.00

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Warga negara asing yang membeli hartanah telah dikenakan kutipan fi. Sehingga kini berapa peratuskah kadar fi yang dikenakan dan jumlah fi yang telah dikutip mengikut tahun sejak dilaksanakan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan 2 jenis bayaran dikenakan kepada warganegara asing / syarikat asing yang membeli hartanah di Pulau Pinang iaitu bayaran proses permohonan dan bayaran kelulusan. Kadar bayaran proses permohonan perolehan hartanah yang dikenakan kepada warganegara asing / syarikat asing adalah seperti berikut.

KATEGORI HARTANAH	Kediaman		Perniagaan		Pertanian	
	SEBELUM 1 MAC 2013	SELEPAS 1 MAC 2013	SEBELUM 1 MAC 2013	SELEPAS 1 MAC 2013	SEBELUM 1 MAC 2013	SELEPAS 1 MAC 2013
Warganegara Asing	RM1,000	RM10,000	RM2,000	RM20,000	RM2,000	RM40,000
Pemastautin Tetap	RM1,000	RM2,000	RM2,000	RM4,000	RM2,000	RM4,000
Syarikat Asing	RM2,000	RM20,000	RM2,000	RM40,000	RM4,000	RM40,000

Manakala kadar bayaran kelulusan yang dikenakan ke atas warganegara asing/syarikat asing/pemastautin tetap adalah 3% daripada nilai perolehan hartanah. Pengenaan bayaran ini adalah berdasarkan kepada Penang Land Rule dan Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara/Syarikat Asing Bagi Negeri Pulau Pinang dan berkuatkuasa mulai 1 Mac 2014.

Mulai 1 Julai 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menguatkuasakan bayaran kelulusan ke atas perolehan hartanah berstrata bagi kawasan Pulau yang bernilai RM1 juta hingga RM1.5 juta pada kadar 1.5% daripada nilai harga tanah yang dibeli. Manakala perolehan hartanah-hartanah lain kekal dikenakan bayaran kelulusan 3% daripada nilai perolehan hartanah. Jumlah fi yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi perolehan hartanah oleh warganegara asing / syarikat asing dari Januari 2010 hingga Oktober 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	BAYARAN PROSES PERMOHONAN YANG DIKUTIP (RM)	BAYARAN KELULUSAN (LEVI) YANG DIKENAKAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
2010	609,000.00	-	609,000.00
2011	808,000.00	-	808,000.00
2012	1,232,000.00	-	1,232,000.00
2013	6,855,000.00	-	6,855,000.00

TAHUN	BAYARAN PROSES PERMOHONAN YANG DIKUTIP (RM)	BAYARAN KELULUSAN (LEVI) YANG DIKENAKAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
2014	5,048,000.00	9,698,640.00	14,746,640.00
2015	3,998,000.00	12,263,022.00	16,261,022.00
2016	3,684,000.00	14,342,465.00	18,026,465.00
1 Januari 2017 hingga 13 Oktober 2017	3,928,000.00	17,276,298.00	21,204,298.00
JUMLAH	26,162,000.00	53,580,425.00	79,742,425.00

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah Bangunan Baru Dewan Undangan Negeri akan bina? Adakah cadangan tapak telah dikenal pasti serta kos pembinaan memandangkan telah di bangkitkan di Persidangan dua (2) tahun yang lalu. Berapa kalikah Jawatankuasa Dewan bermesyuarat dan apakah keputusannya. Huraikan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Lokasi pembinaan dan kos pembinaan Dewan Undangan Negeri masih dalam penelitian bagi memastikan Dewan Undangan Negeri yang baharu dibangunkan di lokasi yang sesuai. Jawatankuasa Dewan telah bermesyuarat pada 5 April 2016 telah memutuskan bahawa pembinaan Dewan Undangan Negeri memerlukan lawatan dan pandangan daripada ADUN-ADUN untuk memastikan pembinaan Dewan Undangan Negeri yang baharu adalah lengkap dan memenuhi keperluan ADUN.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senaraikan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2013 hingga sekarang. Nyatakan kos lawatan (RM) sama ada ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak swasta, negara, tarikh dan tujuan lawatan. Apakah pengalaman, pengetahuan dan keputusan yang tercapai untuk mempertingkatkan pembangunan negeri dan prestasi sumber manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sejak tahun 2013 sehingga September 2017 sebanyak 17 lawatan ke luar negara telah dilakukan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM314,470.86.

Pecahan jumlah lawatan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan(RM)
2013	1	15,820.00
2014	6	35,856.00
2015	4	163,414.01
2016	5	67,765.76
2017 (sehingga September)	1	31,615.09
Jumlah	17	314,470.86

Antara tujuan lawatan-lawatan tersebut adalah untuk memperkukuhkan hubungan bilateral di antara Pulau Pinang dan negara yang dilawati selain dapat mengenalpasti peluang pelaburan dan potensi perniagaan untuk faedah perkembangan kedua-dua buah negara, termasuk juga dalam memperkembangkan hubungan perbincangan.

Hasilnya boleh dilihat dengan pencapaian Pulau Pinang dalam pelaburan pembuatan untuk 6 bulan pertama 2017, apabila Pulau Pinang muncul juara seluruh Malaysia sebanyak RM7.7 bilion (45% daripada keseluruhan pelaburan Malaysia sebanyak RM17 bilion) dan mendahului negeri

No. 2 yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion. Untuk tempoh 9 setengah tahun di antara 2008 hingga Jun 2017, Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM67 bilion, iaitu kenaikan tambahan 81.6% berbanding dengan pelaburan untuk tempoh masa 10 tahun yang sama di antara 1998 hingga 2007 sebanyak RM37 bilion.

Dalam sektor pelancongan, pertumbuhan jumlah penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) jelas terserlah apabila ianya melebihi kapasiti 6.5 juta penumpang, dengan mencatatkan 6.7 juta penumpang pada 2016. Ini ialah 4 tahun lebih awal daripada kapasiti penumpang penuh sebanyak 6.5 juta penumpang yang dijadualkan pada 2020. Syarikat penerbangan No. 1 di dunia, Qatar Airways, telahpun mengumumkan akan mengadakan penerbangan terus daripada Doha ke Pulau Pinang pada 6 Februari 2018. Ini adalah pengiktirafan kepada pencapaian Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama dan akan memudahkan perjalanan daripada Pulau Pinang bukan sahaja ke Eropah dan London, malah ke Timur Tengah dan Afrika. Itulah sebabnya Kerajaan Persekutuan akhirnya bersetuju menaikkan LTAPP.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senaraikan lawatan AMMK ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2013 hingga sekarang. Nyatakan kos lawatan (RM) sama ada ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak swasta, negara, tarikh dan tujuan lawatan. Apakah pengalaman, pengetahuan dan keputusan yang tercapai untuk mempertingkatkan pembangunan negeri dan prestasi sumber manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada tahun 2013 sehingga September 2017 sebanyak 165 lawatan telah dilakukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan melibatkan kos sebanyak RM6,567,441.05 yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadual bawah merupakan pecahan jumlah lawatan mengikut tahun:-

Tahun	Bilangan Lawatan	Kos Lawatan (RM)
2013	16	444,968.60
2014	46	1,277,940.00
2015	35	1,942,708.79
2016	43	2,019,856.28
2017 (sehingga September)	25	881,967.38
Jumlah	165	6,567,441.05

Lawatan-lawatan tersebut bertujuan untuk mempelajari, memperoleh pengetahuan dan berkongsi idea dan pendapat tentang sesuatu isu atau teknologi disamping mengeratkan hubungan diplomasi diantara dua hala. Faedah atau manfaat yang diperolehi daripada lawatan-lawatan tersebut dapat diukur dari beberapa aspek seperti aspek Ekonomi & Perhubungan Antarabangsa, Pelancongan & Alam Sekitar, Pertanian / Asas Tani, Pendidikan, Perubatan dan Teknologi & Perindustrian. Pencapaian yang dicapai oleh delegasi lawatan telah membuka banyak ruang-ruang baharu dalam memantapkan pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Antara pencapaian dan manfaat yang diperolehi dari aspek Ekonomi dan Perhubungan Antarabangsa adalah membuka peluang perniagaan kepada ahli perniagaan Islam dan bukan Islam untuk memasuki perniagaan di Timur Tengah serta berpotensi untuk menarik pelabur dari Timur Tengah untuk meneroka peluang dalam pelbagai pelaburan di Pulau Pinang. Melalui lawatan-lawatan ini, pelbagai idea-idea baharu dapat dijana bagi menambahkan hasil ekonomi negeri dalam pelbagai sektor terutamanya yang berkaitan dengan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Lawatan yang telah diadakan juga membolehkan wujudnya networking yang lebih erat antara dua negara bagi memastikan kelancaran hubungan kerjasama dua hala.

Di samping itu, lawatan-lawatan ini membantu dalam mempromosikan produk-produk keluaran usahawan Negeri Pulau Pinang termasuk makanan, tekstil, kraftangan, industri asas tani, herba dan produk kesihatan serta hasil keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS), mewujudkan rangkaian kerjasama antara International Stakeholders and private sectors dan mempromosikan

Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan kepada pelabur-pelabur. Tambahan pula, lawatan-lawatan ini membolehkan pertemuan bersama para pelabur dalam bidang elektronik dan ICT serta mewujudkan rangkaian diplomatik dan kerjasama dengan negara luar dalam pembangunan industri halal. Rangkaian Diplomatik dan kerjasama yang terjalin dengan Negara Turki dalam pembangunan industri halal membolehkan hubungan rapat antara ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dengan Majlis-Majlis Ulama' di Timur Tengah terjalin dan jalinan ukhwa ini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang demi memantapkan lagi keputusan-keputusan fatwa Negeri Pulau Pinang.

Dari aspek Pelancongan & Alam Sekitar pula, antara manfaat dan pencapaian yang diperolehi melalui lawatan-lawatan ini adalah lawatan-lawatan ini membantu dalam mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab perdagangan, hab halal dan sebagai destinasi pelancongan yang kian popular khususnya di kalangan pelancong dari negara Timur Tengah. Selain itu, melalui lawatan ini maklumat alam sekitar dan amalan terbaik pengurusan sisa pepejal dapat dikongsi bersama ahli-ahli persidangan dari pelbagai negara dan pada masa yang sama, mempelajari dan mewujudkan hubungan kerjasama antara negara merangkumi aspek penjimatan tenaga, proses kitar semula, pengurusan sisa pepejal, langkah-langkah menangani pemanasan global dan sebagainya. Lawatan-lawatan ini juga merupakan strategi dengan memberi pendedahan untuk meyakinkan pengusaha hotel dan agensi perlancongan kepada Negeri Pulau Pinang dalam aktiviti penggalakkan dan pemasaran baru dan hubungan dengan pihak luar di samping bertukar-tukar pendapat serta mengemaskini informasi serta trend terkini berkenaan industri pelancongan melalui interaksi dengan pemamer dan pengunjung yang datang dari seluruh dunia.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menghantar delegasi bagi menyertai Ekspo Milano di Itali dan Ekspo Astana di Kazakhstan. Ekspo Astana, Kazakhstan ini merupakan Pameran Global (Universal Exhibition) yang merupakan satu platform untuk pertukaran idea dan penyelesaian bersama berdasarkan tema, menjadi rangsangan kreativiti setiap negara dan juga menggalakkan inovasi dan teknologi untuk masa depan yang mampan. Kerajaan Negeri telah mempamerkan amalan dan inovasi terbaik, dasar, penyelidikan dan pembangunan serta produk dan perkhidmatan hijau dengan matlamat untuk menarik pembeli, pelabur, mempromosikan kerjasama dengan negara-negara Asia Tengah dan menggalakkan eksport dari Malaysia ke Kazakhstan memandangkan Kazakhstan merupakan negara ke sembilan (9) terbesar di dunia, ekonomi terbesar di Asia Tengah dan negara pengeksport terbesar minyak dan gas.

Lawatan-lawatan ini turut membawa manfaat dari aspek pertanian/ asas tani seperti mendapat pendedahan dan mempelajari tentang teknologi terkini yang digunakan bagi pertanian moden dan pengairan dan perkongsian teknologi dan business matching dalam pengeluaran primer pertanian terutamanya sayur-sayuran, buah-buahan, perikanan, ternakan dan industri pemprosesan dalam mengenal pasti komoditi yang berpotensi untuk dimajukan di Pulau Pinang serta mempelajari amalan pertanian yang baik, amalan perternakan yang baik, piawaian kualiti dan penggunaan bioteknologi dalam pengurusan pengeluaran makanan yang merangkumi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan, dan kaedah menggalakkan pengamalan tanaman sayur-sayuran secara organik kepada petani. Selain itu juga, lawatan-lawatan ini membantu Kerajaan Negeri dalam mengenal pasti teknologi atau sistem terkini yang berkaitan dengan perikanan darat untuk diguna pakai di Pulau Pinang. Melalui lawatan sebegini juga hubungan kerjasama antarabangsa mengenai pengurusan ladang ternakan khinzir, rawatan air ladang ternakan menggunakan spirulina dan penjaan tenaga diperbaharui dari sisa buangan ladang ternakan dapat dijalinan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga pernah dijemput oleh Grimsby Institute untuk menyertai persidangan World Seafood Congress (WSC) di Grimsby, United Kingdom. Jemputan ini adalah susulan daripada perjanjian persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani diantara Halal Penang dan Grimsby Institute bagi membangunkan latihan kemahiran dalam pembangunan industri perikanan dan halal. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menyatakan hasrat untuk membida melalui Penang Convention Exhibition Bureau (PCEB) sebagai penganjur persidangan WSC pada tahun 2019 memandangkan persidangan ini akan disertai oleh delegasi antarabangsa yang terdiri daripada lebih 30 buah negara. Penganjuran ini akan memberi manfaat yang besar kepada Kerajaan Negeri dalam mengeratkan dan mengukuhkan hubungan kerjasama strategik menerusi pertukaran idea dan maklumat berkaitan pemeriksaan, pengurusan kualiti dan teknologi pemprosesan makanan laut. Sebagai sebuah negeri yang amat sinonim dengan kemewahan makanan lautnya, adalah amat penting bagi Pulau Pinang mendapat pendedahan menyeluruh dari aspek sistem pemeriksaan dan kawalan

makanan laut yang diguna pakai di peringkat antarabangsa serta aspek teknologi pemprosesan makanan laut yang berkualiti dan selamat mengikut piawaian yang ditetapkan bagi mengelak risiko penyakit dari makanan laut.

Dari aspek pendidikan pula, lawatan-lawatan ini dapat meningkatkan pengetahuan tentang hal ehwal antarabangsa serta dapat bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman berkaitan tugas sebagai wakil rakyat dengan rakan-rakan dari negara-negara Komanwel. Di samping itu, lawatan sebegini juga menjadi platform untuk merapatkan hubungan di antara pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelajar-pelajar Malaysia termasuk pelajar-pelajar dari Pulau Pinang yang sedang menuntut di luar negara.

Melalui lawatan-lawatan ini, manfaat dan pencapaian yang diperolehi dari aspek perubatan ialah wujudnya peluang pelaburan dalam bidang perubatan dengan adanya pusat perubatan yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi yang terkini dan membuka peluang untuk mencipta dan mendapatkan idea baru bersama delegasi luar bagi memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi bandar perubatan. Selain itu, penyertaan Kerajaan Negeri di dalam Beijing International Tourism Expo (BITE) adalah untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan perubatan dan pelancongan MICE disamping mempromosikan sub-sektor pelancongan lain yang sinonim dengan Pulau Pinang seperti pelancongan warisan dan eko pelancongan.

Dari aspek teknologi pula, lawatan-lawatan tersebut melengkapkan dan meningkatkan lagi sistem perkomputeran di samping memberi input kepada Kerajaan Negeri berhubung dasar dan konsep terkini berkaitan teknologi dan perindustrian. Lawatan-lawatan ini membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti dan mengguna pakai teknologi atau sistem terkini yang berkaitan dengan cadangan Cable Car dan Monorel/LRT serta water taxi. Selain itu, melalui lawatan-lawatan ini, Kerajaan Negeri mendapat pendedahan dan mempelajari tentang teknologi GIS dan inovasi memproses dan memberi kelulusan kebenaran merancang (E'Submission) di dalam masa yang singkat. Melalui lawatan-lawatan tersebut juga, delegasi dapat meninjau akan kaedah pemasangan dan melihat tahap keberkesanan konsep pemasangan gentian optik serta struktur telekomunikasi yang pelbagai serta memberi pendedahan kepada pelaksanaan perancangan projek tambak laut bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Manfaat dan pencapaian yang diperolehi dari aspek perindustrian melalui lawatan-lawatan ini adalah mempelajari kaedah dan inovasi baru di dalam meningkatkan perkhidmatan perancangan taman industri, dan industri perkhidmatan bagi menjana dan meningkatkan ekonomi negeri. Selain itu juga, lawatan-lawatan ini menggalakkan perkongsian maklumat dalam bidang industri berteknologi tinggi, mewujudkan jaringan perniagaan dan pemindahan teknologi antara Pulau Pinang dan Taiwan secara khususnya, dan menarik pelabur dari Istanbul, Turki terutama dalam bidang pembuatan jentera berat untuk melabur di Pulau Pinang. Lawatan sebegini turut membantu Kerajaan Negeri memperbaharui dan mengeratkan lagi perhubungan kilang-kilang Jepun yang bertapak di Pulau Pinang dan menarik pelaburan baharu ke Pulau Pinang agar industri baharu dalam aktiviti ekonomi Pulau Pinang dapat ditambah di samping mewujudkan peluang kerjasama di dalam pelaksanaan konsep pembangunan industri baharu.

Sememangnya, setiap lawatan ke luar negara bertujuan membawa masuk pelaburan baharu ke Pulau Pinang. Usaha-usaha untuk membina hubungan diplomatik dan kerjasama ekonomi dengan negara luar ini secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah PBT mempunyai garis panduan Pemutihan Kilang-kilang yang dibina tanpa kebenaran? Jika ada,, sila serta salinan garis panduan berkenaan. Sejak tahun 2008, berapa banyakkah kilang-kilang haram yang terletak di kawasan kampung dan kawasan perindustrian? Senarai nama kilang-kilang yang telah di senarai putihkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempunyai Garis Panduan Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran yang telah diluluskan pada 15 Mac 2013 dan telah tamat pada 31 Disember 2015 seperti di **Lampiran A**. MPSP juga telah menyediakan garis panduan baru iaitu Garis Panduan Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran di Kawasan Seberang Perai yang telah

diluluskan oleh Majlis Penuh pada 25 Ogos 2017 dan akan dibentangkan di Jawatankuasa Perancang Negeri dan seterusnya untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebelum digunapakai.

Walau bagaimanapun, Majlis Bandaraya Pulau Pinang tidak menjalankan polisi Pemutihan Kilang Haram sehingga kini. Oleh yang demikian tiada sebarang garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan dasar berkenaan.

Sejak tahun 2008, sebanyak 145 kilang-kilang haram terletak di kawasan kampung dan kawasan perindustrian di negeri Pulau Pinang. Bilangan kilang haram mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

PBT	Bil. Kilang Haram
MBPP	34
MPSP	111
Jumlah Keseluruhan	145

MPSP telah menjalankan program pemutihan terhadap sembilan (9) buah kilang haram bagi tempoh tahun 2013 sehingga tahun 2015 di kawasan Seberang Perai. Senarai kilang-kilang haram yang telah menjalani program pemutihan adalah seperti di **Lampiran B**.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDRS NO. 12.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MPSP di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Projek-projek yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sekitar KADUN Pinang Tunggal adalah meliputi projek-projek penyelenggaraan jalan, parit dan harta majlis.

Ringkasan projek-projek ini adalah seperti berikut:

Tahun	Projek penyelenggaraan jalan dan parit		Projek penyelenggaraan harta majlis	
	Bilangan	Kos (RM)	Bilangan	Kos (RM)
2013	3	223,371.75	1	92,500.00
2014	5	241,384.22	0	0
2015	7	581,890.51	7	14,560.00
2016	35	1,242,732.68	2	683,315.38
2017*	2	27,503.52	0	0

*sehingga bulan Mei 2017

Kesemua 62 projek yang terlibat telah dilaksanakan mengikut jadual kecuali Projek Cadangan Pembinaan Depoh Operasi Pembersihan MPSP di atas sebahagian Lot 4825, Mukim 3, Paya Keladi, SPU. Projek ini yang bermula pada 15 Disember 2016 sepatutnya siap pada 3 Ogos 2017. Projek ini tergendala disebabkan masalah pengurusan dan kewangan oleh kontraktor. Kini projek tersebut masih dalam proses tender semula.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JKR di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sebanyak 30 buah projek telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di KADUN Pinang Tunggal bermula dari tahun 2013 sehingga 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM5,900,991.92. Senarai terperinci projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JKR di KADUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Kesemua projek yang terlibat dilaksanakan mengikut jadual.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 14.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JPS di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017. Adakah projek tersebut berjalan mengikut jadual serta adakah terdapat projek yang tergendala. Huraikan mengikut Projek dan kos.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senarai projek-projek yang telah dilaksanakan oleh JPS di sekitar DUN Pinang Tunggal dari tahun 2013 hingga Mei 2017 adalah seperti berikut:

Jadual : Projek JPS di DUN Pinang Tunggal

Tahun	Bilangan projek	Jumlah Kos (RM)
2013	37	982,510.52
2014	21	1,006,258.14
2015	20	964,209.64
2016	19	1,034,260.49
2017	13	1,207,902.70
Jumlah	110	5,195,141.49

Perlaksanaan kesemua projek adalah mengikut jadual.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Dalam sektor ekonomi, petani dilihat masih ketinggalan dari segi pendapatan isi rumah. Apakah program Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil pendapatan daripada pertanian bagi petani yang bersekala kecil di KADUN Pinang Tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri telah merancang dan melaksanakan pelbagai projek dan program pembangunan industri pertanian yang bertujuan meningkatkan hasil pendapatan petani di Pulau Pinang. Antara tindakan yang diambil ialah melalui khidmat latihan, pembangunan infrastruktur pertanian, khidmat mekanisasi ladang dan penyediaan input pertanian kepada kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti. Kumpulan sasaran ini diberikan bimbingan dan insentif dalam membantu petani untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan petani. Buktinya, pada tahun 2017 sahaja, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM51,238.00 di bawah program Pembangunan Tanaman Padi dan Pengembangan Pertanian khusus bagi petani di DUN Pinang Tunggal.

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan bantuan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang menyediakan bantuan pinjaman pertama sehingga RM5,000.00 tanpa sebarang kadar faedah kepada para petani. Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan tani untuk mengembangkan lagi projek pertanian yang sedang diusahakan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan sokongan iaitu pembangunan industri pemprosesan makanan yang berupaya mempertingkatkan pendapatan petani khususnya golongan wanita.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah jumlah pengguna Penang Free Wifi yang telah berdaftar sehingga September 2017 bagi KADUN Pinang Tunggal. Apakah sasaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jumlah pengguna berdaftar *Penang Free Wifi* bagi KADUN Pinang Tunggal sehingga bulan September tahun 2017 adalah seramai 770 orang. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri berharap akan terdapat lebih banyak syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang akan menambah Access Point (AP) di seluruh negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan liputan perkhidmatan *Penang Free Wifi*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapa banyakkah keuntungan yang diperolehi oleh PBAPP mengikut tahun sejak tahun 2013 hingga September 2017.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) mulai dari tahun 2013 sehingga September 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 18.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Nyatakan jumlah pelaburan dari dalam dan luar negara FDI, FD ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017. Nyatakan pecahan mengikut industri berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pelaburan utama ke Negeri Pulau Pinang adalah dalam sektor pembuatan. Jumlah pelaburan bagi sektor pembuatan ke Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 – 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	RM Juta		
	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah
2017 hingga Jun	1,489.0	6,219.0	7,708.0
2016	1,237.0	3,056.9	4,293.9
2015	2,225.6	4,498.7	6,724.3
2014	3,048.8	5,113.6	8,162.4
2013	2,117.9	1,794.4	3,912.3

Sumber: MIDA

Pecahan pelaburan di dalam sektor pembuatan bagi Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013–2016 mengikut industri adalah seperti berikut:

Industri	Tahun			
	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Elektronik & Produk Elektrik	1,735.5	4,456.9	4,807.6	1,674.9
Peralatan Saintifik dan Pengukuran	983.3	191.0	507.8	584.0

Industri	Tahun			
Peralatan Pengangkutan	646.2	202.0	143.8	78.1
Mesin dan Peralatan	194.3	229.8	1,365.8	303.1
Produk Pengolaan Logam	160.8	86.9	264.9	165.7
Produk Plastik	122.3	83.9	164.1	41.6
Produk Bukan Logam Metalik	117.1	970.0	29.5	-
Produk Logam Asas	67.4	158.2	311.8	587.3
Kimia & Produk Kimia	53.0	141.6	150.8	4.4
Pengilangan Makanan	39.4	57.6	172.7	53.5
Kertas, Percetakan dan Penerbitan	57.4	51.0	9.8	206.5
Lain-lain	117.2	95.4	233.8	213.2
Jumlah Keseluruhan	4,293.9	6,724.3	8,162.4	3,912.3

Pihak MIDA masih belum mengumumkan maklumat/data terperinci mengenai jumlah pelaburan domestik, pelaburan asing dan pelaburan mengikut industri bagi sektor pembuatan yang diluluskan bagi tahun 2017.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun 2012 telah mengumumkan peruntukan RM500 juta untuk pembinaan rumah mampu milik. Berapa peratuskah telah siap? Senaraikan mengikut Daerah, jumlah unit dan harga seunit. Adakah peruntukan RM500 juta juga telah selesai dibelanjakan untuk projek tersebut? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Peruntukan sebanyak RM500 juta telah disalurkan secara berperingkat kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai tambahan dana program rumah mampu milik (RMM) Kerajaan Negeri. Peruntukan sebanyak ini merupakan yang terbesar pernah dibuat oleh sesebuah Kerajaan Negeri khusus bagi dana perumahan. Peruntukan ini mula diagihkan mulai 2012 dan telah selesai diagihkan pada 2015 di mana lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan dan bakal menyediakan 4,176 unit RMM (1,939 unit RMM B dan 2,876 unit RMM C). Hasil dari usaha ini juga akan mula dapat dinikmati oleh pemohon memandangkan Projek Bandar Cassia Fasa 1 telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada pada 62% kemajuan dan Jiran Residensi, Kg Jawa, Butterworth pada 83% kemajuan. Projek The Rise di Jalan SP Chelliah 45% dijangka dapat siap pada November 2019, manakala projek Sandiland Shorefront di George Town akan dimulakan pada 2018 di mana majlis pecah tanah telah disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 23 September 2017.

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri telah merancang sebanyak 17 projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit rumah mampu milik terdiri daripada 867 Rumah Mampu Milik A (harga maksima RM42,000), 9,283 Rumah Mampu Milik B (harga maksima RM72,500) dan 17,080 Rumah Mampu Milik C (harga maksima RM300,000). Jumlah projek dan bilangan unit adalah sesuatu yang dinamik, di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat yang berpendapatan rendah. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku agen pembangunan Kerajaan Negeri akan melaksana 10 dari projek tersebut, manakala tujuh (7) projek lagi akan dilaksana secara penswastan (*request for proposal*). Maklumat senarai projek, status pelaksanaan, bilangan unit dan kategori RMM adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 20.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Nyatakan kos pembinaan Projek Penang Sentral dan bilakah siap pembinaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Projek Penang Sentral merupakan projek inisiatif pihak swasta, iaitu MRCB dengan sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah pemantauan Northern Corridor Implementing Agency (NCIA). Kos projek ini tidak boleh didedahkan kerana ia tertakluk di bawah klausa "Confidentiality" syarikat berkenaan. Pembinaan fizikal Projek Penang Sentral dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2017. Ianya dijangkakan boleh mula beroperasi pada suku pertama tahun 2018 setelah mengambil kira tempoh kerja-kerja Ujian dan Pentauliahan (Testing and Commissioning) dan juga Sistem Pengurusan Terminal (Terminal Management System), iaitu sistem yang mengintegrasikan operasi bas, teksi dan tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di terminal tersebut yang mengambil masa selama tiga (3) bulan dari tempoh bangunan terminal disiapkan secara fizikal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Nyatakan jumlah RM yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Program Warga Emas sejak tahun 2008. Berapakah jumlah warga emas di kawasan KADUN Pinang Tunggal yang telah menerima bantuan dari segi RM atau memperbaiki kediaman dibawah program tersebut mengikut mukim, jumlah warga emas dan juga jumlah RM.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Program iSejahtera yang melibatkan warga emas adalah terdiri daripada Program Penghargaan Warga Emas dan Program Sumbangan Jenazah Warga Emas. Pembayaran bagi kedua program ini bermula pada tahun 2010.

Jumlah wang yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Program Penghargaan Warga Emas sejak tahun 2010 sehingga Oktober 2017 adalah sebanyak RM114,357,800.00 manakala RM34,938,000.00 bagi Program Pengurusan Jenazah Warga Emas.

Jumlah penerima dan jumlah peruntukan bagi KADUN Pinang Tunggal adalah seperti berikut:-

PROGRAM	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Penghargaan Warga Emas	22,729	2,272,900.00
Program Sumbangan Jenazah Warga Emas	852	852,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	23,581	3,124,900.00

Pecahan mengikut mukim tidak dapat disediakan memandangkan sistem iSejahtera hanya mempunyai maklumat berdasarkan pecahan KADUN sahaja.

Program Penghargaan Warga Emas tidak merangkumi program memperbaiki rumah di mana program tersebut dilaksanakan di bawah Projek Khas Ekonomi. Kerajaan Negeri melalui Projek Khas Ekonomi telah memperuntukkan sebanyak RM141,300.00 kepada 12 orang warga emas di KADUN Pinang Tunggal bagi bantuan baiki rumah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Nyatakan kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di Kawasan Pinang Tunggal sejak tahun 2008. Senaraikan serta kos tersebut mengikut tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sejumlah RM11,240,626.80 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Pinang Tunggal sejak tahun 2008. Perincian kos mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)			
	PDTSPU	JPS	MPSP	Jumlah
2008	NA	NA	NA	NA
2009	21,000.00	1,099,463.55	NA	1,120,463.55
2010	35,499.50	1,154,264.81	14,326.97	1,204,091.28
2011	30,000.00	1,249,555.81	26,513.80	1,306,069.61
2012	16,495.00	1,218,148.12	42,220.00	1,276,863.12
2013	-	982,511.42	91,776.20	1,074,287.62
2014	-	1,006,258.14	209,790.30	1,216,048.44
2015	41,938.10	964,209.64	216,354.75	1,222,502.49
2016	21,660.00	1,034,260.49	300,801.00	1,356,721.49
2017	-	1,207,902.70	255,676.50	1,463,579.20
JUMLAH	166,592.60	9,916,574.68	1,157,459.52	11,240,626.80'

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Terdapat tiang-tiang lampu dan lampu yang sering tidak berfungsi dan tidak diselenggara dengan sempurna di KADUN Pinang Tunggal. Apakah mekanisma Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Terdapat dua jenis tiang lampu yang terdapat di Seberang Perai termasuk KADUN Pinang Tunggal iaitu jenis tiang konkrit TNB dan jenis tiang besi bergalvani oleh MPSP. Bagi tiang jenis konkrit TNB penyelenggaraan dilakukan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala bagi tiang jenis besi bergalvani diselenggara oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kerosakan lampu jalan adalah seperti berikut:

- (i) Jika kerosakan lampu jalan di bawah selenggaraan TNB, perlu dilaporkan kepada careline TNB di talian 15454. Pihak TNB akan membuat senggaraan rutin untuk kesemua lampu jalan setiap 12 bulan sekali.
- (ii) Pegawai MPSP dan kontraktor panel elektrik yang dilantik akan melakukan rondaan bersepadu pada waktu malam bagi memastikan lampu jalan sentiasa berfungsi dengan baik. Pembaikan segera akan dilakukan sekiranya didapati terdapat lampu jalan yang tidak berfungsi.
- (iii) Selain itu, terdapat juga nombor telefon pada tiang lampu jalan MPSP bagi memudahkan orang awam membuat aduan sekiranya masih terdapat lampu jalan yang tidak berfungsi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri sejak 2009 hingga September 2017.
- (a) Sila beri pecahan mengikut tahun.
 - (b) Sila beri pecahan mengikut tahun bagi Parlimen Kepala Batas serta pecahan projek bagi DUN Pinang Tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 sehingga kini melalui beberapa pemberian iaitu Pemberian Mengikut Bilangan Kepala, Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10%, Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus di Bawah Senarai Bersama,

Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup dan Pemberian Kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS).

Maklumat terperinci mengenai pemberian tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Peruntukan Kerajaan Pusat yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri untuk membiayai projek pembangunan adalah melalui dua (2) jenis pemberian iaitu Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan (TAHAP). Pemberian TAHAP sejumlah RM 13.516 juta setahun digunakan untuk projek-projek pembangunan di seluruh Negeri Pulau Pinang dan tidak dikhususkan untuk kawasan-kawasan tertentu sahaja.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 25.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menaiktaraf Jalan-jalan di DUN Pinang Tunggal. Jika ada, senaraikan jalan-jalan berkenaan, kos dan tarikh untuk menaik taraf jalan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai rancangan untuk menaiktaraf Jalan-jalan di KADUN Pinang Tunggal yang akan melibatkan tujuh (7) projek dengan kos sebanyak RM1,550,000.00. Senarai jalan-jalan yang akan dinaiktaraf/diselenggara di KADUN Pinang Tunggal berserta maklumat kos adalah seperti di **Lampiran A**. Tarikh pelaksanaan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan dan keutamaan pelaksanaan.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 26.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempunyai rancangan untuk pengindahan sepanjang jalan-jalan di dalam DUN Pinang Tunggal dengan menanam pokok-pokok yang bersaiz besar di tepi jalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerja-kerja pengindahan sepanjang jalan-jalan di dalam DUN Pinang Tunggal bagi penanaman pokok-pokok yang bersaiz besar di tepi jalan sememangnya telah dilaksanakan oleh pihak MPSP. Pelaksanaan kerja-kerja pengindahan ini dilaksanakan oleh pemaju melalui permohonan Pelan Landskap yang diluluskan. Senarai jalan terlibat dan jenis pokok yang akan ditanam adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 27.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Mohon Kerajaan Negeri untuk senaraikan secara terperinci bilangan hartanah (semua jenis) yang telah dimiliki oleh warga asing, syarikat asing sejak tahun 2008 di zon warisan (penampian dan teras) mengikut seksyen, no. lot, jenis pegangan tanah, jenis bangunan, jenis kategori premis warisan (Kategori i, ii atau lain-lain kategori), nama pemilik atau nama syarikat, alamat premis, tarikh transaksi atau nilai transaksi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sejak tahun 2008 sehingga September 2017, sebanyak 163 hartanah dimiliki oleh warga asing, syarikat asing di zon warisan (Penampian dan Teras) dengan nilai transaksi sebanyak RM1,068,314,973.50. Perincian transaksi adalah seperti di berikut:

BIL.	TAHUN TRANSAKSI	BILANGAN TRANSAKSI	NILAI HARTANAH (RM)
1	2008	11	6,426,666.00
2	2009	23	13,173,000.00
3	2010	17	39,002,000.00
4	2011	9	17,735,000.00
5	2012	27	80,802,027.00
6	2013	34	744,982,112.50
7	2014	12	50,555,278.00
8	2015	21	88,610,890.00
9	2016	6	10,400,000.00
10	2017	3	16,628,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		163	1,068,314,973.50

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Sila kemukakan dengan teliti jumlah unit premis pre war dari lebuh Magazine sehingga Lebuh Sandilands yang dimiliki oleh syarikat asing atau warga asing mengikut seksyen, no. Lot, jenis pegangan tanah, jenis bangunan, jenis kategori premis warisan, (Kategori i, ii atau lain-lain kategori), nama pemilik atau nama syarikat, alamat premis, tarikh transaksi atau nilai transaksi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), terdapat 107 unit premis pre war dari Lebuh Magazine sehingga Lebuh Sandilands dan ianya terletak di luar Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) yang dimiliki oleh beberapa buah syarikat yang membeli premis-premis pre war tersebut. Syarikat-syarikat tersebut adalah syarikat didaftar tempatan dengan pelaburan asas dari Singapura, iaitu WCL (Noordin St.) Sdn. Bhd., WCL (Macallum) Sdn. Bhd., WCL (Magazine) Sdn. Bhd. Jumlah bangunan mengikut kategori warisan dan bukan warisan mengikut jalan/lebu/lorong di kawasan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama Jalan/Lebu/Lorong	Jumlah Bangunan
1.	Jalan CY Choy	15
2.	Jalan Gurdwara	17
3.	Jalan Magazine	7
4.	Lebu Presgrave	4
5.	Lebu Cecil	11
6.	Lebu Tye Sin	10
7.	Lebu Macallum	15
8.	Lebu Katz	8
9.	Lebu Noordin	15
10.	Lorong Ceti	5
Jumlah Keseluruhan		107

Perincian senarai tersebut adalah seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, data berkenaan pemilik bangunan warisan tidak dapat dibekalkan kerana tidak direkodkan semasa kajian oleh GTWHI.

RUJ. LAMPIRAN A BDRS NO. 29.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Merujuk kepada laporan Akbar Free Malaysia Today bertarikh 15 November 2016, YB. Datok Keramat semasa menjawab persoalan YB. Komtar pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Ketiga Belas Tahun 2016 menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh menyekat warga asing atau syarikat asing daripada membeli hartanah warisan adalah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Sila terangkan dengan terperinci Perlembagaan, Akta, Pekeliling terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Secara amnya, hak untuk memperoleh, memegang dan menikmati harta ialah hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan (PP) yang memperuntukkan bahawa "No person shall be deprived of property save in accordance with law." Peruntukan ini dengan jelas tidak menyekat kuasa perundangan tetapi hanya mengisytiharkan tidak berperlembagaan atau melarang sebarang tindakan eksekutif untuk merampas harta yang menyalahi undang-undang.

Undang-undang mengenai perolehan hartanah pula diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara (Akta No.56 tahun 1965) (KTN). Seksyen 433B KTN dengan jelas memperuntukkan bahawa individu bukan warganegara atau syarikat asing boleh memiliki hartanah jika mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Begitu juga dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 yang tidak menghalang penjualan hartanah warisan kepada individu bukan warganegara atau syarikat asing.

Kerajaan Negeri telah menetapkan satu had siling harga minima pembelian hartanah oleh warganegara / syarikat asing bagi hartanah di Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2012 seperti berikut :-

- (a) Hartanah berstrata:
 - (i) RM1 juta bagi kawasan Pulau;
 - (ii) RM1 juta bagi kawasan Seberang Perai untuk warganegara asing sahaja (terpakai mulai 1 Julai 2012 hingga 27 April 2017); dan
 - (iii) RM1 juta bagi kawasan Seberang Perai untuk syarikat asing sahaja.
- (b) Hartanah landed (termasuk landed strata)
 - (i) RM2 juta bagi kawasan Pulau (terpakai mulai 1 Julai 2012 hingga 31 Mac 2017); dan
 - (ii) RM1 juta bagi kawasan Seberang Perai.
- (c) Perolehan unit kediaman di bawah program 'Malaysia My Second Home (MM2H)' kekal di paras harga minima RM500,000.00, tetapi terhad kepada pembelian dua (2) unit sahaja; dan
- (d) Perolehan hartanah oleh warganegara asing yang bertaraf penduduk tetap (PR) adalah di paras harga minima RM250,000.00.

Warganegara asing yang bukan di bawah program 'Malaysia My Second Home (MM2H)' tertakluk kepada pembelian hartanah pada harga minima di (a) dan (b).

Seterusnya, Kerajaan Negeri telah menetapkan harga minima baru, iaitu RM3 Juta bagi pembelian hartanah landed (termasuk landed strata) di kawasan Pulau oleh warganegara / syarikat asing yang berkuatkuasa 1 April 2017, manakala bagi kawasan Seberang Perai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menurunkan harga minima hartanah berstrata pada harga minima RM500,000.00 berkuatkuasa pada 28 April 2017 dikenakan kepada warganegara asing sahaja.

XXVI. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa kesulitan dan masalah banjir kilat dikurangkan ke minimum pada masa hadapan?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih sistem tadahan air / empangan untuk menyimpan air yang berlebihan ketika berlakunya perlimpahan air lebihan?
- (c) Adakah sistem keselamatan Kerajaan siap sedia menghadapi bencana alam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Dalam usaha untuk mengurangkan kesulitan dan masalah banjir kilat ke tahap minimum pada masa hadapan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan melaksanakan perkara berikut:-
 - (i) projek-projek tebatan banjir di kawasan 'hot spot' banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan sistem saliran sedia ada berada di dalam keadaan baik;
 - (ii) kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan peranan masyarakat dalam memelihara sungai serta sistem perparitan dari pencemaran dan sampah sarap yang membawa kepada banjir; dan
 - (iii) pembangunan berkaitan sungai dan perparitan mematuhi garis panduan berikut:-
 - Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA),
 - Garis Panduan melibatkan sungai dan rezab sungai,
 - Intergrated Shoreline Management 2010; dan
 - Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.

Selain itu, bagi mengurangkan kesulitan semasa berlakunya banjir, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan "Dasar Pemberian Bantuan Banjir Kilat" sejak tahun 2016. Bantuan ini disalurkan kepada mangsa bencana banjir kilat yang menghadapi kesulitan ketika berdepan bencana tersebut dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

- (b) Kerajaan Negeri melalui JPS dan PBT akan mengkaji keperluan untuk membina kolam takungan banjir di kawasan-kawasan hot spot banjir berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi memastikan air larian dapat ditakung dengan efisien apabila berlakunya hujan.
- (c) Sistem keselamatan yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi menghadapi bencana alam adalah berdasarkan kepada Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara : Dasar dan Mekanisma Pengurusan Bencana Negara (MKN 20) yang sentiasa bersedia dan bersiap siaga menghadapi apa-apa jua bencana. Selaras dengan Arahan tersebut, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurusetiaikan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa bencana ini juga ditubuhkan di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Adakah semburan asap yang dilakukan oleh MBPP dan KKM untuk mencegah penyakit denggi adalah berkesan?
- (b) Adakah KKM / MBPP mempunyai hasrat untuk membuat penyemburan di kawasan pinggir hutan yang bersempadan dengan kawasan perumahan seperti Ladang Lada, Ladang Hong Seng dan Batu Gantong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kaedah semburan kabus yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk mengawal penularan wabak. Kaedah ini adalah berkesan sekiranya liputan dan amaun racun yang digunakan adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kaedah semburan asap ini hanya bertujuan untuk membunuh nyamuk dewasa dan tidak berkesan ke atas jentik-jentik. Oleh yang demikian, bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi menghapuskan tempat pembiakan denggi.
- (b) Berdasarkan prosedur dan protokol semburan kabus, pihak bertanggungjawab seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan KKM akan melaksanakan semburan kabus sekiranya terdapat kes-kes jangkitan denggi yang dilaporkan di lokaliti tersebut. Selain daripada semburan kabus, aktiviti kawalan denggi yang lain seperti pemusnahan tempat pembiakan, penguatkuasaan dan pendidikan kesihatan akan turut dijalankan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sebanyak berapa banyak pelanggan orang awam yang melawati *Penang Digital Library* sejak pelancarannya? Sila nyatakan statistik nombor pelanggan yang datang melawat PDL.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hasrat untuk menambah buku-buku profesional seperti buku perundangan, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain ke dalam Perpustakaan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 8 Oktober 2016. Jumlah pelanggan yang telah mengunjungi PDL sejak dirasmikan adalah seramai 27,866 orang. Di samping itu, PDL juga telah menerima 20 lawatan / kunjungan yang terdiri daripada Sekolah (10), Institusi Pengajian Tinggi (3) dan lain-lain Institusi (7). Sejak pengoperasian PDL dilanjutkan ke 24 jam mulai 1 Mei 2017, didapati trend penggunaan semakin meningkat. Bilangan pelanggan terperinci mengikut bulanan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) PDL menyediakan bahan pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) seperti ebooks dan e-magazines. Pada masa kini, terdapat sebanyak 1,569 ebooks dan 14 e-magazines dan angka tersebut dijangkakan akan bertambah kepada 3,000 judul menjelang akhir tahun 2017. PDL turut menyediakan bahan bacaan elektronik e-books profesional berkaitan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik selaras dengan konsep PDL iaitu meningkatkan pendidikan berasaskan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*). Pada masa yang sama, PDL juga sedang bekerjasama dengan pihak pembekal untuk menyediakan bahan bacaan berkaitan perundangan ke dalam sistem PDL. Pihak CMI telah bekerjasama dengan Malaysian Current Law Journal (CLJ) dan akan memuatnaik jurnal CLJ dengan kerjasama pembekal PDL yang dilantik. Manakala bahan bacaan jenis perubatan pula akan disediakan sekiranya terdapat permintaan daripada pengguna.

RUJ. LAMPIRAN A BCKP NO. 3.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:4

4. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bencana alam seperti tanah runtuh ataupun tanah mendapan seperti yang telah berlaku di Ladang Hong Seng, Kayangan Puri Mutiara Dan Ladang Lada dapat dielakkan pada masa yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bencana alam seperti tanah runtuh ataupun tanah mendapan dapat dielakkan pada masa hadapan adalah:
 - (i) Memberi pendedahan kepada pemilik tanah tentang kepentingan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan melalui forum dan dialog yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Pulau

Pinang (MBPP) / Penang Technical Advisory Committee (PTAC);

- (ii) Mengadakan program dialog bersama pemilik tanah / Joint Management Body (JMB) secara berterusan;
- (iii) Mengeluarkan notis-notis berkaitan kepada pemilik tanah/ JMB sekiranya gagal menjalankan kerja penyelenggaraan sehingga mengakibatkan kawasan cerun berisiko tinggi untuk gagal;
- (iv) Mengemukakan laporan kekukuhan struktur bangunan bertingkat yang telah memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) melebihi 10 tahun; dan
- (v) Melakukan pemeriksaan awal di kawasan lereng / cerun bagi mengenal pasti tanda-tanda awal seperti rekahan, pemendapan tanah, tumbuhan yang condong, permukaan tanah berair, sistem perparitan yang tersumbat dan lain-lain supaya tindakan pembaikan boleh diambil sebelum tanda-tanda tersebut merebak dan boleh menyebabkan keruntuhan tanah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. (a) Bagaimanakah Kerajaan akan memastikan alat-alat pemadam api yang telah diletakkan di kawasan perumahan PPR Padang Tembak dapat dielakkan dicuri dan mengancam keselamatan kesemua penduduk?
- (b) Minta pihak Perumahan menyediakan laporan lengkap system Keselamatan Kebakaran di PPR Padang Tembak yang terdapat lebih kurang 3700 unit rumah itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. (a) Penyediaan alat-alat pemadam api di Rancangan Perumahan Awam seperti mana yang ditempatkan di Rumah Pangsa Padang Tembak dilaksanakan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengikut spesifikasi keselamatan yang ditetapkan. Namun amat mendukacitakan apabila banyak alat-alat pencegahan kebakaran ini telah rosak disebabkan vandalisme dan kecurian.

Susulan daripada itu, Pejabat Rancangan Perumahan Padang Tembak pada 26 September 2017 telah merujuk perkara ini kepada Ketua Balai Bomba Zon 1 memohon supaya dibuat pemeriksaan semula terhadap semua alat-alat pencegahan kebakaran di Rancangan Perumahan Awam tersebut. Kerja-kerja pembaikan dan pembekalan set akan dilaksanakan berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada pihak Bomba kelak.

Dalam pada itu, Bahagian Perumahan juga pada masa ini mengambil pendekatan mendapatkan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan-persatuan penduduk di semua Rancangan Perumahan Awam untuk turut serta dalam usaha menjaga dan memastikan kes-kes vandalisme dan kecurian alatan pencegahan kebakaran seperti ini tidak berlaku.

- (b) Sistem pencegahan kebakaran yang digunakan di Rumah Pangsa Padang Tembak adalah dari jenis sistem pancur basah (wet riser) lengkap dengan hos air beserta kepala hos jenis aluminium bermutu tinggi, kotak simpanan hos dan injap (valve) sepertimana piawaian Bomba. Sebanyak 156 set peralatan ini telah dibekalkan di setiap tingkat di semua 9 blok bangunan di Rancangan Perumahan Awam tersebut. Perincian kuantiti sistem wet riser di setiap blok adalah seperti berikut:-

BLOK	BIL. SISTEM WET RISER
A	17
B	17
C	18
D	18
E	18

BLOK	BIL. SISTEM WET RISER
F	17
G	17
H	17
J	17
JUMLAH	156

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk mengeluarkan satu kad diskaun kepada seluruh rakyat Pulau Pinang seperti yang dilakukan oleh Wilayah Persekutuan supaya dapat meringankan kos beban hidup?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada masa kini, Kerajaan Negeri belum mempunyai sebarang cadangan untuk mengeluarkan kad diskaun kepada rakyat Pulau Pinang. Namun demikian, cadangan ini perlu diteliti dari segi pelbagai faktor terutamanya manfaat kepada penerima serta implikasi kewangan kepada Kewangan Negeri sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menaik taraf kualiti setiap Balai Rakyat, Dewan dan Pusat Aktiviti JKKK?
- (b) Apakah fasiliti-fasiliti yang baru akan ditambah ke dalam setiap bangunan yang telah dinyatakan di atas supaya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan JKKK kepada orang awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Mengikut rekod Kerajaan Negeri terdapat 184 buah dewan orang ramai dan dewan banjir yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri dan di bawah pengurusan lima (5) Pejabat Daerah dan Tanah. Kesemua dewan ini diuruskan oleh JKKK kawasan setempat. Berdasarkan rekod sejak tahun 2008 hingga September 2017, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan dewan JKKK dan dewan orang ramai oleh Pejabat Daerah & Tanah iaitu sebanyak 292 projek pembaikan telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM9,471,685.76 seperti di bawah.

BIL.	DAERAH	BIL. DEWAN	URUS TADBIR OLEH	JUMLAH PROJEK	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1	Daerah Timur Laut	24	JKKK	105	1,660,403.93
2	Daerah Barat Daya	29	JKKKK/Pej. Daerah	68	1,005,455.22
3	Daerah Seberang Perai Utara	44	JKKK	8	2,811,934.47
4	Daerah Seberang Perai Tengah	50	JKKK / KRT	106	1,657,622.99
5	Daerah Seberang Perai Selatan	37	JKKKK/Pej.	5	2,336,268.65
		184		292	9,471,685.76

- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi menambah fasiliti-fasiliti yang baru untuk setiap Balai Rakyat, Dewan dan Pusat Aktiviti JKKK, namun penambahan fasiliti yang baru akan di ambil kira kesesuaiannya dengan keperluan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun untuk meningkatkan mutu perkhidmatan JKKK kepada orang awam, terdapat juga fasiliti-fasiliti yang dibiayai sendiri oleh YB ADUN dan YB Ahli Parlimen seperti talian internet, bekalan komputer, kerusi meja dan sebagainya. Kerajaan Negeri hanya terlibat dalam penyelenggaraan asas bangunan seperti pembaikan bumbung, siling, lantai dan tandas.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membina sebuah universiti seperti UNISEL di Selangor dengan bekerjasama dengan universiti-universiti yang terkenal di dunia untuk meningkatkan tahap pendidikan masyarakat kami?
- (b) Jikalau ya, dimanakah universiti tersebut akan dibina dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina sebuah universiti seperti UNISEL di Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat dan mempunyai perancangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan antarabangsa. Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah menerima permohonan untuk membina universiti dan kolej swasta seperti KDU University di Batu Kawan yang akan menawarkan pengajian dalam bidang kejuruteraan, perniagaan, hospitaliti, kulinari & pelancongan, perakaunan, undang-undang, sistem maklumat, perniagaan dan logistik. Selain itu, Hull University turut menyatakan hasrat untuk menubuhkan kampus di Batu Kawan.

Kerajaan Negeri juga telah menerima cadangan untuk pembangunan hab pelancongan pendidikan di atas tanah milik Chief Minister of Penang Incorporated (CMI) melibatkan Lot 705, Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang dan telah mewujudkan satu jalinan usahasama dengan pihak Lasallian Asia Partnership For International Schools (LAPIS) dari Singapura. Institusi Pendidikan yang akan ditubuhkan adalah Stonyhurst College dari United Kingdom yang telah memilih Pulau Pinang sebagai destinasi untuk penubuhan sekolah pertama di luar United Kingdom. Stonyhurst merupakan kolej berusia 400 tahun dan akan menggunakan silibus akademik dan kurikulum bertaraf antarabangsa untuk pelajar berusia 3 tahun hingga 18 tahun dengan pensijilan O level, A level, dan IB level. Perancangan pembangunan telah dimulakan dan dijangka siap untuk operasi atau enrolmen pada akhir tahun 2018 atau selewat-lewatnya awal tahun 2019.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Apakah status pembangunan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP)?
- (b) Sebanyak berapa banyakkah projek tersebut telah bermula dilaksanakan di Pulau Pinang sehingga hari ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) *Penang Transport Master Plan* atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) merangkumi beberapa projek utama iaitu Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT), Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai status pelaksanaan projek-projek tersebut:

- (i) Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT)

Pada ketika ini, Projek *Bayan Lepas Light Rail Transit* (LRT) masih menunggu dua (2) kelulusandari pada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan 'Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA) dan Laporan Skim Rail. Laporan DEIA telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (Rail Scheme) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

- (ii) Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Bagi Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1), penyediaan laporan 'Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)' kini di peringkat akhir dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Disember 2017.

(iii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA). Laporan DEIA projek initalah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Maklumat terakhir yang dimohon oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini masih menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Projek ini belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula. Pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan status kajian telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian kebolehlaksanaan terowong bawah dasar laut ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan setelah siap nanti.

- (b) Kesemua projek ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan-kelulusan yang berkaitan daripada Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membuat satu Pasar Malam Awam dan menukarkannya untuk dijadikan sebagai satu tempat pelancongan seperti *Weekend Night Market / Asiatique* di Bangkok?
- (b) Apakah pelan pembangunan pelancongan yang kreatif untuk negeri kami pada masa lima (5) tahun yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Pada asalnya, tujuan penganjuran pasar malam adalah sebagai kemudahan kepada penduduk setempat untuk memperoleh bekalan harian melalui jualan di lokasi berdekatan dengan kawasan kediaman. Meskipun pasar malam kini telah menjadi satu tarikan pelancong, contohnya pasar malam di Batu Feringghi dan Esplanade Jalan Padang Kota Lama, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menaiktaraf atau mewujudkan pasar malam awam dengan konsep seperti *Asiatique* di Bangkok. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri mengambil peluang untuk mempromosi pasar malam di samping mengekalkan keunikan budaya tempatan.
- (b) Kerajaan Negeri merangka pelan pembangunan pelancongan yang kreatif bagi Pulau Pinang berdasarkan strategi yang telah digariskan dalam Paradigma Pulau Pinang seperti berikut:
- (i) Mempertingkatkan infrastruktur dan promosi pelancongan melalui inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2023 seperti berikut:
- Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan yang mana melibatkan pemerkasaan pengangkutan awam seperti pembinaan jajaran Light Rail Transit (LRT) dan Bus Rapid Transit (BRT).
 - Projek Cable-Car yang menghubungkan Teluk Bahang – Bukit Bendera dan kawasan pulau – Seberang Perai melalui kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia;
 - Bekerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan untuk membangunkan kawasan-kawasan pesisiran pantai di George Town dan Butterworth dan meningkatkan keadaan Terminal Kapal Persiaran Swettenham;
 - Pembangunan kemudahan marina oleh sektor swasta di Tanjung Bungah;
 - Bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang kerana pada tahun 2016, jumlah pergerakan penumpang di lapangan terbang telah mencapai 6.68 juta orang tetapi kapasiti hanya untuk 6.5 juta orang sahaja; dan

- Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menambah laluan penerbangan langsung dan kekerapan penerbangan ke Pulau Pinang.
- (ii) Memberi tumpuan kepada bidang perkembangan pelancongan utama melalui inisiatif berikut:
- Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi warisan dan pelancongan eko bagi pelancong berpendapatan tinggi dan sederhana;
 - Memasarkan warisan budaya, agama dan masakan Pulau Pinang yang kaya sebagai faktor tarikan yang unik.
 - Membangunkan pelancongan Meetings, Incentives, Convention, Exhibitions (MICE) dengan tempat persidangan dan pameran baru. Pada tahun 2016, sebanyak 1,251 program berasaskan MICE telah dilaksanakan di Pulau Pinang dengan penglibatan 141,864 peserta dan jangkaan kesan ekonomi (estimated economic impact) adalah sebanyak RM808 juta. Manakala bagi tempoh sehingga pertengahan Mei 2017, sebanyak 41 program melibatkan 44,145 peserta telah diadakan dengan jangkaan kesan ekonomi RM290 juta; dan
 - Melengkapkan lapangan terbang dengan kemudahan perkhidmatan yang bersesuaian untuk menerima pelancong perubatan.
- (iii) Menggalakkan dan meningkatkan produk-produk tarikan pelancong yang bertaraf antarabangsa termasuk:
- Pembangunan The Top di KOMTAR oleh syarikat Only World Group (OWG) Holdings Bhd bernilai lebih RM200 juta untuk menceriakan, membaiki pulih dan mengubah wajah Bangunan KOMTAR. The Top mempunyai beberapa tarikan menarik seperti Rainbow Skywalk, Jurassic Research Centre, restoran makanan antarabangsa dan banyak lagi;
 - Pembangunan produk-produk baru bagi menarik pelancong ke Bukit Bendera. Antara produk tersebut adalah Titian Silara dan Nature Walk sepanjang 1.6km serta Zip Line sepanjang 800m bernilai RM35 juta. Kerajaan Negeri juga inginewartakan Bukit Bendera sebagai Hutan Simpan Ekologi atau Eco-Forest kepada UNESCO;
 - Projek “The Habitat – Penang Hill” yang dibangunkan di bawah tender terbuka berlandaskan kepada pemeliharaan alam sekitar, flora dan fauna di Pulau Pinang. Melalui The Tree Top Walk, pelancong dapat menghayati keindahan alam semulajadi pada ketinggian 13m;
 - Pengubahsuaian dan naik taraf Taman Rama-Rama Teluk Bahang kepada “Entopia” di kawasan seluas 100,000 kaki persegi (kp) menempatkan lebih 15,000 jenis rama-rama daripada kira-kira 100 spesies berlainan; dan
 - Aktiviti “Glamping” yang membolehkan para pelancong menikmati pengalaman alam semula jadi dengan penginapan moden dan selesa. Glamping akan dibina di sekitar hutan Teluk Bahang yang dikenali sebagai “Boulder Valley” tanpa merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi. Projek itu akan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan.
- (iv) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab perubatan dan pendidikan serantau melalui pelaksanaan inisiatif berikut:
- Projek “Island Medical City” untuk mengukuhkan Pelancongan Perubatan. Projek keseluruhan ini melibatkan nilai pembangunan sebanyak RM2 bilion dan akan bertempat di tapak tanah milik Kerajaan Negeri berharga RM156 juta dan akan diterajui oleh Island Hospital;
 - Menarik universiti asing untuk mendirikan kampus di Pulau Pinang;

- Mempromosikan pendidikan melalui ekspo pendidikan serantau dan pejabat dagangan dan pelaburan di Sumatra Utara, Selatan Thailand dan Selatan Myanmar; dan
- Bekerjasama dengan agensi Persekutuan untuk mengemaskini kriteria dan tatacara meluluskan penubuhan institusi pendidikan yang baru serta menambah baik proses pemberian visa kepada pelajar asing yang ingin belajar di Malaysia.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Memandangkan perindustrian Penerbangan makin pesat dan menguntungkan pengguna dan pengusahawan, adakah rancangan untuk satu lapangan terbang antarabangsa untuk menampung kapal terbang yang bersaiz A380, Boeing 777, Boeing 787 ke Pulau Pinang dapat dibina?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peluang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam setiap platform yang sesuai agar Kerajaan Persekutuan dapat menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada di Bayan Lepas untuk menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran ini telah dimohon oleh Kementerian Pengangkutan melalui Rolling Plan 3 RMKe-11. YAB. Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan kelulusan bagi Bajet 2018 untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan lalu lintas pada waktu kemuncak di kawasan George Town dan Bayan Baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri sentiasa peka dalam usaha mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan George Town dan Bayan Baru.

Inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan George Town dan Bayan Baru semasa waktu puncak adalah:

- (i) Menjalankan kajian *Concept Plans for Immediate Measures to Alleviate Traffic Congestion Within George Town and its Vicinity* dan melaksanakan cadangan menambah baik aliran lalu lintas di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya dengan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Masjid Negeri, Lorong Batu Lancang, persimpangan Jalan Masjid Negeri / Jalan Ayer Itam / Jalan Scotland, Jalan Gottlieb, Jalan Bagan Jermal, Jalan Mount Erskine, menaik taraf Jalan Brown. Projek pembinaan jalan bawah (*underpass*) juga akan dilaksanakan untuk menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Burma / Jalan Bagan Jermal.
- (ii) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan.
- (iii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave*, di jalan utama seperti Jalan Tanjong Bungah, Jalan Tanjong Tokong, Jalan Masjid Negeri dan bagi kawasan Bayan Baru di Jalan Tun Dr. Awang dan Jalan Mahsuri.
- (iv) Melaksanakan Perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang berkesan dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.
- (v) Memasang CCTV di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalulintas dan

keselamatan orang awam.

- (vi) Tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapitan dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasa.
- (vii) Membina jalan-jalan baru seperti pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong, penyambungan Jalan Zoo dan akan menaik taraf persimpangan Jalan Thean Teik / Jalan Ayer Itam, persimpangan Lebuhraya Thean Teik / Lorong Batu Lancang, persimpangan Jalan Magazine / Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dengan membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan kanan serta pusingan balik bertingkat di persimpangan Gat Lebu Macallum / Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.
- (viii) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 400 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial.
- (ix) Mengurangkan kesesakan pada waktu puncak atau pada musim perayaan terutama di pusat bandar adalah dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan.
- (x) Mengenakan syarat kepada pemaju di kawasan Sungai Ara dan Bayan Baru bagi menaiktaraf jalan seperti membina jalan baru menyambungkan Jalan Dato' Ismail Hashim dengan Jalan Sultan Azlah Shah, menaik taraf persimpangan Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Bukit Gambir dan membina laluan bawah (*underpass*) di bulatan Bayan Baru.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. (a) Selepas penguatkuasaan Pengasingan Sisa Di Punca sejak tahun lepas, sebanyak berapa banyakah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab?
- (b) Apakah sasaran Kerajaan Negeri dari segi menjaga alam sekitar dalam tempoh lima (5) dan 10 tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. (a) Selepas penguatkuasaan Pengasingan Sisa Di Punca bermula dari tahun 2016 sehingga September 2017, sebanyak 2,746 notis dan 31 kompaun telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Butiran terperinci adalah seperti berikut:

Pihak Berkuasa Tempatan	Notis	Kompaun
MBPP	58	25
MPSP	2,688	6
Jumlah	2,746	31

- (b) Sasaran Kerajaan Negeri dari segi menjaga alam sekitar dalam tempoh 5 tahun akan datang adalah seperti berikut:
 - (i) Penyediaan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang mesra alam, serta menambahbaik kemudahan sedia ada. Kemudahan ini turut melibatkan:
 - Projek pembangunan Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung yang mempunyai kemudahan untuk pengurusan pemindahan sampah baki dan pemprosesan sampah hijau.
 - Projek pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (*Sanitary Landfill Level IV*) dengan rancangan penyediaan kemudahan seperti *Material Recovery Facility* dan lain-lain kemudahan sebagainya secara berperingkat.

- Perancangan untuk landfill mining dan rehabilitation (projek penutupan selamat) Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.
 - Perancangan untuk penyediaan tapak dan kemudahan *Resource Recovery Facility* bagi sisa binaan.
- (ii) Menyediakan sistem dan kemudahan jentera yang bersesuaian bagi penyampaian perkhidmatan pungutan sisa pepejal dan pembersihan awam.
 - (iii) Mengawal perkhidmatan pemungutan sampah yang boleh dikitar semula.
 - (iv) Mempergiatkan *Community Engagement* melalui pelaksanaan Local Action 21 bagi program kitar semula, kejiranan bersih dan hijau, pertanian dalam bandar, sekolah hijau dan sebagainya
 - (v) Menyediakan Pusat Sumber Alam Sekitar/Pusat Pengasingan Sisa Komuniti secara usahasama melalui projek *Public Private Partnership*.
 - (vi) Meningkatkan kadar kitar semula negeri ke tahap 60% dari kadar sedia ada 38%.
- Manakala dalam tempoh 10 tahun langkah-langkah seperti berikut adalah dicadangkan :
- (i) Memantapkan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal serta meningkatkan keberkesanan instrumen-instrumen polisi pengurusan sisa pepejal.
 - (ii) Melaksanakan dasar *Pay As You Throw* di premis kediaman untuk mengurangkan lagi penajaan sisa dalam negeri.
 - (iii) Mempromosikan *Public Private Partnership* dalam program pengurusan sisa di kalangan komuniti dan sektor swasta.
 - (iv) Mewujudkan lebih banyak bandar rendah karbon.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat meningkatkan kesedaran keusahawanan didalam kalangan komuniti miskin tegar dan sederhana rendah?
- (b) Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk golongan ini supaya meningkatkan kegiatan? Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu pengusahawanan yang baru dari segi bantuan kewangan dan latihan asas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Usaha meningkatkan kesedaran keusahawanan di dalam kalangan komuniti miskin tegar dan sederhana rendah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui penganjuran program-program pembudayaan dan bimbingan usahawan seperti kursus, taklimat, bengkel dan seminar. Program ini diwujudkan bagi membantu usahawan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan seterusnya membantu untuk meningkatkan pendapatan usahawan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan di bawah program modal insan telah menjalankan beberapa siri kursus bagi meningkatkan modal insan di kalangan rakyat. Namun begitu kursus - kursus tersebut tidak tertumpu secara khusus kepada usahawan kecil tetapi kepada penerima AES, ibu tunggal, peniaga – peniaga kecil yang berpendapatan bawah RM3,000.00. Sepanjang tahun 2017 sejumlah RM133,432.50 telah diluluskan kepada pejabat - pejabat daerah untuk melaksanakan kursus – kursus seperti asas pengiklanan dalam talian, kemahiran jahitan, asas hasilan tepung, makanan barat, hasilan ais krim, asas hasilan apom balik. Kursus – kursus yang diluluskan tersebut adalah berdasarkan permohonan di peringkat daerah dengan mengambilkira potensi setempat.

- (b) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kegiatan keusahawanan adalah melalui program pembudayaan dan bimbingan usahawan seperti kursus, taklimat, bengkel dan seminar. Antara program keusahawanan yang telah dilaksanakan adalah Karnival Koperasi dan Usahawan Desa, Program Jelajah Koperasi dan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Karnival Koperasi dan Usahawan Rakyat “Flora Fest”, Karnival

Koperasi dan Usahawan Tahfiz, Karnival Usahawan (Kraftangan, Warisan & Kesenian), Program Karnival Usahawan Melayu Pulau Pinang, Program Pembangunan Koperasi Dan Usahawan Entrepreneurship Game Jom Tuju Usahawan Jutawan, Karnival Food Truck dan Karnival Rakyat. Sehingga Ogos 2017, sebanyak 96 kursus yang melibatkan seramai 3,868 usahawan kecil di Pulau Pinang. Kursus-kursus ini secara tidak langsung dapat membantu peniaga kecil menceburi perniagaan tradisional.

Kerajaan Negeri juga turut menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan melalui program berikut:

- (i) Kemudahan pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan Negeri Pulau Pinang bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun;
- (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak sebagai ejen Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir. Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000 setakat 2017 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk mengendalikan proses pinjaman mikro kredit. Pinjaman sebanyak RM5,000 seorang telah diberikan kepada peminjam pertama bagi tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah; dan
- (iii) Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin / Pembangunan Industri Desa dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00 bagi tahun 2017 di bawah peruntukan pembangunan untuk bantuan peralatan bagi pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Program ini bertujuan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada dan permohonan ini boleh dikemukakan melalui pejabat – pejabat daerah untuk perakuan di peringkat daerah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. (a) Sebanyak berapa banyak projek taman tema swasta atau JV akan dibina di negeri kami dari tahun 2008 - 2017?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak lagi taman tema yang berkonsepkan *edutainment* (Pendidikan dan Hiburan)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. (a) Dari tahun 2008-2017, hanya satu projek taman tema air yang dibina secara projek usahasama di antara pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan Sim Leisure Sdn. Bhd. iaitu projek Escape Theme Park di Teluk Bahang.
- (b) Kerajaan Negeri melalui PDC pernah memanggil *Request For Proposal* (RFP) bagi Cadangan Pembangunan Taman Tema Antarabangsa Di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada 4 November 2016.

Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri pada 18 Julai 2017 tidak mempertimbangkan cadangan tersebut kerana cadangan yang dikemukakan oleh dua penender tidak memenuhi kehendak Kerajaan Negeri.

PDC kini sedang dalam proses untuk memanggil semula RFP ini dan dijangka akan diiklankan pada bulan November 2017.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk membina lebih banyak lagi taman tema yang berkonsepkan *edutainment* (Pendidikan dan Hiburan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah status pembinaan LRT dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Status cadangan Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT) adalah diperingkat untuk mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan. Pihak Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kelulusan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Laporan Skim Rail kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Laporan EIA telah dikemukakan kepada JAS pada 31 Mei 2017 manakala Laporan Skim Rail telah dikemukakan kepada SPAD pada 29 Mac 2016. Kelewatan kelulusan Laporan Skim Rail oleh SPAD disebabkan pihak SPAD kini dalam proses penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Kelulusan Laporan Skim Rail yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak SPAD berkemungkinan akan tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018 nanti.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan dapat membasmikan orang papa dari dalam dan luar negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah inisiatif JKM untuk membantu Kerajaan Negeri dalam proses untuk menyelesaikan masalah ini?
- (c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menetapkan golongan orang papa ini di tempat duduk yang sesuai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mengikut takrifan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), orang papa adalah seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesusahan kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga mengadakan kacau ganggu atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak ia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

- (a) Antara langkah yang diambil untuk menangani orang papa di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Melancarkan program "Empowering The Street Citizens" yang bertujuan untuk membantu dan mendayaupayakan golongan papa dan gelandangan di Pulau Pinang. Program ini bersifat "Tri-Partite Venture" yang menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO). Di bawah program ini, orang papa akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa di peringkat awalnya. Selepas tamat tempoh penempatan, gelandangan ini diharapkan dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadangkan dikendalikan oleh pihak pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenalpasti oleh pihak Kerajaan Negeri; dan
- (ii) Menjalankan intervensi kerja sosial berkonsepkan "Community Care" di mana golongan papa yang mampu bekerja dan produktif diberikan bantuan kebajikan dan rumah PPR atau rumah sewa serta diberi galakan dan peluang pekerjaan untuk hidup berdikari.

- (b) Inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut:-
- (i) Menjalankan operasi-operasi menyelamatkan gelandangan secara bersepadu, berkala dan berdasarkan aduan orang awam atau media. Operasi bersepadu turut melibatkan beberapa agensi yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, RELA, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pejabat Kesihatan dan Jabatan Pendaftaran Negara;
 - (ii) Menjalankan perintah pemulihan melalui Akta Orang Papa 1977;
 - (iii) Penempatan golongan papa di Institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Desa Bina Diri yang diuruskan oleh JKM;
 - (iv) Mendapatkan khidmat pusat jagaan di institusi swasta dan NGO;
 - (v) Merujuk golongan gelandangan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kesihatan bagi gelandangan yang mengalami masalah mental atau Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi gelandangan yang terlibat dengan dadah;
 - (vi) Mengadakan mesyuarat antara agensi kerajaan bagi kerjasama dan tindakan penguatkuasaan; dan
 - (vii) Melaksanakan Kempen “Bijak Memberi Elak Tertipu” untuk memberi kesedaran kepada orang ramai dan NGO supaya tidak memberikan sumbangan yang dapat menggalakkan golongan ini untuk terus memilih menjadi gelandangan.
- (c) Rancangan Kerajaan Negeri untuk menempatkan golongan orang papa di tempat yang sesuai adalah seperti berikut:-
- (i) Menyediakan *One Stop Centre* yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Orang papa akan diberi latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka sepanjang berada dalam *One Stop Centre*; dan
 - (ii) Bekerjasama dengan institusi swasta atau NGO untuk menjadikan khidmat pusat jagaan mereka sebagai Pusat Transit Sementara untuk golongan papa.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu keluarga yang mempunyai pendapatan sederhana dan sederhana rendah?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu pekerja - pekerja swasta berpendapatan rendah dalam meningkatkan pendapatan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Sejar dengan status sebagai sebuah negeri berkebajikan, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kebajikan rakyat di hadapan dengan memberi keutamaan dalam setiap perancangan yang dilaksanakan. Dalam membantu keluarga berpendapatan sederhana dan sederhana rendah, Kerajaan Negeri secara tahunan memberikan sumbangan kepada rakyat melalui program-program emas seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Ibu Emas dan Program Skim Pelajar Emas dengan sumbangan sebanyak RM100 seorang. Dalam pada itu, bagi meringankan beban ibu bapa, Kerajaan Negeri turut memberikan bayaran secara one-off RM100 kepada Pelajar Tahun 1 & 4 dan Tingkatan 1 & 4 di bawah Skim Pelajar Emas; RM200 (one-off) melalui Program Anak Emas serta RM1,000 atau RM1,200.00 (bagi pelajar yang mendapat tawaran belajar di universiti di Sabah dan Sarawak) secara one-off kepada mahasiswa. Bagi meringankan beban waris warga emas, ibu tunggal dan OKU dalam pengurusan jenazah, Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan secara one-off RM1,000. Malah, Kerajaan Negeri turut memberi bayaran tahunan RM600 kepada pemandu teksi serta operator bas sekolah berdaftar, bantuan pukut dua kali setahun kepada nelayan pesisir pantai dan RM1,200 setahun kepada penarik beca.

Hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada kemiskinan tegar sebelum tahun 2015 telah dicapai dengan adanya pelancaran Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membasmi kemiskinan tegar di Pulau Pinang. Program pembasmian kemiskinan ini bertujuan untuk meningkatkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) daripada RM600 sebulan kepada RM770 sebulan pada tahun 2013. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meningkatkan PGK kepada RM790 sebulan dan pendapatan seisi rumah tidak kurang daripada RM220.00.

- (b) Selain bantuan-bantuan yang dinyatakan di atas, dalam membantu pekerja-pekerja swasta yang berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan mereka, Kerajaan Negeri melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

(i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

PTSR merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Kutipan bayaran balik pinjaman yang dibuat adalah sebanyak RM8.82 juta. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman di antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik adalah di antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Ogos 2017, sebanyak RM12.45 juta telah diagihkan kepada seramai 2,669 orang usahawan.

(ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana sehingga bulan September 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(iii) Program Penang @CAT

Satu program baharu dinamakan *Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)* telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor *Internet of Things* (IOT).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Dari segi kesihatan mental, bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu semua keluarga yang berpendapatan sederhana untuk mempunyai gaya hidup yang sihat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Menerusi Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan atau National Health & Morbidity Survey (NHMS), kadar prevalens untuk masalah kesihatan mental di kalangan orang dewasa di Malaysia menunjukkan peningkatan iaitu dari 10.7% pada tahun 1996 kepada 29.2% pada tahun 2015. Kadar prevalens untuk masalah kesihatan mental di Pulau Pinang pada tahun 2015 adalah sebanyak 19.1%. Data NHMS 2015 menunjukkan kaum wanita, golongan yang lebih muda, golongan Bumiputera serta golongan yang mempunyai sumber pendapatan yang rendah mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menghidap masalah mental.

Bagi membantu golongan berpendapatan sederhana, Jabatan Kesihatan Negeri telah menyediakan Perkhidmatan Program Kesihatan Mental merangkumi aktiviti pencegahan, pengesanan awal dan rawatan penyakit mental serta pengurusan minda sihat.

Antara aktiviti dan pengurusan minda sihat yang dijalankan oleh klinik kesihatan pada peringkat komuniti di semua daerah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Rawatan Susulan Pesakit Mental yang stabil dan pengesanan kes baru penyakit mental yang dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan dan Paramedik di Klinik Kesihatan;
- (ii) Saringan Minda sihat menggunakan borang DASS (Depression, Anxiety, Stress Scale) dijalankan di kalangan orang awam yang hadir di Klinik Kesihatan sebagai pengesanan awal terhadap masalah kemurungan, anxiety dan tekanan (stress);
- (iii) Intervensi Minda sihat seperti kaunseling individu atau secara berkumpulan, terapi relaksasi, membina kemahiran minda sihat serta gaya daya tindak akan diberikan kepada mereka yang memerlukan berlandaskan keputusan ujian DASS yang dijalankan;
- (iv) Aktiviti kaunseling dan rujukan kepada Pakar Psikiatri bagi kes yang memerlukan rawatan lebih rapi dan secara berterusan;
- (v) Latihan kemahiran Pengurusan Minda Sihat untuk semua peringkat umur termasuklah dewasa bekerja, warga tua, kanak-kanak remaja dan kemahiran keibubapaan. Latihan ini diadakan mengikut kumpulan sasaran secara berjadual;
- (vi) Kempen kesedaran kesihatan mental, aktiviti saringan DASS dan ceramah menangani masalah kesihatan mental turut dijalankan di komuniti secara berterusan bersama pertubuhan, agensi dan jabatan kerajaan dan bukan kerajaan di Pulau Pinang; dan
- (vii) Hari Kesihatan Mental Sedunia turut disambut setiap tahun di peringkat komuniti pada bulan Oktober setiap tahun untuk memberikan lebih kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pengesanan awal penyakit mental serta kepentingan minda sihat dalam kehidupan.

Di Pulau Pinang, terdapat 30 buah Klinik Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi aspek pencegahan, pengesanan awal dan rawatan serta kaunseling individu dan berkelompok mengikut keperluan seperti yang digariskan di atas. Hospital yang mempunyai Pakar Psikiatri iaitu Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Bukit Mertajam (HBM) turut memberikan perkhidmatan kaunseling untuk penyakit mental dan masalah kesihatan mental seperti tekanan (*stress*), kemurungan dan lain-lain yang berkenaan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan orang awam untuk aktiviti beriadah dan berekreasi seperti di Taman Bandaraya, Taman Metropolitan dan Taman Jajar. Antara kemudahan yang disediakan ialah kolam rekreasi berkeluarga, kolam kanak-kanak, *jogging trek*, *Penang Skate Park*, Alat Senaman Luar, Alat Permainan Orang Kurang Upaya, Taman Permainan, Laman Catur, Laman Mempelai, Laman Penyayang, Laman Flora, *Hiking Trail* dan rangkaian laluan basikal. Semua kemudahan ini disediakan secara percuma demi kepentingan rakyat serta dapat meningkatkan tahap kesihatan mental dan fizikal sekaligus menyumbang kepada amalan gaya hidup yang sihat. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan turut mengadakan program berkonsepkan gaya hidup sihat di Taman Bandaraya pada setiap hari.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Sebanyak berapa banyak jumlah pokok yang telah ditanam pada tahun 2017 oleh Kerajaan Pulau Pinang?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memastikan agar pokok-pokok di negeri ini tidak dipotong ataupun dicantas secara haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Jumlah pokok yang ditanam oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan dari Januari hingga September 2017 adalah sebanyak 13,818 batang pokok.

- (b) Bagi memastikan pokok-pokok di negeri Pulau Pinang tidak ditebang atau dicantas secara haram, Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi negeri telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

(i) Pihak Berkuasa Tempatan

Menguatkuasakan Bahagian VA-Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mensyaratkan lokasi pokok-pokok yang berilitan 0.8m dan ke atas perlu ditanda dalam pelan semasa permohonan Kebenaran Merancang di atas semua tanah milik persendirian; dan

Melaksanakan kajian inventori pokok, pengumpulan data penilaian risiko pokok dan penilaian ekonomi pokok. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil inisiatif untuk memeriksa status dan keperluan pokok bagi membantu pokok teduhan terutama pokok warisan di Pulau Pinang agar hidup subur, sihat, cantik dan selamat kepada orang awam ke arah menjamin pokok-pokok dapat terus dipelihara dan dikekalkan di kawasan Bandar.

(ii) Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

- Mengenal pasti kawasan-kawasan panas atau *hotspot* yang sering berlakunya kes-kes penerokaan serta tebingan haram sekitar negeri Pulau Pinang dengan mempertingkatkan kekerapan rondaan ke kawasan tersebut;
- Menambah bilangan papan tanda pemberitahuan, aduan dan papan tanda amaran di kawasan Hutan Simpanan Kekal khususnya di kawasan-kawasan berisiko tinggi;
- Menyediakan talian hot line khusus berkaitan kes kesalahan hutan yang berlaku di Pulau Pinang bertujuan untuk memudahkan masyarakat untuk melapor jika berlakunya kes kesalahan hutan;
- Melakukan pemantauan hutan melalui kaedah *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS) dengan menggunakan imej satelit beresolusi tinggi bertujuan untuk memantau aktiviti pembalakan di dalam kawasan yang dilesenkan, mengesan aktiviti pembalakan diluar kawasan yang dilesenkan, mengesan aktiviti pencerobohan tanah dan penenbangan pokok serta memantau pencerobohan atau penerokaan bukit bukau di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal;
- Menjalankan operasi bersepadu dengan Jabatan Perhutanan Negeri yang bersempadan dengan Negeri Pulau Pinang seperti Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; dan
- Menjalankan tangkapan terhadap mana-mana individu yang didapati melakukan kes-kes berkaitan kesalahan hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Selepas pelaksanaan tabung RIBI, sebanyak berapa banyak gereja, kuil dan tokong telah dimanfaatkan oleh daripada polisi di atas?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk meningkatkan tabung RIBI?
- (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mempromosikan Tabung RIBI kepada setiap institusi keagamaan yang bukan Islam di seluruh Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sebanyak 48 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang merangkumi gereja, kuil dan tokong telah mendapat manfaat sejak pelaksanaan Tabung Amanah RIBI pada tahun 2016 yang melibatkan jumlah sumbangan sebanyak RM1,372,600.20. Perincian permohonan dan sumbangan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Tabung Amanah RIBI diwujudkan hasil daripada wang sumbangan yang diserahkan oleh pemaju yang tidak menyediakan tapak RIBI kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, bagi jumlah sumbangan kepada setiap permohonan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.21/2017 bertarikh 7 Jun 2017 telah meluluskan peningkatan jumlah sumbangan daripada RM20,000 kepada RM50,000 bagi permohonan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI Pulau Pinang.
- Hebahan atau promosi Tabung Amanah RIBI kepada persatuan-persatuan keagamaan negeri Pulau Pinang adalah dengan pengedaran risalah-risalah bercetak melalui pejabat ADUN di seluruh negeri Pulau Pinang. 48 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang merangkumi gereja, kuil dan tokong telah mendapat manfaat sejak pelaksanaan Tabung Amanah RIBI pada tahun 2016 yang melibatkan jumlah sumbangan sebanyak RM1,372,600.20. Perincian permohonan dan sumbangan adalah seperti di Lampiran A.

RUJ. LAMPIRAN A BCKP NO. 21.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Dari tahun 2008 - 2017, berapa banyak penyu telah datang ke Pulau Pinang untuk bertelur?
- (b) Apakah kaedah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap membuang sampah sarap ke laut supaya dapat melindungi hidupan lautan?
- (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengurangkan sampah sarap memasuki ke dalam laut dengan lebih efektif?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jumlah penyu yang telah mendarat di Pulau Pinang untuk bertelur dari tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 119 ekor.
- (b) Kaedah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan penguatkuasaan bagi menangani pembuangan sampah sarap ke laut untuk melindungi hidupan laut adalah seperti berikut:-
- (i) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Task Force bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Tugas Task Force tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca (pollution at source) yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai melalui penguatkuasaan secara bersepadu;
 - (ii) Melaksanakan pemantauan secara berkala dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berpandukan kepada Akta Jalan Parit dan bangunan 1974 terhadap kesalahan membuang sampah ke dalam sistem perparitan, sungai dan laut; dan
 - (iii) Pemasangan notis pemberitahuan dan amaran mengenai denda bagi kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil PBT mengenai kesalahan membuang sampah ke sistem perparitan, sungai dan laut.
- (c) Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang bagi mengurangkan sampah sarap memasuki laut dengan lebih efektif adalah seperti berikut:-
- (i) Pemasangan dan penyelenggaraan perangkap sampah di rumah pam dan parit-parit monsun yang diselenggara PBT dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);

- (ii) Penguatkuasaan dan pemasangan perangkap makanan, minyak dan gris di restoran dan kompleks gerai makanan;
- (iii) Pemasangan Gross Pollutant Trap bagi pasar dan kompleks makanan PBT;
- (iv) Pembersihan persisiran pantai dan/atau laut daripada sampah pada setiap hari mengikut kawasan perkhidmatan PBT;
- (v) Menyediakan kemudahan tong sampah di kawasan persisiran pantai yang menjadi tempat tumpuan orang ramai; dan
- (vi) Mengadakan Program Corporate Social Responsibility (CSR) bersama pihak sekolah, swasta dan pelbagai agensi Kerajaan dalam membersihkan pantai serta mengutip sampah sarap di sepanjang pantai bagi memastikan sampah-sampah tersebut tidak memasuki laut dan seterusnya merosakkan ekosistem laut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Sebanyak berapa banyak spesies binatang liar yang hidup di seluruh Pulau Pinang?
- (b) Sebanyak berapa banyakah binatang - binatang ltersebut diatas adalah binatang hampir pupus?
- (c) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan taraf hidup binatang liar yang hampir pupus?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Senarai spesis hidupan liar yang dilindungi termasuk di Pulau Pinang adalah tertakluk dan termaktub di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Secara amnya, hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya disenaraikan masing-masing di dalam Jadual Pertama (1) dan Jadual Kedua (2) [Akta 716]. Pada masa ini tiada kajian atau inventori hidupan liar yang dijalankan oleh Jabatan Perhilitan untuk spesis hidupan liar di Pulau Pinang.
- (b) Spesis hidupan liar yang hampir pupus di Pulau Pinang tidak dapat ditentukan memandangkan tiada kajian atau inventori hidupan liar yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhilitan di Pulau Pinang.
- (c) Polisi, rancangan dan pelan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kehidupan binatang liar yang hampir pupus adalah berasaskan kepada Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) yang menyediakan halatuju serta rangka kerja dalam memelihara sumber biodiversiti secara lestari. DKBK terkini adalah bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menekankan kepentingan kelangsungan konservasi penggunaan sumber yang konsisten serta perkongsian faedah kepelbagaian biodiversiti. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Program Pengurusan Hutan Secara Lestari yang telah menetapkan sasaran untuk memastikan bahawa sumber hutan perlu diurus berdasarkan prinsip "Pengurusan Hutan Secara Berkekalan" demi memastikan flora dan fauna yang merupakan sumber biodiversiti hutan sentiasa terpelihara. Prinsip "Pengurusan Hutan Secara Berkekalan" yang dilaksanakan akan dapat memastikan sumber biodiversiti hutan yang bernilai diurus secara lestari untuk kepentingan generasi masa hadapan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Sebanyak berapa banyak mahasiswa / mahasiswi Penang yang baru keluar daripada IPTA/IPTS tidak mempunyai pekerjaan selepas graduan?
- (b) Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk golongan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai statistik terperinci berkenaan bilangan mahasiswa/mahasiswi yang baru keluar daripada IPTA/IPTS yang tidak mempunyai pekerjaan. Namun, berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2015 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kadar 'Belum Bekerja Graduan 2015' bagi negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 20.6% (daripada keseluruhan graduan 2015)

yang merupakan negeri keempat terendah di Malaysia. Laporan bagi tahun 2016 belum dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

- (b) Bagi meningkatkan peluang pekerjaan untuk mahasiswa/mahasiswi yang baru keluar daripada IPTA/IPTS, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah strategik seperti berikut:

(i) Pembangunan Bandar Cassia

Kerajaan Negeri sedang membangunkan Bandar Cassia yang melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema, pembangunan Bandar Cassia dijangka menarik penyertaan pelabur-pelabur luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (high paying job).

(ii) Meningkatkan Pelaburan

Dalam bidang perindustrian, Penang Development Corporation (PDC) melalui penjualan tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing, telah meningkatkan nilai pelaburan kepada RM3.16 bilion dengan sasaran tawaran pekerjaan berjumlah 11,009 jawatan di pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage, Bose Systems, Classa Ind, Vitrox Tech., dan Atotech, ia telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

(iii) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (high value jobs) seperti advanced manufacturing dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.

(iv) Memperkenalkan Program Penang @CAT

Satu program baharu dinamakan "*Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)*" telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (entrepreneur). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "*Internet of Things*" (IOT).

Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi mengalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)

PTSR merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Kutipan bayaran balik pinjaman yang dibuat adalah sebanyak RM8.82 juta. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman di antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik adalah di antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Ogos 2017, sebanyak RM12.45 juta telah diagihkan kepada seramai 2,669 orang usahawan.

(ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan

berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana sehingga bulan September 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Oktober 2017, seramai 9,501 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,366 pemadanan jawatan telah dijalankan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sejauhmana pelaksanaan peraturan dan undang-undang Kerajaan Negeri dalam kawalan haiwan peliharaan di kawasan pangsapuri, flat, PPR, kondominium dan bangunan bertingkat tinggi di seluruh Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Bagi mengawal haiwan peliharaan di kawasan pangsapuri, flat, PPR, kondominium dan bangunan bertingkat tinggi di seluruh Negeri Pulau Pinang, terdapat peruntukkan undang-undang yang digunakan oleh pihak Kerajaan Negeri seperti berikut:
- (a) Mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318), pihak pengurusan kediaman mempunyai kuasa sepenuhnya serta bertanggungjawab untuk mengambil sebarang tindakan ke atas pemilik haiwan tersebut di premis bangunan bertingkat.
 - (b) Peruntukan Undang-Undang Kecil di Jadual Ketiga pada Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2015. Perenggan 14(1) Undang-Undang Kecil menyatakan dalam bangunan yang digunakan untuk tujuan kediaman atau tempat tinggal, pemilik hendaklah tidak menyimpan apa-apa haiwan tertentu dalam petaknya atau atas harta bersama yang boleh menyebabkan kerosakan atau kacau ganggu kepada pemilik lain atau yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan atau kesihatan pemilik lain atau yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang atau peraturan dan kaedah-kaedah bertulis Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan.
 - (c) Mengikut peruntukan yang sama dalam Perenggan 14(2) menyatakan pemilik yang mengingkari subperenggan 14(1) undang-undang kecil ini, hendaklah dalam masa tiga hari penerimaan suatu notis bertulis dari perbadanan pengurusan mengeluarkan haiwan tersebut dari bangunan. Jika gagal berbuat demikian, perbadanan pengurusan boleh mengambil apa-apa tindakan dianggap perlu untuk mengeluarkan haiwan itu dari bangunan dan:
 - (i) Semua kos terakru hendaklah dicaj dan dikenakan terhadap pemilik itu, dan
 - (ii) Perbadanan pengurusan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan pada harta pemilik yang secara munasabah disebabkan oleh proses mengeluarkan haiwan itu.
 - (iii) Selain itu, PBT boleh mengambil tindakan mengeluarkan notis dan kompaun dilakukan apabila aduan diterima.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Walaupun pernah dimaklumkan bahawa tidak ada rancangan khas untuk membina kediaman apartmen untuk orang perseorangan (tidak berkeluarga) termasuk pesara tunggal, memandangkan kriteria / syarat untuk dapatkan rumah mampu milik adalah khas untuk pemohon berkeluarga, bolehkah kerajaan membina apartmen mampu milik untuk orang perseorangan termasuk pesara tunggal ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Status berkeluarga tidak ditetapkan sebagai pra syarat bagi permohonan Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri. Meskipun Kerajaan Negeri beriltizam untuk menyediakan kediaman yang mencukupi bagi setiap keluarga di Pulau Pinang, pemohon-pemohon dari kalangan yang bujang

dan belum berkeluarga tidak pernah dipinggirkan. Hal ini terbukti kerana daripada 23,706 penerima tawaran sejak tahun 2008 hingga Oktober 2017, seramai 8,613 atau 36.33% terdiri daripada pemohon-pemohon bujang.

Atas alasan tersebut, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan unit-unit kediaman atau apartment yang khusus untuk pesara tunggal. Meskipun begitu, cadangan ini akan diteliti dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan permintaan pasaran.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Bagaimanakah penyertaan orang awam di seluruh negeri ini dapat menikmati program - program yang akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ketika Putera dan Puteri Wales melawati negeri kami pada bulan November ini?
- (b) Apakah langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan lawatan dijalankan dengan lancar dan teratur?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) *HRH Prince of Wales dan Duchess of Cornwall* akan mengadakan lawatan rasmi pada 6-8 November 2017 ke Negeri Pulau Pinang selepas melawat Kuala Lumpur, Negeri Perak dan Negeri Sarawak. Lawatan rasmi ini akan meliputi beberapa tempat di Negeri Pulau Pinang yang telah dikenalpasti oleh Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur seperti di Tapak Warisan Dunia George Town. Orang ramai sememangnya digalakkan untuk turut serta berada di kawasan lawatan tersebut untuk merai tetamu negara tersebut.
- (b) Mesyuarat Penyelaras Lawatan *HRH The Prince of Wales and Duchess of Cornwall* ke Negeri Pulau Pinang bersama Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur telah diadakan pada 23 Oktober 2017 bertempat di tingkat 25 KOMTAR. Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah memaklumkan bahawa langkah-langkah keselamatan dan persediaan yang dikenalpasti akan diambil tindakan oleh setiap agensi tersebut dalam memastikan soal keselamatan diutamakan bagi kelancaran lawatan rasmi *HRH Prince of Wales dan Duchess of Cornwall* di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Dari segi peruntukan, keselamatan dan fasiliti untuk sekolah - sekolah mubaligh dan sekolah jenis kebangsaan untuk kedua dua sekolah menengah dan rendah, adakah Kerajaan Negeri akan menambah lebih banyak lagi peruntukan dan bantuan untuk setiap sekolah agar sekolah - sekolah dapat mencapai taraf pendidikan antarabangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah mubaligh dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina berjumlah RM8,500,000.00 setahun dan RM1,750,000.00 setahun untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada tahun 2013 sehingga 2017.

Penambahan peruntukan kepada sekolah-sekolah ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kos buah - buahan durian semakin meningkat terutamanya tahun ini. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat, kaedah untuk memastikan bahawa rakyat Pulau Pinang menikmati durian dan buah-buahan tempatan sejak peningkatan peminat durian dari golongan pelancong asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kenaikan harga buah-buahan durian adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi dan bekalan yang terhad. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian yang bertindak selaku agensi pembimbing telah melaksanakan pelbagai program dalam meningkatkan bekalan durian Pulau Pinang melalui program-program seperti pemulihan dusun dan penanaman varieti durian premium yang dapat membantu dusun - dusun durian yang tidak produktif meningkatkan semula hasil pengeluaran. Inisiatif ini secara tidak langsung memastikan kelestarian kawasan pertanian di Pulau Pinang supaya tidak ditukar guna kepada industri lain. Peningkatan permintaan durian dari golongan pelancong asing ini juga merupakan *outcome* yang positif daripada program-program pembangunan pertanian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang secara tidak

langsung meningkatkan pendapatan petani dan pekebun durian.

Selain daripada pelbagai langkah yang diambil dalam membantu petani untuk mempertingkatkan hasil durian, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Pesta Durian yang telah pun menjadi acara tahunan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2017, Pesta Durian telah diadakan pada 20 Julai 2017 bertempat di Anjung Indah, Daerah Barat Daya. Tujuan penganjuran program ini bukan sahaja bagi mempromosikan durian Pulau Pinang, bahkan turut memberi peluang kepada penduduk Pulau Pinang untuk turut menikmati buah-buahan tempatan khasnya buah durian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Menurut satu laporan press pada 09/Oktober/2017, seorang JKR Menteri Persekutuan mengatakan bahawa laporan *Penang Undersea Tunnel* masih belum dihantar. Adakah ini benar? Siapa yang bertanggungjawab membuat laporan ini? Dan apakah status pelaksanaan projek ini buat masa sekarang?
- (b) Apakah status projek PAN Island Link dan penebusan laut Gurney Drive?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Kajian Kebolehlaksanaan bagi Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) belum dikemukakan kepada Menteri Kerja Raya kerana ia masih belum disiapkan sepenuhnya. Laporan kajian ini disediakan oleh pihak kontraktor projek iaitu Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZCSB) dan kini telah mencapai kemajuan pada 92.9%. Pada masa ini pihak CZCSB menumpukan segala sumber yang ada untuk melaksanakan Projek Jalan-Jalan Utama, iaitu Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) dan Jalan Pintasan (By-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Pakej 2). Kedua-dua projek ini sedang menunggu kelulusan EIA (Jadual Kedua) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Setelah dua projek jalan tersebut dimulakan, pihak CZCSB akan menumpukan perhatian untuk menyiapkan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut memandangkan fasa pembinaan projek ini hanya dijadualkan bermula pada tahun 2023, tertakluk kepada semua kelulusan yang diperlukan. Kedudukan perkara ini telah diperjelaskan oleh pihak CZCSB menerusi satu sesi kenyataan media pada 11 Oktober 2017.
- (b) Status Projek PAN Island Link 1 (PIL 1) dan Penebusan laut Gurney Drive adalah seperti berikut:
- (i) Projek PAN Island Link (PIL 1) kini berada di peringkat akhir penyediaan laporan terperinci Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (DEIA) dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada penghujung Disember 2017.
- (ii) Bagi Projek tebus guna laut Gurney Drive, kerja-kerja penambakan telah bermula sejak Julai 2016 dan dijangka siap pada Julai 2018. Kerja-kerja penambakan berjalan seperti yang dijadualkan di mana pada masa ini kerja-kerja pemasangan perimeter rock bunds dan geo-tubes yang akan membentuk sempadan kawasan penambakan laut sedang dijalankan.